

آئین سرداری - آیت الہ ابراہیم امینی

بیربان ملامی
رائل ڈھنگہ ۱۱.۲ - بانگلور کابلہ

Bimbingan
SUAMI ISTERI
Ke Arah
KELUARGA BAHAGIA

PROF. SHEIKH IBRAHIM AMINI



HIZBI
SHAH ALAM
1994

ISBN 983-816-013-X

Buku ini *Bimbingan Suami Isteri Ke Arah Keluarga Bahagia* ialah terjemahan yang sah daripada buku *Principles of Marriage - Family Ethics*, oleh Prof. Sheikh Ibrahim Amini dan diterbitkan oleh Islamic Propagation Organization, Tehran, Iran. Di terjemahkan oleh Alwiyah Abdurrahman dan disunting oleh Asiah Hassan dan Abu Jawad.

Cetakan Pertama 1994
© Edisi Bahasa Melayu, Hizbi 1994
Zul Qa'idah 1414H

Pengedar Tunggal:

Hizbi Sdn. Bhd.
Peti Surat 7117, 40704 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

Uruscetak oleh
Hizbi Press, Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan

KANDUNGAN

Pengantar Penerbit	vii
Pendahuluan	1
BAHAGIAN PERTAMA :	
TANGGUNG JAWAB WANITA	
Tujuan Perkahwinan	7
Menjadi Pendamping Suami	11
Mengungkapkan Rasa Cinta kepada Suami	12
Menjaga Kehormatan Suami	14
Aduan dan Keluhan	16
Berakhlak Mulia	18
Tanggapan yang Salah	21
Ringankan Beban Suami	22
Hargailah Suami Anda	24
Jangan Mencari Kelemahan	26
Jangan Tertarik kepada Orang Lain selain Suami Anda	28
Hijab Menurut Islam	30
Maafkanlah Kesalahan Suami Anda	34
Cara Menghadapi Keluarga Suami	35
Cara Memahami Tugas Suami	47
Bila Anda Harus Menetap Jauh dari Kampung Halaman Anda	40
Jika Suami Anda Bekerja di Rumah	42
Bantulah Suami Anda Untuk Maju	44
Berhati-hatilah Agar Suami Anda Tidak Salah Langkah	45

BIMBINGAN SUAMI ISTERI KE ARAH KELUARGA BAHAGIA

Wanita yang Curiga	49
Jangan Mempedulikan Fitnah	61
Kepuasan Suami bukan Kepuasan Ibu	64
Berhias dan Menjaga Kebersihan di Rumah	67
Jadilah Ibu kepada Suami	69
Jagalah Rahsia Suami	70
Terimalah Pengurusannya	71
Bersedialah Menghadapi Kesulitan	74
Jangan Menolak untuk Berbicara dan Jangan Merajuk	75
Mendiamkan Diri Bila Suami Anda Sedang Marah	77
Hobi Suami	79
Urusan Rumahtangga	80
Kebersihan	82
Rumah yang Kemas	85
Menyediakan Makanan	87
Cara Menyambut Tetamu	91
Sebagai Pemimpin dalam Rumahtangga	97
Kerjaya Wanita	99
Jangan Membuang Waktu Lapang Anda	102
Tanggung Jawab Sebagai Ibu (Menjaga Anak-Anak)	105
1. Hasil Perkahwinan	105
2. Mendidik Anak	106
3. Pemakanan dan Kesihatan	108

BAHAGIAN KEDUA : TANGGUNG JAWAB LELAKI

Pemimpin Keluarga	113
Menjaga Isteri	114
Cintailah Isteri Anda	114
Hormatilah Isteri Anda	117
Bersikap Baik Terhadap Isteri Anda	118
Keluhan yang Tidak Perlu	125
Bertengkar	126
Tenangkanlah Isteri Anda dan Bersimpatilah Kepadanya	128

KANDUNGAN

Jangan Mencari-cari Kesalahan Isteri Anda	129
Jangan Mengambil Perhatian Ke atas Pembicaraan Orang-orang yang Suka Mengecam dan Memfitnah	132
Maafkanlah Kesalahan-kesalahan Isteri Anda	137
Sikap Penuh Perhatian	144
Hak Suami dalam Hal Disiplin	148
Lelaki yang Mudah Curiga	152
Wanita yang Tidak Setia	159
Jangan Memburu Wanita Lain	161
Berterima Kasihlah kepada Isteri Anda	164
Bersih di Rumah	166
Rawatlah Isteri Anda	168
Soal Kewangan Keluarga	170
Hulurkan Bantuan Anda dalam Pekerjaan Rumah Tangga	173
Segeralah Pulang, Isteri Anda Sedang Menanti	174
Jadilah Suami yang Setia	175
Pendidikan dan Latihan	177
Mempunyai Anak	179
Kehamilan dan Kelahiran	187
Membantu dalam Membesarkan Anak	190
Rintangan Utama dalam Mengatasi Perbezaan Pendapat	191
Soal Perceraian	193
SUMBER RUJUKAN	203

BIMBINGAN SUAMI ISTERI KE ARAH KELUARGA BAHAGIA

PENGANTAR PENERBIT

Alhamdulillah Rabil alamin. Selawat dan Salam ke atas Penghulu Para Rasul Abul Qasim, Muhammad (s.'a.a.w.) dan keluarganya.

Sesebuah masyarakat terdiri dari berbagai kelompok keluarga. Tiap-tiap keluarga pula mempunyai caranya dalam mengharungi kehidupan. Islam satu-satunya agama yang mempunyai satu sistem kehidupan mengambil berat akan kepentingan kehidupan yang dinikmati, dalam membentuk, keluarga yang berakhlak, berpendidikan dengan adab sopan untuk menjadikan sesebuah keluarga itu bahagia seterusnya sebuah masyarakat aman makmur.

Dalam semua aktiviti kehidupan manusia, Islam telah meletakkan asas yang kukuh lagi jelas akan setiap tanggung jawab dan hak-hak wanita dan laki-laki, suami dan isteri, ibu bapa dan anak-anak. Jika tanggungjawab dan hak-hak ini di hayati dan dihormati, kehidupan berumah tangga akan dinikmati dengan penuh kasih sayang, aman bahagia, saling bantu-membantu dan lebih dari itu, ini merupakan suatu tanda akan kebesaran dan limpah rahmat Allah (s.w.t.), ke atas hambanya.

Tetapi apabila kurangnya menghargai atau mengambil berat aspek tersebut terutama suami dan isteri, boleh mengakibatkan banyak masalah yang timbul ke atas mereka lebih-lebih lagi kepada anak-anak generasi akan datang.

Di negara Barat, sistem berkeluarga ini semakin hari semakin merosot. Walaupun Barat terkenal dengan negara yang serba maju, canggih, berteknologi tinggi dan cara hidup yang ultra moden tetapi kadar penceraian, perpisahan, *single parent*, jenayah dan penderaan kanak-kanak adalah amat membimbangkan. Perkara ini telah

menular dalam masyarakat timur terutama di Malaysia melalui akhbar-akhbar, TV, video dan alat-alat sebaran am yang dipengaruhi dibawah telunjuk Amerika dan Zionis antarabangsa.

Dalam menilai akan tanggungjawab dan kepentingan perkara ini, pihak penerbit mengambil inisiatif menerbitkan buku ini yang di karang oleh seorang tokoh agama yang terkenal lagi alim, Profesor di dalam perundangan Islam di Pusat Teologi Islam Qom Iran, Prof. Sheikh Ibrahim Amini.

Di harapkan semoga dengan terbitnya buku ini di dalam bahasa Melayu akan dapat di manfaatkan sebanyak mungkin oleh para pembaca, mahupun yang baru hendak menjejakan kaki ke pintu gerbang perkahwinan atau sudah mendirikan rumahtangga, dalam membentuk dan menjadikan rumahtangga yang bahagia dan mendapat rahmat dan keredhaan daripada Allah (s.w.t.)

Wassalam.

Abu Jawad
Syawal 1414, Shah Alam.

PENDAHULUAN

Hasrat terbesar para remaja ketika mencapai usia dewasa adalah keperluan untuk berkahwin. Dengan wujudnya ikatan perkahwinan, mereka akan lebih berdikari disamping memiliki pasangan yang baik dan dapat dipercayai. Bagi mereka perkahwinan adalah merupakan permulaan bagi kehidupan yang bahagia dan sejahtera.

Lelaki dan perempuan diciptakan untuk saling memerlukan antara satu sama lain. Perkahwinan dan perwujudan perkongsian hidup adalah merupakan hasrat fitrah yang berkait erat dengan naluri manusia. Perkara ini merupakan salah satu rahmat terbesar dari Allah. Pada kenyataannya, dimanakah tempat perlindungan yang lebih baik yang dapat ditemui oleh golongan muda selain dari kehidupan berkeluarga yang baik? Keinginan untuk berkeluarga ini dapat menghindarkan golongan muda dari kehidupan liar, angan-angan dan segala keresahan batin. Perkahwinan dapat menemukan mereka pasangan hidup yang baik dan setia yang mahu berkongsi rasadalam masa susah dan sulit. Ikatan perkahwinan ibarat tali Allah yang menghubungkan dua hati, menenangkan mereka ketika dalam keresahan dan mendorong mereka kepada satu matlamat yang dicita-citakan. Rumah adalah pusat cinta, kasih sayang, persahabatan, malah tempat yang paling sesuai untuk beristirahat, untuk membina kehidupan yang sejahtera. Allah (s.w.t.), berfirman tentang kerahmatan ini dalam kitab suci al-Qur'an, surah ar-Rum ayat 21:

"Dan di antara tanda-tanda kekuasaanNya ialah Dia menciptakan untukmu isteri-isteri dari jenismu sendiri supaya kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya. Dan

dijadikanNya di antaramu rasa kasih sayang. Sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat tanda-tanda bagi kaum yang berfikir (khilal-bab)."

Rasulullah (s.'a.a.w.), bersabda: "Seorang lelaki yang tidak berkahwin walaupun dia kaya, sesungguhnya dia miskin dan berkehendakkan. Demikian juga halnya dengan wanita."

Imam Ja'far al-Sadiq ('a.s.) bertanya kepada seorang lelaki: "Adakah kamu sudah bernikah?". Lelaki itu menjawab: "Belum". Imam lalu berkata, "Aku tidak suka berada dalam keadaan tidak bernikah, walaupun hanya semalam dan walaupun memiliki seluruh isi dunia ini."

Rasulullah (s.'a.a.w.) juga pernah bersabda: "Tidak ada suatu institusi yang diciptakan dalam Islam yang disukai Allah seperti institusi perkahwinan."

Meskipun Allah (s.w.t.), Yang Maha Pengasih, telah mengurniakan kepada manusia kerahmatan yang begitu berharga, tetapi mereka malah tidak menghargainya dan kadang-kadang disebabkan kejahilan dan sifat mementingkan diri (ego), mengubah ikatan perkahwinan yang penuh berkat ini menjadi penjara yang gelap atau bahkan Neraka yang menyala! Kerana kejahilan/kelalaian manusia inilah, anggota keluarga terpaksa hidup menderita atau ikatan perkahwinan yang suci terpaksa diakhiri dengan perceraian.

Jika pasangan itu sedar akan tanggungjawab masing-masing dan melaksanakan sesuai dengan kemampuannya, maka rumahtangga akan menjadi tempat bagi menjalin persahabatan, kasih sayang yang menyerupai syurga. Tetapi apabila wujud pergeseran di dalam keluarga, rumahtangga akan dapat berubah menjadi penjara. Pergeseran yang timbul dalam keluarga disebabkan oleh beberapa faktor, seperti ekonomi, latarbelakang keluarga dari pihak suami mahupun isteri, persekitaran tempat tinggal, campurtangan dari ayah, ibu dan anggota keluarga lainnya, serta puluhan sebab lain. Tetapi menurut penulis, faktor utama ialah kejahilan atau kelalaian suami dan isteri terhadap tugas atau tanggungjawab masing-masing dan kurangnya persediaan dalam

memasuki gerbang perkahwinan. Umumnya, untuk melaksanakan suatu tugas dengan jayanya, kemantapan dan persediaan merupakan syarat utama. Jika seseorang kurang pengetahuan yang diperlukan dan kurang bersedia, maka cita-cita yang diimpikan tidak akan tercapai. Oleh itu kelas-kelas pengajian diadakan untuk memberi pendidikan kepada pemuda-pemudi dalam pelbagai bidang.

Kemantapan, berpengetahuan dan persiapan diperlukan dalam perkahwinan. Misalnya seorang teruna harus memiliki maklumat yang cukup mengenai nilai-nilai dan prinsip isterinya serta kehendak batinnya. Ia juga harus mengetahui tentang permasalahan dalam perkahwinan dan cara-cara mengatasinya. Ia tidak boleh menganggap perkahwinan sama dengan membeli barang atau menggaji seorang pelayan. Ia harus memahaminya sebagai suatu ikatan dalam persahabatan, kejujuran, amanah, berpasangan dan perkongsian dalam suatu ikatan kehidupan berkeluarga. Seorang gadis juga harus mengetahui falsafah hidup dan cita-cita suaminya. Ia tidak boleh menganggap perkahwinan sama dengan mengupah seorang pembantu untuk memenuhi keperluan-keperluannya tanpa sebarang syarat. Tetapi ia harus menganggapnya sebagai suatu perjanjian dalam perkongsian dan bekerjasama dalam usaha menerajui kehidupan baru. Untuk mencapai kejayaan dalam kehidupan bersama, harus ada saling persefahaman, kerjasama, kesetiaan dan kasih sayang.

Walaupun masa depan kaum golongan muda sangat bergantung pada perkahwinan yang memerlukan kesedaran akan pentingnya konsep-perkahwinan dan persediaan bagi memikul tanggungjawab itu, malangnya masyarakat kita tidak mengendahkan (menitikberatkan) kepentingan syarat-syarat ini.

Para ibubapa lebih memberi penumpuan dalam hal-hal seperti maskahwin (mahar), kecantikan dan keperibadian. Bagaimanapun mereka tidak menghiraukan tentang persediaan anak-anaknya dalam membangun kehidupan berumahtangga sebagai suatu syarat penting. Mereka mengahwinkan anak-anak perempuan dan lelaki mereka tanpa membekal pengetahuan yang cukup tentang kehidupan berumahtangga.

Akhirnya apabila dua orang (perempuan dan lelaki) yang tidak berpengalaman ini melangkah ke alam kehidupan baru, mereka akan menghadapi banyak masalah. Maka akan tercetuslah perbezaan pendapat, pertengkaran dan perdebatan. Kemudian ibubapa kedua-dua belah pihak turut campurtangan membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh mereka. Tetapi seringkali berlaku apabila kedua orang tua campurtangan, keadaan menjadi bertambah buruk kerana sikap berat sebelah dan perbezaan yang digembargemburkan.

Biasanya pada tahun-tahun permulaan kehidupan berumah tangga merupakan saat yang paling bersejarah dan genting. Pada masa inilah sering berlakunya perceraian dan perpisahan. Sebahagian mereka tetap bertahan perkahwinan ini dan memilih "penjara yang mereka ciptakan" sendiri untuk bercerai. Sementara itu sebahagian yang lain cuba dapat memahami pasangan masing-masing dan memperbaiki gelombang perkahwinan.

Bayangkan betapa baiknya jika ada cara pendidikan dan pengajaran bagi para belia mengenai asas perkahwinan dalam bentuk kelas yang diberi nama "Persediaan Perkahwinan" yang akan menyediakan mereka dalam membangunkan rumahtangga mereka sendiri. Kami berharap di suatu masa kelak program seperti itu akan dapat dilaksanakan.

Buku ini diterbitkan berdasarkan keperluan-keperluan tersebut. Bahan sumber kami adalah dari al-Qur'an, Sunnah Nabi (s. 'a.a.w.), dan para Imam serta data statistik umum serta pengalaman peribadi saya sendiri.

Walaupun beberapa panduan khusus diberikan dalam mewujudkan perkahwinan yang bahagia, tetapi tidak semestinya semua masalah keluarga dapat diselesaikan hanya dengan membaca buku ini. Diharapkan buku ini dapat memberikan pandangan dan kesedaran kepada mereka yang menghadapi masalah dalam keluarga dan perkahwinan. Diharapkan kepada mereka yang bertanggungjawab dan sedar akan kepentingan persoalan ini dapat mengambil langkah-langkah serius bagi membantu mereka yang mengalami penderitaan akibat dari masalah kemerosotan hubungan

PENDAHULUAN

dan konflik keluarga, Insya'Allah.

Buku ini dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama berkaitan dengan tanggungjawab isteri terhadap suaminya dan bahagian kedua meliputi tanggungjawab suami terhadap isterinya. Tetapi, kami cadang supaya pihak lelaki dan perempuan membaca kedua-dua bahagian tersebut agar kedua-dua pihak memperoleh pengetahuan yang lebih baik berkaitan dengan setiap permasalahan yang muncul. Dengan hanya membaca satu bahagian sahaja, mungkin akan timbul ketidakadilan dalam menangani antara bahagian yang satu dengan bahagian yang lain. Namun perlu kiranya disedari pula bahawa dengan membaca kedua-dua bahagian ini, akan melahirkan tanggungjawab bersama dan kerukunan rumahtangga.

Prof. Sheikh Ibrahim Amini
Qom, Julai 1975

BIMBINGAN SUAMI ISTERI KE ARAH KELUARGA BAHAGIA

Bahagian Pertama

TANGGUNGJAWAB WANITA

Tujuan Perkahwinan

Perkahwinan merupakan keperluan fitrah setiap manusia, yang memberikan banyak faedah yang penting. Di antaranya ialah:

- 1) Pembentukan sebuah keluarga yang di dalamnya seseorang dapat menemukan keselamatan dan, kedamaian fikiran. Orang yang tidak kahwin bagaikan seekor burung tanpa sarang. Perkahwinan merupakan perlindungan bagi seseorang yang merasa seolah-olah hanyut dalam arus kehidupan; melalui perkahwinan seseorang itu dapat bertemu pasangan hidup yang akan berkongsi dalam kesenangan dan penderitaan.
- 2) Keperluan seksual merupakan keinginan yang kuat dan juga penting. Setiap orang harus mempunyai pasangan untuk memenuhi keperluan seksualnya dalam lingkungan yang aman dan tenang. Orang itu harus menikmati kepuasan seksualnya dengan cara yang betul dan wajar. Mereka yang tidak mahu berkahwin seringkali menderita dari segi fizikal dan psikologi. Masalah seperti itu dan juga permasalahan sosial tertentu merupakan akibat langsung dari penolakan golongan muda terhadap perkahwinan.
- 3) Pemeliharaan Keturunan. Melalui perkahwinan, manusia akan berkembangbiak. Anak-anak adalah hasil perkahwinan dan merupakan faktor penting dalam memantapkan asas keluarga dan juga merupakan sumber kebahagiaan sejati bagi kedua

ibubapa.

Di dalam al-Qur'an dan Sunnah, diberikan penekanan tentang perkahwinan dan anak-anak Allah s.w.t. berfirman dalam al-Qur'an: yang maksudnya:

"Dan di antara tanda-tanda kekuasaannya ialah Dia menciptakan untukmu isteri-isteri dari jenismu sendiri."

[Surah 30: 21]

Rasulullah (s.'a.a.w.), bersabda: "Tidak ada suatu struktur binaan yang lebih baik di dalam Islam selain dari perkahwinan."

Imam Ali ('a.s.), menyatakan: "Kahwinlah kerana ini merupakan Sunnah Nabi (s.'a.a.w.).

Rasulullah (s.'a.a.w.) bersabda: "Barangsiapa memilih untuk mengikut Sunnahku, maka ia harus kahwin dan melahirkan anak-anak (meningkatkan jumlah umat Islam), supaya pada Hari Kebangkitan nanti aku dapat berbangga dengan jumlah umatku yang ramai, berbanding dengan umat lain.

Imam Ridha ('a.s.), menyatakan: "Milik seorang lelaki yang paling berharga adalah isteri yang setia bila ia melihatnya ia merasa senang dan menjaga hartanya (harta suami) serta kehormatannya sendiri ketika suaminya sedang pergi.

Apa yang kita bincangkan setakat ini hanya dari segi duniawi dan sifat kebinatangan dalam perkahwinan, yang juga dilakukan oleh haiwan: keuntungan dalam kebersamaan dan pembiakan. Tujuan perkahwinan yang sebenar bagi manusia adalah berbeza. Kehadiran manusia di dunia bukan semata-mata untuk makan minum, tidur, mencari kesenangan atau bertindak mengikut nafsu dan kemudian mati dan dibinasakan. Status manusia lebih tinggi daripada itu. Manusia diharuskan melatih diri dan jiwa mereka dengan jalan mencari ilmu, melakukan perbuatan-perbuatan yang baik dan berakhlak mulia. Manusia diharuskan mengikut jalan yang lurus bagi mendekatkan diri kepada Allah (s.w.t.) Manusia adalah suatu ciptaan yang mampu membersihkan jiwa dengan jalan

menghindari perbuatan-perbuatan buruk dan melatih diri berkelakuan baik sehingga dapat mencapai tingkat yang mana tidak mampu dicapai oleh malaikat. Manusia adalah ciptaan abadi. Manusia telah datang ke dunia dan melalui bimbingan para rasul dan melaksanakan ajaran-ajaran yang ditetapkan Islam, untuk memelihara kebahagiaannya di dunia dan akhirat - dengan itu ia dapat hidup dengan sejahtera di akhirat yang abadi.

Kerana itu tujuan perkahwinan harus dicari dalam konteks spiritual. Tujuan sebuah perkahwinan bagi orang yang beriman harus merupakan suatu cara untuk menghindarkan diri dari perbuatan buruk dan menjauhkan diri dari dosa untuk mendekatkan diri dengan Allah (s.w.t.). Dalam konteks inilah pasangan yang baik dan sesuai memainkan peranan penting.

Bila dua orang beriman, melalui perkahwinan, membentuk sebuah keluarga maka hubungan seksual mereka pun akan memberikan keuntungan dalam memperkuat rasa saling mencintai dan menyayangi yang ada dalam diri mereka. Bagi pasangan yang demikian itu tidak akan timbul bahaya yang mengancam dalam hal penyelewengan seksual, ketagihan yang membahayakan ataupun perbuatan yang diharamkan. Rasulullah (s. 'a.a.w.) dan semua Imam ('a.s.) telah memberikan penekanan yang kuat kepada institusi perkahwinan.

Rasulullah s. 'a.a.w. bersabda: "Barangsiapa yang melaksanakan perkahwinan, ia telah melindungi setengah dari agamanya."

Imam Ja'far Sadiq ('a.s.), mengatakan: "Solat dua rakaat yang dilakukan oleh orang yang berkeluarga (sudah berkahwin) lebih baik daripada tujuh puluh rakaat yang dilakukan oleh orang bujang."

Pasangan yang setia, taat kepada agama dan memiliki kehidupan yang bahagia memainkan peranan penting dalam kehidupan yang jujur dan terhormat. Sesungguhnya mempunyai pasangan yang demikian itu merupakan faktor penting bagi menghindari perbuatan yang tidak baik dan membuat seseorang mampu melakukan kewajipan kepada Allah (s.w.t). Pasangan yang taat kepada Allah bukan sahaja tidak akan menemui rintangan dalam mencapai tujuan agama, tetapi juga akan menjadi sumber pendorong bagi pasangan

masing-masing.

Apakah mungkin bagi seorang yang beriman kepada Allah untuk berjihad dengan penuh semangat di jalan Allah tanpa mendapat izin dari isterinya? Apakah mungkin bagi seorang yang beriman kepada Allah untuk mencari nafkah secara halal, mempelajari semua soal-soal keagamaan, membayar zakat dan bersedekah tanpa persetujuan isterinya?

Orang yang beriman kepada Allah akan mengajak isterinya kepada kebaikan, seperti juga orang yang sering melakukan kejahatan akan menggoda pasangannya untuk melakukan kejahatan. Kerana itu menurut Islam adalah penting bagi lelaki dan wanita yang ingin berkahwin mencari pasangan yang mempunyai akhlak dan budi pekerti yang mulia sebagai syarat yang penting.

Nabi Muhammad (s. 'a. a. w) bersabda: "Jika aku dapat memberikan semua sifat baik di dunia dan akhirat kepada seorang Muslim, maka akan kuberikan kepadanya hati yang rendah, lidah yang sentiasa berzikir kepada Allah (s. w. t.), tubuh yang cukup untuk menahan segala bencana dan akan kuberikan kepadanya pasangan yang taat kepada Allah yang bila ia melihatnya akan merasa bahagia dan melindungi hartanya serta kehormatan dirinya ketika suaminya tiada di rumah.

Pada suatu ketika seseorang datang kepada Rasulullah (s. 'a. a. w.) dan berkata: "Aku mempunyai seorang isteri yang selalu menyambutku bila aku pulang ke rumah dan menghantarku sampai ke pintu bila aku pergi. Bila mendapati aku bersedih ia menghiburku dengan mengatakan: "Jika kau memikirkan tentang rezeki, jangan bimbang kerana Allah adalah pemberi rezeki, dan jika kau memikirkan tentang kehidupan yang akan datang, maka semoga Allah meluaskan fikiran dan usahamu." Kemudian Rasulullah bersabda: "Sesungguhnya Allah mempunyai utusan dan wakil-wakil di dunia ini dan isterimu adalah salah seorang di antaranya. Wanita yang demikian itu adalah diberi ganjaran setengah dari ganjaran orang-orang yang mati syahid."

Imam Ali ('a. s.) juga mengatakan perkara yang sama semasa beliau bercerita tentang Siti Fatimah al-Zahra ('a. s.). Beliau

mengatakan bahawa ia adalah pendorong utama dalam mentaati Allah. Sejarah memberitahu kita: Pada suatu hari Rasulullah (s. 'a. a. w.) datang ke rumah Imam Ali ('a. s.) dan Siti Fatimah seusia perkahwinan mereka untuk memberikan ucapan tahniah dan melihat keadaan mereka. Beliau bertanya kepada Imam Ali ('a. s.): "Bagaimana kau melihat pasanganmu?" Imam Ali ('a. s.), menjawab: "Aku mendapat al-Zahra sebagai pendorong yang terbaik dalam menyembah Allah Ta'ala." Kemudian Rasulullah menanyakan hal yang sama kepada al-Zahra ('a. s.) dan ia menjawab: "Dia adalah suami yang terbaik."

Dalam satu kalimat, Imam Ali ('a. s.), telah memperkenalkan wanita yang terbaik dalam Islam dan sekaligus menunjukkan tujuan sebenar perkahwinan.

Menjadi Pendamping Suami

Tugas isteri adalah menjaga dan mengurus keperluan suami. Ia bukanlah suatu pekerjaan yang mudah. Wanita yang tidak menyedari tentang tanggungjawab ini akan menemui kesulitan dalam melaksanakan tugasnya. Bagi seorang wanita yang sedar, tugas mengurus suami memerlukan sedikit kebijaksanaan, cara (style) dan pintar. Untuk menjadi seorang isteri yang berjaya, seorang wanita harus mampu merebut hati suaminya dan menjadi sumber penghibur baginya. Ia harus mendorong suaminya untuk melakukan perbuatan-perbuatan yang baik dan menghindarkannya dari perbuatan dosa. Ia juga harus menyediakan langkah-langkah (*measures*) yang cukup untuk memelihara kesihatan dan kesejahteraan suaminya. Hasil dari usaha-usahanya tadi akan mendorong seorang lelaki menjadi suami yang baik dan terhormat yang dapat menjadi pelindung keluarga serta menjadi seorang ayah yang membimbing dan dihormati oleh anak-anaknya. Allah yang Maha Mengetahui telah mengurniakan kepada wanita kekuatan yang luar biasa. Kemakmuran, kebahagiaan dan juga penderitaan keluarga, semua terletak di tangannya.

Seorang wanita dapat mengubah rumahnya menjadi syurga yang agung atau neraka yang menyala. Ia dapat mendorong suami

ke puncak kejayaan atau menjerumuskannya kepada kecelakaan. Seorang wanita dengan kualiti yang dikurniakan oleh Allah kepadanya, yang sedar akan peranannya sebagai isteri dapat meningkatkan kedudukan suaminya sebagai orang yang terhormat, sekalipun suaminya adalah lelaki yang berkedudukan paling rendah.

Seorang ulama' terkenal menulis: "Wanita memiliki kekuatan yang anih iaitu mereka mampu memperolehi sesuatu yang mereka kehendaki." Dalam Islam, menguruskan hal suami mempunyai kedudukan yang penting. Tugas ini disamakan dengan jihad (perang suci di jalan Allah). Imam Ali ('a.s.) menyatakan: "Jihad seorang wanita adalah mengurus suaminya dengan baik." Bila kita mempertimbangkan bahawa jihad adalah perjuangan dan perang suci di jalan Allah termasuk juga pengembangan dan penghormatan terhadap Islam membela daerah kekuasaan Islam dan pelaksanaan keadilan sosial, maka hal ini merupakan salah satu perbuatan ketaatan yang paling tinggi kepada Allah. Nilai dari pelaksanaan tugas-tugas seorang isteri yang baik juga diganjar dengan jihad.

Rasulullah (s.'a.a.w.) bersabda: "Bila seorang wanita meninggal dunia dan suaminya dalam keadaan senang kepadanya, maka ia masuk syurga."

Rasulullah (s.'a.a.w.) bersabda: "Bila seorang wanita tidak melakukan tugasnya sebagai isteri, dia belum menjalankan tugasnya terhadap Allah."

Mengungkapkan Rasa Cinta Kepada Suami

Semua orang haus akan persahabatan dan kebaikan hati. Mereka semua ingin dicintai oleh orang lain.

Hati manusia menginginkan yang demikian. Seseorang yang tidak dicintai oleh orang lain merasa dirinya kesepian dan terpencil. Wahai kaum wanita! Suami anda pun demikian. Dia juga memerlukan cinta dan kasih sayang. Sebelum kahwin, cinta dan kasih sayang orang tuanya telah memenuhi keperluan ini, tetapi kini dia mengharapkan andalah yang memenuhinya. Lelaki mencari isteri untuk mendapatkan cinta dan persahabatan yang merupakan keperluan manusia. Ia bekerja keras untuk mencari nafkah dan

menyenangkan anda. Dia berkongsi segala kesulitan hidup dengan anda. Pasangan sejati anda lebih memikirkan tentang kebahagiaan anda daripada orang tua anda. Maka tunjukkanlah penghargaan anda kepadanya dan cintailah dia, dia akan mencintai anda. Cinta adalah hubungan dua arah yang mempersatukan dua hati.

Seorang pemuda berusia 20 tahun yang datang ke Tehran untuk belajar di universiti, jatuh cinta dengan seorang janda berumur 39 tahun yang menjadi tuan rumahnya. Hal ini disebabkan wanita tadi telah mengisi tempat ibunya yang kosong di hatinya dengan kasih sayangnya.

Bila cinta terjadi secara timbal balik, asas perkahwinan menjadi kukuh dan perpisahan pun dapat dihindarkan. Jangan terlalu merasa bahawa suami anda jatuh cinta kepada anda pada pandangan pertama, kerana cinta yang demikian itu tidak kekal. Cinta abadi terjadi kerana kebaikan hati dan kasih sayang yang tetap dalam bentuk persahabatan yang akrab.

Bila anda mencintai suami anda dan bersahabat dengannya, maka ia akan bahagia dan mahu berjuang dan mengorbankan dirinya demi kesejahteraan anda. Seorang lelaki yang merasakan cinta isterinya, jarang menghadapi masalah kesihatan atau kejiwaan.

Bila seorang lelaki tidak mendapatkan cinta dan persahabatan yang hangat dari pasangannya, ia dapat menjadi merasa (rendah diri) dan malas untuk pulang. Mungkin ia akan menghabiskan sebahagian besar waktunya di luar rumah untuk mencari kawan dan perhatian. Mungkin ia berkata pada dirinya sendiri: "Mengapa aku harus bekerja untuk orang yang tidak menyukaiku. Lebih baik aku bersenang-senang sendiri dan berusaha mendapatkan teman yang sejati."

Ada kemungkinan seorang wanita mencintai suaminya tetapi jarang menunjukkan rasa cintanya itu. Adalah tidak cukup dengan hanya memantapkan tali persahabatan dan menggunakannya. Sesekali ucapan seperti "aku mencintaimu", "aku merinduimu", "aku senang berjumpa denganmu", sangat membantu dan mewujudkan persahabatan yang baik. Ketika suami sedang dalam perjalanan, isteri sebaiknya menulis surat bahawa ia merindukan suaminya.

Bila ada telefon di tempat kerja suami, isteri dapat menelefonnya tetapi tidak selalu. Isteri sebaiknya memberikan pujian terhadap suaminya di hadapan teman-teman dan keluarga apabila ia tidak berada di tempat itu dan membelanya bila seseorang berbicara sesuatu yang tidak baik mengenai dia.

Allah (s.w.t.) berfirman mengenai ikatan cinta dan kasih sayang ini dalam al-Qur'an yang maksudnya:

"Dan di antara tanda-tandaNya ialah dia menciptakan untukmu isteri-isteri dari jenismu, cupaya kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya, dan dijadikanNya di antaramu rasa kasih dan sayang. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda bagi kaum yang berfikir."

[Surah 30:21]

Imam Ridha ('a.s.) menyatakan: "Wanita yang menunjukkan rasa cinta dan kasih sayangnya merupakan rahmat bagi suaminya."

Rasulullah (s.'a.a.w.) bersabda: "Wanita yang terbaik di antara kamu adalah yang memiliki cinta dan kasih sayang."

Imam Ja'far Sadiq ('a.s.) mengatakan: "Bila kamu mencintai seseorang, biarkan ia mengetahuinya."

Menjaga Kehormatan Suami

Keinginan untuk dihormati adalah sesuatu yang wajar tetapi tidak semua orang mampu memberikannya. Suami anda berinteraksi dengan ramai orang sepanjang hari. Mungkin ada di antara mereka itu yang tidak berlaku sopan dan menyinggung perasaan hingga membuatnya kecewa. Sebagai isterinya, anda diharapkan supaya menghormati dan sebagai pendorong di rumah hingga ia merasa dirinya disanjung.

Menghormati dan menghargai suami tidak akan merendahkan nilai diri anda, sebaliknya ia akan memberikan semangat dan dorongan untuk berjuang demi mencapai kehidupan yang lebih baik. Anda harus selalu menyambutnya dan dengan sambutan anda

itu ia akan merasa dirinya dihormati. Jangan mengganggunya bila dia sedang bercakap. Bila berbicara kepadanya, berlakulah sopan dan penuh hormat dan jangan berteriak kepadanya. Biarkanlah ia masuk terlebih dahulu bila anda berdua menghadiri sesuatu majlis, misalnya. Beritahukanlah kepada anak-anak agar menghormatinya dan marahilah mereka bila berlaku tidak sopan kepadanya. Hormatilah ia di hadapan para tamu dan perhatikanlah keperluan-keperluannya seperti tetamu lain.

Apabila suami pulang ke rumah, anda harus berusaha untuk menyambutnya dengan senyuman dan air muka yang gembira. Hal yang kecil ini mempunyai pengaruh besar dalam mengurangkan kepenatan suami. Mungkin setengah wanita menganggap perbuatan ini agak aneh. Sikap begini mestilah dijauhi kerana suami bekerja keras demi kesejahteraan keluarganya dan seharusnya beliau menerima penghormatan dan sambutan ketika tiba di rumah. Sambutan pertama itu memberikan pengaruh besar dan apa yang baik untuk tamu baik pula untuk anggota keluarga.

Rasulullah (s. 'a.a.w.) bersabda: "Tugas seorang wanita adalah membukakan pintu dan menyambut suaminya."

Imam Ja'far Sadiq ('a.s.) mengatakan: "Seorang wanita yang menghormati suaminya dan tidak menyusahkannya akan beruntung dan diberkati."

Rasulullah (s. 'a.a.w.) juga bersabda: "Seorang isteri bertugas untuk menyediakan bekas air dan tuala untuk membasuh tangan suaminya."

Berhati-hatilah agar tidak menghinanya, jangan berkata kasar kepadanya, jangan menyakitinya, jangan mengabaikannya dan jangan memanggilnya dengan gelaran yang tidak baik. Bila anda menyerangnya, ia pun lalu akan menyakiti anda. Akhirnya rasa cinta dan percaya akan hilang. Akibatnya anda akan sering berkelahi dan berdebat yang akan membawa kepada perceraian. Bahkan jika anda memilih untuk terus hidup bersamanya, kehidupan anda berdua akan penuh dengan pergaduhan. Perasaan bermusuhan dan gangguan kejiwaan dapat berkembang terus hingga ke suatu titik yang dapat membahayakan kehidupan pasangan tersebut yang boleh

membawa kepada perbuatan jenayah. Berikut adalah salah satu contoh mengenai permasalahan tersebut di atas:

“Seorang lelaki berusia 22 tahun menikam isterinya berumur 19 tahun hingga mati setelah si isteri menyakiti hatinya. Di mahkamah beliau bercerita: “Saya berkahwin dengan wanita ini setahun yang lalu. Pada mulanya isteri saya sangat mencintai saya, tetapi tidak lama kemudian mulai berubah dan menghina saya. Beliau selalu menggunakan kata-kata kesat kepada saya dan selalu mentertawakan saya kerana hal yang remeh. Kerana mata saya juling, isteri saya pun selalu memanggil saya dengan sebutan “kaldai buta”. Pada suatu hari, ia memanggil saya dengan sebutan “kaldai buta”, dan saya menjadi sangat marah sehingga saya menikamnya sebanyak lima belas kali dengan pisau.”

“Seorang lelaki berusia 71 tahun telah membunuh isterinya menerangkan: “Tiba-tiba sikapnya terhadap saya berubah dan dia mulai mengabaikan tanggungjawabnya terhadap saya. Pernah beliau menggelar saya sebagai “lelaki yang tidak bertimbangrasi” Saya sedar bahawa ia tidak mencintai saya lagi. Saya menjadi mencurigainya dan menetaknya dua kali dengan kapak.”

Aduan dan Keluhan

Tidak ada seorang pun yang tidak menghadapi masalah dan keluhan dalam menjalani kehidupan sehari-hari. Semua orang ingin mempunyai teman yang penuh boleh menjadi tempat ia mengadu dan mendengar masalahnya. Tetapi satu perkara yang diingat ialah “terdapat masa dan tempat bagi semua perkara.” Seseorang itu harus menyedari waktu dan tempat yang sesuai untuk mengadu. Ada wanita yang tidak menyedari hakikat ini dan hanya mementingkandiri. Beliau tidak sedar suaminya sedang dalam keadaan letih setelah bekerja sepanjang hari. Beliau bukannya menunggu satu atau dua jam agar suaminya segar kembali, sebaliknya ia menyerang suaminya dengan berbagai keluhan. Sebagai contoh, si isteri mungkin berkata:

“Kau meninggalkan aku dengan anak-anak yang nakal ini. Ahmad memecahkan gelas di muka pintu ruang depan, anak perempuan kita berkelahi, rasanya aku akan menjadi gila dengan suara anak-anak di luar. Hasan tidak mahu belajar langsung dan beliau mendapat keputusan yang teruk. Aku telah bekerja keras hari ini. Aku letih sekali. Tidak ada seorang pun mahu memahami perasaanku! Anak-anak ini tidak mahu langsung membantu urusan rumahtangga. Kalau begini lebih baik aku tak mempunyai anak seorang pun! Adik perempuanmu datang hari ini membantuku. Aku tak tahu apa yang terjadi dengannya. Dia berkelakuan

seolah-olah aku telah mengambil harta peninggalan ayahnya. Semoga Tuhan menyelamatkan aku dari ibumu! Ia telah memburuk-burukkan aku di belakangku. Aku sudah bosan dengan mereka semua. Selain itu jariku terhiris dengan pisau tadi.

Menyesal aku pergi ke majlis perkahwinan Muhammad. Pasti kau melihat isteri Rashid. Betapa cantiknya! Seharusnya Allah menganugerahkan nasib yang sama kepadaku! Memang ada lelaki-yang begitu mencintai isterinya. Mereka membelikan isterinya barang-barang yang indah. Mereka adalah suami yang sejati. Ketika Rashid masuk, semua orang menghormatinya. Memang benar orang hanya tertarik kepada pakaian luarnya sahaja. Apa saja yang dimilikinya tidak ku miliki. Mengapa ia mempamerkan di hadapanku? Oh ya, ia beruntung mempunyai suami yang mencintainya, tidak seperti engkau!

Aku tidak tahan lagi tinggal di rumah ini, mengurus dirimu dan anak-anak. Lakukanlah apa saja yang kau sukai!"

Sikap yang begini tidak baik. Wanita semacam ini tentu berfikir bahawa suaminya pergi bersiar atau bersenang-senang setiap hari. Kaum lelaki menghadapi pelbagai masalah setiap hari. Wahai isteri! Anda tidak tahu apa yang dialami oleh suami anda semasa ia sedang bekerja. Suami anda berhadapan dengan pelbagai ragam manusia sepanjang hari. Maka bila ia pulang, anda sepatutnya tidak melahirkan semua keluhan anda pada masa yang sama. Jangan sampai ia merasa bersalah menjadi seorang lelaki. Berlaku adil dan bertimbangrasa kepadanya. Jika keluhan atau rungutan anda menambahkan lagi kebimbangan dan kesedihannya, ia mungkin akan sering keluar meninggalkan rumah dan pergi ke tempat-tempat hiburan seperti kelab malam, panggung wayang, malah berjalah tanpa tujuan di tepi-tepi jalan. bahkan mundar mandir di jalanan.

Kerana itu wahai isteri! Hentikanlah kebiasaan mengeluh pada masa yang tidak sesuai. Carilah masa yang sesuai dan kemudian ceritakanlah masalah anda yang sebenarnya, tidak dengan mengeluh tetapi dengan cara meminta bantuan penyelesaian. Dengan cara ini anda tidak mewujudkan perasaan bermusuhan dalam dirinya dan ikatan keluarga tetap kukuh.

Rasulullah (s. 'a. a. w.) bersabda: "Salat seorang wanita yang menyakiti suaminya dengan lidahnya, tidak diterima oleh Allah, walaupun dia berpuasa setiap hari, bangun untuk melakukan solat di waktu malam, membebaskan hamba dan membelanjakan wangnya

di jalan Allah. Wanita yang menyakiti suaminya dengan cara seperti ini adalah orang pertama yang akan memasuki neraka.”

Nabi Muhammad (s. 'a. a. w.) bersabda: “Bidadari-bidadari yang berada di syurga berkata kepada perempuan-perempuan yang menyakiti suaminya dengan cara yang demikian: “Semoga Allah mencabut nyawamu. Jangan menyakiti suamimu. Lelaki itu (suamimu) bukan milikmu dan kamu tidak patut memilikinya. Kelak ia akan segera meninggalkanmu dan akan datang kepada kami.”

Saya tidak mengerti apa yang diinginkan oleh wanita suka bersungut. Jika mereka ingin menarik perhatian suaminya atau menunjukkan dirinya, maka sudah tentu mereka mendapat sebaiknya dan mengecewakan suaminya. Jika mereka bertujuan untuk menyakiti hati suaminya, menimbulkan masalah kejiwaan dan menjerumuskan ke jurang kehancuran, maka mereka berada di jalan yang betul.

Wahai para isteri! Jika anda menyayangi suami dan anak-anak anda, maka anda harus menghentikan sikap yang tidak sopan dan tidak masuk akal ini. Apakah anda pernah berfikir bahawa kelakuan anda yang salah ini akan menghancurkan kehidupan keluarga anda?.

“Seorang doktor membuat pengakuan di mahkamah: “Saya belum pernah melihat isteri saya berkelakuan seperti seorang isteri selama kami berkahwin. Rumah kami selalu tidak teratur. Dia selalu menjerit dan marah-marah. Saya sangat bosan hidup dengannya. Setelah saya memberinya wang..... saya menceraikannya. Doktor itu lalu berkata dengan gembira: ‘Jika dia inginkan dan meminta semua kekayaan saya dan bahkan ijazah saya sebagai doktor, saya akan memberikannya asalkan saya dapat segera berpisah dengannya.’

Berakhlak Mulia

Seseorang yang memiliki sifat-sifat yang baik dan menyenangkan juga tetap akan menghadapi kesulitan dan permasalahan hidup yang sama. Namun inilah keperibadian yang menarik yang dicari orang. Sikap dan tabiat seseorang yang menyenangkan akan membuatnya tabah menghadapi masalah kejiwaan kerana falsafah hidup mereka ialah mengatasi kesulitan dengan cara yang terbaik dan sesuai.

Imam Ja'far Sadiq ('a. s.) mengatakan: “Tidak ada kehidupan yang lebih indah dari kehidupan yang bahagia.”

Tetapi sebaliknya seseorang yang memiliki sifat buruk mendapati hidup ini tidak menyenangkan kerana hubungan dengan orang yang begini menimbulkan kebimbangan dan keresahan. Mereka yang berakhlak buruk suka mengeluh tentang ketidakpuasan hati mereka.

Sikap begini ini dihindari oleh kebanyakan orang kerana sikap begini akan mengakibatkan mereka tidak mempunyai ramai teman. Kemudian keadaan ini akan menimbulkan masalah kejiwaan, dan penyakit-penyakit lain berikutan keresahan dan kekosongan jiwa akibat pandangan negatif mereka terhadap hidup.

Rasulullah (s.'a.a.w.) bersabda: "Mereka yang memiliki sikap dan sifat buruk akan sentiasa sedih dan menderita."

Sikap yang baik dan menyenangkan merupakan sesuatu yang harus dimiliki oleh semua orang pada umumnya dan di kalangan pasangan khususnya kerana pasangan harus bekerjasama bagi membina sebuah keluarga.

Wahai isteri ! Jika anda ingin menikmati kehidupan yang bahagia bersama suami dan anak-anak, miliki sifat mulia dan bertimbang rasa. Bersifat baik dan tidak suka bertengkar. Anda mampu menjadikan rumah anda sebagai syurga yang agung ataupun neraka yang menyala. Anda boleh menjadi bidadari yang penuh kasih di mana anak-anak dan suami akan mendapat kedamaian pada diri anda. Tahukah anda betapa indahnya kesan yang anda tinggalkan di dalam hati mereka kerana senyuman yang manis dan bahasa yang sopan. Kesan yang menyenangkan itu sentiasa segar dalam ingatan mereka ketika mereka mula keluar bekerja atau ke sekolah dan membantu mereka memulakan hari dengan semangat.

Oleh itu jika anda prihatin terhadap kualiti kehidupan anda dan hubungan anda dengan suami, jangan bersikap negatif. Bersikap positiflah kerana punca utama keamanan perkahwinan adalah etika yang diatur dengan baik yang membawa kepada akhlak yang mulia.

Kebanyakan perceraian yang terjadi berpunca dari perbezaan persefahaman antara suami isteri. Dari statistik di buat kesimpulan bahawa pasangan yang bercerai tidak mempunyai persefahaman

sikap, nilai-nilai moral dan pendirian. Data di bawah ini menarik untuk diperhatikan:

* Pada tahun 1968, 12,760 dari jumlah 16,039 kes masalah perkahwinan yang dibawa ke mahkamah disebabkan perbezaan dasar perkahwinan. Pada tahun 1969, 11,246 dari jumlah 16,058 kes disebabkan alasan yang sama. Dengan demikian terbuktilah bahawa lebih dari 70 peratus pertengkaran keluarga disebabkan masalah ini.

* Seorang wanita membuat pengaduan di mahkamah bahawa suaminya selalu makan siang dan makan malam di luar. Lalu suaminya menjelaskan bahawa alasan mengapa ia selalu makan di luar adalah kerana si isteri sama sekali tidak menimbulkan keinginan untuk makan dan bahawa ia adalah wanita yang berakhlak paling buruk di dunia. Tiba-tiba si isteri bangun dan mulai memukuli suaminya di hadapan para hakim.

Wanita bodoh itu berfikir bahawa dengan mengeluh, menyakiti dan memukuli suaminya ia dapat membawa suaminya pulang ke rumah semula. Namun ia tidak menggunakan cara yang sederhana dan bijak iaitu dengan bersikap timbang rasa dan mencari cara keluar yang lebih sesuai.

*Seorang wanita melaporkan kepada pengadilan bahawa suaminya tidak bercakap dengannya selama 15 bulan dan bahawa ia memberikan belanja rumahtangga melalui ibunya. Suaminya menjawab bahawa ia sudah bosan dengan akhlak buruk isterinya dan memutuskan untuk tidak bercakap dengannya selama 15 bulan.

Kebanyakan konflik rumahtangga dapat diatasi dengan kebaikan hati, kasih sayang dan akhlak yang mulia . Jika suami anda seorang yang bengis, jika ia pergi makan malam sendiri, jika ia suka menyakiti, membazir semua kekayaannya, mengatakan tentang perpisahan dan penceraian atau alasan lain bagi menimbulkan pertelingkahan, hanya ada satu jalan untuk mengatasinya. Caranya ialah dengan bersikap baik kepadanya. Hasilnya sungguh menakjubkan.

Imam Ja'far Sadiq ('a.s.) mengatakan: "Allah (s.w.t.) akan memberi ganjaran kepada orang yang berakhlak mulia sama ganjaran seperti orang-orang yang berjihad.Ia akan mengurniakan berkah-Nya kepada orang itu siang dan malam."

Imam Ja'far Sadiq ('a.s.) mengatakan: "Wanita yang mengganggu dan menyedihkan suaminya , dijauhkan dari berkah Allah dan wanita yang menghormati suaminya, patuh dan tidak

membuatnya menderita, akan mendapat berkah dan kemakmuran.”

Ada suatu hadis yang menceritakan bahawa Nabi Muhammad (s.‘a.a.w.) diberitahu tentang adanya seorang wanita yang berpuasa setiap hari dan melakukan solat di waktu malam, tetapi ia mempunyai akhlak yang buruk dan selalu menyakiti tetangganya dengan lidahnya yang tajam. Nabi menjawab: “Tidak ada kebaikan padanya dan ia adalah penghuni neraka.”

Tanggapan Yang Salah

Wahai isteri! Anda adalah ratu rumahtangga. Bersikap bijaksana dan bertimbang rasa. Catatkan segala perbelanjaan. Rancang perbelanjaan anda dengan suatu cara yang tidak menggalakkan pembaziran. Jangan membanding-bandingkan dengan wanita lain dan jangan iri terhadap mereka. Jika anda melihat seseorang wanita memakai baju yang cantik atau jika anda tertarik dengan perabot baru yang anda lihat di rumah teman anda, jangan memaksa suami anda untuk membelikannya jika ianya luar dari kemampuan kewangannya dan memaksanya untuk berhutang. Bukankah lebih baik jika anda menunggu hingga pendapatan anda bertambah atau menggunakan wang simpanan - jika ada - untuk membeli keperluan-keperluan lain?.

Wanita yang mementingkan diri sendirilah yang akan terpedaya dengan kemewahan dan persaingan. Wanita-wanita ini memaksa suami mereka untuk berhutang dan suami mereka menderita dalam usaha untuk memenuhi kehendak isteri. Kadang-kadang satu jalan penyelesaian bagi masalah ialah suami akan menceraikan isterinya atau membunuh diri. Wanita yang tidak memahami tujuan dan erti perkahwinan yang sebenarnya sebaliknya menganggap perkahwinaan sebagai ikatan di mana suami bertanggungjawab memenuhi keperluan material dan keinginan mereka yang keanak-anakan. Mereka ingin seorang suami yang bersifat seperti hamba dan tidak menentang cara mereka berbelanja. Wanita ini kadang-kadang bertindak melampaui batas. Mereka memaksa suami mereka berbelanja lebih dari keperluan yang akan berakhir dengan bankrup, pembunuhan dan hal-hal lain yang

membahayakan. Wanita seperti ini merupakan aib bagi wanita yang lainnya. Jika harapannya yang terlalu tinggi itu mengakibatkan perceraian, wanita itu akan kehilangan cinta anak-anaknya dan akan hidup dalam kesepian. Bagi wanita seperti ini untuk semula kahwin bukanlah hal yang mudah. Kalaupun itu terjadi belum perkahwinan itu bahagia kerana kebanyakan orang tidak suka terikat dan budak tanpa alasan dan suami yang baru mungkin tidak mampu memenuhi kehendaknya lebih baik daripada suami yang pertama.

Wahai isteri! Janganlah bersikap tamak, cubalah bertimbangrasa. Luangkan lebih banyak masau dan usaha untuk kesejahteraan keluargamu dan suami daripada ingin meniru orang lain. Jika suami anda boros, nasihatkan ia supaya mengawal perbelanjaan. Daripada membeli barang-barang yang tidak penting, lebih baik simpanlah wang anda untuk keperluan pada masa susah.

Dalam sebuah hadis, Nabi Muhammad (s. 'a.a.w.) bersabda: "Setiap wanita yang tidak sesuai dengan suaminya dan memaksanya mengadakan sesuatu di luar kemampuannya, maka segala amalannya tidak akan diterima oleh Allah. Ia akan merasakan kemurkaan Allah di hari kebangkitan."

Dalam hadis lain Nabi (s. 'a.a.w.) bersabda: "Wanita yang tidak bersefahaman dengan suaminya, bererti ia tidak menerima kurnia Allah. Dan bila ia bersikap kasar terhadap suaminya dengan menuntut lebih banyak daripada yang mampu diberikan oleh suaminya, maka solatnya tidak diterima oleh Allah dan Ia murka kepadanya.

Dalam hadis lain, Rasulullah (s. 'a.a.w.) bersabda: "Setelah beriman kepada Allah, tidak ada kurnia yang lebih besar daripada mempunyai kesesuaian dengan pasangan hidup."

"Ringankan Beban Suamimu"

Bebanan hidup yang berat terletak di bahu lelaki selama mereka bertanggungjawab ke atas keluarga. Dalam memenuhi tanggungjawab ini, lelaki menghadapi banyak masalah dan rintangan di luar rumah. Beberapa masalah ini mungkin merupakan tekanan dalam bekerja, kesesakan lalu lintas pergi balik dari rumah ke

tempat kerja, juga yang berhubung dengan persoalan ekonomi dan politik hari ini, tekanan dari teman atau keluarga dan juga tekanan yang akibat dari keinginan untuk meningkatkan ekonomi keluarga. Syarat-syarat dan tekanan yang diletakkan pada seorang lelaki yang bertanggungjawab sangat besar. Tidak hairanlah jangka masa hidup kaum lelaki lebih pendek jika dibandingkan dari wanita.

Bagi meringankan masalah yang dihadapi, maka penting bagi seseorang mempunyai teman yang sedia mendengar dan berkongsi masalah. Tidak terkecuali suami anda. Mungkin ia merasa kesepian dan memerlukan seseorang yang dapat melindungi dan menghiburnya bagi mengurangkan tekanan ini: Adalah menjadi perkara biasa apabila lelaki mengangap isteri dan keluarganya sebagai sumber kegembiraan dan ketenangan. Oleh itu, penuhilah harapan dan keinginannya. Sambutlah ia dengan senyuman ketika ia baru pulang dari kerja. Sediakan minuman untuk menyegarkan fikirannya, tunjukkan bahawa anda sedia melayani keperluannya. Jangan membebarkannya dengan kritikan sebaik sahaja dia pulang dari kerja. Biarkan ia beristirahat dan memulihkan kekuatannya sebelum mendengar segala masalah keluar

Ketika suami anda pulang ke rumah, cubalah untuk memberikan senyuman dan kasih sayang. Perhatikanlah keperluan dan tanya masalahnya. Jika ia tidak ingin membincangkan, jadilah pendengar yang sabar. Cuba tunjukkan keikhlasan anda untuk membantunya agar dia menyedari bahawa masalah itu bukannya tidak mungkin diatasi dan terlalu besar seperti yang difikirkannya. Berikanlah dorongan dan bantuan dalam menyelesaikan masalah tersebut. Katakanlah kepadanya sesuatu seperti: "Masalah ini sering dihadapi oleh kebanyakan orang. Dengan semangat yang kuat dan kesabaran, kesulitan ini dapat diatasi asalkan seseorang itu tidak memperbesarkannya. Masalah ini sebenarnya merupakan ujian ketabahan mereka yang menghadapinya. Masalah ini dapat diatasi dengan ketetapan dan ketahanan jiwa."

Jika anda mempunyai cadangan untuk menangani masalah tersebut, rundingkanlah dengan suami anda. Jika tidak, mungkin anda boleh mencari seorang teman yang dapat membantu.

Para isteri yang kami sayangi! Dalam masa kesusahan, suami anda memerlukan perhatian dan kasih sayang. Anda harus bersedia menolong dan melayaninya seperti seorang psikiatris. Berapa banyak rawatan yang dapat diberikan oleh seorang psikiatris yang dapat anda berikan? Jangan meremehkan kemampuan anda untuk menenangkan dan menguatkannya. Tidak ada seorang pun yang lebih mengambil berat dan memperhatikan kesejahteraan suami anda selain dari anda sendiri. Ia akan dapat mengembalikan kekuatannya kerana sikap prihatin anda dan mengatasi persoalannya. Ini akan membebaskannya dari sebarang tekanan mental dan emosional. Rasa saling menghormati dan mencintai memainkan peranan yang lebih besar iaitu ia dapat mempereratkan ikatan perkahwinan anda.

Dalam sebuah hadis, Imam Ja'far Sadiq ('a.s.) mengatakan: "Tidak ada sesuatu yang lebih baik kecuali yang membuat suaminya bahagia bila melihatnya."

Dalam sebuah riwayat, Imam Ridha ('a.s.) mengatakan: "Ada satu golongan wanita yang mempunyai ramai anak. Mereka baik dan bertanggungjawab. Mereka membantu suami mereka di saat kesulitan dan dalam perkara di dunia dan akhirat. Wanita-wanita ini tidak melakukan perbuatan yang merugikan suami mereka tidak menambahkan kesulitan suami mereka."

Hargailah Suami Anda

Jika seseorang bersifat dermawan dan murah hati dengan harta yang diperolehinya melalui kerja keras, penghargaan dan perhatian yang diberikan kepada orang ini akan menggembirakan lagi hati nuraninya dan membuatnya rasa berjaya. Ini menggalakkan menolong mereka yang dalam kesusahan. Tetapi Jika perbuatan baik ini tidakdipedulikan dan tidak dihargai, orang itu mungkin akan kehilangan semangat dan dorongan untuk berbuat baik. Adalah tidak mustahil jika mereka membuat kesimpulan sia-sia memberikan hasil usaha mereka kepada orang lain jika perbuatan tersebut tidak dihargai.

Sikap syukur dan menghargai merupakan sifat yang terpuji dan inilah rahsia yang membuat orang bersifat dermawan.

Bahkan Allah (s.w.t.) telah berfirman bahawa syukur atas rahmatNya merupakan syarat dari kesinambungan yang abadi atas rahmatNya kepada manusia:

*"Dan (ingatlah juga) tatkala Tuhanmu memaklumkan:
"Sesungguhnya jika kamu bersyukur, pasti Kami akan menambah
nikmat kepadamu dan jika kamu mengingkari (nikmatKu) maka
sesungguhnya azab-Ku sangat pedih."*

[Surah 14: 7]

Wahai isteri! Suami anda juga manusia. Seperti yang lain, ia juga suka dihargai. Ia mahu bertanggungjawab ke atas keluarganya dan menganggapnya sebagai kewajipan moral dan mengikut syariat. Bila kita berterima kasih dan menghargainya kerana telah melaksanakan tanggungjawab, tugas ini tidak lagi menjadi seperti beban.

Jika ia membeli alat-alat rumahtangga atau sesuatu seperti baju atau kasut untuk anda dan anak-anak, bergembiralah dan ucapkanlah terima kasih. Tunjukkan rasa terima kasih anda walaupun pada hal kecil yang dilakukannya seperti membeli perbelanjaan dapur, membawa keluarga bersiar-siar dan memberikan wang belanja kepada anda. Dengan menunjukkan rasa terima kasih, suami anda akan merasa gembira kerana penat lelahnya dihargai. Berhati-hatilah agar anda tidak memandang remeh terhadap tugas dan jasanya kepada keluarga. Ia boleh menjadi tidak peduli terhadap kesejahteraan keluarganya. Mungkin ia akan menggunakan wangnya untuk kepentingan dirinya sendiri.

Apabila seorang teman atau seorang saudara memberi hadiah sepasang kasut atau karangan bunga untuk anda, anda akan mengucapkan terima kasih berulang kali. Maka sewajarnya anda menunjukkan rasa terima kasih anda kepada suami anda seraya merendahkan diri dengan mengucapkan terima kasih kepadanya. Dengan berbuat demikian anda akan lebih dicintai dan dihargai

kerana anda menghargai usaha suami anda sedangkan sifat sombong dan mementingkan diri sendiri hanya akan merugikan

Berikut ini adalah beberapa hadis yang menunjukkan kesyukuran:

Imam Ja'far Sadiq ('a.s.) mengatakan: "Wanita yang paling baik di antara isteri-isterimu adalah mereka yang menunjukkan penghargaan ketika suaminya pulang membawa buah tangan dan tidak merasa kecewa jika suaminya tidak membawa apa-apa."

Imam Ja'far Sadiq ('a.s.) juga mengatakan: "Wanita yang mengatakan bahawa ia belum pernah melihat sesuatu yang baik yang di bawanya, maka ia termasuk golongan orang yang tidak dapat dipercayai dan amalannya tidak diterima."

Rasulullah (s.'a.a.w.) bersabda: "Barang siapa tidak berterima kasih kepada orang yang telah menolongnya bererti ia tidak bersyukur atas rahmat yang diberikan oleh Allah."

Jangan Mencari Kelemahan

Tidak ada seorangpun yang sempurna. Ada yang terlalu tinggi atau terlalu pendek, ada yang terlalu gemuk atau terlalu kurus, yang hidungnya besar atau terlalu kecil, banyak bicara atau terlalu pendiam, ada yang pemarah atau terlalu lembut, ada yang wajahnya kurang cantik atau ada pula yang sangat cantik, ada yang makan terlalu banyak dan ada pula yang terlalu sedikit; dan bermacam-macam lagi. Semua orang baik lelaki mahupun wanita mempunyai kekurangan ini. Memang menjadi harapan setiap lelaki dan wanita untuk mendapatkan pasangan yang sempurna, namun harapan itu tidak mungkin terjadi. Tidak mungkin ada seorang wanita yang mempunyai suami yang dianggapnya sempurna.

Para isteri yang sering mencari kesalahan suaminya, akan akan memperbesarkan. Kelemahan yang kecil hingga menjadikannya kesulitan yang sukar diatasi. Kekurangan ini kemudian menghapuskan semua kebaikan yang ada pada suami mereka dengan

lelaki lain. Mereka telah menentukan apa yang disebut "lelaki ideal" di dalam fikiran mereka yang tarafnya tidak sama dengan suami mereka. Oleh itu mereka sering mengeluh kekurangan dalam perkahwinan mereka. Wanita-wanita itu menganggap diri mereka tidak beruntung dan gagal yang akan mengubah mereka menjadi wanita pendengki atau iri hati. Apakah kesan dari sikap ini kepada suami? Mereka mulai menaruh dendam terhadap isteri-isteri mereka. Hal ini akan membawa kepada timbulnya pertengkaran dan pendedahan kekurangan masing-masing. Mereka akan saling menghina dan kehidupan mereka akan berubah menjadi gelanggang pertelingkahan pertengkaran. Dengan demikian mereka akan hidup bersama dalam penderitaan atau bercerai. Kedua-duanya akan membuat mereka kehilangan tempat bergantung kecuali ada jaminan bahawa perkahwinan dengan pasangan lain akan menghasilkan kebahagiaan.

Malangnya, terdapat kaum wanita bersikap tidak peduli dan keras kepala. Mungkin kehidupan keluarga mereka akan musnah disebabkan hal yang remeh ini. Berikut ini adalah contoh mengenai kes wanita seperti diatas:

Seorang wanita pulang ke rumah orang tuanya kerana suaminya memiliki nafas yang berbau. Dia tidak mahu pulang ke rumahnya. Atas pengaduan suaminya, pengadilan mempersatukan mereka dan si isteri pun kembali. Ketika mereka sampai di rumah, sang isteri tetap mencium bau nafas suaminya, maka ia pun tidur di bilik lain. Suaminya menjadi gila dan membunuh isterinya.

Seorang doktor gigi wanita bercerai dengan suaminya kerana beliau tidak setaraf dengannya; beliau baru sahaja lulus, manakala isterinya mendahului tiga tahun lebih awal.

Seorang wanita minta cerai kerana suaminya biasa duduk di lantai dan makan tanpa sudu, tidak bercukur setiap hari dan tidak mengetahui cara bergaul dengannya.

Tetapi tidak semua wanita seperti ini. Ramai wanita yang berpendidikan, dan sedar bahawa mereka tidak mahu bersikap bodoh dengan menghancurkan perkahwinan dan kebahagiaan mereka dengan membesar-besarkan kelemahan suami mereka.

Kaum wanita yang kami sayangi! Suami anda juga manusia seperti anda juga, Mungkin ia tidak sempurna tetapi ia telah banyak

berjasa. Jika anda sayangkan perkahwinan dan kehidupan keluarga anda, maka janganlah berusaha mencari kekurangan suami anda. Jangan menganggap penting kekurangan kecil. Jangan membandingkannya dengan lelaki ideal yang ada dalam fikiran anda. Mungkin ada kesalahan dalam diri suami anda yang tidak terdapat pada lelaki lain. Tetapi anda harus ingat bahawa lelaki lain mungkin mempunyai kelemahan-kelemahan lain yang tidak ada pada suami anda. Merasa puaslah dengan kebaikan-kebaikannya. Anda akan mengerti bahawa kebaikan-kebaikannya lebih banyak daripada kekurangan-kekurangannya. Di samping itu mengapa anda mengharapkan suami yang sempurna sedangkan anda sendiri tidak sempurna? Jika anda bangga kerana merasa bahawa diri anda sempurna, tanyakanlah kepada orang lain.

Rasulullah (s. 'a.a.w.) bersabda: "Tidak ada yang lebih buruk pada manusia daripada mencari kesalahan orang lain dan mengabaikan kesalahan dirinya."

Mengapa anda harus membesar-besarkan kesalahan yang kecil? Mengapa anda harus menghancurkan hidup anda demi hal-hal yang tidak penting? Bertindaklah secara bijaksana! Hentikanlah sikap yang terburu-buru! Lupakanlah kesalahan-kesalahan itu dan jangan membicarakannya di hadapan mahupun di belakang suami anda. Cubalah untuk mewujudkan suasana kasih sayang di dalam keluarga dan nikmatilah kurnia Allah.

Mungkin ada sifat yang kurang baik pada diri suami anda yang dapat anda perbaiki. Begitu juga anda hanya dapat mencapai matlamat dengan berlaku bijaksana dan sabar. Anda tidak boleh mengecapnya atau memulakan pertelingkahan tetapi dekatilah ia dengan cara yang mesra.

Jangan Tertarik Kepada Orang Lain Selain Suami Anda

Wahai isteri! sebelum kahwin mungkin anda sudah mendapat banyak lamaran. Lamaran ini mungkin datang dari lelaki yang kaya, berpendidikan, kacak dan lain-lain yang mungkin sebagaimana anda harapkan sifat yang ada pada suami anda. Harapan seperti itu memang biasa sebelum anda berkahwin. Tetapi sekarang kerana

anda sudah memilih pasangan anda dan menandatangani perjanjian suci dengannya untuk hidup bersama selama sisa waktu hidup anda, maka lupakanlah masa lalu itu. Jangan memikirkan lelaki lain kecuali suami anda dan cuba wujudkan kehidupan yang damai dengannya. Jika anda melakukan sebaliknya, anda akan menempatkan diri anda di dalam keadaan yang tidak tenang.

Kini setelah anda bersetuju untuk hidup dengan suami anda mengapa anda harus terus memikirkan tentang lelaki lain? Mengapa anda harus membandingkannya dengan lelaki lain? Apa yang anda dapatkan dengan melihat kepada lelaki lain selain dari menempatkan diri anda dalam keadaan menderita tidak berkesudahan dan menyebabkan kesedihan mendalam pada diri anda.

Imam Ali ('a.s.) berkata: "Barangsiapa tidak menundukkan pandangan nescaya akan selalu mengalami penderitaan jiwa dan akan terjerumus dalam kedegkian untuk selamanya."

Dengan melihat kepada lelaki lain dan membandingkan suami anda dengan mereka, anda akan menemui lelaki yang tidak mempunyai kekurangan seperti suami anda. Lalu anda akan berfikir bahawa lelaki itu sempurna, kerana anda tidak mengetahui kekurangan-kekurangan yang ada padanya. Anda menganggap perkahwinan anda sebagai kegagalan dan pemikiran seperti ini kerana ianya boleh mendorong isteri melakukan sesuatu yang tidak diingini.

Wahai isteri, renungkan kisah di bawah ini

Seorang wanita berusia 18 tahun yang lari dari rumahnya telah ditangkap polis malam tadi. Di balai polis, wanita itu mengatakan bahawa setelah tiga tahun berkahwin, ia merasakan bahawa ia tidak mencintai suaminya. Ia berkata: "Saya sering membandingkan wajah suami saya dengan lelaki lain dan saya menyesal bernikah dengannya."

Wanita! Jika anda inginkan perkahwinan yang berkat; jika anda tidak inginkan tekanan mental; dan jika anda inginkan kehidupan yang normal, maka berhentilah dari bersikap mementingkan diri sendiri dan lupakanlah harapan anda yang tidak

ada gunanya itu. Jangan memuji lelaki lain. Jangan memikirkan lelaki lain selain suami anda. Jangan berkata:

“Kalaulah saya kahwin dengan di dia.”

“Kalau suami saya seperti.....”

“Kalau pekerjaan suami saya adalah...” “Kalau saja...”

Mengapa anda harus membebankan diri anda dengan fikiran-fikiran seperti itu? Mengapa anda harus mengganggu dasar perkahwinan anda? Jika salah satu dari harapan ini menjadi kenyataan, bagaimana anda dapat mengetahui bahawa anda akan merasakan kebahagiaan yang lebih? Apakah anda yakin bahawa isteri dari seorang lelaki yang anda anggap sebagai “tanpa kesalahan” itu akan merasa bahagia dengannya?

Isteri! Jika suami anda mencurigai bahawa anda tertarik dengan lelaki lain, ia akan tersinggung dan tidak lagi tertarik kepada anda. Anda tidak boleh bersenda gurau dengan lelaki lain atau bermesra dengan mereka. Setiap lelaki memiliki sifat yang amat sensitif sehingga ia tidak boleh menerima jika isterinya tertarik pada gambar lelaki lain.

Rasulullah(s.‘a.a.w.) bersabda: “Wanita yang melihat kepada lelaki lain akan menerima sasaran siksa Allah yang amat pedih.”

Hijab Menurut Islam

Lelaki dan wanita walaupun mempunyai banyak kesamaan juga memiliki ciri-ciri yang unik. Salah satu ciri tersebut adalah wanita bersifat lemah-lembut, cantik dan penyayang. Mereka mempesonakan, menarik dan dicintai sedangkan menyebabkan lelaki mudah tertarik kepada wanita.

Bila seorang lelaki mengahwini seorang wanita, ia mengharapkan semua kecantikan dan kasih sayang isterinya hanya untuknya. Ia mengharapkan untuk menjadi satu-satunya lelaki yang mendapat seluruh, kasih sayang, kecantikan, dan lain-lainnya; dan dapat menandingi lelaki lain. Para lelaki bersifat angkuh dan tidak mahu menerima adanya lelaki lain yang memandangi isterinya

ataupun berhubungan dengannya. Ia akan menganggap hubungan isterinya yang akrab dengan lelaki lain sebagai pelanggaran terhadap hak-haknya yang sah. Ia mengharapkan isterinya untuk mempelajari hijab Islam (hukum Islam mengenai pakaian wanita) dan dengan menyesuaikan dirinya dengan kelakuan dan etika (tata-gaul) yang Islami, bererti ia bekerjasama dengan hak-hak sah suaminya.

Seorang lelaki beriman dan tegas akan mempunyai harapan-seperti itu. Akhlak seorang isteri yang berdasarkan etika Islam, akan membuat fikiran suaminya tenang; kemudian ia akan bekerja dengan penuh semangat untuk memberi nafkah kepada keluarganya, dan kasih sayang untuk isterinya pun akan bertambah. Orang seperti itu tidak akan tertarik kepada wanita lain. Sebaliknya seorang lelaki yang isterinya tidak memahami hijab dalam Islam dan memperlihatkan kecantikannya kepada lelaki lain dan bergaul mesra dengan mereka, benar-benar menimbulkan kemarahan suami. Ia akan menuduh isterinya bertanggungjawab atas penghinaan terhadap hak-haknya. Suami seperti ini akan sering mengalami penderitaan tekanan batin, berprasangka buruk dan cintanya kepada keluarga akan berkurangan.

Kerana itu demi kepentingan masyarakat dan kaum wanita, kaum wanita harus berpakaian menutup aurat dan bertingkah laku sederhana. Mereka tidak boleh menonjolkan kecantikan di hadapan lelaki lain.

Mempelajari hijab adalah tanggungjawab seorang Islam. Allah (s.w.t.) berfirman di dalam kitab suci al-Qur'an:

"Dan katakanlah kepada wanita yang beriman: "Hendaklah mereka menahan pandangannya dan memelihara kemaluannya dan janganlah mereka menampakkan perhiasannya kecuali yang (biasa) nampak daripadanya, dan hendaklah mereka menutupkan kain tudung ke dadanya, dan janganlah menampakkan perhiasannya kecuali kepada suami mereka atau ayah mereka atau ayah suami mereka atau putra-putra mereka atau putra-putra suami mereka atau saudara-saudara mereka atau putra-putra saudara perempuan mereka atau wanita-wanita

Islam atau budak-budak yang mereka miliki atau pelayan-pelayan lelaki yang tidak mempunyai keinginan (terhadap wanita) atau anak-anak lelaki yang belum mengertitentang aurat wanita. Dan janganlah mereka memukulkan kakinya agar diketahui perhiasan yang mereka menghentakkan. Dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, hai orang-orang yang beriman supaya kamu beruntung.”

[Surah: 24:31]

Mempelajari hijab menurut Islam di dalam masyarakat adalah penting bagi setiap wanita :

- (1) Mereka dapat melindungi secara lebih baik nilai-nilai sosial dalam menjaga diri mereka terhadap usaha-usaha jahat yang menjadikan wanita sekadar objek dan tontonan.
- (2) Mereka dapat membuktikan cinta dan kesetiaan mereka kepada suami secara lebih berkesan; dan dengan demikian dapat membantu mewujudkan dan memelihara suasana kemesraan sambil menghindari perasaan yang negatif serta pertelingkahan. Ringkasnya, mereka dapat merebut hati suami mereka dan menempatkan diri mereka di tengah keluarga.
- (3) Dengan memahami mengenai hijab Islam, dapat menghindarkan dari melakukan perbuatan negatif dan membantu mengurangi pertengkaran, memperkuat ikatan keluarga dan dapat mewujudkan suasana tenang dalam keluarga.
- (4) Hijab Islam bagi wanita juga membantu menghindarkan kaum muda yang belum berkahwin dari melakukan perbuatan maksiat. Dengan demikian dapat mencegah bahaya bagi para pemuda dan juga memberi keuntungan kepada kaum wanita itu sendiri.

- (5) Jika semua wanita memahami konsep hijab dalam Islam, maka semua wanita akan merasakan ketenangan kerana suami-suami mereka tidak akan mencari wanita lain yang dapat mengalihkan perhatian mereka dari keluarga.

Islam menyedari sifat semulajadi wanita dan menganggap mereka sebagai landasan yang penting dan bertanggungjawab dalam masyarakat. Wanita dituntut untuk berkorban dalam melaksanakan tanggungjawabnya dengan cara mentaati hijab Islam, yang mana dapat mencegah penyelewengan dalam masyarakat dan terus mewujudkan kestabilan, keamanan dan mengagungkan bangsa. Tetapi pahala yang terbesar datangnya dari Allah (s.w.t.) kerana melaksanakan apa yang diwajibkanNya.

Wahai isteri! Jika anda inginkan kestabilan dan keamanan bagi keluarga anda dan menguatkan kepercayaan suami terhadap anda; jika anda prihatin terhadap hak sosial kaum wanita; jika anda mengambil berat tentang kesihatan mental kaum muda dan bimbang berlakunya penyelewengan nilai-nilai moral pada mereka; jika anda ingin membantu mengatasi masalah perkosaan-terhadap wanita oleh lelaki yang tidak bertanggungjawab; dan jika anda ingin mendapatkan keredhaan Allah dengan menjadi seorang muslimah yang taat dan mampu berkorban; maka anda harus melaksanakan hijab Islam. Anda tidak boleh mempertunjukkan kecantikan dan perhiasan anda kepada orang-orang yang bukan mahram, sama ada di rumah dengan kerabat terdekat anda ataupun di kalangan masyarakat sosial di luar rumah anda sendiri. Anda harus menutup aurat di hadapan ipar-ipar lelaki anda dan anak-anak lelaki mereka, suami-suami ipar wanita anda, suami emak saudara anda dan sepupu-sepupu anda. Tanpa berpakaian menurut aturan hijab Islam di hadapan orang-orang tersebut adalah berdosa dan boleh menyebabkan perasaan tertekan pada suami anda, meskipun ia tidak menyatakannya.

Wanita tidak diwajibkan menutup aurat di hadapan ayah mertuanya, saudara lelakinya sendiri dan anak-anak saudaranya, walaupun akan lebih baik baginya untuk mengenakan hijab pada

tingkatan tertentu di hadapan orang-orang ini juga. Dengan lain perkataan seorang wanita tidak boleh berpakaian di hadapan keluarganya ini sama seperti ia berpakaian di hadapan suaminya. Ini disebabkan kebanyakan lelaki tidak suka melihat isterinya nampak cantik di hadapan lelaki lain; dan tidak boleh dilupakan bahawa ketenangan fikiran dan kepercayaan seorang lelaki kepada isterinya merupakan hal penting bagi kebahagiaan hidup dan keamanan seluruh keluarga.

Maafkan Kesalahan Suami Anda

Setiap manusia melakukan kesalahan. Hanya Allah (s.w.t.) sahaja yang sempurna. Jika dua orang yang saling mencintai dan saling bekerjasama, membuat kesalahan, mereka harus saling memaafkan. Jika mereka tidak saling memaafkan maka perkahwinan mereka akan hancur. Dua orang usahawan, dua orang jiran, dua orang pelajar, dua orang teman dan khususnya sepasang suami isteri harus saling memaafkan. Jika anggota-anggota keluarga tidak mahu memaafkan dan sering menyalahkan orang lain, maka keluarga itu akan berpisah atau mereka akan mengalami kehidupan yang tidak menyenangkan. Wahai isteri yang baik! mungkin suami anda melakukan kesalahan. Mungkin ia mengkhianati anda, menyalahkan anda, berbohong dan mungkin memukul anda. Perbuatan-perbuatan seperti itu sering dilakukan oleh setiap lelaki. Jika suami anda menyesali perbuatannya atau anda merasai bahawa ia menyesali perbuatannya, maka maafkanlah ia dan jangan terus memperbesar-besarkan masalah itu. Jika ia menyesal tetapi tidak mahu meminta maaf, maka jangan berusaha membuktikan bahawa ia bersalah. Kalau tidak, ia mungkin akan merasa terhina dan mungkin akan cuba mencari kesalahan anda dan kemudian akan memulakan pergaduhan besar. Maka sebaiknya anda berdiam diri hingga ia sedar akan kesalahannya dan akan merasa kesal terhadap kejadian itu. Lalu ia akan menganggap anda sebagai isteri yang bijaksana serta menyayangi suami dan keluarganya.

Rasulullah(s. 'a.a.w.) bersabda: "Seorang wanita yang tidak baik tidak akan memaafkan kesalahan suaminya dan tidak mahu

menerima kemaafan suaminya.”

Apakah anda tidak merasa sayang jika ikatan perkahwinan yang suci harus diputuskan hanya kerana isteri tidak mahu memaafkan beberapa kesalahan suaminya?.

Cara Menghadapi Keluarga Suami:-

Salah satu masalah dalam kehidupan berkeluarga adalah disebabkan oleh keluarga suami atau keluarga isteri. Ramai wanita tidak dapat menjalin hubungan yang baik dengan ibu saudara perempuan dan saudara lelaki suaminya. Dalam setengah pihak, isteri mungkin berusaha menguasai suaminya hingga ia tidak dapat lagi memberikan perhatian kepada ibu dan keluarganya dan mungkin si isteri berusaha menunjukkan sikap tidak senang terhadap mereka. Ada juga, ibu mertua yang menganggap dirinya sebagai pemilik anak dan menantu perempuannya. Si ibu mertua berusaha keras untuk menguasai anaknya dan bersikap waspada kalau-kalau wanita yang baru itu akan berkuasa penuh terhadap anaknya. Mungkin ibu itu akan mereka-reka cerita bohong tentang menantu perempuannya atau mencari-cari kesalahannya. Sikap yang demikian mungkin akan menimbulkan dengan berbagai perdebatan dan juga kadang-kadang permusuhan. Situasi seperti ini akan bertambah buruk jika mereka semua tinggal dalam satu rumah. Walaupun pertengkaran itu terjadi di antara kedua wanita tersebut, namun penderitaan dan tekanan yang sebenarnya terletak di bahu pihak suami.

Suami terlibat dalam suatu perdebatan di mana ia tidak dapat menyebelahi mana-mana pihak. Di satu isterinya yang ingin merasakan kehidupan yang merdeka tanpa gangguan dari orang luar. Ia sebenarnya merasa bahawa ia harus bertanggungjawab dan membahagiakannya. Di satu pihak yang lain, ia juga harus memikirkan tentang orang tuanya yang telah membantunya dalam kehidupannya, pendidikannya dan telah mengorbankan masa mereka untuk membesarkannya. Ia merasa bahawa orang tuanya mengharapkannya pada masa-masa mereka memerlukan dirinya dan mengenyepikan mereka bukanlah satu perbuatan yang baik. Di

samping itu jika ia sendiri memerlukan sesuatu, siapa lagi yang akan menolongnya selain orang tua dan keluarganya? Kerana itu, ia berfikir bahawa temannya yang paling baik dan dapat dipercayai adalah orang tua dan keluarganya. Maka dilema yang dihadapi oleh seorang lelaki adalah samada ia harus memilih isterinya dan mengenyepikann orang tuanya atau sebaliknya? Tetapi tidak satupun dari hal ini merupakan tindakan yang baik.

Secara bertanggungjawab ia harus mengatasi kedua belah pihak dan menjaga agar keduanya berpuas hati. Ini adalah tugas yang berat. Satu-satunya jalan untuk meredakan keadaan ini ialah isteri harus setia dan bijaksana. Seorang suami dalam keadaan seperti ini mengharapkan isterinya agar membantunya bagi menyelesaikan masalah ini. Jika si isteri menghormati ibu mertuanya mintalah nasihat darinya dan bersikap mesra dan patuh kepadanya, maka ibu mertua pun benar-benar akan menyanyanginya.

Alangkah sedihnya apabila seseorang yang dapat menarik perhatian ramai orang kerana kebaikan hati dan kelakuan baik, harus menolak mereka dengan kekerasan hati dan sikap mementing diri sendiri? Apakah anda tidak menyedari bahawa dalam menghadapi turunnya kehidupan seharian anda mungkin akan memerlukan bantuan orang lain terutama keluarga yang akan membantu anda ketika orang lain meninggalkan anda? Tidakkah lebih baik untuk membina hubungan baik dengan keluarga dan kelakuan baik? Adakah adil untuk berkawan dengan orang lain tetapi menjauhkan diri dari keluarga sendiri?.

Pengalaman menunjukkan bahawa bila seseorang memerlukan pertolongan, teman-teman akan meninggalkannya tetapi keluarga yang telah disingkirkan akan datang membantu. Hal ini disebabkan kerana ikatan keluarga yang bersifat alami dan tidak dapat dengan mudah diputuskan. Ada pepatah yang mengatakan: "Walaupun daging kita dimakan oleh keluarga, mereka tidak akan membuang tulang-tulangnya!"

Imam Ali ('a.s.) mengatakan: "Manusia tidak akan hidup tanpa keluarganya walaupun ia memiliki kekayaan dan anak-anak."

Manusia akan memerlukan penghormatan dan kebaikan hati

dari keluarganya. Merekalah yang akan membantu kita, baik secara fizikal mahupun mental. Keluarga selalu datang membantu. Di saat kita memerlukan, mereka akan datang lebih cepat dari siapa pun jua. Barang siapa menyingkirkan keluarganya, ia akan kehilangan suatu yang sangat berharga.

Cara Memahami Tugas Suami

Semua orang mempunyai pekerjaan yang berbeza-beza. Misalnya ada seorang pemandu yang sering berada di jalanan dan tidak dapat pulang kerumah setiap malam; seorang polis yang harus berjaga; seorang doktor yang hanya mempunyai sedikit waktu untuk keluarganya; seorang ilmuan atau seorang pendidik yang banyak membaca pada waktu malam; seorang mekanik yang bajunya sangat kotor dan berbau minyak; dan juga seorang pekerja kilang yang bekerja pada waktu malam. Oleh itu jarang ada pekerjaan yang benar-benar menyenangkan dan tidak menimbulkan perasaan tidak puas hati dari keluarga. Tidak ada jalan lain untuk mendapatkan rezeki yang halal kecuali dengan bekerja. Lelaki harus menerima kesulitan dalam pekerjaannya. Namun ada masalah lain iaitu keluhan dari keluarga. Biasanya isteri lebih suka jika suami berada di sampingnya dan berada di rumah pada waktu malam. Wanita inginkan suaminya untuk mendapatkan pekerjaan yang baik serta gaji yang tinggi. Mereka ingin mempunyai waktu yang cukup untuk pergi bersiar-siar di malam hari. Namun sayangnya pekerjaan lelaki tidak selalu memenuhi harapan isterinya, dan ini menjadi sumber perdebatan dan pertengkaran.

Seorang pemandu yang sudah berada di jalanan selama beberapa malam, yang tidak mendapatkan tidur yang cukup dan tidak makan dengan teratur, memasuki rumahnya untuk beristirahat dan mendapatkan kedamaian serta kenyamanan bersama keluarganya. Lalu isterinya tanpa meluangkan waktu seminit pun mulai mengeluh dan mengomel: "Hidup seperti ini? Mengapa kamu meninggalkan saya dengan anak-anak dan pergi entah ke mana? Aku harus mengerjakan semua pekerjaan ini sendiri kerana tidak ada yang membantu. Aku tidak tahan lagi dengan anak-anak

yang nakal ini. Sebenarnya menjadi pengemudi itu bukan pekerjaan yang baik. Kau harus menukar pekerjaanmu atau mengakhiri hidup bersamaku. Aku tidak dapat hidup seperti ini lagi!" Seorang pengemudi yang malang yang mempunyai isteri seperti itu tidak dapat diharapkan untuk boleh melaksanakan tugasnya dengan baik dan keadaan itu dapat membayakan jiwanya serta jiwa orang-orang yang berada di bawahnya. Seorang doktor yang dari pagi hingga malam merawat puluhan pesakitnya tidak dapat menghadapi leteran isterinya. Lalu bagaimana ia dapat meneruskan tugasnya dalam bidang kesihatan? Seorang pegawai yang bekerja pada malam hari tidak akan dapat menjalankan pekerjaannya dengan penuh semangat jika isterinya seorang wanita yang cerewet. Bagaimana seorang ilmuwan dapat berjaya dalam pekerjaannya jika isterinya terus menerus mengadu? Ada beberapa kes yang membezakan antara wanita yang bijaksana dan wanita yang bodoh.

Wahai isteri yang baik, kita tidak dapat memutar dunia menurut kehendak kita, tetapi kita dapat menyesuaikan diri kita dengan keadaan yang ada. Suami anda harus bekerja untuk mendapatkan rezeki bagi keluarganya. Pekerjaannya mempunyai keadaan tertentu di mana anda harus menyesuaikan diri. Anda harus mengatur kehidupan keluarga anda menurut keadaan tugasnya. Mengapa anda harus berleter dan menyalahkan pekerjaannya? Sambutlah kepulangannya dengan wajah gembira dan bersikap sopan kepadanya. Bijaksanalah dan terimalah pekerjaannya.

Jika suami anda seorang pemandu yang sering berada di jalanan, maka sedarilah bahawa ia sedang berusaha membawa pulang wang untuk anda dan anak-anak. Tidak ada yang salah dalam pekerjaannya. Ia adalah anggota masyarakat dan ia sedang melayani masyarakatnya sebaik mungkin. Apakah anda suka jika ia seorang yang malas atau jika ia terikat dengan pekerjaan yang tidak sesuai dengan agama? Maka ia tidak bersalah. Kesalahannya terletak pada anda yang mengharapkannya untuk berada di rumah setiap malam dan kerana anda tidak mampu dan tidak mahu menyesuaikan diri anda dengan keadaan yang ada.

Apakah tidak bijaksana untuk membiasakan diri dengan situasi yang ada dan merasakan hidup yang lebih aman? Adalah lebih baik jika anda menyambutnya dengan wajah tersenyum dan mengucapkan selamat tinggal ketika ia meninggalkan rumah untuk bekerja? Jika anda bersikap baik, ia akan lebih menyayangi anda dan keluarga; ia akan pulang ke rumah seawal mungkin; ia tidak akan menghadapi kesusahan di jalan dan moralnya akan tetap sihat.

Jika suami anda seorang pegawai yang mendapat giliran kerja malam, ia telah kehilangan waktu tidur malamnya yang baik kerana ingin mencari rezeki bagi keperluan keluarganya. Usahakanlah untuk membiasakan diri dengan hal itu dan janganlah mengatakan kekesalan anda. Jika anda merasa bosan, cubalah mengerjakan beberapa pekerjaan rumah, membaca atau menjahit di malam hari. Pada pagi harinya, siapkanlah sarapan pagi bila suami anda pulang, lalu aturlah tempat tidurnya di tempat yang selesa. Jagalah agar anak-anak tidak buat bising dan ajarkanlah kepada mereka untuk tidak mengganggu bila ayahnya sedang beristirahat. Mungkin anda pun kurang tidur di waktu malam maka beristirahatlah bersama suami anda di siang hari. Tetapi jangan lupa bahawa ia tidak tidur semalaman, dan tidur di siang hari baginya sama dengan tidur di malam hari bagi anda. Wanita dengan keadaan seperti ini harus memiliki dua aturan, satu untuk dirinya dan satu lagi untuk suaminya.

Jika suami anda adalah seorang pengemudi, doktor, pegawai atau seorang ilmuwan dan sebagainya, maka anda harus berbangga terhadapnya. Suami anda bukan seorang penganggur atau memiliki pekerjaan yang tidak sesuai dengan agama. Maka hargailah ia dan tunjukkanlah rasa syukur anda.

Jangan mengharapkannya untuk meninggalkan pekerjaannya, tetapi cubalah untuk menyesuaikan diri dengan apa yang ada. Jika ia sedang membaca atau mengadakan perbincangan dalam suatu bidang, maka janganlah menganggunya. Anda boleh mengerjakan pekerjaan rumah, membaca buku atau dengan persetujuannya pergilah ke rumah saudara mara atau teman-teman. Tetapi apabila ia sedang beristirahat, Cubalah untuk berada di rumah. Siapkanlah

makanannya dan keperluan-keperluan yang lain. Terimalah suami anda dengan menunjukkan kebaikan hati dan menyenangkannya, anda tidak hanya mendorong kerjayanya tetapi juga memperbaiki hubungan dengan masyarakat.

Tidak semua wanita beruntung mendapat suami yang bekerja keras seperti itu. Maka dengan bersikap baik dan sanggup berkorban, buktikanlah bahawa anda menghargainya.

Jika pekerjaan suami anda memerlukan pakaian tertentu yang menjadi kotor, maka cucilah secara teratur. Jangan merungut dan jangan mencaci pekerjaannya. Jangan mendesaknya supaya bertukar pekerjaan. Bertukar pekerjaan bukan suatu hal yang mudah. Apa salahnya menjadi seorang mekanik. Ini bukan suatu yang penting dan tidak perlu menjadi penyebab keretakan rumahtangga.

Seseorang wanita mengadu kepada hakim di pengadilan bahawa pekerjaan suaminya sebagai penjual minyak tanah dan ia berbau tidak enak. Oleh kerana itu, ia merasa tidak tahan dengan keadaan ini.

Jika Anda Harus Menetap Jauh Dari Kampung Halaman Anda
Mungkin kita harus tinggal jauh dari kampung halaman kita. Suami anda mungkin bekerja di syarikat swasta atau pemimpin dan dihantar untuk bertugas di bandar atau di negara lain. Ada orang yang hidup seperti ini untuk sementara waktu dan ada yang selamanya. Lelaki terpaksa menerima keadaan ini, tetapi wanita lebih suka memilih untuk tinggal berdekatan dengan keluarga dan sahabatnya. Wanita ini terbiasa dengan jalan, tembok dan kawasan tempat kelahirannya. Setelah berpindah, mereka meyalahkan suami mereka dan mengeluh: "Mengapa aku harus tinggal jauh dari kampungku? Sampai bila aku harus berpisah dengan orang tuaku? Aku tidak memiliki sesiapa di tempat baruku. Aku tidak dapat tinggal di tempat ini. Suamiku, fikirkanlah jalan keluarnya!"

Wanita tidak boleh membuat suaminya bingung dengan cara seperti ini. Mereka berfikir sempit dengan merasa bahawa tempat kelahiran mereka adalah tempat tinggal yang terbaik. Mereka berfikir bahawa mereka tidak dapat menikmati hidup di tempat lain. Ingatlah manusia tidak akan merasa puas walaupun di planetnya sendiri. Mereka melangkah ke planet lain. Akan tetapi mereka

mencari dan bertemu wanita yang tidak mahu hidup di suatu tempat dengan jarak beberapa batu dari tempat kelahirannya. Ia berfikir: "Mengapa aku harus meninggalkan teman-teman dan keluargaku di tempat asing ini?" Seolah-olah wanita ini tidak yakin terhadap dirinya sendiri bahawa ia dapat bertemu teman-teman lain di tempat yang jauh dari kampung halamannya.

Isteri yang baik! Bijaksanalah dan bersedialah untuk berkorban. Jangan mementingkan diri sendiri. Ketahuilah bahawa tugas suami anda terpaksa membawa anda jauh dari kampung halaman. Jangan membuatnya risau. Jika ia seorang pegawai tentera? ia akan pergi dalam tugas, jika ia pegawai swasta maka beruntunglah ia kerana dapat hidup di tempat lain. Bila suami anda memberitahu kepada anda bahawa ia harus bertukar ke tempat lain, maka anda harus segera menyetujuinya. Lalu anda harus membantu mengemas barang-barang untuk pindah dan anda harus berusaha untuk merasa gembira. Rancanglah hidup anda di tempat yang baru itu dan anda harus mampu menyesuaikan diri di sana. Kerana anda adalah penduduk baru di tempat itu dan belum mengenal sikap penduduknya, maka berhati-hatilah terhadap mereka. Setelah itu bergullah dengan bantuan dan pentunjuk dari suami anda. Usahakanlah untuk berkawan dengan orang-orang yang soleh dan boleh dipercayai.

Semua tempat ada kelebihan tersendiri. Anda berpeluang melihat dan mengunjungi bangunan-bangunan lama. Anda harus mempersatukan seluruh keluarga dan mendorong suami anda dalam menjalankan tugasnya. Tidak lama selepas itu anda akan terbiasa dengan rumah yang baru dan mungkin bahkan akan lebih menyukainya dibandingkan dengan rumah yang lama. Anda pun mungkin bertemu dengan teman-teman baru yang lebih baik daripada teman-teman yang dahulu.

Jika tempat yang baru ini kurang memiliki kemewahan dibandingkan dengan tempat yang lama, maka biasakanlah dengan kehidupan anda yang baru dan lihatlah kebaikannya. Jika anda tidak lagi dapat memiliki keistimewaan seperti di bandar maka mungkin anda merasakan cuaca yang lebih baik di kawasan anda mungkin

mendapatkan makanan dengan mutu yang lebih baik dan lebih segar. Jika tidak ada sistem perhubungan yang baik, maka mungkin anda tidak akan menyedut udara beracun dan terhindar dari kebisingan manusia dan kenderaan.

Fikirkanlah mengeni orang-orang di kampung anda yang hidup bahagia di rumah mereka yang sangat sederhana dan tidak menginginkan sedikit pun kemewahan hidup di bandar dengan rumah yang indah seperti istana. Fikirkanlah keperluan dan kesusahan mereka. Jika anda boleh membantu mereka, maka jangan ragu dan doronglah suami anda untuk memberikan bantuan kepada mereka. Jika anda pandai menjalankan tugas anda, maka anda akan dapat hidup dengan selesa di tempat yang baru. Anda dapat membantu kemajuan suami anda. Dengan cara ini anda akan dikenali sebagai isteri yang patuh dan dihormati. Anda akan dicintai oleh suami anda dan disukai oleh orang lain. Lebih-lebih lagi Allah akan redha terhadap anda.

Jika Suami Anda Bekerja di Rumah

Wanita-wanita yang suaminya bekerja di luar rumah mempunyai kebebasan di rumah. Namun ada beberapa lelaki yang bekerja di rumah seperti penyair, pengarang, pelukis atau seorang ilmuan yang harus banyak membaca. Isteri mereka ini mempunyai lebih sedikit kebebasan di rumah dan kerana itu kehidupan mereka berbeza. Pekerjaan yang disebutkan di atas memerlukan konsenstrasi, bakat dan kecerdasan. Maka mereka memerlukan suasana yang sunyi dan tenang. Bekerja selama satu jam dengan suasana yang tenang sama dengan bekerja selama beberapa jam dalam keadaan yang bising dan sibuk. Masalahnya jelas. Di satu pihak suami memerlukan tempat yang tenang dan di lain pihak isteri ingin bergerak di sekitar rumah dengan bebas.

Bila seseorang wanita merencanakan urusan rumah yang seperti itu dengan cara yang sedemikian rupa sehingga suaminya dapat terus bekerja, maka tidak dapat dinafikan lagi ia telah melakukan tugas yang bernilai tinggi. Pencapaian seperti itu tidaklah mudah terutamanya bila ada anak-anak ada di rumah.

Namun demikian masalahnya harus diatasi, kerana kejayaan suami dalam pekerjaannya bergantung pada masalah ini.

Jika seorang wanita memberi kerjasama terhadap suaminya, ia akan mengubah suaminya menjadi seorang yang dihormati oleh masyarakat, dan memberi pandangan yang baik pada si isteri.

Seorang wanita di mana suaminya bekerja di rumah tidak boleh mengharapkan lelaki itu untuk mengasuh anak, membukakan pintu bagi para tamu, membuat kerja, membantunya dengan pekerjaan di rumah, untuk memarahi anak-anak..., tetapi ia harus membayangkan bahawa suaminya sedang berada di tempat kerja.

Isteri yang baik! Bila suami anda akan memasuki bilik kerjanya, siapkanlah pen, kertas, buku-buku dan barang-barang lain yang diperlukannya.

Bila anda sudah menyediakan ruang dan keperluan-keperluannya, tinggalkanlah ia. Jangan meninggikan suara dan biarkan anak-anak bergaduh. Ajarkan anak-anak untuk tidak bermain dengan ramai bila ayah mereka sedang bekerja. Jangan membicarakan masalah-masalah harian kepadanya. Bukakan pintu atau terimalah panggilan telefon. Bila ada orang yang hendak menemuinya atau berbicara dengannya, katakan kepada mereka bahawa ia sedang sibuk. Temuilah tetamu anda pada masa suami anda berhenti bekerja. Katakan pada teman-teman dan keluarga anda untuk mengunjungi anda bila suami anda tidak sibuk lagi. Teman anda yang baik tidak akan tersinggung dengan permintaan itu. Sambil bekerja penuhilah keperluan-keperluan suami anda. Jangan ganggunya. Memang cara hidup seperti ini tidak biasa dengan keadaan seperti ini memikirkan betapa pentingnya pekerjaan suami, maka mereka memutuskan untuk mengatasi masalah ini dengan perencanaan yang baik, pengabdian dan kebijaksanaan. Keistimewaan seorang wanita nampak jelas dalam keadaan seperti ini. Mengerjakan pekerjaan rumah sehari-hari bukanlah tugas yang luar biasa.

Isteri yang baik! Menulis buku atau artikel ilmiah yang baik, atau karangan yang bermanfaat, menulis puisi yang indah, menciptakan lukisan yang bernilai tinggi, atau penyelesaian

masalah-masalah yang ilmiah bukan hal yang mudah. Tetapi dengan kesabaran dan kerjasama anda, hal-hal tersebut menjadi mudah. Apakah anda tidak bersedia mengorbankan keinginan-keinginan anda, dan dengan sedikit perubahan dalam hidup anda, membantu suami anda dalam pekerjaannya? Dengan bantuan anda ia akan dihormati dan anda juga akan berkongsi status sosialnya.

Bantulah Suami Anda Untuk Maju

Manusia mempunyai sifat inginkan kemajuan. Rasa cinta terhadap pencapaian kesempurnaan wujud dalam diri kita semua; dan kita telah diciptakan untuk mencapai kesempurnaan. Setiap orang dalam setiap pekerjaan dan dalam setiap keadaan mampu mencapai kemajuan. Manusia tidak akan merasa puas dengan apa yang ada, dan tidak boleh lupa akan tujuan penciptaan. Manusia harus berusaha untuk mencapai kesempurnaan dalam hidupnya.

Walaupun setiap orang mengejar kesempurnaan, tidak semuanya berjaya. Mencipta kemajuan memerlukan semangat yang tinggi dan kerja keras. Kita harus mempersiapkan dasarnya, menghapuskan segala rintangan dan setelah itu mengambil langkah-langkah yang perlu dalam menuju kemajuan. Keperibadian seorang lelaki sangat bergantung kepada harapan isterinya. Seorang wanita dapat membantu kemajuan suaminya dan ia juga dapat menghancurkannya.

Ibu yang baik! Sambil memikirkan kemungkinan-kemungkinan itu, fikirkanlah status yang lebih tinggi bagi suami anda dan doronglah ia untuk mencapainya. Jika ia ingin melanjutkan pelajarannya atau jika ia ingin memperluaskan pengetahuannya dengan membaca buku atau mengadakan kajian, jangan menghalangnya. Galakkan ia untuk mencapai cita-citanya. Rencanakanlah hidup anda suatu cara hingga tidak menjadi hambatan bagi kemajuannya. Usahakanlah untuk membatunya mencapai kamajuan dengan mewujudkan suasana yang aman dan selesa di rumah. Jika ia seorang buta huruf, galakkan dan suruhlah dengan sopan agar ia mahu belajar di sekolah-sekolah malam. Jika ia seorang yang terpelajar, doronglah ia untuk menambah pengetahuan

dengan lebih banyak membaca. Jika ia seorang doktor, galakkan ia membaca jurnal kesihatan dan artikel-artikel lain yang berkaitan dengan keahliannya. Anda harus ingat bahawa jawatan apa sekali pun yang ada pada suami anda, pasti ada peluang baginya untuk maju.

Jangan membiarkannya menyimpang dari jalan yang sudah ditentukan oleh Yang Maha Pencipta. Galakkan ia untuk membaca buku-buku. Jangan menyekat kemajuannya.

Jika ia tidak mempunyai waktu untuk membeli atau mendapatkan buku, maka dengan petunjuknya atau dengan bantuan seorang teman, dapatkanlah buku-buku yang diperlukannya. Berikanlah buku-buku itu kepadanya dan galakkan ia agar membacanya. Anda juga harus membaca buku-buku dan majalah-majalah yang bermanfaat. Bila anda sedang terbaca artikel yang berguna bagi suami anda, beritahu hal itu kepadanya. Sikap ini akan memberi banyak kebaikan:

- (a) Jika perbuatan ini sering anda lakukan, suami anda akan menjadi seorang yang pandai yang akan menambahkan lagi ilmu baginya dan bagi diri anda juga. Lebih-lebih lagi ia akan menjadi seorang ahli yang sangat pandai yang akan memberikan tumpuan yang penting bagi dirinya dan bagi masyarakatnya.
- (b) Kerana itu, melalui hal-hal yang dipelajari dan dikajinya, ia telah memenuhi tujuan penciptaan, dan terhindar dari kecenderungan untuk mengalami gangguan mental dan saraf.
- (c) Kerana ia berada di jalan menuju kemajuan dan menunjukkan minat membaca, maka ia akan terhindar dari terliat dengan aktiviti-aktiviti yang tidak sihat dan tidak akan bergantung kepada nasib.

Berhati-hatilah Agar Suami Anda Tidak Tersalah Langkah:

Lelaki harus mempunyai kebebasan dalam mengejar kemajuan bermasyarakat supaya ia dapat bekerja dan mencapai kemajuan yang

sesuai dengan dirinya. Jika lelaki dibatasi aktiviti mana mereka akan merasa tidak senang, wanita yang bijak tidak akan mengganggu suaminya. Dia tidak sering menghalang aktiviti suaminya; kerana ia harus faham bahawa dengan tidak memberikan kebebasan yang diperlukan oleh suaminya - dan dengan mengawal aktiviti - maka akan menimbulkan kemarahan suaminya.

Lelaki yang tahu menjaga dirinya dan berpengalaman tidak perlu dikawal. Lelaki seperti itu bertindak mengikut akalnya; mereka tidak dapat ditipu; mereka tahu siapa sahabat mereka dan siapa musuh mereka. Namun ada lelaki yang sederhana; mereka dengan mudah dapat ditipu dan dengan mudah pula dapat dipengaruhi oleh teman-temannya.

Ada orang-orang yang suka menipu mereka yang sederhana dan selalu menggunakan orang yang bodoh seperti itu. Para penipu itu, dengan berpura-pura menjadi orang baik, membawa orang-orang itu ke arah penyelewengan. Masyarakat yang menyeleweng dan sifat manusia yang tidak mahu memajukan diri tidak akan membantu keadaan seperti itu. Orang yang sederhana itu mungkin tidak peka dengan keadaan, untuk sementara waktu terperangkap tanpa ada jalan keluar.

Jika anda melihat sekeliling anda, mungkin ada puluhan orang yang menerima nasib malang seperti itu. Mungkin tidak seorang pun di antara mereka berniat untuk masuk perangkap kegiatan yang tidak sihat, tetapi disebabkan kesederhanaan, ketidakpekaan ataupun kejahilan mereka, maka mereka terjerumus dalam aktiviti yang tidak sihat.

Berhubung hal ini lelaki yang sederhana perlu diberi perhatian. Dengan memperhatikan aktiviti mereka, orang-orang yang bijaksana dan berniat baik dapat membantu mereka. Orang-orang yang paling layak luntuk melakukan tugas ini adalah para isteri kepada mereka ini. Seorang isteri yang bijak dan pandai, melalui sikap bijaksana dan baik, dapat melaksanakan tugas terbesar yang membabitkan suami mereka. Namun para isteri tersebut harus ingat agar tidak turut campur tangan dalam urusan suami mereka dan menentukan yang boleh mereka lakukan dan apa yang tidak boleh mereka lakukan.

Sebabnya ialah kebanyakan kaum lelaki tidak suka diperlakukan seperti alat yang dikawal oleh orang lain, atau mereka akan bersikap keras. Tetapi wanita yang bijaksana akan memperhatikan aktiviti dan hubungan suaminya secara tidak langsung tanpa disedari oleh suami mereka.

Kadangkala suami agak lewat pulang ke rumah. Jika ini masalahnya dan tempoh kelewatannya masih dalam batas-batas yang dapat diterima, maka anda tidak perlu risau, kerana mungkin suami mempunyai hal tertentu yang tidak diduga dan kadang-kadang harus mereka lakukan selepas waktu bekerja. Namun jika tempoh kelewatan ini melampaui batas yang boleh diterima, maka isteri harus berusaha bersikap terbuka. Tetapi untuk bertanya sebab kelewatannya, bukannya mudah, ini memerlukan kesabaran dan kebijaksanaan; kita harus mengelakkan kemarahan dan sikap menentang. Seorang isteri harus bertanya dengan lemah lambut. Anda harus bertanya mengapa ia pulang agak lewat dari biasa dan ke mana ia pergi. Anda harus bertanya dengan bijaksana dan sabar. Jika anda mendapati bahawa ia pulang lewat kerana tugasnya atau menghadiri majlis ilmiah, keagamaan atau moral, maka biarkanlah. Jika anda rasa ia telah bertemu teman baru, maka anda harus tahu siapa orangnya. Jika kawan barunya itu adalah orang yang berkelakuan baik dan akhlak mulia, maka anda tidak perlu bimbang. Anda dianjurkan untuk mendorongnya berteman dengan kawan yang baru itu, kerana teman yang baik adalah rahmat.

Jika anda berfikir bahawa suami anda menyeleweng atau ia berteman dengan orang-orang yang menyeleweng dan jahat, maka anda harus menghentikannya segera. Seorang wanita yang menghadapi masalah ini mempunyai tanggungjawab yang besar. Melakukan kesilapan dalam menanganinya, melalui pertengkaran membawa kepada keretakan rumahtangga. Pada masa inilah kepandaian dan kebijaksanaan kaum wanita terserlah dan. Kita harus ingat bahawa perdebatan atau pertengkaran bukan suatu cara untuk menyelesaikan masalah. Seorang wanita yang menghadapi masalah ini, mempunyai dua tugas yang dipikulnya:

- (a) Pertama ia harus melihat keadaan rumah serta diri dan sikapnya. Ia harus mencari sebab atau punca perbuatan suaminya. Ia harus dengan adil menentukan mengapa suaminya bersikap tidak mempedulikan keluarga dan melakukan penyelewengan. Mungkin ia akan mendapati bahawa sikapnyalah yang menjadi penyebab, atau mungkin ia tidak mempedulikan makan minumannya, kecantikannya ataupun rumahnya. Perkara seperti itulah yang menyebabkan lelaki keluar dari rumah. Lalu mereka akan melakukan perbuatan yang tidak sihat supaya dapat melupakan kekusutan yang timbul.

Isteri boleh bertanya kepada suaminya dan cuba membantu menyelesaikannya. Jika seorang isteri dapat memperbaiki dirinya dan mengubah rumahnya menurut selera suaminya, maka ia boleh menarik perhatian suaminya kembali kepada keluarga dan menghindarkannya dari menghadiri diri dengan aktiviti-aktiviti yang menyimpang.

- (b) Kedua, seorang isteri harus menunjukkan sikap yang baik kepada suaminya. Ia harus mengingatkan dan menasihatkan suaminya mengenai akibat buruk kesan dari perbuatannya. Bahkan ia harus menangis dan memohon kepada suaminya untuk menghentikan pergaulannya yang tidak baik. Ia harus berkata kepadanya:

“Aku mencintaimu sepenuh hatiku. Aku bangga padamu. Aku memilihmu dari segalanya dan aku bersedia untuk mengabdikan diriku padamu. Tetapi aku sangat sedih kerana satu perkara; mengapa seorang lelaki sepertimu mempunyai teman seperti itu; atau menghadiri majlis seperti itu? Perbuatan yang demikian itu tidak sesuai bagimu, tolonglah, hentikan perbuatan itu.”

Isteri harus terus bersikap demikian hinggalah ia dapat menimbulkan kesedaran suaminya.

Mungkin suami telah terbiasa melakukan perkara yang kurang baik dan ia tidak mudah dipengaruhi, tetapi isteri tidak boleh berputus asa. Ia harus melaksanakan tugasnya dengan kekuatan dan kesabaran.

Wanita mempunyai kekuatan dan pengaruh besar terhadap lelaki. Ia mampu melakukan apa saja yang dikehendakinya asalkan ia menggunakan fikirannya. Jika seorang wanita bertekad untuk menyelamatkan suaminya dari terlibat dengan aktiviti yang kurang sihat, maka ia boleh melakukannya. Mereka mempunyai peluang lapan puluh peratus untuk berjaya jika ia bertindak bijaksana. Namun ia tidak boleh menggunakan kekerasan atau sikap kasar, kecuali jika bersikap lemah lembut tidak memberikan hasil. Kemudian, barulah ia harus bertengkar, meninggalkan rumah atau menggunakan cara lain yang boleh dilakukan dan tidak mendendam.

Ya, tugas menjaga suami adalah tugas setiap isteri. Itu merupakan tugas yang berat dan itulah sebabnya Rasulullah (s. 'a.a.w) bersabda: "Jihad seorang wanita adalah mengurus suaminya dengan baik."

Wanita Yang Curiga

Tidak salah jika wanita mencurigai suaminya, asalkan hal itu tidak keterlaluan hingga menjadi kecurigaan dan rasa tidak percaya. Kedurigaan adalah penyakit yang merosak dan tidak dapat disembuhkan. Sayang, sebahagian wanita terkena penyakit ini.

Seorang wanita yang curiga dengan membayangkan bahawa suaminya adalah baik secara sah mahupun tidak sah, tidak akan setia kepadanya. Ia membayangkan suaminya akan kahwin dengan wanita lain. Ia mencurigai suaminya mempunyai hubungan dengan setiausahanya atau wanita lain. Ia tidak memperfayai suaminya kerana sering pulang lewat atau melihatnya bercakap dengan wanita lain. Jika suaminya membantu seorang janda dengan anak-anaknya, si isteri mungkin berfikir bahawa suaminya tertarik kepada janda itu dan bukan kerana kasihan kepada mereka. Jika ada wanita memuji suaminya sebagai lelaki yang kacak atau berkelakuan baik, ia akan

berfikir bahawa suaminya tertarik dengan wanita itu. Jika terjumpa seurat rambut di kereta suaminya, ia berfikir ada wanita lain dalam hidup suaminya.

Wanita-wanita seperti ini, dengan tanggapan dan bukti-bukti yang tidak kukuh, sedikit demi sedikit memberikan keyakinan kepada dirinya tentang ketidaksetiaan suaminya.

Mereka memikirkannya siang dan malam. Mereka juga memberitahu kepada orang lain, baik teman mahupun lawan, yang kononnya bersimpati, membesar-besarkan kecurigaan ini dan sebagai tindakbalas mereka akan bercerita kepada wanita ini tentang lelaki lain yang tidak setia.

Perdebatan dan pertelingkahan mulai terjadi. Si isteri mulai tidak memperdulikan urusan rumah dan anak-anaknya. Bahkan ia akan pulang ke rumah orang tuanya. Ia akan terus mengawalinya dan memeriksa saku baju suaminya. Ia akan membaca surat-surat suaminya dan akan menafsirkan semua hal berkaitan dengan ketidaksetiaan suaminya.

Dengan sikap seperti ini ia akan menjadikan kehidupan keluarganya semakin kusut dan mengubah rumahnya menjadi neraka yang menyala, di mana ia sendiri turut menderita. Bila suaminya memberi bukti bahawa ia tidak bersalah, atau bersumpah bahawa ia tidak melakukan perbuatan yang salah, ataupun menangis, ia tetap tidak berpuas hati.

Para pembaca pasti pernah berjumpa wanita yang bersikap seperti ini, tetapi mungkin ada faedahnya jika kita cuba memahami kes-kes berikut ini:

Kes Pertama:

Seorang wanita berkata di hadapan sebuah keluarga: "Jangan terkejut kerana setelah dua belas tahun berkahwin dan mempunyai tiga orang anak yang masih kecil, saya mengambil keputusan untuk berpisah dengan suami saya. Kini saya yakin bahawa suami saya tidak setia kepada saya. Beberapa hari yang lalu, saya melihatnya berjalan dengan seorang wanita cantik. Saya membaca sebuah

majalah mingguan yang mempunyai ruangan ramalan nasib. Dalam bintang suami saya, dikatakan bahawa setiap minggu ia akan keluar dengan seseorang yang lahir di bulan Jun. Saya lahir pada Bulan Februari, kerana itu saya tidak termasuk seseorang yang disebutkan di dalam bintang itu. Di samping itu saya merasa bahawa ia tidak mencintai saya seperti dulu lagi." Suami wanita itu berkata: "Tolong katakan kepada saya, apa yang harus saya lakukan, saya harap majalah-majalah itu mempertimbangkan orang-orang seperti isteri saya, dan tidak banyak berbohong. Percayalah, ramalan bintang ini telah menghancurkan kehidupan saya bersama anak-anak saya. Jika minggu ini ramalan bintang mengatakan bahawa saya akan dapat banyak wang, ia akan bertanya kepada saya apa yang telah saya lakukan dengan wang itu. Atau jika dikatakan saya akan menerima surat, maka Allah akan melindungi saya! Mungkin lebih baik bagi kami untuk berpisah, kerana dia tidak menggunakan akalny."

Kes Kedua:

Seorang lelaki membuat aduan di mahkamah: "Sebulan yang lalu, ketika pulang dari sebuah majlis, seorang dari rakan saya meminta saya untuk menghantar dia dan isterinya balik ke rumah mereka. Pada suatu hari isteri saya meminta saya supaya menghantarnya ke rumah orang tuanya. Di dalam perjalanan ia melihat ke belakang dan ternampak sehelai rambut di tempat duduk bahagian belakang. Ia bertanya kepada saya, tuan punya rambut itu. Kerana bingung saya tidak dapat memberikan jawapan yang sebenarnya. Saya menurunkannya di rumah orang tuanya dan terus pergi kerja. Ketika saya menjemputnya pada malam hari, ia menolak untuk pulang bersama saya. Saya bertanya, mengapa? Ia menyarankan kepada saya, supaya saya tinggal sahaja bersama pemilik rambut itu."

Kes Ketiga:

Seorang wanita mengadu di mahkamah: "Suami saya setiap malam pulang lewat kerana kerja lebih masa. Saya merasa risau mengenai masalah ini dan kecurigaan saya semakin bertambah apabila

terdengar kata-kata jiran tetangga. Mereka berkata bahawa suami saya berbohong dan sebenarnya ia tidak bekerja pada malam hari dan sebaliknya ia mencari keseronokan dirinya sendiri; dan akibatnya saya tidak mahu lagi hidup bersama pembongong.”

Apabila tiba di mahkamah suaminya mengeluarkan beberapa pucuk surat dari sakunya dan meletakkannya di hadapan hakim dan memintanya agar membacakan surat-surat itu agar terbukti bahawa ia tidak bersalah dan untuk menghentikan sikap curiga isterinya itu.

Hakim mula membaca surat itu. Satu di antara surat-surat itu menunjukkan bahawa ia bekerja lebih masa dari pukul empat hingga lapan malam. Surat yang lainnya juga berkaitan dengan pekerjaannya di mana ia diminta menghadiri seminar.

Isterinya keluar ke depan dan setelah melihat surat-surat itu, ia berkata: “Setiap hari saya memeriksa sakunya, tetapi saya tidak pernah jumpa surat-surat ini.” Hakim berkata: “Mungkin ia menyimpannya di tempat kerja.”

Lelaki itu berkata: “Kecurigaan isteri saya sangat serius hinggalah saya merasa curiga kepadanya. Setiap malam saya mendapat mimpi buruk. Saya membayangkan isteri saya jatuh cinta dengan lelaki lain dan ingin berpisah dengan saya untuk kahwin dengan lelaki itu”

Kemudian wanita muda itu berlari mendekati suaminya. Sambil menangis kerana terlalu gembira, ia minta maaf dan keduanya meninggalkan ruang mahkamah.”

Kes Keempat:

Seorang doktor gigi membuat aduan di mahkamah dan berkata: “Isteri saya terlalu cemburu. Saya adalah seorang doktor gigi dan banyak pesakit wanita yang datang kepada saya untuk berubat. Hal ini telah membangkitkan cemburu isteri saya dan setiap hari kami bertengkar kerana masalah ini. Ia meminta saya agar tidak menerima pesakit wanita. Namun saya tidak mahu kehilangan pesakit saya. Saya mencintai isteri saya dan isteri saya pun demikian, tetapi permintaannya ini menghancurkan hidup kami. Beberapa hari yang lalu ia datang ke tempat kerja saya dan memaksa saya untuk

meninggalkan tempat itu. Kami pulang ke rumah dan bertengkar. Ia berkata: Saya datang ke tempat kerjamu dan duduk di sebelah seorang gadis muda di ruang menunggu. Kami bercakap tentang kamu dan ia tanpa mengetahui bahawa aku adalah isterimu, mengatakan: Doktor gigi ini adalah lelaki yang tampan dan baik.”

Doktor gigi itu berkata: “Kerana pendapat seorang gadis, isteri saya memaksa saya untuk keluar dari tempat kerja dengan mengheret saya.”

Kes Kelima:

Seorang wanita mengadu di mahkamah dan berkata: “Salah seorang teman saya mengatakan bahawa suami saya pergi ke rumah wanita lain. Pada suatu hari, saya mengekorinya dan saya dapati ia benar berlaku. Sekarang saya minta hakim untuk menghukumnya.” Suaminya faham apa yang dikatakan isterinya, menjelaskan kepada hakim: “Suatu hari saya pergi ke sebuah farmasi untuk membeli ubat. Di farmasi itu saya melihat seorang wanita sedang membeli susu. Ia tidak mempunyai wang yang cukup untuk membeli susu, maka saya menawarkan bantuan. Kemudian saya mengetahui bahawa ia adalah seorang janda yang miskin. Maka saya mengambil keputusan untuk meneruskan bantuan saya.” Para hakim, setelah mempertimbangkan masalah ini, menyedari kebenaran dari kenyataan lelaki itu dan kemudian mempersatukan suami isteri itu kembali.”

Kejadian seperti itu sering berlaku. Suasana keluarga berubah menjadi suatu lingkungan yang pudar, penuh kecurigaan dan permusuhan. Anak-anak akan menderita dan kesan negatif terhadap perkembangan jiwa mereka sangat besar.

Jika pasangan itu terus hidup dalam suasana ini, maka mereka berdua akan menderita, dan bila mereka menunjukkan kekerasan hati masing-masing, mereka akan sering bergaduh. Bila ini terjadi, baik lelaki mahupun wanita akan rugi, kerana di pihak lelaki ia tidak akan mendapat isteri yang lebih baik daripada yang pertama. Di lain pihak, anak-anak akan menderita dan tidak akan dapat menikmati

kehidupan yang sihat. Anak-anak mungkin akan berhadapan dengan masalah baru yang berkaitan dengan ayah atau ibu tiri.

Mungkin lelaki itu akan berfikir bahawa dengan menceraikan isterinya, ia dapat berkahwin dengan wanita yang "sempurna", dan dapat hidup dengan damai. Tetapi ini semua sekadar mimpi dan jauh dari kenyataan. Dengan menceraikan isterinya, mungkin ia akan berhadapan dengan masalah baru dengan isterinya yang baru.

Perceraian bukanlah jalan menuju kebaikan dan kebahagiaan bagi wanita. walaupun mungkin ia merasa puas telah dapat membalas dendam, untuk berkahwin lagi tidak mudah baginya. Mungkin ia harus hidup sendiri sehingga akhir hayatnya dan mungkin tidak dapat mengecapi kehidupan yang bahagia bersama anak-anaknya. Walaupun ia kahwin lagi, belum tentu suaminya yang baru menetapi dengan kehendaknya. Mungkin ia harus membesarkan anak-anak seorang lelaki yang isterinya telah meninggal dunia. Oleh itu, baik perceraian, perdebatan mahupun pertengkaran tidak dapat menyelamatkan pasangan suami isteri. Tetapi ada cara lain bagi mengatasi masalah tersebut.

Sikap yang paling baik adalah suami dan isteri harus menghentikan perdebatan dan cuba untuk bersikap rasional. Lelaki mempunyai tanggungjawab besar dalam masalah ini dan jalan penyelesaiannya berada di tangannya. Lelaki yang bersikap sabar dan memberi maaf, dapat menyelamatkan diri mereka dari masalah ini dan dapat membantu mengelakkan kecurigaan pada isteri-isteri mereka.

Inilah beberapa pesanan untuk kaum lelaki:

Pertama, saudara! Anda harus ingat bahawa walaupun isteri anda mencurigai anda, ia mencintai anda. Ia terikat kepada anak-anak dan kehidupan berkeluarga. Ia takut kepada perpisahan. Ia pasti menderita atas keadaan yang berlaku. Jika ia tidak mencintai anda, ia tidak akan merasa cemburu. Oleh sebab itulah ia tidak menyukai keadaan yang berlaku sekarang, tetapi apa yang dapat dilakukannya jika ia sakit? Ada pesakit yang menderita rematik dan

ada pula yang menderita penyakit kanser. Isteri anda menghadapi masalah jiwa. Dan jika anda tidak mempercayainya, bawalah ia berjumpa psikiatris. Anda harus merawatnya dengan penuh perhatian dan kasih sayang. Anda tidak boleh marah atau berdebat dengannya. Tidak seorang pun boleh bertengkar dengan orang sakit. Jangan bersikap kasar kerana ketidaksopanannya atau tuduhannya. Jangan menghadapi masalah dengan bertengkar, jangan pergi ke mahkamah. Jangan mengabaikannya. Jangan bercakap tentang perceraian atau perpisahan dengannya. Tidak satu pun dari perbuatan ini dapat menyembuhkan penyakitnya, malah ia akan memburukkan keadaan. Sikap tidak mesra anda akan menjadi sumber kecurigaannya.

Anda harus bersikap sabar kepadanya. Anda pasti sangat tersinggung dengan sikap isteri anda, tetapi tidak ada cara lain. Anda harus merawatnya hinggalah ia yakin bahawa anda tidak bersalah.

Kedua, anda harus mewujudkan saling mempercayai di antara diri anda berdua. Jangan menyembunyikan sesuatu darinya. Biarkan ia membaca surat-surat anda sekalipun anda belum membacanya. Tinggalkan kunci-kunci di laci, meja atau almari peribadi anda, agar ia dapat mengambilnya. Biarkan ia melihat beg atau saku-saku baju anda. Biarkan ia mengawal ke mana anda pergi. Jangan menunjukkan rasa tidak suka dengan hal-hal yang disebutkan di atas, tetapi anggaplah itu merupakan prosedur normal bagi kehidupan keluarga yang sihat dan akrab.

Selepas kerja, jika tidak ada urusan lain, pulanglah ke rumah secepat mungkin. Jika ada majlis yang tidak diduga yang harus anda hadiri, maka beritahulah kepada isteri anda dan beritahu ke mana anda pergi dan pukul berapa anda akan pulang. Cubalah pulang tepat kepada waktunya. Jika anda terlambat, maka segera beri alassannya pada isteri anda. Hati-hatilah, jangan berbohong kepadanya, kerana dia akan menjadi curiga. Berbincanglah mengenai tugas anda dengannya. Jangan menyembunyikan sesuatu darinya. Ceritakanlah apa yang berlaku di tempat kerja anda kepadanya. Jagalah agar ia tetap percaya kepada anda. Katakan kepadanya agar

bertanya hal yang membuatnya curiga yang menggangukannya.

Ketiga, mungkin anda tidak bersalah dengan tuduhannya, tetapi kecurigaan seorang wanita juga bukan semuanya tidak berasas. Mungkin tanpa disedari (kerana lalai), anda telah melakukan sesuatu yang menyinggung perasaannya dan membuatnya curiga terhadap anda. Anda harus memikirkan baik-baik apa yang telah anda lakukan sebelum ini. Mungkin anda dapat mengetahui punca kecurigaannya. Dengan cara ini akan dapat menyelesaikan masalah dengan lebih baik. Misalnya jika sebelum ini banyak bergurau dengan wanita lain, cubalah untuk tidak melakukannya lagi. Apa ertinya dikatakan tampan dan baik jika harus dibayar dengan kecurigaan isteri dan rasa tidak melakukannya lagi. Apa ertinya dikatakan tampan dan baik jika harus dibayar dengan kecurigaan isteri dan rasa tidak percaya terhadap anda? Mengapa harus menimbulkan kecurigaannya terhadap anda dengan bergurau dengan setiausaha atau teman wanita anda? Mengapa anda harus menggunakan seorang wanita untuk bekerja kepada anda? Jangan bergurau dengan wanita lain di pesta-pesta. Jika anda ingin membantu seorang janda miskin, mengapa anda tidak memberitahu kepada isteri anda terlebih dahulu? Mungkin anda dapat membantu janda itu melalui isteri anda. Jangan bertindak seperti seorang budak, tetapi seorang lelaki yang bijaksana, berunding dengan isteri anda bererti anda telah merawatnya. Anda harus membantu mengatasi masalahnya. Dengan kesabaran dan kebijaksanaan, anda harus menghindar bahaya yang mengancam kehidupan keluarga yang suci. Anda kemudian akan menyembuhkan penyakit isteri anda dan sekaligus menyelamatkan anak-anak anda dari kedukaan. Ianya menguntungkan diri anda baik secara mental mahupun material. Yang lebih utama, Allah memberikan ganjaran kepada kaum lelaki yang sanggup berkorban pada saat penting seperti ini.

Imam Ali (°a.s.) mengatakan: "Berbuat baiklah kepada wanita di setiap waktu. Berbicaralah dengan baik kepada mereka agar mereka dapat melaksanakan tugas mereka dengan baik."

Imam Sajjad (Ali Zainal Abidin) (°a.s.) menyatakan: "Salah satu hak wanita atas lelaki adalah lelaki harus memaafkan kesilapan

dan kejahatan isterinya.”

Rasulullah (s.‘a.a.w.) telah bersabda: “Setiap lelaki yang dapat menghadapi isteri yang tidak pandai secara sabar, maka Allah akan menganugerahinya kesabaran seperti kesabaran Nabi Ayub (‘a.s.).”

Inilah beberapa nasihat untuk para wanita:

Pertama, Ibu yang baik! Masalah suami yang tidak setia, seperti masalah di atas, perlu bukti. Selama kesalahannya tidak terbukti, anda sama sekali tidak berhak untuk menuduhnya. Adalah tidak dibenarkan seseorang menuduh seseorang yang lain tanpa mempunyai bukti yang nyata. Apakah tidak menyakitkan bila seseorang menuduh anda mengenai sesuatu hal tanpa bukti? Apakah dengan hanya bergantung pada teori anda yang bodoh dan tidak berasas anda menuduh seseorang melakukan zina?

Hai orang-orang yang beriman, jauhilah dari bahaya berprasangka; sesungguhnya sebahagian prasangka itu adalah dosa...

[Surah 44 : 12]

Imam Ja‘far Sadiq (‘a.s.) menyatakan : “Menuduh orang yang tidak bersalah lebih berat daripada gunung yang tinggi.”

Rasulullah (s.‘a.a.w.) bersabda: “Seseorang yang menuduh sesuatu yang palsu kepada seorang yang beriman, pada harikebangkitan nanti akan dimasukkan ke dalam api yang menyala supaya ia menerima hukuman yang sepatutnya.”

Ibu yang baik! Jangan bersikap bodoh dan jangan terlalu cepat membuat kesimpulan. Kalau anda mempunyai waktu, duduk dan tulislah semua bukti dan asas yang berkaitan ketidaksetiaan suami anda. Di samping itu, tulislah persoalan lain yang berhubung dengan masalah itu dan mengapa ianya terjadi. Kemudian anggaplah diri anda sebagai seorang hakim yang adil dan fikirkan dalam-dalam hal yang telah anda tulis. Jika hal tersebut tidak meyakinkan anda bahawa suami anda bersalah, maka anda dapat melupakan masalah

itu atau membuat pemeriksaan lebih jauh lagi.

Misalnya, adanya sehelai rambut dalam kereka suami anda dapat dijelaskan dengan salah satu penjelasan di bawah ini:

- (a) Mungkin rambut itu milik salah seorang keluarga suami anda seperti saudara perempuan, ibu, ibu saudara atau anak-anak perempuan mereka.
- (b) Mungkin milik anda sendiri.
- (c) Mungkin suami anda pernah menghantar teman atau saudaranya bersama isteri mereka dan rambut itu milik salah seorang dari isteri mereka.
- (d) Mungkin ia pernah menolong seorang wanita yang perlu bantuan.
- (e) Mungkin salah seorang musuhnya dengan sengaja meletakkannya di kereka suami anda agar anda mencurigainya.
- (f) Mungkin ia pernah menghantar teman wanitanya.
- (g) Mungkin juga ia pernah keluar dengan kekasihnya. Tetapi kemungkinan ini tidak kuat untuk menjadi bukti.

Jika suami anda terlewat pulang, mungkin ia melakukan pekerjaan tambahan, atau mungkin pergi ke rumah tamannya; atau menghadiri seminar; atau majlis agama; atau mungkin ia berjalan kaki ke rumah.

Bila seorang wanita mengatakannya sebagai lelaki yang tampat, ini bukan kesalahan suami anda. Berkelakuan baik bukan bukti bahawa ia bersalah. Apakah anda lebih suka suami anda sebagai seorang yang pemaarah, yang kerana itu orang akan membencinya?

Jika suami anda membantu seorang janda dan anak-anaknya, angaplah ia sebagai orang dermawan yang melakukannya kerana Allah.

Jika suami anda mempunyai meja atau almari peribadi dan jika ia tidak mengizinkan anda membaca surat-suratnya, jangan menganggap ia mempunyai kekasih. Biasanya lelaki mempunyai

sikap berahsia dan merendah diri. Mereka tidak suka orang lain mengetahui urusan mereka, mungkin mereka mempunyai sesuatu yang perlu dirahsiakan yang berkaitan dengan tugas mereka. Mungkin suami anda menganggap anda tidak boleh menyimpan rahsia. Walaupun demikian, itu mungkin terjadi dan tidak boleh dianggap sebagai bukti yang nyata.

Kedua, jika anda mencurigai sesuatu, anda harus membincangkannya dengan suami anda secara baik hingga mengetahui kebenarannya dan bukan dengan cara membantah. Terus teranglah kepadanya dan mintalah agar ia menjelaskan masalah yang menimbulkan kecurigaan anda itu supaya fikiran anda tenang. Lfalu dengarkan penjelasannya dengan teliti. Jika anda puashati dengan penjelasannya, maka masalah itu telah berlalu. Tetapi jika anda tetap curiga, maka selidikilah masalah itu sendiri sampai ternyata kebenarannya. Semasa menyelidik, anda mengetahui sesuatu yang suami anda telah berbohong maka jangan menganggapnya sebagai bukti dari kesalahannya. Kerana walaupun ia tidak bersalah, mungkin ia tidak sengaja untuk menceritakannya secara keseluruhan kerana takut anda menjadi lebih curiga. Tentu saja berbohong itu tidak baik, tetapi bila suami anda membuat kesalahan ini, maka anda tidak boleh membalasnya dengan bersikap bodoh. Mintalah dengan baik agar ia menceritakan hal yang sebenarnya. Ketidakmampuannya menceritakan masalah yang menimbulkan kecurigaan bukanlah suatu petunjuk bahawa ia bersalah. Mungkin ia benar-benar lupa akan sesuatu atau mungkin ia sedang dalam keadaan binggung. Apabila sampai peringkat ini anda tidak boleh mendesaknya lagi, dan tunggulah sampai suatu waktu yang lebih sesuai. Bila ia mengatakan kepada anda bahawa ada sesuatu yang ia lupakan, terimalah. Jika anda masih diliputi keraguan, selidikilah melalui jalan lain.

Ketiga, jangan menyatakan kecurigaan anda dengan sesiapa saja yang anda temui, mungkin ia musuh anda. Musuh selalu menerima keluhan anda, bahkan menambahkan beberapa

kebohongan dengan tujuan menghancurkan hidup anda. Mungkin mereka bukan musuh, tetapi orang-orang yang bodoh, sederhana dan tidak berpengalaman yang membesar-besarkan keluhan anda dengan penuh rasa simpati. Mungkin mereka dalah keluarga terdekat anda atau teman terdekat anda,. Perbincangan hanya bermanfaat bila dilakukan kepada orang-orang yang benar-benar bersimpati kepada kita, bijaksana dan pandai. Bila anda memerlukan seseorang untuk berbincan, carilah orang yang tepat dan bincangkanlah masalah dengannya.

Keempat, jika bukti bahawa suami anda bersalah itu tidak kukuh; bila teman-teman dan keluarga anda terfikir bahawa buktinya tidak cukup; bila suami anda menganggap dirinya tidak bersalah; dan akhirnya bila anda tetap curiga kepadanya, maka pastilah anda sakit. Anda menderita kekacauan mental di mana kecurigaan anda telah menjadi semakin teruk dan tidak dapat dikawal lagi. Anda harus berbincang dengan seorang psikiatri yang dapat mengubati anda dengan baik.

Kelima, oleh itu tidak baik bertengkar dengan suami atau membawa masalah itu ke mahkamah. Jangan mengatakan tentang perceraian dan jangan menghina suami anda. Sikap yang demikian hanya akan mendorong suami anda semakin marah dan berlaku pertelingkahan yang akan mengakaibatkan perceraian. Berhati-hatilah, jangan bertindak bodoh atau membuat keputusan untuk membunuh diri. Dengan membunuh diri anda bukan saja kehilangan nikmat hidup ini, tetapi anda juga akan disiksa di akhirat nanti.

Apakah tidak menyedihkan jika anda harus kehilangan hidup kerana fikiran yang tidak berasas? Apakah tidak lebih baik untuk menyelesaikan masalah dengan kesabaran dan kebijaksanaan?

Keenam, jika anda tetap curiga terhadap suami anda, atau anda membuat kesimpulan bahawa ia memang mempunyai hubungan dengan wanita lain, maka andalah yang bersalah kerana

tidak cukup berusaha untuk merebut hatinya. Anda telah menyediakan tempat dalam hidupnya untuk wanita lain. Tetapi jangan berputus asa, anda masih ada waktu. Perbaikilah sikap anda dan berusahalah sebaik mungkin supaya suami anda tertarik kepada anda.

Jangan Mempedulikan Fitnah

Salah satu sifat negatif manusia ialah bercakap mengenai keburukan orang lain. Sifat ini bukan saja buruk secara alamiah, tetapi juga merupakan punca banyak kekacauan. Sifat ini menimbulkan kecurigaan, pesimis, kacau-bilau dan pertengkaran antara manusia. Sifat ini juga merosakkan hubungan yang rapat dan menaburkan benih permusuhan di antara keluarga. Sifat ini juga memisahkan suami dengan isteri dan boleh membawa kepada terjadinya pembunuhan.

Malangnya sifat ini sudah tersebar luas di kalangan masyarakat hingga tidak lagi nampak sebagai suatu yang buruk. Dalam suatu pertemuan, jarang tidak terdengar adanya fitnah dan pembohongan. Terutama dalam perkumpulan wanita, unsur fitnah sangat ketara. Bila dua orang wanita bertemu, mereka mula bercerita. Mereka berbicara hal-hal yang bersifat fitnah seperti suatu perlumbaan. Kadang-kadang mereka bercerita mengenai suami mereka. Misalnya mereka berbicara tentang rupa dan pekerjaan suami dan mencari kesalahan suami orang lain. Seornag wanita akan memburuk-burukkan perkahwinan seorang wanita dengan seseorang yang dikahwininya, misalnya seorang pekerja bengkel atau tukang kasut. Jika suaminya adalah seorang pemandu teksi ia akan berkata: "Bagaimana kamu mengatasi hal ini?". Jika ia seorang penjual daging, ia akan berkata: "Suamimu selalu berbau busuk." Jika ia tidak berpendapatan banyak, ia akan berkata: "Bagaimana kamu dapat hidup dengan wang sebanyak itu? Mengapa kamu berkahwin dengannya? Apakah kamu tidak menyesal dengan wajah yang cantik tetapi berkahwin dengan lelaki yang pendek dan lemah itu? Bagaimana orang tuamu dapat mengizinkan perkahwinanmu? Apakah mereka sudah tidak mampu menjagamu? Seharusnya kamu

dapat berkahwin dengan siapa saja yang kamu inginkan. Mengapa kamu memilih lelaki itu? Ia tidak pernah membawamu ke mana-mana, tidak pernah menonton wayang, drama atau ke manapun juga.”

Tambahan lagi, suami awak memiliki wajah yang buruk. Bagaiman kamu tahan hidup dengannya? Mengapa kamu yang berpendidikan, sanggup berkahwin dengan seorang miskin?

Perbincangan seperti itu sering kita dengar di kalangan perkumpulan wanita dalam masyarakat. Wanita yang suka bercakap seperti itu, sebenarnya tidak berfikir tentang akibat yang mungkin terjadi kerana pembicaraannya. Mereka tidak berfikir bahawa dengan berbual atau membicarakan kesalahan-kesalahan orang akan mengakibatkan perceraian atau bahkan pembunuhan.

Wanita-wanita seperti itu merupakan setan yang menyerupai manusia. Mereka adalah musuh-musuh keluarga. Mereka mewujudkan pertengkaran antara suami isteri dan mengubah suasana sebuah keluarga menjadi gelap dan ruang sempit yang mengerikan. Apa yang harus dilakukan? Ini merupakan satu unsur negatif dalam masyarakat. Walaupun Islam dengan tegas melarang kita berbuat seperti ini, kita masih belum sedia untuk menghindarinya.

Rasulullah (s. 'a.a.w.) bersabda: “Wahai orang-orang yang mengakui sebagai muslim, tetapi gagal untuk memasukkan iman ke dalam hati, jangan bercerita tentang keburukan orang-orang muslim dan jangan mencari-cari kesalahan mereka. Barang siapa mencari-cari kesalahan orang lain, maka Allah Yang Maha Kuasa akan berbuat perkara sama ketika memperlihatkan kesalahan-kesalahan mereka; dan dalam perkara itu, mereka akan dihina oleh masyarakatnya walaupun mereka berada di rumah mereka sendiri.”

Wanita-wanita yang bersifat buruk ini mempunyai satu atau lebih tujuan. Mereka membuat fitnah kerana ingin membalas dendam agar dapat memecah belahkan satu keluarga. Mereka melakukannya kerana cemburu dan angkuh. Mungkin mereka ingin menutup kekeurangan diri atau menipu wanita-wanita yang bodoh. Mungkin mereka berpura-pura bersimpati. Kadang-kadang mereka

membuat fitnah untuk menghibur diri dan tidak mempunyai apa-apa tujuan kecuali memuaskan nafsu mereka yang jahat.

Pasti pembaca mengetahui peristiwa-peristiwa tertentu yang terjadi akibat dari fitnah. Berikut ini adalah salah satu contoh:

Seorang wanita berkata di mahkamah:

"Tuan... ada orang yang suka memfitnahkan suami saya supaya dapat menimbulkan pertengkaran antara saya dan suami saya. Ia sering mengatakan kepada saya bahawa suami saya tidak sesuai untuk saya dan ia tidak memahami saya dan tidak mempunyai perasaan. Ia mahu agar saya bercerai dengan suami saya dan berkahwin dengannya. Akibat dari saranannya yang bertujuan menipu, saya telah tersalah jalan dan pada suatu hari, saya bersama-sama dengannya membunuh suami saya."

Wahai wanita! Sekarang, setelah mengetahui tujuan jahat dari fitnah dan jika anda mencintai suami dan anak-anak anda, maka jangan terpengaruh oleh lidah-lidah syaitan yang menyerupai manusia. Jangan menjalin hubungan persahabatan mereka yang palsu.

Pastikan mereka bukan sahabat anda, tetapi musuh anda yang ingin melihat anda berpisah dari keluarga. Jangan bersifat bodoh dan jangan mempercayai mereka. Cuba menyedari tujuan mereka yang jahat dengan kebijaksanaan. Hentikanlah mereka segera bila mereka mula mengutuk suami anda, jangan malu untuk mengatakan kepada mereka: "Jika kita ingin tetap bersahabat denganku, jangan bercakap tentang suamiku lagi, kamu tidak berhak untuk mengutuknya. Aku mencintainya dan tidak ada yang salah pada dirinya."

Apabila mereka menyedari bahawa anda benar-benar sayang suami dan anak-anak, melalui ketegasan anda, maka mereka akan kecewa kerana membawa anda ke jalan yang salah dan anda pun tidak akan diganggu lagi. Jangan berfikir bahawa mereka akan menjadi marah dan anda akan kehilangan sahabat. Jika mereka sahabat yang sejati, maka mereka tidak boleh tersinggung dan harus berterima kasih kepada anda. Jika mereka musuh anda, maka apa yang lebih baik menghindari mereka? Bila anda bertemu dengan mereka yang tetap berbuat jahat, maka putuskan hubungan anda dengan mereka.

Kepuasan Suami Bukan Kepuasan Ibu

Seorang gadis ketika tinggal di rumah kedua ibubapanya berkewajipan memuaskan hati mereka. Tetapi bila ia telah berkahwin maka peranannya berubah.

Di rumah suaminya seorang wanita harus mengutamakan keperluan suaminya, walaupun keinginan suami bertentangan dengan keinginan kedua orang tuanya. Ia harus patuh pada kehendak suaminya, walaupun hal itu membuat orang tuanya tidak puashati. Tidak mentaati suami akan membahayakan ikatan perkahwinan dan sebaliknya. Tambahan lagi, ramai kaum ibu yang tidak mempunyai pendidikan yang cukup dan memiliki kebijaksanaan.

Ramai dari ibu belum menyedari bahawa anak-anak perempuan mereka harus mencapai persefahaman dengan suami-suami mereka. Pasangan yang sudah berkahwin harus dibiarkan untuk mengurus kehidupan baru mereka jika mereka mengalami kesulitan, mereka harus cuba mengatasinya dengan inisiatif mereka sendiri.

Ibu dari pihak isteri seringkali tidak menyedari hal ini, mereka ingin menantu lelaki mereka menurut kehendak mereka. Mereka berusaha baik secara langsung mahupun tidak langsung untuk mencampuri urusan keluarga mereka. Mereka menggunakan anak perempuan mereka yang masih muda dan tidak berpengalaman dan tidak begitu memahami keadaan, supaya mempengaruhi suami mereka. Para ibu itu terus menerus mengajarkan kepada anak-anak perempuan mereka apa yang harus dilakukan serta apa yang harus diperbuat dan apa yang harus dikatakan serta apa yang tidak boleh dikatakan. Anak perempuan yang malang itu yang menganggap ibunya bersimpati kepadanya dan berpengalaman, menurutinya dan melakukan apa yang disuruh oleh ibunya.

Memang tidak ada masalah jika menantu lelaki itu menurut keinginan mertuanya, tetapi jika ia menunjukkan sikap tidak setuju, maka pertelingkahan akan berlaku. Dalam masalah ini, ibu mertua akan menjadi begitu keras hati dan akan mengakibatkan kerosakan kehidupan keluarga anak perempuannya. Ibu yang bersikap tidak

peduli itu, bukannya menggalakkan anak perempuannya mamatuhi suaminya, tetapi menyuruh menentang suaminya. Si ibu mungkin mengatakan kepada anaknya: "Kau telah menghancurkan hidupmu. Betapa bodohnya suamimu! Betapa banyaknya orang-orang baik yang telah melamarmu. Betapa bahagianya hidup saudara sepupumu! Betapa beruntungnya kakakmu! Apa saja yang mereka miliki yang tidak kau miliki? Mengapa kau harus hidup seperti ini? Oh anakku yang malang!"

Ibu yang kata-katanya kononnya sebagai menunjukkan rasa simpati itu menyebabkan pertelingkahan keluarga dan pertengkaran antara anak perempuannya dengan suaminya.

"Seorang wanita yang berusia 30 tahun telah menyerang ibunya yang berusia 50 tahun kerana menyebabkannya bercerai. Wanita ini mengatakan: "Ibu saya seringkali memburuk-burukkan suami saya hingga menyebabkan seringnya terjadi pertengkaran antara saya dengan suami saya. akhirnya saya bercerai dan tidak lama kemudian saya menyesal. Tetapi sudah terlambat, enam jam setelah kami bercerai, suami saya bertunang dengan saudara sepupu saya. Saya kecewa hingga membuatkan saya memukul ibu saya."

Seorang lelaki berusia 39 tahun melarikan diri dari isteri dan ibu mertuanya dan meninggalkan sepucuk surat yang berbunyi: "Kerana sikap isteri saya dan kerana dia tidak mahu pergi ke Abadan bersama saya, saya mengambil keputusan meninggalkan dunia ini. Isteri dan ibu mertua saya bertanggungjawab atas kematian saya." Lalu lelaki yang tidak tahan lagi dengan sikap campurtangan ibu mertuanya itu membunuh diri."

"Seorang lelaki yang tidak tahan dengan campurtangan ibu mertuanya, mencampakkan wanita itu dari sebuah teks."

Tidak diragukan lagi, anak-anak perempuan yang menurut kepada orangtua seperti itu dan menyerah kepada keinginannya akan menyebabkan diri mereka sendiri menderita.

Oleh itu, wanita yang menyayangi keluarganya tidak boleh terpengaruh dengan kehendak ibunya dan tidak boleh menganggapnya seratus peratus betul.

Seorang wanita yang pandai dan bijaksana akan selalu meneliti saranan dan kata-kata ibunya sebelum melaksanakannya dalam kehidupan keluarganya sendiri. Ia boleh melaksanakannya jika saranan-saranan itu tidak bertentangan atau membahayakan ikatan kekeluargaan. dalam hal ini anak perempuan harus menuruti keinginan ibunya. Sebaliknya jika anak perempuan itu rasa bahawa

ibunya bersikap tidak peduli dan saranannya boleh membawa kepada terjadinya pertelingkahan maka ia harus menolaknya.

Bagaimanapun, ada dua pilihan bagi anak perempuan:

- (a) Menuruti keinginan ibunya yang akan membawa terjadinya pertengkaran dalam keluarga; atau
- (b) Tidak memperdulikan ibunya dan menuruti kehendak suami.

Jelas kebanyakan orang tidak akan memilih yang pertama, kerana jika dipilih ia akan hidup menderita bersama dengan suami dan anak-anak. Jika berlaku perceraian mereka tidak akan dianggap sebagai anggota keluarga lagi dan akan berusaha mengyingkirkannya. Ia akan terhina dan dianggap rendah oleh semua anggota keluarga. Hidup sendiri juga bukan mudah. Kahwin lagi juga bukan suatu yang mudah. Bagaimana mereka dapat memastikan akan bahagia dengan berkahwin lagi? Bagaimana dengan anak-anak? Bagaimana dengan anak-anak dari suami yang baru yang akan dikahwininya? Ia akan kecewa dan mengakhiri hidupnya dengan membunuh diri. Mungkin suami yang baru akan merasa sukar hidup bersamanya hingga ia akan lari atau bahkan membunuh diri.

Apabila seorang wanita merenungkan akan akibat perbuatannya yang bodoh dengan menuruti keinginan ibunya atau orang lain yang tidak baik, maka ia harus memutuskan dengan tegas untuk tidak mendengarkan semua percakapan itu supaya tidak membahayakan hubungan dengan suaminya.

Ia boleh mengatakan kepada ibunya:

“Sekarang kerana saya sudah berkahwin, lebih baik saya melindungi perkahwinan saya dan memberikan kepuasan kepada suami saya, saya lebih suka memperlakukannya dengan baik kerana ia adalah pasanganku. Ia mampu membuatku bahagia dan mahu membantuku. Ia berkongsi suka dan duka denganku. Ia adalah pilihanku dan bila kami menghadapi kesulitan, kami akan berusaha menyelesaikannya sendiri. Kami boleh merancang hidup kami. Campur tangan ibu akan membuat keadaan yang

sudah buruk menjadi semakin buruk. Jika ibu ingin mempunyai hubungan baik dengan kami maka jangan mencampuri urusan kami, jangan membicarakan keburlukan suami saya atau saya akan memutuskan hubungan saya dengan ibu."

Jika ibu anda, setelah mendengar cadangan anda, berhenti mencampuri urusan, maka anda tidak akan diganggu lagi. Akan tetapi jika ia tidak sedia menerima teguran anda, lebih baik anda berhenti menemuinya. Dengan ini anda akan lebih aman dan dapat hidup dengan tenteram.

Akibat dari memutuskan hubungan dengan orang tua, mungkin anda akan kurang kehormatan oleh ahli keluarga yang lain, tetapi anda akan lebih dihormati oleh suami anda.

Rasulullah (s.'a.a.w.) bersabda: "Isteri yang paling baik adalah yang melahirkan ramai anak, penuh kasih dan suci, yang tidak menyerah kepada keinginan keluarganya tetapi patuh kepada suaminya, menghias diri hanya untuk suami dan melindungi diri dari orang-orang yang tidak dikenali, mendengarkan ucapan suami dan mematuhi, memenuhi keperluan peribadinya dan pada waktu yang sama menjaga kehormatannya dalam sebarang keadaan."

Rasulullah (s.'a.a.w.) kemudian menambah: "Wanita yang paling buruk adalah yang memenuhi keperluan keluarganya sendiri dan tidak mematuhi keinginan suami, yang mandul dan selalu ingin membalas dendam, tidak takut melakukan perbuatan-perbuatan yang tidak baik, menghias diri ketika suami tidak ada, tidak memenuhi keperluan peribadi suaminya, tidak mahu menerima alasannya dan tidak mahu memaafkan kesalahannya."

Berhias dan Menjaga Kebersihan di Rumah

Sudah menjadi kebiasaan kebanyakan wanita bila mereka ke majlis atau ke suatu perjumpaan, mereka akan mengenakan pakaian yang paling indah dan menghias diri mereka sebaik-baiknya. Tetapi setelah pulang ke rumah, mereka akan menggantinya dengan pakaian yang lama dan lusuh. Wanita-wanita ini tidak mengambil berat tentang dengan kebersihan di rumah dan kecantikan semasa diri di rumah. Mereka mundar mandir di rumah dengan rambut kusut, baju yang kotor dan kasut yang sudah lama. Sepatutnya

perkara yang sebaliknya berlaku. Seharusnya wanita menghias diri di rumah dan menarik perhatian suaminya agar dapat merebut hatinya dan supaya tidak wujud kekosongan antara ia dan suaminya yang membenarkan wanita lain untuk mengisinya. Mengapa ia harus kelihatan cantik untuk orang lain? Apakah patut bagi seorang wanita untuk memperlihatkan kecantikannya di hadapan lelaki lain dan menciptakan persoalan bagi kaum muda?

Rasulullah (s. 'a.a.w.) bersabda: "Wanita yang menggunakan wangian dan kemudian meninggalkan rumah, tidak akan mendapatkan rahmat dari Allah hingga ia pulang ke rumah."

Rasulullah (s. 'a.a.w.) juga bersabda: "Isteri yang paling baik adalah yang patuh kepada suaminya, menghias dirinya di hadapan suaminya tetapi tidak menunjukkan perhiasannya di hadapan lelaki lain; dan isteri yang paling buruk adalah yang menghias dirinya di waktu suaminya tidak ada."

Wahai isteri! Merebut hati seorang lelaki, terutama untuk jangka waktu yang panjang, bukan suatu yang mudah. Jangan berfikir: "Ia mencintaiku, aku tidak perlu kelihatan cantik di hadapannya atau memikat hatinya." Anda harus memelihara cintanya terhadap anda. Yakinlah bahawa suami anda pasti menginginkan seorang isteri yang kemas, bersih dan cantik walaupun mungkin ia tidak meluahkannya dengan kata-kata. Bila anda tidak memenuhi keinginan hatinya dan tidak berpakaian menarik di rumah, mungkin ia akan melihat wanita yang cantik dan menarik di luar rumah, mungkin ia akan menjadi tawar hati terhadap anda dan akan melakukan sesuatu luar dari batasan agama. Bila ia melihat wanita cantik, ia akan membandingkannya dengan anda. Jika anda adalah wanita yang tidak kemas, comot dan berambut kusut, ia akan berfikir bahawa wanita lain adalah bidadari yang turun dari syurga. Kerana itu cubalah untuk kelihatan menarik di rumah dan pastikan bahawa ia tidak akan kehilangan tarikannya terhadap anda.

Bacalah surat di bawah ini yang ditulis oleh seorang suami:

Orang tidak dapat membezakan isteri saya dengan pembantu rumah. Aku bersumpah demi Allah

bahawa kadang-kadang saya berfikir; kalau saja di rumah ia mahu memakaikan salah satu di antara pakaian yang dibuatnya khas untuk menghadiri majlis. Saya harap ia akan buang pakaiannya yang sudah lama dan lusuh itu. Saya telah mengatakan kepadanya beberapa kali: "Sayang, pakailah pakaian yang cantik itu pada hari cuti." Ia menjawab cadangan saya dengan muka masam: "Aku tidak perlu berpakaian cantik bila di rumah; tetapi jika pada suatu hari aku terlihat tidak kemas di hadapan teman-temanku, itu akan memalukan aku."

Mungkin pembaca mengatakan bahawa pada masa mengemas rumah dan memasak, seorang wanita tidak dapat berpakaian kemas dan kelihatan cantik. Mungkin itu benar, tetapi seorang suri rumahtangga boleh menyediakan pakaian yang berasingan untuk kerja rumah, ia dapat menukarnya dengan baju yang cantik bila suaminya ada atau bila suaminya pulang bekerja. Anda harus selalu mengemaskan rambut dan memelihara kebersihan diri selepas selesai mengerjakan pekerjaan dirumah.

Imam Baqir ('a.s.) mengatakan: "Diwajibkan atas setiap wanita untuk mengenakan wangian, memakai pakaiannya yang terbaik, menghias dirinya sebaik mungkin dan menemui suaminya dalam keadaan begini baik siang mahupun malam."

Imam Ja'far sadiq ('a.s.) mengatakan: "Seorang wanita tidak boleh meninggalkan perhiasannya walaupun hanya dengan seutas rantai. Ia harus menghiasi tangannya walaupun hanya dengan sedikit inai. Wanita yang sudah tua pun sebaiknya tetap mengenakan perhiasan."

Jadilah Ibu Kepada Suami:

Di saat sibuk atau sakit, seseorang ingin dirawat. Seorang jururawat dapat membantu menyembuhkan orang yang sakit melalui rawatan yang baik dan penuh kasih sayang. Lelaki adalah anak kecil yang telah dewasa. Mereka masih memerlukan jagaan yang bersifat keibuan. Bila seorang lelaki berkahwin dengan seorang wanita, ia mengharapkan wanita itu menjadi ibunya di saat ia sedang sakit atau

dalam kesulitan.

Isteri yang baik! Bila suami anda sakit, rawatlah ia lebih dari biasa. Tunjukkan rasa simpati anda dan tunjukkanlah bahawa anda benar-benar bimbang kerana ia sakit. Hiburkan hatinya, sediakan semua keperluannya dan jagalah agar anak-anak tidak membuat bising supaya iadapat beristirehat. Bila ia memerlukan ubat atau seorang doktor, penuhilah permintaannya. Masaklah makanan yang disukainya dan yang baik untuknya. Tanyakan mengenai kesihatannya selalu. Usahakanlah untuk sering berada di sisinya. Jika ia merasa kesakitan dan tidak dapat tidur, berjagalah dengannya. Bila anda terbangun, segeralah ke sisinya. Tanyakan bagaimana keadaannya. Jika ia tidak dapat tidur malam itu, tunjukkan kesedihan anda. Jagalah agar biliknya tenang di siang hari. Perhatian anda kepadanya akan segera menyembuhkannya. Di samping itu ia akan melakukan perkara yang sama terhadap anda jika anda sakit suatu hari nanti.

Rasulullah (s. 'a.a.w.) bersabda: "Jihad seorang wanita adalah menjaga suaminya dengan baik."

Jagalah Rahsia Suami:

Biasanya wanita ingin mengetahui rahsia suaminya, pendapatan mereka, keputusan mereka tentang masa depan dan pekerjaan mereka. Mereka mengharapkan agar suami mereka tidak menyembunyikan sesuatu dari mereka. Sebaliknya kaum lelaki tidak bersedia menceritakan segalanya kepada isteri mereka. Akibatnya, suami dan isteri selalu bertengkar mengenai masalah ini.

Setengah wanita mengatakan bahawa suami mereka tidak mempercayai mereka; tidak membenarkan mereka membaca surat-suratnya; tidak memberitahu berapa jumlah pendapatan mereka; tidak berterus terang kepada mereka; tidak menjawab pertanyaan-mereka dengan baik dan kadang-kadang berbohong kepada mereka.

Sebenarnya kaum lelaki tidak berkeberatan memberitahu rahsia mereka kepada isteri mereka. Akan tetapi mereka yakin bahawa isteri mereka tidak boleh menyimpan rahsia; akan menyampaikan semua yang mereka ketahui kepada orang lain; dan

mungkin bahkan akan menimbulkan kesulitan bagi suami.

Jika seseorang bermaksud untuk mengetahui rahsia orang lain, cukup dengan menemui isteri orang itu. Ada isteri yang bila mengetahui rahsia suaminya menggunakannya untuk memeras ugut suaminya dan dengan demikian ia telah menyalahgunakan kepercayaan suaminya terhadap dirinya.

Jelas seorang lelaki, sampai pada peringkat tertentu mempunyai tujuan. Wanita, dibandingkan dengan lelaki lebih mengikut perasaannya. Bila wanita marah, sukar baginya untuk mengawal diri dan dengan mengetahui rahsia suami, ia akan menyusahkan suaminya.

Oleh itu jika wanita ingin mengetahui rahsia suaminya, ia harus berhati-hati untuk tidak menceritakannya kepada sesiapa pun, dan di mana pun tanpa izin suaminya. Ia juga tidak boleh memberitahu sekalipun kepada teman karib atau keluarganya. Memberitahu rahsia kepada seseorang dan berpesan agar tidak memberitahu kepada orang lain hingga semua orang akan mengetahuinya, bererti bukan rahsia lagi.

Oleh itu seseorang yang bijak tidak akan menceritakan rahsianya kepada orang lain.

Imam Ali ('a.s.) mengatakan: "Dada seorang yang bijaksana adalah telah menyimpan rahsianya."

Imam Ali juga mengatakan: "Kebaikan di dunia dan di akhirat ada dua iaitu menjaga rahsia dan persahabatan dengan orang-orang baik; dan kejahatan juga ada dua iaitu mendedahkan rahsia dan berkawan dengan orang yang tidak baik."

Terimalah Pengurusannya:

Setiap lembaga, perusahaan dan organisasi memerlukan pengurus yang bertanggungjawab. Dalam setiap unit sosiologi dan organisasi, kerjasama antara pekerja sangat diperlukan. Akan tetapi menjalankan urusan dari unit-unit tersebut memerlukan seorang pengurus yang mampu mengatur tugas-tugasnya.

Salah satu dari unit sosial yang terpenting itu adalah "Keluarga". Menjalankan urusan dalam unit ini sangat penting dan

sulit.

Tidak diragukan lagi, harus ada saling pengertian yang mendalam dan kerjasama antara setiap anggota keluarga, tetapi harus ada seorang pengurus yang akan bekerja secara bertanggungjawab berhubung urusan-urusan keluarga. Bila sebuah keluarga tidak menghendaki adanya seorang yang mengatur kehidupan anggota keluarga lainnya maka keluarga itu akan mengalami masalah dan kesulitan. Maka suami harus bertindak sebagai pengarah dan isteri mengikutinya atau sebaliknya.

Bagaimanapun, oleh kerana sikap rasional seorang lelaki lebih menonjol daripada perasaannya, mereka akan menjadi pengurus yang lebih baik.

Allah Yang Maha Kuasa berfirman dalam al-Qur'an:

Kaum lelaki adalah pemimpin bagi kaum wanita, oleh kerana itu Allah telah melebihkan sebahagian mereka (lelaki) atas sebahagian yang lain (wanita) dan kerana mereka (lelaki) telah menafkahkan harta mereka, sebab itu maka wanita yang soleh adalah yang taat kepada Allah...."

[Surah 4:34]

Dengan demikian, anggota keluarga harus menganggap lelaki sebagai pelindungnya dan orang yang bertanggungjawab dan harus meminta persetujuannya dalam segala sesuatu yang akan mereka kerjakan.

Akan tetapi kita tidak boleh menganggap bahawa kedudukan wanita di dalam rumah adalah rendah. Namun kenyataannya, menjaga peraturan dan disiplin rumahtangga memang memerlukan kepemimpinan seorang lelaki. Wanita yang berfikiran waras dapat menerima kenyataan ini.

"Seorang wanita berkata: Kami mempunyai tradisi yang baik di Iran dan malangnya kini ianya semakin berkurangan. Dalam tradisi ini lelaki biasanya bertanggungjawab atas urusan rumahtangga. Biasanya lelakilah yang menjadi pemimpin. Tetapi sekarang suasana sudah berubah dan keluarga tidak dapat memutuskan siapa yang menjadi pemimpin sebuah keluarga. Saya yakin bahawa wanita masa kini yang mempunyai kedudukan yang lebih kurang sama dengan lelaki seharusnya menerima suami sebagai ketua rumahtangga... Tradisi lama ini harus dianjurkan kepada wanita-wanita

muda masa kini yang ingin berkahwin. Ia harus memasuki rumah suaminya dengan pakaian pengantin dan keluar dari tempat itu dengan mengenakan tudung."

Memang benar bahawa urusan pekerjaan rumah sehari-hari tidak membolehkan kaum lelaki untuk ikut campur dan secara praktiknya isterilah yang mengerjakan urusan rumah menurut kehendaknya. Tetapi hak kepemimpinan tetap ada di tangan lelaki dan kerana itu ia harus dihormati.

Oleh itu bila seorang lelaki mengutarakan pendapatnya mengenai sesuatu hal dalam urusan rumahtangga atau ia mengusulkan sesuatu, isteri tidak boleh menentang atau menolak hak suami atas kepemimpinannya dalam segala hal. Jika tidak lelaki akan merasa dirinya tidak berdaya dan menganggap isterinya sebagai wanita yang tidak sopan atau tidak bersyukur. Mungkin ia akan berdendam terhadap isterinya dan kemudian tidak akan memenuhi keinginan isterinya yang sah menurut hukum.

Rasulullah (s.'a.a.w.) bersabda: "Wanita yang baik akan menurut kehendak suaminya dan akan melakukan sesuatu dengan kemahuannya."

Seorang wanita bertanya kepada Rasulullah (s.'a.a.w.): "Apakah tugas seorang wanita terhadap suaminya?" Rasulullah menjawab: "Ia harus mentaatinya dan tidak boleh melanggar perintahnya."

Wanita yang paling tidak baik adalah yang keras kepala dan degil."

Rasulullah (s.'a.a.w) juga bersabda: "Wanita yang paling buruk adalah yang mandul, kotor, keras kepala dan tidak patuh."

Wanita yang baik! Terimalah kepemimpinan suamimu. Mintalah nasihatnya dalam setiap urusan rumahtangga. Jangan melanggar perintahnya di dalam setiap urusan rumahtangga dan keluarga. Janganlah sampai menolak penglibatannya dalam urusan rumahtangga di mana anda lebih mempunyai kemahiran. Jangan membuatnya tidak berdaya. Biarkan ia turut membantu dalam pekerjaan anda. Ajarkanlah kepada anak-anak untuk menghormati ayahnya dan untuk minta nasihatnya dalam urusan-urusan mereka. Anak-anak tidak boleh belajar melanggar peraturannya sejak usia

muda. Dengan demikian anak-anak anda akan terdidik untuk hormat kepada orangtua.

Bersedialah Menghadapi Kesulitan:

Hidup ini seperti roda. Kadang-kadang senang dan kadangkala susah. Pusingan hidup tidak selalu seiring dengan keinginan kita. Semua orang akan mengalami kesulitan. Semua orang akan jatuh sakit. Ramai yang kehilangan kerja mereka dan ramai pula yang kehilangan kekayaan mereka. Banyak kejadian yang tidak diingini berlaku dalam kehidupan setiap manusia.

Wanita dan lelaki yang telah bersumpah setia dan menandatangani ikatan perkahwinan, harus melalui jalan hidup ini bersama-sama. Ikatan itu harus teguh agar dapat mempersatukan mereka baik dalam masa sakit mahupun sihat, dalam keadaan kaya ataupun miskin dan dalam masa yang senang mahupun masa susah. Wanita baik! Jika suami anda menjadi miskin, haruskah anda menambah masalahnya dengan menunjukkan tingkah laku yang tidak menyenangkan hatinya? Jika ia jatuh sakit dan tidak boleh bangun, baik di rumah mahupun di rumah sakit, maka baik bagi anda untuk menunjukkan kasih sayang yang lebih terhadapnya. Anda harus menjaganya, memenuhi keperluannya dan membelanjakan wang anda untuknya. Jika anda mempunyai wang sendiri, anda harus membayar belanja perubatannya. Ingat bila anda sakit ia akan membayar untuk kesihatan anda. Tergamakkah anda menyimpan wang anda daripada membelanjakan untuk kesihatannya? Jika anda gagal untuk memuaskan hatinya di saat-saat sensitif seperti ini, maka ia akan kecewa terhadap anda dan mungkin akan menceraikan anda.

Berikut adalah sebuah kes yang perlu dibaca:

"Seorang lelaki datang ke mahkamah untuk menceraikan isterinya. Ia berkata: "Saya telah jatuh sakit beberapa hari yang lalu dan doktor mengatakan bahawa saya harus dibedah. Saya mengatakan kepada isteri saya supaya meminjamkan wang simpanannya kepada saya. Ia tidak setuju dan pergi meninggalkan rumah. Oleh sebab itu saya menjalani pembedahan di hospital daerah. Kini setelah saya kembali sihat, saya tidak mahu lagi tinggal dengan wanita yang lebih mencintai wangnya daripada suaminya. Bagaimana wanita seperti ini boleh digelar sebagai 'isteri'?"

Setiap orang yang waras akan menyedari bahawa dalam kes di atas, si suamilah yang benar. Wanita seperti itu yang tidak bersedia meminjamkan wangnya untuk pembedahan suaminya tidak layak menduduki tempat yang mulia sebagai "isteri".

Isteri yang baik! Berhati-hatilah agar tidak bersikap kejam ketika suami anda sedang menderita sakit. Haruskah anda meninggalkan suami dan anak-anak anda? Bagaimana anda sanggup meninggalkan lelaki yang selama ini telah bersama-sama dengan anda dalam masa senang? Bagaimana anda dapat pastikan bahawa nasib yang sama juga tidak menunggu anda? Apakah anda yakin bahawa lelaki yang lain lebih baik? Jangan bersikap keras kepala dan mementingkan diri sendiri. Berkorbanlah dan baktikan diri anda demi Allah dan juga kehormatan anda dan anak-anak anda. Bersabarlah dan ajarkanlah anak-anak anda untuk berbakti dan saling mencintai. Anda akan mendapat ganjaran yang sewajarnya di dunia dan di akhirat. Pengabdian anda adalah cara yang baik untuk menunjukkan perhatian anda kepada suami dan mendapat pahala yang sama dengan jihad.

Rasulullah (s. 'a. a. w.) mengatakan: "Jihad seorang wanita adalah mengurus suami."

Jangan Menolak Untuk Berbicara dan Jangan Merajuk

Kaum wanita bila marah terhadap suaminya biasanya merajuk tidak mahu bercakap, tidak mahu mengerjakan urusan rumahtangga, tidak mahu makan, memukul anak-anak dan merungut. Mereka berfikir bahawa tidak bercakap atau bertengkar adalah cara yang terbaik untuk membalas dendam kepada suaminya. Sikap ini bukan hanya tidak berhasil untuk menghukum suaminya tetapi mungkin akan mengakibatkan terjadinya pembalasan dendam. Kemudian hidup ini akan menjadi lebih susah dan berubah menjadi pertengkaran. Wanita bersedih, lalu lelaki pun demikian. Wanita tidak mahu berbicara lalu lelaki pun membalasnya. Isteri melakukan sesuatu yang lain dan suami pun melakukan hal yang sama, sampai mereka jemu dan kerana campurtangan dari teman-teman dan keluarga mereka pun berbaik semula. Tetapi ini bukan satu-satunya

pertelingkahan mereka. Akan ada lagi pertengkaran lain dan akan ada lagi hari-hari yang pahit.

Oleh itu kehidupan yang penuh dengan pertengkaran tidak akan menyenangkan baik untuk ibubapa mahupun untuk anak-anak. Kebanyakan dari anak-anak muda yang melarikan diri dari rumah berpunca dari keluarga seperti ini yang kemudian anak-anak muda itu melakukan jenayah dan maksiat.

Seorang anak muda yang ditangkap kerana mencuri menyalahkan orangtuanya sebagai penyebab kejahatan yang dilakukannya dan mengatakan: "Orangtuaku selalu bertengkar dan setelah itu mereka pergi ke rumah orang tua masing-masing dan aku pun merayau dan berjalan tanpa tujuan. Kemudian aku ditipu oleh teman-teman, lalu mencuri".

"Seorang gadis berusia 10 tahun mengatakan kepada pegawai kebajikan: 'Saya masih ingat orangtuaku bertengkar mengenai sesuatu. Hari berikutnya, ibuku pergi dan beberapa hari kemudian ayah mengajakku ke rumah ibu saudara. Setelah beberapa waktu ada seorang wanita tua mengambilku dari rumah ibu saudara dan membawaku ke Tehran. Peristiwa itu terjadi beberapa tahun yang lalu. Aku tinggal bersama wanita itu dan aku sangat menderita hingga aku tidak ingin kembali ke sana lagi.'"

Seorang guru berkata tentang seorang murid ~~perempuannya~~: "Ia adalah salah satu dari murid saya. Ia tidak maju dalam pelajarannya dan nampaknya menanggung penderitaan. Ia selalu berfikir. Ia juga sering duduk di perkarangan sekolah dan tidak mahu pulang ke rumah. 'Dua hari yang lalu saya bertanya mengapa ia tidak pulang. Ia menjawab bahawa ia tinggal bersama seorang wanita tua yang bersikap garang terhadapnya dan wanita itu tidak membenarkan ia pulang. Saya bertanya tentang orangtuanya dan pelajar itu menjawab bahawa mereka telah bercerai.'"

Ibu yang kami sayangi! Bila suami anda marah kerana anda tidak mahu bercakap kepadanya, maka ia mungkin akan melakukan sesuatu yang tidak diinginkan misalnya memukul anda. Mungkin anda akan keluar dari rumah dan pergi ke rumah orangtua anda. Lalu orangtua anda akan ikut campur tangan dan pertelingkahan antara anda dengan suami anda akan berpanjangan. Anda mungkin mengakhirinya dengan perceraian yang akan mengakibatkan kerugian anda lebih besar dari hanya kehilangan suami anda. Anda mungkin harus hidup sendiri hingga akhir hayat anda. Anda pasti akan menyesal dengan perceraian itu.

Seorang wanita berkata: "Saya telah berkahwin agak lama. Saya tidak begitu tahu cara mengurus suami dan suami saya pun tidak mengetahui cara

melayan isteri. Kami bertengkar setiap hari. Selama seminggu ia tidak mahu bercakap dengan saya dan seminggu berikutnya saya tidak mahu bercakap dengannya. Hanya pada hari Jumaat kerana campurtangan teman-teman dan keluarga, kami berbaik semula. Tetapi secara perlahan-lahan suami saya menjadi kecewa dengan sikap saya dan berfikir untuk menceraikan saya lalu berkahwin dengan wanita lain. Kerana saya masih terlalu muda, saya belum bersedia untuk mengubah sikap dan saya tidak merasa keberatan untuk dicerai. Kami bercerai dan saya menyewa di sebuah apartment. Kemudian saya menyedari bahayanya. Kebanyakan lelaki yang saya temui ingin menipu saya. Saya mengambil keputusan untuk rujuk semula dengan suami saya dan pergi ke rumahnya. Di sana saya berjumpa dengan seorang wanita yang memperkenalkan diri sebagai isterinya. Saya menangis sepanjang perjalanan pulang. Saya menyesali perceraian saya tetapi sudah terlambat’.”

“Seorang wanita berumur 21 tahun yang setelah bercerai membawa anaknya ke rumah orangtuanya, cuba untuk membunuh diri pada malam hari perkahwinan adik perempuannya.”

Wahai ibu! Anda harus cuba menghindari sikap merajuk dan tidak mahu bercakap kepada suami. Bila anda marah kepada suami, bersabarlah. Bila anda sudah merasa tenang dan pulih bercakap dengan lembut tentang kekecewaan anda terhadapnya. Anda boleh berkata kepadanya: “Kau telah menyakiti hatiku kelmarin, atau kau menolak permintaanku..... Apakah adil kau memperlakukan aku seperti itu?”

Pendekatan seperti itu tidak hanya mententeramkan diri anda tetapi juga dapat menyedarkannya. Setelah itu ia akan memperbaiki kesalahannya dan menghormati anda kerana kelakuan anda yang baik. Akibatnya ia akan memperbaiki kelakuannya dan cuba untuk mendisiplin dirinya.

Rasulullah (s.‘a.a.w.) bersabda: “Bila dua orang muslim saling tidak berbicara selama tiga hari, maka keduanya telah keluar dari agama Islam dan tidak akan wujud persahabatan antara mereka berdua. Kemudian salah seorang dari mereka yang berusaha untuk berbaik kembali akan masuk syurga lebih dahulu daripada yang seorang lagi di Hari Pengadilan.”

Mendiamkan Diri Bila Suami Anda Sedang Marah

Seorang lelaki bertemu ramai orang ketika ia bekerja dan menghadapi banyak masalah. Ketika pulang ia merasa letih dan bila

ia dihadapkan dengan persoalan kecil sekalipun ia akan menjadi marah dan mungkin menyakiti hati keluarganya.

Wanita yang bijak akan diam bila suaminya sedang marah. Lalu lelaki itu akan menjadi tenang dan menyesali kemarahan terhadap keluarganya. Bila ia melihat tidak ada reaksi atas kemarahannya maka ia pun akan meminta maaf. Dengan pendekatan ini, keadaan keluarga akan kembali tenang hanya dalam satu atau dua jam.

Bagaimanapun jika isteri tidak mengerti keadaan suaminya, maka ia akan berteriak, menyumpah, mengutuk dan melawan suaminya. Dengan pendekatan seperti ini, mungkin suami isteri itu akan bertengkar dan bahkan akan berakhir dengan perceraian. Banyak keluarga yang porak-peranda kerana alasan yang sangat kecil. Ada juga masalah di mana seorang lelaki menjadi marah sehingga sanggup melakukan pembunuhan.

"Seorang lelaki telah menembak dirinya, isteri dan ibu tirinya hingga mati. Pasangan itu telah sering bertengkar sejak mereka mula berkahwin. Pada malam kejadian tersebut si suami baru saja pulang dari bekerja, kemudian terjadi pertengkaran di antara pasangan tersebut. Lelaki tadi memukul isterinya dan wanita itu mengambil keputusan untuk pergi ke balai polis. Tiba-tiba lelaki itu mengambil senjata; lalu membunuh isterinya, ibu tirinya dan kemudian mengakhiri hidupnya sendiri.

Bukankah lebih baik jika wanita itu berdiam diri ketika suaminya marah? Tidakkah tiga nyawa akan selamat jika isteri itu bersabar dan tidak melawan? Yang mana akan anda pilih? Berdiam diri sejenak atau menerima semua akibat yang mengerikan dengan melawan suami? Jangan berfikir bahawa di sini kedudukan lelaki dibela dan tidak dianggap salah. Tidak sama sekali. Tentu saja ia bersalah. Ia tidak boleh melepaskan kemarahan kepada keluarganya. Dalam bab berikutnya, masalah ini akan dibincangkan secara lebih terperinci. Tetapi di sini kita mengatakan bahawa seorang wanita harus bijak dan tidak melawan kemarahan suami, walaupun itu benar atau salah. Dalam keadaan seperti ini, lelaki mungkin tidak mampu mengawal diri, maka penting bagi isteri untuk tetap tenang demi menyelamatkan keluarganya.

Wanita biasanya berfikir bahawa dengan berdiam ketika suami marah membuatkan mereka merasa rendah diri dan jatuh maruah

mereka. Bagaimanapun, keadaan yang sebaliknya berlaku. Seorang lelaki yang sedang marah kepada isterinya, bila ia melihat isterinya tidak melawan, maka ia akan menyesal. Ia akan menganggap isterinya sebagai wanita yang baik kerana walaupun dapat membalasnya tetapi lebih suka memaafkannya. Cintanya kepada isterinya akan bertambah berlipat kali ganda. Ia akan meminta maaf dan si isteri pun akan lebih dihormatinya.

Rasulullah (s.'a.a.w.) bersabda: "Isteri yang sabar menghadapi kemarahansifat pemarah suaminya akan diberi ganjaran oleh Allah sama seperti yang diberikan kepada Asiyah binti Muzhahim (isteri Fir'aun)."

Rasulullah (s.'a.a.w.) bersabda: "Isteri yang terbaik adalah yang bila melihat suaminya marah, mengatakan: "Aku menyerah kepada apa yang kau inginkan. Aku tidak akan dapat tidur lena jika kau tidak memaafkanku."

Rasulullah bersabda: "Pemberian maaf dan sikap bertimbang rasa akan meninggikan martabat pemiliknya. Berilah kemaafan agar Allah meredhaimu."

Hobi Suami:

Setengah lelaki mempunyai hobi tertentu di rumah. Contohnya, minat mengumpul setem atau buku-buku, berkebun dan fotografi bagi mengisi waktu lapang mereka di rumah.

Kegemaran seperti itu digolongkan sebagai aktiviti masa lapang yang baik dan sihat. Hal seperti itu sangat bermanfaat kerana dapat menarik lelaki untuk tinggal di rumah dan dapat memberikan ketenangan kepada mereka. Seorang akan menjadi kecewa dan tertekan perasaannya kerana tidak melakukan apa-apa. Kenyataannya salah satu cara untuk mengubati orang yang mengalami penyakit jiwa adalah dengan membuatkan mereka sibuk dengan hal-hal tertentu. Orang-orang yang lebih mempunyai sibuk, jarang diserang penyakit mental dan kurang tertarik kepada pekerjaan yang merbahaya.

Oleh itu wanita harus menghormati kegemaran suami yang sihat dan tidak boleh mengganggu kegiatan-mereka bagi mengisi

waktu lapang sebagai suatu yang bodoh, murah dan tidak berguna. Wanita harus memberi dorongan kepada suaminya dalam melakukan kegiatan seperti ini dan turut bekerjasama dengannya jika perlu.

Urusan Rumahtangga:

Sebuah rumah walaupun kecil merupakan anugerah yang berharga. Rumah adalah tempat berteduh bagi lelaki setelah pulang dari bekerja. Rumah adalah tempat untuk mencari ketenangan walaupun kita baru saja bercuti dan seseorang lebih merasa selesa tinggal di rumahnya sendiri. Tidak ada tempat lain seperti rumah dan tidak ada tempat lain bagi kita untuk mendapatkan kedamaian selain di rumah kita sendiri. Rumah adalah tempat persahabatan, kasih sayang, kesetiaan, ketenangan, kerehatan dan tempat di mana lelaki dan wanita yang baik dididik dan dilatih. Rumah adalah tempat untuk melatih manusia dan tempat untuk mendidik dan membesarkan anak. Rumah adalah masyarakat kecil yang darinya terbentuk masyarakat yang besar.

Sebuah keluarga, bertanggungjawab atas kemajuan dan keruntuhan masyarakat seluruhnya. Sebuah keluarga yang kecil walaupun merupakan sebahagian dari masyarakat yang lebih besar, mempunya kebebasan peribadi dan oleh itulah jika kita ingin membina suatu bangsa, kita harus memulainya dengan memperbaiki keluarga.

Tanggungjawab mendidik, memberi latihan dan kefahaman tentang soal kemasyarakatan terletak pada bahu wanita. Oleh itu sikap dan tingkahlaku wanita terhadap keluarganya dapat menentukan kemajuan atau kemunduran sesuatu bangsa. Oleh itu, tugas seorang suri rumahtangga perlu dihormati, terhormat dan mulia.

Sesiapa yang memandang rendah soal keluarga dan merasa malu dengan tugas ini, bererti tidak menghargai nilainya. Seorang suri rumahtangga seharusnya bangga dengan kedudukannya. Ia memegang suatu tugas terhormat dan berkorban demi kebaikan bangsa.

Wanita yang terpelajar mempunyai tanggungjawab yang lebih

besar dalam tugas ini, dan seharusnya mampu menjadi contoh kepada yang lain. Mereka harus membuktikan secara praktik bahawa menjadi wanita yang terpelajar tidak bertentangan dengan tugas sebagai suri rumahtangga, sebaliknya ia dapat membantu mereka menjadi suri rumahtangga yang lebih baik.

Wanita yang terpelajar harus mengurus kehidupan keluarga dengan cara yang terbaik. Ia harus bangga dengan tugas mengurus rumahtangga dan harus membuktikan bahawa wanita yang terpelajar jauh lebih baik daripada yang tidak terpelajar.

Adalah tidak wajar baginya jika ia meninggalkan tugas rumahtangga dengan alasan dirinya sebagai orang terpelajar. Pendidikan tidak bermaksud untuk melepaskan seseorang dari tanggungjawabnya, tetapi sepatutnya dapat membantu seseorang melaksanakan tanggungjawabnya dengan lebih baik.

Seorang lelaki berkahwin dengan seorang gadis lulusan sekolah tinggi berkata dalam mahkamah: "Isteri saya tidak mahu mengerjakan urusan rumahtangga. Setiap kali saya membantah, ia mengatakan bahawa pekerjaan rumahtangga bukan tugas seorang wanita yang terpelajar. Ia tidak bersedia untuk berubah dan meminta saya untuk menceraikannya, dan berkahwin dengan pembantu rumah! Dua hari lalu saya menjemput keluarga isteri saya dan sahabat-sahabat saya untuk makan malam. Pada masa makan malam, saya menolong meletakkan alas meja dan meletakkan sijil lulusan tinggi isteri saya di tengah. Saya meminta kepada setiap yang hadir supaya mencuba masakan yang disediakan oleh isteri saya."

Kini marilah kita membaca beberapa pendapat dari kaum wanita yang terpelajar mengenai tugas menjadi suri rumahtangga:

Puan F.N. Shamirani, seorang sarjana, mengatakan: "Seorang suri rumahtangga harus menjadi pakar dalam menangani masalah rumahtangga, menjadi teman yang baik bagi suaminya, menjadi ibu yang baik bagi anak-anaknya dan tuan rumah yang baik bagi tetamunya."

Puan Dr. Fasihi, seorang pakar kanak-kanak, mengatakan: "Saya yakin bahawa suri rumahtangga yang sejati ialah seorang ibu yang tidak terikat dengan pekerjaan pejabat, kerana di negara kita pekerjaan pejabat kurang menyediakan kemudahan yang berkaitan dengan keperluan pemakanan dan penjagaan. Seorang wanita di

pejabat sentiasa khuatir tentang makanan anak-anak dan suaminya’.”

Puan I. Yakita, Pengawas Teknik Fakulti Perubatan mengatakan: “Seorang suri rumahtangga harus mampu menjadikan rumah bersih dan indah dengan perbelanjaan yang paling minima. Ia harus berkongsi suka dan duka dengan suaminya. Ia tidak harus mengabaikan status sosial dan mental suaminya’.”

Puan I. Naimi mengatakan: “Seorang suri rumahtangga harus mengurangi aktiviti luar yang kurang penting dan memperbaiki hal ehwal rumahtangga. Ia juga harus mampu mengimbangi pendapatan dan perbelanjaan’.”

Kebersihan

Salah satu tugas penting suri rumahtangga adalah memelihara kebersihan rumah. Kebersihan asas kesihatan. Kebersihan menghindarkan penyakit dan memberi keselesaan kepada keluarga untuk tinggal di rumah.

Rasulullah (s.‘a.a.w) bersabda: “Agama Islam berdasarkan kepada kebersihan’.”

Rasulullah (s.‘a.a.w.) juga bersabda: “Islam adalah agama yang bersih, maka kamu harus berusaha ke arah kebersihan kerana hanya orang-orang bersih yang masuk syurga’.”

Jagalah rumah agar sentiasa bersih dan kemas. Bersihkan debu sekali hari dan hilangkan semua kotoran yang ada di dinding, pintu, tingkap, perabut dan barang-barang lain. Buanglah sampah dalam tempat sampah yang tertutup, jauhkan dari ruangan bilik dan dapur. Selalu kosongkan tempat sampah. Jangan membiarkan sampah di halaman rumah. Jangan biarkan anak-anak buang air di halaman atau di taman, dan jika mereka melakukannya, segera bersihkan tempat itu. Kotoran adalah punca kuman yang merbahaya. Jangan longgokkan pinggan mangkuk kotor; cucilah pinggan mangkuk itu secepat mungkin. Jangan lupa bahawa kuman yang merbahaya hidup di tempat yang kotor dan boleh mengakibatkan kematian bagi keluarga anda. Cuci pinggan mangkuk dengan air bersih dan kemudian simpan di tempat yang bersih. Cuci semua pakaian yang kotor, terutamanya kain napkin

bayi dan jangan biarkannya di bilik dan dapur, dan bersihkan secepat mungkin.

Jagalah agar semua pakaian keluarga, terutama pakaian dalam agar sentiasa bersih dan rapi. Cuci daging, sayuran dan semua bahan makanan sebelum dimasak. Cuci semua buah-buahan sebelum dimakan kerana kadangkala buah-buahan mengandungi bahan-bahan semburan yang beracun.

Cuci tangan anda sebelum makan dan ajarkan kepada anak-anak agar melakukan perkara yang sama. Selepas makan, tangan dan mulut harus dicuci juga. Jika boleh, beruslah gigi anda setiap kali selesai makan. Memberus gigi sangat penting, paling kurang sekali sehari, terutamanya sebelum tidur malam.

Potonglah kuku sekali seminggu. Kuku yang panjang tidak sihat kerana kuman dapat hidup di bawah kuku yang panjang.

Mandilah paling kurang sekali sehari atau lebih baik dua kali sehari.

Cukurlah bulu ketiak dan juga yang tumbuh di tempat lainnya. Rambut-yang tumbuh di tempat yang sembunyi adalah tempat berkembangnya kuman. Jangan biarkan makanan terdedah dihindangi lalat, kerana lalat adalah pembawa pelbagai penyakit yang merbahaya.

Islam agama yang suci selalu menasihatkan umatnya agar menjaga kebersihan.

Imam Ja'far Sadiq ('a.s.) mengatakan: "Allah Yang Maha Kuasa menyukai perhiasan dan kecantikan serta membenci sikap berpura-pura miskin. Allah suka melihat kesan dari rahmatNya kepada umatNya, iaitu melihat umatNya bersih, kemas dan memakai wangian, menghias rumah, membersihkan kawasan rumahnya, menyalakan lampu sebelum matahari terbenam - kerana perbuatan ini menghindarkan kemiskinan dari rumah dan menambahkan rezeki."

Rasulullah (s.'a.a.w.) bersabda: "Orang yang kotor adalah hamba Allah yang tidak baik."

Imam Ali ('a.s..) mengatakan: "Bersihkanlah rumahmu dari sarang labah-labah kerana sarang labah-labah adalah penyebab

kemiskinan.”

Rasulullah (s.‘a.a.w) bersabda: “Janganlah meninggalkan sampah di dalam rumah pada waktu malan kerana syaitan, suka pada benda-benda yang kotor.”

Rasulullah (s.‘a.a.w.) juga bersabda: “Pakaian seseorang harus sentiasa bersih.”

Rasulullah juga bersabda: “Jangan meninggalkan baju yang sudah terkena minyak di dalam rumah kerana syaitan akan bersarang di situ.”

Imam Ja‘far Sadiq (‘a.s.) mengatakan: “Mencuci pinggan mangkuk dan membersihkan persekitaran rumah akan menambahkan rezeki.”

Imam Ja‘far Sadiq (‘a.s.) juga mengatakan: “Jangan meninggalkan pinggan mangkuk tanpa tutup, kerana syaitan akan meludah dan akan menggunakan pinggan mangkuk itu.”

Imam Ja‘far sadiq (‘a.s.) menambah: “Buah-buahan disembur dengan bahan yang beracun, maka cucilah sebelum memakannya.”

Imam Musa Kazim (‘a.s.) mengatakan: “Mandi secara teratur akan membuat tubuh seseorang lebih sihat.”

Rasulullah (s.‘a.a.w.) bersabda: “Jangan meninggalkan sampah di balik pintu depan rumah kerana syaitan akan bersarang di situ.”

Rasulullah (s.‘a.a.w) juga bersabda: “Jika tidak menjadi keberatan bagi ummatku, aku akan menyuruh mereka untuk menggosok gigi setiap kali berwudhu sebelum solat (iaitu lima kali sehari).”

Imam Ja‘far Sadiq (‘a.s.) mengatakan: “Memotong kuku setiap hari Jumaat akan menghindarkan seseorang dari penyakit lepra, kegilaan dan kebutaan.”

Telah diriwayatkan bahawa: “Syaitan tidur di balik kuku-kuku yang panjang.”

Imam Ali (‘a.s.) mengatakan: “Mencuci tangan sebelum makan akan memperpanjangkan umur seseorang, melindungi baju dari kotoran dan akan menerangkan pandangan.”

Rumah Yang Kemas

Rumah yang kemas lebih baik daripada rumah yang tidak kemas.

Pertama: Rumah yang kemas kelihatan bersih, menarik dan indah. Rumah yang teratur tidak akan membosankan tetapi akan menjadi sumber kesenangan dan kebahagiaan.

Kedua: Melaksanakan kerja rumah akan menjadi lebih mudah di dalam rumah yang diatur dengan rapi, dan suri rumahtangga, bila mengetahui tempat letaknya barang-barang dalam rumah, tidak akan membazir masa untuk mencarinya. Akibatnya wanita tidak akan merasa terlalu letih dengan tugas-tugasnya.

Ketiga: Suami akan tertarik kepada rumah dan isterinya. Rumah yang kemas dan teratur menunjukkan kualiti seorang wanita.

Keempat: Rumah yang rapi merupakan sumber kebanggaan bagi seluruh anggota keluarga. Siapa pun yang menziarahinya akan menghargainya dan mengkagumi kemahiran dan minat wanita itu.

Memiliki banyak perabutan mewah tidak akan mencantikkan rumah, tetapi cara perabut rumah itu diatur akan membuatnya menarik. Mungkin anda pernah melihat orang kaya yang walaupun rumahnya berisi banyak perabut mewah namun membosankan, dan ada juga rumahang miskin yang disebabkan rumahnya kemas, menjadikan ianya sedap dipandang.

Oleh itu, mengemas rumah adalah tugas seorang isteri. Wanita yang berbakat tahu cara mengatur rumah dengan rapi, tetapi beberapa perkara yang disebutkan di bawah ini mungkin bermanfaat bagi anda.

Mengumpulkan pinggan mangkuk: Jangan kumpulkannya sekali. Asingkan sudu, garpu dan pisau di suatu tempat dan pinggan-mangkuk di tempat lain. Asingkan pinggan mangkuk untuk tamu dan dari yang anda gunakan setiap hari. Lakukan

perkara yang sama untuk barang-barang lain. Segala sesuatu harus diletakkan di tempat yang khas supaya semua anggota keluarga dapat mengambilnya walaupun dalam keadaan gelap.

Mungkin setengah wanita menganggap bahawa cara seperti itu hanya sesuai bagi orang-orang kaya. Tetapi itu tidak benar, orang miskin pun harus mengatur barang-barang milik mereka, termasuklah pinggan mangkuk, pakaian dan tempat tidur. Misalnya isteri harus mengasingkan pakaiannya dari pakaian suami dan anak-anaknya. Pakaian musim panas harus diasingkan dari pakaian musim sejuk. Pakaian kotor harus mempunyai tempatnya sendiri. Perhiasan harus diletakkan di tempat yang sepatutnya. Ajarkan kepada anak-anak agar selalu kemas dengan pakaian, buku-buku dan mainan mereka. Anda harus yakin bahawa dengan berkeadaan kemas, anak-anak akan belajar dan mencontohi anda.

Wanita yang tidak kemas selalu menyalahkan anak-anak mereka kerana rumahnya berselerakan, padahal anak-anak itu belajar dari teladan ibubapanya. Jika ibubapanya seorang yang kemas, maka anak-anaknya akan belajar untuk kemas dan secara semulajadi mereka akan berdisiplin.

Simpanlah wang, kertas-kertas penting, dokumen, perhiasan dan ijazah dan sijil di dalam almari atau di suatu tempat yang tidak dapat dicapai oleh anak-anak. Menghukum anak kerana merosakkan atau menghilangkan barang-barang berharga yang anda letakkan di tempat yang dapat diambilnya adalah salah. Ibubapalah yang bersalah dan harus lebih berhati-hati.

"Seorang lelaki menyerahkan sejumlah wang kepada isterinya untuk disimpan di tempat yang selamat dan meninggalkan rumah. Tidak lama kemudian suaminya pulang dan tidak dapat mencari wang yang ditinggalkannya tadi. Ia mencari di seluruh rumah dengan cemas dan kemudian mendapati anaknya yang berumur lima tahun sedang membakar sesuatu di taman. Ibu anak itu dengan marah menghampiri anaknya, mengangkatnya dan kemudian mencampakkannya ke tanah dengan kuat sehingga anak itu mati. Ia begitu ketakutan melihat mayat anaknya ketika suaminya menuju ke taman itu. Si suami pun memukul isterinya dan kemudian segera menuju ke balai polis. Ia segera menunggang motornya, tetapi di dalam perjalanan ia mendapat kemalangan. Kini ia berada di dalam Unit Kawalan Rapi (ICU)."

Siapa yang anda fikir bersalah dalam kejadian ini? Anda boleh mengadilinya sendiri. Mungkin anda pernah mendengar kejadian seperti itu.

Ubat-ubatan, paraffin (barang yang mudah terbakar), minyak petrol dan bahan beracun yang merbahaya harus disimpan di tempat yang jauh dari anak-anak. Anak-anak akan memakan dan meminum apa saja yang kelihatan seperti makanan dan minuman. Jangan membahayakan jiwa mereka dengan bersikap cuai. Ramai anak-anak yang meninggal kerana kecuaiannya ibubapa.

"Dua orang kanak-kanak, lelaki dan perempuan berusia enam dan empat tahun minum DDT (racun serangga). Adik perempuannya yang berumur empat tahun meninggal dunia, sedangkan abangnya terselamat. Mereka bersendirian di rumah itu. Mereka minum racun itu kerana sangat dahaga. 'Si ibu bercerita bahawa racun itu dibuat untuk membunuh tikus di rumahnya'."

"Dua orang kanak-kanak telah meminum minyak tanah yang disangkanya air."

"Seorang anak telah menelan sepuluh tablet kepunyaan ibunya."

Semua kanak-kanak ini dibawa ke hospital untuk dirawat.

Akhirnya anda diperingatkan bahawa disiplin hanya berguna pada had tertentu, agar anda tidak kehilangan keselesaan. Anda tidak boleh terkongkong dengan kerapian, kerana perasaan itu akan menimbulkan masalah:

"Seorang lelaki berkata: "Saya tidak tahan lagi dengan sikap isteri saya yang terlalu mementingkan dan kebersihan. Setiap hari bila saya pulang pada pukul 4.30 petang, ia menyuruh saya untuk mencuci tangan dan kaki sampai beberapa kali, ia menyuruh saya meletakkan pakaian kotor ditempatnya dan ia melarang saya merokok di dalam rumah. Saya biasa hidup bebas, tetapi selama empat tahun saya berkahwin, saya merasa seperti hidup dalam penjara. Mengapa orang harus mengurus kerapian dan kebersihan. Ini adalah kongkongan dan saya benci kepada kongkongan."

Menyediakan Makanan

Satu lagi tanggungjawab isteri yang juga penting adalah menyediakan makanan untuk keluarganya. Seorang isteri yang baik juga yang dapat menjadi tukang masak yang baik dan dapat menyediakan makanan yang lazat dengan perbelanjaan yang kecil, sedangkan isteri yang tidak baik adalah yang memasak makanan

yang tidak sedap dengan perbelanjaan yang besar. Makanan yang lazat adalah alat untuk menarik suami terhadap isterinya. Seorang suami yang isterinya pandai memasak, jarang menikmati makanan di luar.

Rasulullah (s. 'a.a.w.) bersabda: "Isteri yang paling baik adalah yang mengenakan bau-bauan, menyiapkan makanan dengan baik dan tidak membazir dalam berbelanja! Wanita seperti ini adalah seorang hamba Allah dan orang yang mengabdikan diri kepada Allah tidak akan merasa menyesal atau kalah."

Adalah tidak sesuai bagi saya menuliskan resepi-resepi masakan disini, tetapi banyak buku resepi yang baik yang dapat diperolehi di mana menyediakan cara memasak makanan yang lazat.

Tetapi ada beberapa perkara yang perlu diingat: Tujuan kita makan bukan hanya untuk mengisi perut tetapi ia membekalkan zat yang diperlukan oleh tubuh supaya dapat terus berfungsi. Zat yang diperlukan oleh tubuh kita terkandung dalam daging, buah-buahan, sayur-sayuran dan biji-bijian yang dapat dibahagikan kepada enam kumpulan:

- a. Air
- b. Mineral seperti fosfat, kalsium, zat besi, tembaga dan sebagainya.
- c. Karbohidrat (makanan berkanji)
- d. Lemak
- e. Protin
- f. Vitamin seperti vitamin A, B, C, D dan K

Bahan utama dalam tubuh manusia adalah air. Air melarutkan makanan yang pejal supaya dapat diserap oleh usus. Air juga mengawal suhu badan.

Bahan galian berguna untuk pertumbuhan tulang gigi dan fungsi otot.

Karbohidrat membekalkan tenaga dan haba.

Protin membantu menggantikan sel-sel tubuh yang rosak dan penting untuk pertumbuhan badan.

Vitamin juga penting untuk pertumbuhan badan, menguatkan tulang-tulang, mengawal reaksi kimia dalam tubuh dan sangat

penting untuk memelihara sistem saraf yang sihat.

Semua zat yang disebutkan di atas penting untuk tubuh, Kekurangan zat akan menyebabkan berbagai jenis penyakit dan boleh mengakibatkan kematian. Kualiti makanan merupakan suatu yang penting dan mempunyai hubungan yang erat dengan tempoh usia hidup, kebahagiaan atau kesedihan, kecantikan atau keburukan, mental yang sihat atau yang terganggu.

Diri kita adalah apa yang kita makan. Jika seseorang itu menjaga makanan dan kebiasaan makanannya, ia tentu jarang sakit. Adalah satu tindakan yang tidak bijak jika kita hanya mementingkan makanan yang sedap tanpa memikirkan kualitinya. Sekali kesihatan seseorang terganggu kerana makanan yang tidak berkualiti, mereka perlu mendapatkan rawatan doktor. Tetapi malangnya, tubuh manusia tidak akan kembali pulih seperti keadaan asalnya.

Rasulullah (s. 'a.a.w.) bersabda: "Perut adalah pusat segala penyakit".

Disebabkan memilih makanan adalah tugas wanita, maka wanitalah bertanggungjawab atas kesihatan keluarganya, Kecuaian yang dilakukannya akan menyebabkan keluarganya terkena penyakit.

Oleh itu, seorang suri rumah selain menjadi seorang tukang masak yang baik harus mampu menentukan kualiti makanan.

Pertama: Ia harus memilih makanan yang mengandungi semua zat yang diperlukan untuk tubuh agar dapat berfungsi dengan sebaiknya.

Rasulullah (s. 'a.a.w.) bersabda: "Tugas seorang wanita terhadap suaminya adalah menyalakan lampu di rumah dan menyediakan makanan yang baik dan sesuai".

"Seorang wanita bertanya kepada Rasulullah (s. 'a.a.w.): 'Apakah ganjaran seorang wanita yang melaksanakan tanggungjawabnya terhadap suaminya?' Rasulullah menjawab: "Bagi semua pekerjaan yang dilakukan dalam rumahtangganya, Allah memandangnya dengan penuh kasih dan barangsiapa yang bersyukur terhadap nikmat Allah (s.w.t.), maka ia tidak akan disiksa".

Kedua: Keperluan pemakanan seseorang tidak sama. Umur,

saiz tubuh dan faktor-faktor lainnya menentukan tahap kandungan zat yang diperlukan. Misalnya anak yang sedang membesar memerlukan kalsium yang lebih banyak daripada mereka yang berada di peringkat pertengahan umur. Para remaja memerlukan lebih banyak tenaga kerana mereka mempunyai aktiviti yang lebih banyak.

Pekerjaan seseorang juga merupakan faktor yang menentukan jenis makanannya. Contohnya, seorang buruh memerlukan lebih banyak lemak, gula dan makanan yang mengandungi karbohidrat kerana ia sangat aktif.

Cuaca merupakan faktor yang lain. Keperluan zat pemakanan seseorang berbeza pada waktu musim panas dan musim sejuk. Orang yang sakit jenis makanannya berbeza dengan orang yang sihat.

Seorang tukang masak yang baik harus mengingati perkara-perkara tersebut.

Ketiga: Pada kenyataannya, bila seseorang mencapai usia empat puluh tahun, biasanya ia menjadi gemuk. Mungkin setengah orang menganggap bahawa kegemukan adalah petanda kesihatan, tetapi tanggapan mereka tidak benar. Kegemukan adalah suatu penyakit yang mempunyai pengaruh yang tidak baik terhadap jantung, tekanan darah, buah pinggang, pundi hempedu dan akan mengakibatkan kejang-kejang serta diabetis.

Statistik dari sumber perubatan dan syarikat insuran menunjukkan bahawa orang yang kurus hidup lebih lama dari mereka yang gemuk.

Apabila umur melebihi empat puluh tahun, seseorang tidak begitu aktif lagi dan keperluan lemak, gula dan karbohidrat berkurangan. Kalori tidak begitu banyak diubah menjadi tenaga seperti biasanya dan kerana itulah badan menjadi gemuk. Oleh itu lebih baik jika anda dapat mengurangi pengambilan zat-zat tersebut.

Seorang wanita yang mengambil berat mengenai kesihatan suaminya hanya mengatur pemakanan khusus baginya untuk mengelakkan kegemukan tubuhnya. Ia harus mengurangi

pengambilan gula, lemak, susu dan memakan lebih banyak telur, hati, ayam, daging, ikan dan keju. susu dan mentega juga bermanfaat. Jika dibenarkan oleh doktor orang yang kegemukan sebaiknya makan banyak buah-buahan dan sayur-sayuran.

Jika anda bosan dengan suami anda, jika anda lebih suka menjadi janda, atau jika anda ingin membunuhnya tanpa risiko diadili oleh polis, maka anda tidak perlu bersusah-payah.

Sediakan saja makanan yang banyak, lazat dan berlemak kepadanya. Galakkan ia agar makan sebanyak mungkin nasi, roti dan kuih-muih. Akhirnya anda tentu dapat menyingkirkannya dan anda tidak hanya menjadi janda, tetapi ia juga akan berterima kasih kepada anda atas makanan yang lazat-lazat itu.

Anda mungkin merasa bahawa perancangan seperti itu hanya sesuai untuk orang-orang kaya yang dapat membeli segala jenis makanan yang diinginkannya. Anda mungkin berfikir perkara itu sukar dilaksanakan bagi mereka yang tidak mampu.

Tetapi seseorang orang itu tidak boleh lupa menyangka bahawa semua kandungan zat terdapat di dalam makanan yang sederhana. Seorang pakar makanan akan memberitahu bahawa kita boleh memperolehi semua keperluan zat oleh tubuh dari makanan yang sederhana seperti buah-buahan, biji-bijian, sayur-sayuran dan hasil dari susu. Seseorang boleh menyediakan makanan dengan bahan-bahan ini yang mana ianya sihat dan murah.

Cara Menyambut Tetamu

Salah satu tugas keluarga yang tidak dapat dielakkan adalah menerima tamu pada waktu-waktu tertentu. Ini merupakan tradisi yang menyenangkan di mana persahabatan menjadi semakin rapat dan seseorang dapat melupakan masalahnya untuk sementara waktu. Mempereratkan hubungan dengan kawan-kawan atau keluarga adalah salah satu aktiviti masa lapang yang paling sihat.

Rasulullah (s. 'a. a. w.) bersabda: "Rezeki untuk tamu diturunkan dari syurga dan dengan memakannya, menyebabkan dosa-dosa tuan rumah diampuni."

Imam Ridha ('a. s.) mengatakan: "Orang yang dermawan

memakan makanan yang ditawarkan oleh orang lain kepadanya kerana orang itu berharap mereka memakan akan makanan yang ditawarkan olehnya. Tetapi orang yang kedekut tidak mahu memakan makanan yang ditawarkan orang lain kepadanya kerana takut orang itu akan mengambil miliknya.”

Rasulullah (s. 'a.a.w.) bersabda: “Bergaul dengan sesama teman akan menimbulkan kebaikan di antara mereka.”

Imam Muhammad Taqi ('a.s.) mengatakan: “Bergaul dengan sesama teman akan mematangkan fikiran dan menghidupkan hati, walaupun hanya sedikit.”

Di dalam kehidupan yang penuh dengan cabaran, jiwa seseorang perlu ketenangan dan kedamaian fikiran seperti ini hanya dapat dicapai jika kita menjalin hubungan yang baik dengan sahabat-sahabat kita.

Seseorang akan melupakan masalah yang mereka hadapi ketika berkumpul bersama teman-teman. Ini tidak hanya mengeratkan persahabatan, tetapi juga meningkatkan moral atau akhlak seseorang.

Menghormati tetamu merupakan satu tradisi yang baik dan tidak siapa boleh menafikannya, tetapi ada dua kesukaran yang membuatkan setengah keluarga tidak mahu mengikuti tradisi ini.

Pertama: Banyaknya barang-barang mewah dan timbulnya perasaan irihati antara satu dengan yang lain membuatkan hidup ini sukar bagi setengah orang. Barang perabot rumah yang bertujuan untuk memberikan keselesaan kepada kita telah bertukar menjadi bahan untuk dipamer dan menunjuk-nunjuk. Akibatnya, wujud hubungan yang tidak baik antara satu sama lain untuk tidak saling bergaul. Walaupun ramai yang ingin bergaul, tetapi mereka tidak mahu melakukannya kerana berfikir bahawa mereka tidak mempunyai banyak barang mewah di rumah. Mereka berpendapat lebih baik menjauhkan diri dari teman-teman lain dan mengelakkan dari rasa malu. Perasaan seperti ini merugikan diri mereka sendiri di dunia dan di akhirat.

Wahai ibu? Apakah teman-teman anda datang ke rumah anda untuk melihat barang-barang mewah anda? Jika benar, cadangkan agar mereka pergi ke muzium atau ke kedai-kedai dan tidak ke

rumah anda. Tujuan pergaulan adalah untuk mempererat persahabatan dan juga untuk mewujudkan ketenangan. Bukannya bertujuan menunjuk-nunjuk atau untuk mengisi perut. Kemewahan dan persaingan mengganggu jiwa setiap orang. Tetapi mereka tidak bersedia membuang tradisi yang salah ini.

Jika anda bersedia menerima tamu anda dengan cara sederhana, anda akan melihat bahawa mereka akan mencontohi anda. Dengan cara ini, anda dapat bergaul dengan teman-teman secara sederhana tanpa banyak masalah. Oleh itu, penyelesaian kepada masalah ini menjadi mudah saja. Di sebalik membandingkan barang-barang anda dengan milik orang lain, anda sepatutnya memberikan perhatian dalam mengeratkan lagi persahabatan anda melalui akhlak yang mulia.

Kedua: Masalah lain adalah mengenai cara melayani tamu. Seorang isteri perlu memperuntukkan masa beberapa jam bagi menyediakan makanan untuk tetamu. Kadang-kadang seorang wanita dapat menyiapkan makanan yang lazat dan kadang-kadang tidak. Suaminya akan menjadi marah jika masakannya tidak lazat. Oleh itu kadang-kadang sesuatu majlis yang diadakan menimbulkan kecemasan kepada tuan rumahnya, itulah sebabnya kadang-kadang ramai yang cuba menghindari untuk mengadakan majlis atau jamuan.

Memang benar bagiwa mengadakan majlis bukanya pekerjaan yang mudah, tetapi yang menimbulkan masalah ialah bila tuan rumah tidak mempunyai pengetahuan yang cukup tentang bagaimana melayani para tamunya.

Melayani tamu akan menjadi suatu tugas yang mudah jika seseorang itu bersedia mempelajari cara-cara yang betul dalam melayani tetamu.

Di sini diberikan dua kes untuk dijadikan panduan. Anda boleh memilih cara yang anda suka dalam melayani tetamu:

Kes A: Suami memberitahu kepada isterinya bahawa sepuluh orang temannya akan datang untuk makan malam pada hari Jumaat.

Isterinya yang telah mengalami pengalaman pahit semasa majlis yang pernah mereka adakan, tiba-tiba menjadi marah dan menentang suaminya. Setelah berbincang dan pujukan suaminya, isteri itupun bersetuju menyediakan makan malam bagi tetamunya. Mereka sibuk membuat persiapan untuk hari Jumaat sehingga tidak berehat langsung.

Pada pagi Jumaat, salah seorang di antara mereka pergi membeli belah. Ia mengingatkan barang-barang yang perlu dibeli dan setelah membeli barang-barang itu, ia pun pulang.

Isteri itu memulakan tugasnya selepas makan tengahari. Ia menghadapi banyak masalah. Ia harus memasak, mencuci, menyapu dan mempersiapkan ruang tamu dan lain-lainnya. Juga ia harus menyediakan persiapan seorang diri dengan hanya mungkin seorang saja pembantu. Ia mula bekerja dengan perasaan bimbang. Ia mencari pisau untuk menghiris bawang, mencari garam dan sebagainya. Ia menyedari bahawa ia tidak mempunyai tomato. Kerana itu ia menyuruh seseorang untuk membelikannya. Ia kemudian harus menggoreng ayam, memotong daging, mencuci beras, membersihkan sayuran dan lain-lain. Ia menjadi mudah tersinggung dan bimbang. Kemudian ia mula marah kepada pembantu rumahnya, kepada anak perempuannya, memukul anak lelakinya dan setelah itu mendapati gas atau minyak tanah telah habis. "Ya Allah, apa yang harus saya lakukan?"

Tiba-tiba loceng pintu berbunyi. Para tetamu telah datang! Mereka masuk seorang demi seorang. Suami yang malang itu, yang mengetahui kecemasan isterinya menyambut tetamunya dan mengajaknya ke ruang tamu. Lalu ia ingin menjamu mereka dengan minum teh, tetapi ia dapati tehnya belum siap. Ia memarahi anak-anaknya kerana tidak memasak air. Apabila teh sudah dibuat, gula pula tidak mencukupi. Setelah menambah kan gula, ia menghidangkan teh tadi kepada tetamunya. Ia memandang mereka tetapi fikirannya melayang ke dapur. Ia tahu apa yang sedang berlaku di dapur. Ia tidak dapat duduk dengan tenang atau berbual dengan para tetamunya dengan tenang. Ia bimbang tentang makan malam. Lebih buruk lagi bila ada tetamu perempuan yang pasti

akan terus bertanya mana isterinya. Lelaki itu harus menjawab bahawa isterinya sedang sibuk memasak dan akan segera selesai.

Si isteri sekali-kali akan datang menemui tamunya dan duduk bersama mereka. Ia sering meminta maaf dan kembali ke dapur. Dalam keadaan seperti ini sudah tentu ia tidak mungkin dapat memasak makanan yang lazat. Bila makanan telah siap, ia perlu menyediakan pinggan mangkuk, membuat minuman, mengatur gelas mengisi tempat garam, lada sulah dan sebagainya. Selepas makan, para tetamu akan mengucapkan selamat malam kepada mereka dan pulang.

Kesimpulan: Masakan tersebut mungkin terlalu masin atau tawar, hangus ataupun kurang masak. Mungkin juga ia lupa untuk menghidangkan beberapa jenis makanan kepada tetamunya. akan kurang dan tidak diletakkan di hadapan pada tamu. Sekarang sudah tengah malam dan si isteri merasa sangat letih. Ia tidak berehat sedikitpun sejak siang dan ia tidak dapat melayani tetamunya dengan baik.

Suaminya telah merasakan kebimbangan yang luar biasa. Ia telah membelanjakan banyak wangnya, tetapi jamuan itu terasa tidak menyenangkan dan mungkin ia akan menyalahkan isterinya. Pasangan itu bukan sahaja tidak berpuashati dengan majlis itu, tetapi mungkin akan bertengkar mengenai masalah itu, atau mungkin memutuskan tidak akan mengadakan jamfuan seperti itu. Para tetamu juga mungkin tidak berpuas hati dengan majlis itu kerana mereka telah menyusahkan tuan rumah dan mungkin mereka berharap lebih baik mereka tidak datang.

Tidak diragukan lagi, para pembaca juga tidak ingin menikmati suasana seperti itu dan tidak bersedia atau tidak ingin mengalami pengalaman seperti itu.

Tahukah anda punca kepada masalah ini? Sebenarnya, punca utama masalah ini ialah kurangnya pengalaman dan pengetahuan isteri anda tentang bagaimana cara melayani tetamu. Bagaimanapun, mengadakan majlis makan malam bukanlah satu tugas yang terlalu berat.

Pilihan kedua:-

Kes B: Suami memberitahukan kepada isterinya bahawa sepuluh orang temannya akan datang untuk makan malam pada hari Jumaat. Isterinya menjawab dengan mengatakan: "Jadi, apa yang perlu kita sediakan untuk makan malam itu?" Pasangan itu kemudian berbincang mengenai perkara ini bersama, dan kemudian menulis semua keperluan majlis tersebut. Mereka memeriksa kembali keperluan mereka itu sambil memotong barang-barang yang sudah ada di rumah, menulis kembali barang-barang yang harus dibeli lalu pada waktu yang sesuai mereka membeli barang-barang keperluan tersebut.

Pada hari Khamis, sehari sebelum majlis itu diadakan, mereka menyelesaikan sebahagian dari pekerjaan mereka seperti mengupas bawang, mencuci kentang, mengisi garam dan lada sulah ke dalam bekasnya, mempersiapkan pinggan, sudu, garpu dan lain-lainnya.

Keesokan paginya, si isteri selepas sarapan pagi, mengerjakan pekerjaan sehariannya seperti mencuci, memotong dan menggoreng daging, ayam dan kentang. Setelah makan tengahari, ia boleh berehat, kemudian menyelesaikan pekerjaan lainnya.

Oleh itu, ia dapat menyelesaikan masakannya, mengemas dan mengatur rumah tanpa terburu-buru atau merasa cemas. Tidak perlu ada pertengkaran atau apa pun yang menimbulkan salah faham.

Ia akan mempunyai masa cukup untuk mengemaskan diri dan menyediakan teh bila tetamunya tiba. Kemudian ia dapat menyambut tetamunya di samping suaminya dan duduk serta berbincang-bincang dengan mereka. Ia hanya perlu pergi ke dapur sekali untuk memastikan semuanya berjalan dengan lancar.

Ia boleh meminta suami dan anaknya untuk membantunya menghidangkan makanan kepada para tetamu. Oleh itu semua orang akan dapat menikmati hidangan yang lazat dengan selesa.

Kesimpulan: Para tetamu berpuas hati dengan sambutan tuan rumah. Mereka telah berbual-bual dan persahabatan mereka semakin erat. Mereka telah menikmati masakannya dan mengkagumi layanan isteri tuan rumah tersebut. Akhirnya mereka

dapat menikmati malam yang akan mereka ingat bagi satu tempoh waktu yang lama.

Suami dapat berbual dengan para tamunya. Ia telah bergembira bersama teman-temannya dan merasa bahagia dengan isterinya yang tidak mengecewakannya. Mereka tidak ragu-ragu lagi untuk mengundang teman-teman mereka lagi.

Akhirnya wanita itu - dengan kesabaran dan pengetahuannya - mampu melayani tetamu mereka dengan tanpa kesulitan, dan merasa puashati dengan dirinya sendiri. Ia merasa bahagia dengan suaminya dan telah membuktikan dirinya sebagai tuan rumah yang baik.

Kini anda boleh memilih salah satu dari dua contoh yang diberikan.

Sebagai Pemimpin Dalam Rumahtangga

Lelaki biasanya bertanggungjawab atas keluarga. Mereka bekerja keras dan membelanjakan pendapatan mereka untuk keperluan isteri dan anak-anak mereka. Mereka menganggap ini sebagai tugas mereka dan jangan sekali-kali menunjukkan rasa tidak senang atas kerja keras yang mereka lakukan.

Tetapi lelaki juga mengharapkan isteri mereka agar dapat berjimat dan tidak membelanjakan wang secara boros. Wanita diharapkan agar mengatur perbelanjaan mereka dan membelanjakannya untuk keperluan-keperluan asas seperti makanan, pakaian, ubat-ubatan, sewa rumah, elektrik, telefon, gas dan air. Menganggap perkara-perkara tersebut sebagai kemewahan dalam senarai keperluan utama seseorang dianggap sebagai sia-sia dan merugikan. Lelaki tidak suka isteri mereka menyalahgunakan wang mereka atau membelanjakannya secara boros. Jika seorang lelaki mendapati bahawa isterinya dapat dipercayai dalam membelanjakan wang mereka, jika ia yakin bahawa isterinya tidak menggunakannya dengan boros dan jika ia yakin bahawa hasil kerja kerasnya tidak disia-siakan, maka ia akan bekerja lebih giat lagi dan tidak akan membazir wangnya.

Sebaliknya, jika bila isterinya membelanjakan wangnya untuk

membeli pakaian dan perhiasan saja atau jika ia menggunakannya untuk hal-hal yang tidak penting sehingga mereka harus berhutang untuk sara hidup atau jika keluarga itu membazir-bazirkan kekayaannya, maka lelaki itu akan marah. Ia akan merasa bosan untuk bekerja dan malas menyara keluarganya. Ia akan berfikir bahawa bekerja dan menyara mereka yang tidak menghargai penat lelahnya adalah suatu yang bodoh. Ia mungkin akan meninggalkan rumah dan terlibat dengan kegiatan yang tidak sihat. hal ini akan menimbulkan masalah dalam rumahtangga.

Isteri yang baik! Walaupun wang dan kekayaan suami anda berada di tangan anda, jangan menganggapnya sebagai milik anda. Kekayaan itu secara hukum adalah miliknya dan anda adalah orang yang diamanahkan untuk menjaganya. Oleh itu, menggunakan barangnya, meminjamkan barangnya, memberikan atau menjual sesuatu barang perlu mendapat izinnya. Anda bertanggungjawab keatas hartanya dan anda harus menjaganya. Jika anda tidak melaksanakan tanggungjawab anda, anda akan ditanya di akhirat nanti.

Rasulullah (s. 'a.a.w.) bersabda: "Seorang wanita adalah pelindung dan pemegang amanah ke atas harta suaminya, Oleh ia harus bertanggungjawab."

Rasulullah (s. 'a.a.w.) juga bersabda: "Wanita yang paling baik adalah yang memakai bau-bauan, menyediakan makanan yang lazat dan tidak berlebihan dalam berbelanja. Wanita yang demikian adalah contoh hamba Allah dan orang yang mengabdikan dirinya kepada Allah tidak akan merasa kesal atau putus asa."

Seorang wanita bertanya kepada Rasulullah s.a.w.: "Apakah hak seorang suami terhadap isterinya?" Rasulullah menjawab: "Isteri harus patuh kepada suaminya, tidak boleh melanggar perintahnya dan tidak boleh membuang sesuatu tanpa seizinnya."

Rasulullah(s. 'a.a.w.) juga menegaskan: "Wanita yang paling baik adalah yang paling sedikit berbelanja."

Kerjaya Wanita

Memang benar bahawa mencari nafkah bagi keluarga adalah tugas kaum lelaki dan bahawa wanita secara Islam (menurut hukum Islam) tidak bertanggungjawab atas pekerjaan ini. Namun wanita juga harus mempunyai pekerjaan. Dalam Islam pengangguran dianggap tidak baik dan tercela.

Imam Ja'far Sadiq ('a.s.) mengatakan: "Allah s.w.t. membenci tidur yang terlalu banyak dan berehat yang terlalu banyak."

Imam Ja'far sadiq ('a.s.) juga mengayakan: "terlalu banyak tidur akan menghancurkan kehidupan seseorang di dunia dan juga di akhirat nanti."

Sayyidah Fatimah Zahra ('a.s.) juga biasa bekerja di rumah.

Setiap orang baik memerlukan mahupun tidak, harus mempunyai pekerjaan. Ia tidak boleh menyia-nyiakan hidupnya dengan tidak mengerjakan apa pun. Ia harus bekerja dan menyumbangkan tenaganya untuk membangunkan dunia yang lebih baik.

Jika perlu, seseorang itu harus membelanjakan wangnya untuk keluarga dan dirinya, tetapi jika tidak diperlukan, ia harus mendedahkan pendapatannya untuk orang-orang yang memerlukannya. Pengangguran adalah membosankan dan seringkali membuat seorang itu mengalami masalah kejiwaan dan psikologi dan juga masalah moral.

Pekerjaan yang paling baik untuk wanita yang sudah berkahwin adalah mengurus rumahtangga. Mengurus rumah, menjaga anak dan sebagainya adalah pekerjaan yang paling mudah dan terbaik yang boleh dilakukan oleh wanita.

Seorang suri rumahtangga yang cekap dan bijak dalam melaksanakan tugasnya boleh keras dapat mengubah rumah menjadi syurga bagi anak-anak dan suaminya; dan ini merupakan pekerjaan yang berharga dan bernilai tinggi.

Rasulullah (s.'a.a.w.) bersabda: "Jihad seorang wanita adalah melayani suaminya (dan menjaganya baik-baik)."

Ummu Salamah bertanya kepada Nabi Muhammad (s.'a.a.w.): "Bagaimana ganjaran bagi seorang wanita yang mengurus rumah?"

Nabi menjawab: "Setiap wanita yang dalam usaha untuk memperbaiki keadaan rumahnya, mengambil sesuatu bagi menghias dan mencantikkan ke tempat rumahnya, akan mendapatkan rahmat dari Allah dan barang siapa yang mendapat berkah dari Allah, tidak akan dimurkai oleh kerana Allah." Ummu Salamah berkata: "Ya Rasulullah, beritahukanlah apa lagi ganjaran bagi seorang wanita?" Rasulullah menjawab: "Bila seorang wanita hamil, Allah akan memberinya ganjaran sama seperti seorang lelaki yang pergi berjihad dengan harta dan nyawanya. Kemudian, bila ia melahirkan anak, semua dosanya akan diampuni, ia boleh memulakan hidup yang baru. Setiap kali ia menyusukan bayinya itu dengan air susunya, Allah akan memberinya ganjaran sama seperti orang yang memerdekakan seorang hamba sahaya."

Suri rumahtangga, walaupun ia tidak sibuk dengan urusan rumahtangga, ia harus mencari sesuatu yang dapat dilakukannya. Mereka boleh membaca buku, membuat kajian tentang sesuatu yang bermanfaat atau menambah pengetahuan serta kemahiran. Mereka juga boleh menulis rencana dan buku, juga boleh melukis, menjahit, mengait dan sebagainya. Dari hasil kegiatan itu, ia dapat membantu keluarganya di bidang ekonomi dan juga dapat menyumbangkan tenaganya kepada masyarakat.

Bekerja dapat menghindarkan terjadinya masalah mental.

Imam Ali ('a.s.) mengatakan: "Allah menyukai orang alim yang dengan jujur mengerjakan sesuatu."

Walaupun sebahagian wanita bekerja di rumah ada juga yang lebih suka bekerja di luar rumah. Pilihan itu mungkin berdasarkan sebab-sebab ekonomi atau sebab yang lain. Dalam hal ini, pekerjaan yang paling baik adalah yang berkaitan dengan budaya dan jururawat. Pusat didikan, sekolah rendah dan tinggi, adalah tempat yang sesuai untuk melatih dan mengajar pelajar wanita. Hospital juga adalah tempat yang baik bagi wanita untuk bekerja sebagai jururawat atau doktor. Pekerjaan seperti itu sesuai dengan sifat-sifat kewanitaan; dan juga di tempat-tempat seperti itu wanita dapat menjaga batas pergaulan dengan lelaki yang bukan muhrimnya (muhrim adalah keluarga terdekat di mana wanita itu tidak boleh

berkahwin dengannya).

Berikut ini adalah saranan-saranan untuk wanita yang ingin bekerja di luar rumah:

- (a) Berbincanglah dengan suami anda sebelum anda menerima sesuatu pekerjaan. Adalah menjadi hak suami anda untuk menerima atau menolak permintaan anda untuk bekerja. Bekerja suatu pekerjaan tanpa mendapat izin suami akan merosak suasana tenang dan penuh kasih di dalam keluarga anda.

Para suami juga disarankan supaya tidak terlalu berkeras untuk membenarkan isterinya bekerja di luar rumah kecuali jika pekerjaan itu dianggap tidak sesuai baginya.

- (b) Kaum wanita harus menjaga hijab Islam (tudung) bila keluar dari rumah. Mereka harus pergi ke tempat kerja tanpa mengenakan *make-up* dan dengan memakai pakaian yang sederhana. Mereka harus cuba sebaik mungkin menghindari terlalu banyak bergaul dengan lelaki yang bukan muhrimnya.

Pejabat adalah tempat untuk bekerja dan bukan tempat untuk menunjuk-nunjuk atau untuk bersaing. Darjat dan harga diri tidak bergantung kepada apa yang anda pakai, tetapi apa yang anda kerjakan dan kualiti pekerjaan anda. Jadilah anda seorang wanita Islam yang dapat dibanggakan. Jagalah kehormatan diri anda dan jangan menyakiti hati suami; simpanlah perhiasan dan baju-baju anda yang cantik untuk suami anda di rumah.

- (c) Kaum wanita harus sedar, walaupun mereka bekerja di luar rumah, mereka tetap diharapkan oleh suami dan anak-anak untuk melaksanakan tanggungjawab seperti mengurus rumah, memasak, mencuci dan sebagainya. Ini dapat dilaksanakan dengan kerjasama antara anggota keluarga. Pekerjaan di luar rumah tidak seharusnya mengganggu urusan keluarga. Suami

juga harus membantu melakukan kerja-kerja rumah. Suami tidak sepatutnya berharap isteri melakukan pekerjaan dalam dan luar rumah sendiri. Itu adalah tidak adil. Lelaki dan wanita harus tolong-menolong dalam melakukan urusan rumahtangga.

- d) Jika seorang wanita yang bekerja di luar rumah mempunyai anak, maka ia harus menghantar anak itu ke tempat penjagaan anak atau pada seseorang yang baik dan boleh dipercayai. Meninggalkan anak sendirian di rumah bukan satu tindakan yang bijaksana dan betul kerana ramai anak yang merasa takut dan tidak berdaya bila menghadapi keadaan bahaya.
- e) Jika seorang wanita merasa bahawa dengan tambahan tugas dan tanggungjawab di atas, ia harus bertukar pekerjaan, maka ia harus berunding dengan suaminya dan mendapat izin dan nasihatnya. Jika suaminya tidak bersetuju, maka ia harus melupakan pekerjaan itu. Jika suami menyetujui pekerjaan isterinya maka isteri harus cuba memilih pekerjaan di mana ia tidak banyak berurusan dengan lelaki yang bukan mahramnya. Ini demi kepentingan diri dan masyarakat. Yang paling utama, bila berada di luar rumah, seorang wanita harus mengenakan hijab Islam dan tetap kelihatan sederhana dan tidak mengenakan make-up.

Jangan Membuang Waktu Lapang Anda

Pekerjaan rumah terdiri dari berbagai pekerjaan. Jika seorang suri rumahtangga mahu melaksanakan tugasnya dengan sempurna, ia tidak akan mempunyai masa lagi untuk mengerjakan hal-hal lain. Hal ini berlaku terutamanya bila ia juga harus menjaga beberapa orang anak. Tetapi kebanyakan suri rumah mempunyai sedikit waktu lapang.

Setiap orang menggunakan waktu lapangnya untuk melakukan sesuatu perkara yang berfaedah. Ada juga wanita yang membazir

waktu lapang mereka. Mereka hanya bersiar-siar atau berbual-bual kosong. Seringkali waktu lapang mereka selama beberapa jam terbuang begitu sahaja. Mereka hanya akan memperkatakan cerita yang sama yang terbukti hanya sekadar membazir waktu dan penghibur perasaan. Berbual-bual kosong seperti itu mengakibatkan kerosakan moral. Kaum wanita yang menjalani hidup seperti itu pastilah termasuk orang-orang yang merugi di dunia dan di akhirat kelak. Adalah suatu yang menghairankan bila seseorang kehilangan sejumlah wang, mereka akan marah, tetapi jika kehilangan waktu yang berharga dalam hidup ini, ia tidak kisah sama sekali.

Seseorang yang bijaksana akan menggunakan waktunya yang berharga dalam hidupnya dengan baik. Apakah kejayaan yang paling benilai yang boleh dicapainya!

Membuang waktu itu sangat merbahaya dan akan mengakibatkan ketegangan dan kerosakan jiwa. Seseorang yang suka membazir masa selalu berfikir dan mencari sesuatu yang akan membuatnya sedih. Ia akan mengalami berbagai jenis kebimbangan yang setelah itu akan membuat fikiran menjadi bingung. Orang yang bahagia adalah seseorang yang sibuk mengerjakan sesuatu. Orang yang tidak beruntung adalah mereka yang suka membazir masa lapang dan hanya digunakan untuk memikirkan kebahagiaan dan kesedihan dalam kehidupannya. Kesibukan itu menyenangkan dan membuang masa adalah sumber kesedihan. Apakah tidak rugi untuk membuang sebahagian waktunya yang berharga atau menggunakannya tanpa mendapatkan hasilnya?

Ibu yang baik! Anda dapat menghasilkan sesuatu yang bermanfaat dengan menggunakan sebaik mungkin waktu anda yang terluang. Anda boleh mengerjakan pekerjaan yang bersifat ilmiah. Anda boleh membeli buku-buku yang berkaitan dengan rumahtangga dan dengan bantuan suami anda, dapat meningkatkan pengetahuan anda. Banyak pilihan untuk anda, misalnya fizik, kimia, al-Qur'an, falsafah, sejarah, geografi, sastera, psikologi dan sebagainya. Anda akan menyukainya dan mungkin pada suatu hari anda dapat menyumbangkan pengetahuan anda kepada masyarakat. Anda boleh menulis buku atau rencana dengan menggunakan nama

anda. Anda juga boleh menambahkan pendapatan.

Jangan berfikir bahawa ini terlalu mudah untuk seorang suri rumahtangga. Jangan berfikir baha wanita-wanita yang terkenal dalam sejarah itu hanya duduk dan membuang masa. Mereka juga suri rumahtangga, tetapi mereka adalah wanita yang tidak membazir waktu lapangnya.

Puan Dorothy Carnegie adalah seorang suri rumahtangga yang juga penulis buku. Ia biasa menguruskan pekerjaan-rumah dan membantu suaminya, Dale Carnegie dalam menulis sebuah buku yang terkenal "How to Make Friends and Influence People" (Bagaimana Cara Bergaul dan Mempengaruhi Orang). Ia menulis dalam bukunya mengenai cara melayani suami: "Saya menulis buku ini pada masa tidur anak saya selama dua jam. Saya banyak membaca buku pada masa rambut saya dikeringkan di pusat kecantikan."

Ramai wanita yang menulis buku-buku yang baik atau mencapai kejayaan di bidang Sains. Jika anda seorang yang bercita-cita tinggi, anda boleh menjadi salah seorang di antara mereka.

Jika suami anda adalah seorang penyelidik, maka bantulah ia dalam bidangnya. Apakah tidak rugi bila seorang wanita yang terpelajar tidak menggunakan semua ilmunya?

Imam Ali ('a.s.) mengatakan: "Tidak ada kekayaan yang lebih baik daripada ilmu."

Imam Muhammad Baqir ('a.s.) menyatakan: "Barang siapa yang menggunakan waktu siang dan malamnya untuk mencari ilmu, maka ia akan disatukan dengan berkah Allah."

Jika anda tidak berminat dengan kegiatan membaca dan menyelidik, maka sibukkanlah diri anda dengan kemahiran kerja atau kegemaran yang bersifat seni seperti menjahit baju, melukis, mengait atau menggubah bunga dan sebagainya.

Anda boleh mempelajari kesenian seperti itu dan mempraktikkannya. Kemahiran ini mungkin dapat membantu anda baik secara mental mahupun dari segi ekonomi. Islam juga menganjurkan kesenian kerja tangan bagi para wanita dalam mengisi waktu lapangnya. Nabi Muhammad (s.'a.a.w.) bersabda: "Menenun adalah pengisi waktu lapang yang baik bagi wanita."

Tanggungjawab Sebagai Ibu (Menjaga Anak-anak)

Salah satu tugas terpenting kaum ibu adalah menjaga anak. Ini bukan merupakan tugas yang mudah tetapi sangat sensitif dan penting. Ini adalah tanggungjawab yang paling mulia dan berharga yang telah dilimpahkan oleh Allah kepada wanita. Ada beberapa perkara secara ringkas disebutkan di sini berhubung dengan hal ini:

1. Hasil Perkahwinan

Walaupun lelaki dan wanita berkahwin kerana beberapa alasan seperti alasan seksual, cinta dan sebagainya, namun mempunyai anak biasanya bukan merupakan salah satu di antara alasan utama.

Akan tetapi setelah tujuan sebenar perkahwinan menjadi jelas, keinginan untuk mendapatkan anak akan wujud dengan sendirinya.

Kehadiran seorang anak merupakan hasil dari perkahwinan dan keinginan semulajadi dari suami dan isteri. Perkahwinan tanpa anak bagaikan pohon tanpa buah. Seorang anak akan mempereratkan ikatan antara pasangan suami dan isteri. Hal ini merupakan dorongan bagi lelaki dalam pekerjaannya dan mendorong Ibubapa untuk mengambil berat kehidupan keluarganya.

Kadang-kadang perkahwinan dilakukan atas dasar nafsu, hubungan seks dan daya tarik seksual yang datang secara langsung. Dasar seperti itu adalah salah dan tidak tahan lama serta cenderung ke arah kehancuran. Faktor yang membuat perkahwinan menjadi kuat adalah mempunyai anak.

Cinta dan dorongan seksual akan segera luntur. Kenangan cinta yang dapat diingat di waktu siang dan malam hanyalah anak-anak yang kehadirannya akan menambahkan kasih sayang antara dua orang tuanya.

Imam Sajjad ('a.s.) mengatakan: "Kebahagiaan seseorang adalah mempunyai seorang anak yang soleh di mana kita dapat berlindung."

Rasulullah (s.'a.a.w.) bersabda: "Anak yang soleh adalah tanaman yang berbau harum yang berasal dari tanam-tanaman syurga."

Rasulullah (s. 'a.a.w.) bersabda: "Tambahlah jumlah anakmu, kerana di Hari akhirat nanti aku akan berbangga dengan jumlah umatku yang lebih besar daripada umat-umat lainnya."

Betapa bodohnya mereka yang dengan berbagai alasan menolak untuk mempunyai anak dan menentang dasar agama.

2. Mendidik Anak

Tugas seorang ibu yang paling sensitif adalah mendidik dan melatih anak-anaknya. Walaupun kedua orang tua harus berkongsi tanggungjawab ini, tugas ini lebih terletak di bahu kaum ibu.

Ini disebabkan ibu dapat selalu melindungi dan mengawasi anak-anaknya. Jika ibu dengan cara yang betul, cuba mendidik anak-anaknya, maka seluruh bangsa dan malah dunia akan mengalami perubahan yang revolusi.

Oleh itu, kemajuan dan kemunduran masyarakat terletak di tangan kaum ibu. Nabi Muhammad (s. 'a.a.w.) bersabda: "Syurga berada di bawah tapak kaki ibu."

Anak-anak kecil pada masa sekarang akan menjadi lelaki dan wanita dewasa pada masa yang akan datang. Pelajaran yang mereka terima sekarang, akan mereka praktikkan di dalam masyarakat yang akan datang. Jika keluarga maju, masyarakat juga akan maju kerana masyarakat terdiri daripada kumpulan keluarga. Dunia esok akan menderita kerana anak-anak sekarang yang pemarah, keras kepala, bodoh, pengecut, materialistik (mementingkan kebendaan), nakal, cuai, mementingkan diri sendiri dan kejam.

Sebaliknya, dunia esok akan beruntung kerana anak-anak sekarang menjadi anak-anak yang jujur, berbudi pekerti, dermawan, adil dan dapat dipercayai dan sebagainya.

Oleh itu, ibubapa pada umumnya dan para ibu khususnya, bertanggungjawab terhadap masyarakatnya. Mereka dapat berbakti kepada masyarakat dengan melahirkan anak-anak yang soleh. Di sebaliknya lalai dalam tanggungjawab mereka akan disoal di akhirat nanti.

Imam Sajjad ('a.s.) mengatakan: "Hak seorang anak adalah anda harus menyedari bahawa ia berasal dari anda. Jika ia baik atau

jahat semuanya itu berkaitan dengan anda. Anda bertanggungjawab dalam membesarkan, mendidik dan menunjukkannya ke jalan Allah serta membantunya menjadi anak yang taat. Anda harus memperlakukan sedemikian rupa sehingga jika anda berbuat baik kepadanya anda yakin bahawa anda akan mendapat ganjaran dan jika anda berbuat tidak baik kepadanya anda akan mendapat siksa.”

Tentu saja tidak semua ibu mengetahui cara mendidik anak yang baik, kerana itu mereka harus mempelajarinya.

Perbincangan mengenai cara menjaga anak secara terperinci memang tidak termasuk dalam buku ini. Untungnya, banyak buku-buku mengenai masalah itu yang ditulis oleh para ilmuwan dan penulis yang terpelajar. Kaum ibu boleh membelinya dan melalui pengalaman mereka, kaum ibu boleh mendidik anak-anak mereka dan bahkan mungkin akan menjadi seorang pakar dalam bidang pendidikan anak. Lalu ia dapat membantu ibu-ibu yang lain dalam tugas mendidik anak.

Di sini satu hal harus diberi perhatian. Ramai orang membuat kesalahan mengenai dua istilahah “pendidikan” dan “latihan” atau menganggap kedua istilah itu mempunyai erti yang sama. Akan tetapi seseorang harus mengerti bahawa mengajar anak beberapa pelajaran seperti cerita-cerita yang sesuai untuk anak-anak, puisi, al-Qur’an, Hadis Nabi Muhammad s.a.w. serta para Imam ‘a.s., bukanlah mendidik mereka. Pelajaran tersebut memang berguna, tetapi seorang anak tidak harus sekadar mempelajari tentang orang-orang yang jujur, tetapi ia sendiri juga harus jujur.

Maka kita harus mewujudkan suasana dan persekitaran hidup yang boleh membuat anak itu menjadi anak yang jujur dan soleh. Jika seorang anak membesar di persekitaran yang jujur, benar, berani, disiplin, bersih, penuh cinta, bebas, adil, sabar dan amanah, setia dan mahu berkorban, maka ia akan belajar dari hal-hal tersebut. Di sebaliknya, seorang anak yang membesar di kalangan orang-orang yang menyeleweng, menipu, pemarah, pembenci, kotor dan tidak setia, tidak dapat dielakkan lagi akan terpengaruh dengan sifat-sifat tersebut. Anak-anak dapat belajar dari cerita-cerita tentang orang-orang yang jujur dan soleh, tetapi itu tidak ada manfaatnya.

Ibubapa yang tidak jujur, tidak dapat membesarkan anak yang jujur walaupun dengan mengajarnya al-Qur'an dan Hadis. Ibubapa yang jahat sebenarnya telah mengajarkan anak-anak mereka untuk menjadi jahat. Seorang anak lebih memperhatikan perbuatan ibubapanya daripada kata-kata mereka.

Oleh itu, bagi kita yang memikirkan dengan serius untuk membesarkan anak-anak yang jujur dan baik, harus mendidik diri sendiri terlebih dahulu. Inilah satu-satunya cara untuk mendidik anak-anak supaya berguna bagi diri dan masyarakatnya.

3. Pemakanan dan Kesihatan

Tugas penting yang lain bagi suri rumahtangga adalah memberi makan anak-anaknya. Kesihatan atau penyakit, kecantikan atau keburukan, malah sifat baik atau sifat buruk dan kecerdikan anak-anak, semuanya berkaitan dengan sistem pemakanan mereka.

Anak-anak mempunyai sistem pemakanan yang berbeza jika dibandingkan dengan orang dewasa. Mereka mempunyai keperluan yang berbeza pada peringkat umur yang berbeza dan oleh itu ibu harus mempertimbangkan hal ini ketika memberi makan anaknya.

Makanan yang paling baik dan berzat adalah susu. Susu mengandungi semua zat yang diperlukan dalam tubuh yang sihat. Oleh itu bagi bayi tidak ada yang lebih baik daripada susu ibu. Disebabkan susu mengandungi bahan-bahan yang sesuai bagi pencernaan bayi, maka tidak ada masalah dalam memberikan susu ibu kepada bayi. Di samping itu kita tidak perlu memasaknya atau mengawetkannya. Kita tidak perlu khuatir tentang keasliannya.

Imam Ali ('a.s.) mengatakan: "Tidak ada yang lebih baik dan lebih mewah daripada air susu ibu."

Dr. A.H. Taba, bekas ketua Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) di Wilayah Timur Mediterranean mengatakan: "Salah satu di antara faktor penting yang membuat anak mudah diserang berbagai jenis penyakit adalah kerana tidak mendapatkan air susu ibu yang merupakan satu-satunya jaminan hidup bagi setiap manusia."

Oleh itu, ibu yang menyusukan bayinya dengan air susu ibu harus ingar bahawa semua keperluan zat bagi anaknya sudah terkandung dalam air susu tersebut.

Namun air susu yang berzat hanya akan didapati jika si ibu mendapat makanan yang berzat kerana kualiti air susunya bergantung pada jumlah dan kualiti makanan yang dimakannya. Jika baik makanannya, maka baik pula air susunya. Kaum ibu yang menyusukan bayinya akan membahayakan kesihatan diri dan bayinya jika ia tidak menjaga pemakanannya.

Kaum bapa yang mempunyai bayi juga bertanggungjawab untuk menyediakan makanan yang berzat tinggi dalam jumlah yang cukup bagi isterinya. Kekurangan zat adalah masalah yang serius bagi ramai orang, dan kita tidak boleh memandang ringan atau ia harus bersedia untuk membayar rawatan yang diakibatkan oleh kekurangan zat.

Anda boleh memperolehi keterangan lanjut mengenai hal ini dari doktor anda atau dari buku-buku yang berkaitan. Akan tetapi pada umumnya, seorang ibu yang menyusui harus makan semua jenis makanan dari daging, buah, susu dan hasil dari susu hingga kepada sayur-sayuran.

Yang nyata, air susu ibu mempengaruhi sifat-sifat bayi dan oleh itulah Imam Ali r.a. mengatakan: "Jangan memilih wanita yang bodoh untuk menyusukan bayimu dengan air susunya kerana sifat-sifatnya dasarnya akan mempengaruhi anakmu."

Imam Muhammad Baqir ('a.s.) mengatakan: "Pilihlah wanita yang mulia untuk menyusukan anakmu dengan air susunya, kerana sifat mulia wanita itu akan mempengaruhi melalui air susunya."

Anda harus memberi makan anak anda pada waktu-waktu tertentu. Anak anda akan terbiasa dengan perkara itu dan akan membantunya menjadi anak yang penyabar. Hal itu juga membantu sistem pencernaan dan perut yang sihat. Sebaliknya jika anda memberinya makan setiap kali ia menangis, maka ia tidak akan berdisiplin. Jika ia dapat apa yang diinginkannya dengan menangis maka ia akan mengamalkan sikap ini malah sampai ia menjadi dewasa. Ia tidak akan mempunyai kesabaran yang diperlukan bila menghadapi kesulitan. Ia akan menggunakan kekerasan untuk mendapatkan apa yang diinginkannya akan hancur bila menghadapi kesulitan.

Jangan berfikir bahawa mendisiplinkan anak adalah suatu hal yang mustahil. Anda hanya harus bersabar dan mempunyai program yang sesuai untuk melatihnya menurut pengetahuan anda. Pakar pemakanan kanak-kanak mengatakan bahawa seorang bayi harus diberi susu setiap tiga atau empat jam.

Pangkulah anak anda ketika menyusuinya. Dengan memeluknya, anak itu akan merasakan kasih sayang anda dan ini akan mempengaruhi keperibadiannya pada masa akan datang. Jangan menyusui anak-anak anda sambil baring, kerana sering terjadi bahawa ibu telah tertidur ketika menyusukan bayinya dan akibatnya bayi itu tercekik kerana buah dada ibunya menghalangnya untuk bernafas.

Jika anda tidak mempunyai air susu dalam tubuh anda, anda boleh menggunakan susu lembu. Oleh kerana susu lembu lebih kental daripada air susu ini anda harus menambahnya dengan sedikit air. Anda boleh juga menggunakan susu yang telah diawetkan, yang harus dididihkan selama dua puluh minit atau sampai susu tersebut sesuai diminum oleh bayi.

Jangan memberikan susu yang panas atau yang sejuk kepada bayi, tetapi berikanlah susu dengan suhu yang sama dengan air susu ibu.

Setelah selesai memberi susu kepada bayi, anda harus merebus botol susu bersama putingnya, dan perawatan tambahan harus dilakukan semasa musim panas. Hati-hati jangan sampai menggunakan sisa atau susu yang sudah masam. Lebih baik menyukat kadar pemberian susu pada setiap waktu agar dapat memastikan bahawa anak anda tidak mendapatkan terlalu banyak atau terlalu sedikit susu.

Dalam menggunakan susu tepung, anda harus mendapat nasihat doktor pakar bayi. Anda harus menggunakan susu tepung yang masih baru.

Setelah bayi berusia empat bulan, anda boleh mula memberinya pati perahan buah-buahan. Apabila bayi berusia enam bulan, anda boleh mula memberinya makanan pejal dan sup. Anda boleh memberinya biskut atau roti manis. Yogurt dan keju juga baik

TANGGUNG JAWAB WANITA

untuk bayi. Sedikit demi sedikit anda memberikan sedikit makanan anda.

Ingatlah bahawa bayi anda juga merasa dahaga sama seperti anda. Berikanlah air kepadanya tapi jangan cuba memberinya teh atau kopi. Buah-buahan, sayur-sayuran dan sup baik terutamanya untuk bayi yang sedang membesar.

Jangan lupa untuk selalu menjaga kebersihan tempat tidur, pakaian dan tubuh badannya. Cucilah muka dan tangannya selalu. Mandikanlah ia sekerap mungkin kerana bayi mudah terkena kotoran dan kuman dan lebih mudah diserang penyakit

Anda harus memberikan kepada anak-anak anda suntikan terhadap berbagai penyakit seperti cacar air, batuk kering, polio, campak dan sakit kerongkong. Suntikan disediakan di pusat-pusat kesihatan dan penguatkuasaan.

Anda akan mendapatkan anak-anak yang sihat dengan mengamalkan syarat-syarat kesihatan dan kebersihan ini.

Bahagian Kedua

TANGGUNGJAWAB LELAKI

Pemimpin Keluarga

Lelaki dan wanita adalah dua pendukung utama sesebuah keluarga, tetapi kerana lelaki dikurniakan suatu keistimewaan oleh Allah, dan kerana kekuatan fikiran mereka lebih daripada wanita, mereka dijadikan pemimpin keluarga. Allah (s.w.t.) menjadikan lelaki sebagai pelindung keluarga dan menyatakan dalam kitab suci al-Qur'an:

Kaum lelaki adalah pemimpin bagi kaum wanita, oleh kerana Allah telah melebihkan sebahagian mereka (lelaki) atas sebahagian yang lain (wanita)..."

[Surah 4: 34]

Oleh kerana itu lelaki mempunyai tanggungjawab yang lebih besar dan lebih sukar dalam menanggung keluarganya.

Kaum lelaki dengan kebijaksanaannya dapat menanggung keluarganya dan mempersiapkan segala-galanya demi kebahagiaan keluarganya dan dia yang dapat mengubah rumahnya menjadi syurga dan isterinya sebagai bidadarinya.

Rasulullah (s.'a.a.w.) bersabda: "Lelaki adalah pemimpin keluarganya dan setiap orang yang menjadi pemimpin bertanggungjawab terhadap orang-orang yang berada di bawah pimpinannya."

Seorang lelaki yang bertanggungjawab terhadap isterinya harus mengetahui bahawa wanita juga manusia seperti lelaki yang

mempunyai kehendak dan hak kebebasan. Mengahwini wanita tidak sama dengan mengupah seorang pembantu; sebaliknya itu merupakan pemilihan sebagai pasangan dan teman hidup bersama sepanjang waktu. Suami harus memperhatikan isterinya serta keinginan-keinginannya; lelaki bukan pemilik isterinya, malah mempunyai hak-hak tertentu terhadap suaminya.

Allah (s.w.t.) menyatakan dalam kitab suci al-Qur'an:

"...Dan para wanita mempunyai hak yang seimbang dengan kewajibannya menurut cara yang makruf. Akan tetapi para suami, mempunyai satu tingkat kelebihan daripada isterinya..."

[al-Baqarah,2: 228]

Menjaga Isteri

Rahsia kesejahteraan sesebuah keluarga bergantung kepada bagaimana seorang suami melayan isterinya, dan ini seperti juga tugas seorang wanita terhadap suaminya yang menyamai tingkatan jihad, dianggap sebagai tindakan seorang lelaki yang paling baik dan berharga. Tetapi lelaki yang sudah berkahwin harus mempelajari bagaimana cara melayani isterinya hingga si isteri berubah sikapnya kepada sifat-sifat wanita yang solehah.

Untuk itu seorang lelaki harus memahami tingkah laku isterinya dan tentang keinginan-keinginannya. Ia harus mengatur cara hidupnya sesuai dengan keinginan-keinginan isterinya dan hak-haknya yang sah. Melalui sifat dan sikapnya, suami dapat mempengaruhi isterinya dengan suatu cara yang boleh menyukakan diri dan rumahtangganya.

Ini merupakan suatu tajuk yang perlu kepada penjelasan yang lebih. Perbincangan lanjut akan dihuraikan kemudian dalam buku ini.

Cintailah Isteri Anda

Seorang wanita adalah asas segala kebaikan dan merupakan manusia yang dikuasai sepenuhnya oleh emosi. Kehadirannya bergantung kepada cinta dan kasih sayang. Ia ingin dicintai oleh orang lain dan

makin banyak yang mencintai makin baik. Ia sanggup mengorbankan dirinya agar disukai. Sifat ini sangat kuat dalam diri wanita sehingga bila ia merasa dirinya tidak dicintai, ia akan merasa kecewa dan tersisih. Kerana itu pasti orang dapat menyatakan bahawa rahsia lelaki yang berhasil dalam kehidupan perkahwinannya adalah bagaimana ia mencurahkan rasa cintanya terhadap isterinya.

Saudara-saudara yang kami hormati! Isteri anda, sebelum berkahwin dengan anda sangat menikmati cinta dan kasih sayang kedua ibubapanya. Kini setelah ia memasuki alam perkahwinan, dan memilih untuk hidup bersama anda, ia mengharapkan anda untuk memenuhi keinginan-keinginannya dalam cinta dan kasih yang. Ia mengharapkan anda untuk memberikan cinta yang lebih daripada yang diterimanya dari ibubapa dan sahabat-sahabatnya. Ia telah begitu mempercayai anda dan itulah sebabnya maka ia mempercayai anda dengan segala keberadaannya.

Rahsia perkahwinan yang bahagia adalah luahan rasa cinta terhadap isteri anda.

Sekiranya anda ingin menakluki hatinya, ingin agar ia mematuhi permintaan-permintaan anda, dan ingin memperkuat tali perkahwinan, serta lebih mencintai anda, atau selalu setia kepada anda, atau..., maka anda harus selalu menunjukkan kasih sayang dan melahirkan rasa cinta anda kepadanya.

Jika anda tidak memberikan kasih sayang anda kepada isteri, maka ia akan kehilangan daya tarikan kepada rumahnya, anak-anaknya dan terutamanya, kepada diri menyebabkan rumah anda selalu dalam keadaan tidak terurus. Ia tidak akan sudi melakukan usaha untuk seseorang yang tidak dicintainya.

Sebuah rumah yang didalamnya tiada kasih sayang menyerupai neraka yang menyala, walaupun rumah itu kelihatan sangat kemas dan penuh dengan barang-barang mewah.

Isteri anda mungkin menjadi sakit atau mengalami kekacauan mental. Ia mungkin akan mencari kesenangan dengan orang lain bila anda tidak memberinya kepuasan. Ia mungkin akan bersikap dingin terhadap anda dan rumah tangga sehingga ia akan meminta perceraian.

Andalah yang bertanggungjawab terhadap semua ini kerana anda telah gagal untuk memuaskannya. Memang benar bahawa tahap-tahap perceraian terjadi kerana sikap yang tidak ramah.

Perhatian anda kini tertumpu kepada statistik berikut. Syarat-syarat psikologi mengenai kasih sayang, kelalaian suami dalam hubungannya dengan keinginan isteri dan sikap terlalu memperhatikan kekurangan isteri telah menjadi penyebab dalam banyak kes perceraian.

Pada tahun 1969, dari jumlah 10,372 perceraian, 1,203 wanita menyatakan alasan perceraian mereka adalah kerana kehilangan ghairah hidup, merasa tidak berharga dan kurangnya perhatian suami terhadap keinginan dan perasaan isteri.

Seorang isteri menyatakan di sebuah mahkamah bahawa ia bersedia menyerahkan mas kahwinnya dan bersedia membayar sejumlah wang kepada suaminya agar ia menyetujui perceraian mereka. Ia mengatakan bahawa suaminya lebih tertarik kepada burung kakak tuanya dan itulah sebabnya ia tidak ingin hidup bersamanya lagi.

Kasih sayang di dalam keluarga lebih berharga daripada segalanya dan kerana itulah Allah telah menjadikannya tanda-tanda kekuasaan dan berkah yang luar biasa yang telah dikurniakan kepada manusia. Al-Qur'an menyatakan:

"Dan di antara tanda-tanda kekuasaannya ialah Dia menciptakan untukmu isteri-isteri dari jenismu sendiri supaya kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya, dan dijadikanNya di antaramu rasa kasih sayang. Sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat tanda-tanda bagi kaum yang berfikir."

[Surah 30: 2]

Imam Ja'far Sadiq ('a.s) menegaskan: "Barang siapa yang menjadi sahabat kami, tunjukkanlah kebaikan hatinya kepada pasangannya."

Rasulullah (s.'a.a.w.) bersabda: "Makin setia seseorang kepada pasangannya, semakin banyak kebaikan yang dicurahkan."

Imam Ja'far Sadiq ('a.s) mengatakan: "Salah satu sifat para Nabi Allah adalah bahawa mereka semua baik kepada isteri-isteri

mereka.”

Rasulullah (s. 'a.a.w.) bersabda: “Ucapan seorang lelaki kepada isterinya: “aku sangat mencintaimu” tidak akan pernah lepas dari hati isterinya.”

Cinta dan kasih sayang sudah semestinya ikhlas agar tersemat dihati seseorang, tetapi itupun belum cukup kerana menyatakan rasa sayang itu adalah penting. Dengan menunjukkan perasaan anda melalui tutur-kata dan tingkahlaku, maka cinta anda akan terbalas dan ikatan cinta itu semakin kuat di hati anda.

Berterus teranglah dan jangan segan-segan mengungkapkan rasa cinta kepada isteri anda. Baik di belakangnya mahupun di hadapannya anda harus memberikan pujian kepadanya. Kirimlah surat kepadanya ketika bermusafir dan katakan bahawa anda merindukannya. Sekali-sekala belilah sesuatu untuknya. Telefonlah ia ketika anda sedang bekerja dan tanyakan bagaimana keadaannya.

Salah satu perkara penting dalam fikiran seseorang wanita ialah ungkapan cinta seperti ini.

Seorang wanita sambil menangis dengan sedihnya, mengatakan: “Saya berkahwin dengan suami saya pada malam musim gugur. Kami hidup bersama dengan bahagia untuk beberapa ketika. Ketika itu saya menganggap diri saya sebagai wanita yang paling beruntung di dunia. Setelah enam tahun tinggal bersama dengannya, saya mengandung anak yang pertama. Itulah saat yang paling bahagia buat diri saya. Ketika saya memberitahukan hal ini kepada suami saya, ia menangis kegembiraan sambil memeluk saya. Dengan perasaan yang amat gembira ia keluar dan membelikan saya seutas kalung permata dengan wang simpanannya. Ia memberikan kalung itu dan berkata: “Saya memberikan ini kepada wanita terbaik yang pernah saya lihat di dunia ini.” Tetapi tidak lama selepas itu ia meninggal kerana terlibat dalam satu kemalangan jalanraya.”

Hormatilah Isteri Anda

Seorang wanita bangga akan dirinya seperti juga seorang lelaki. Ia ingin dihormati oleh orang lain, dan akan tersinggung bila ia dihina atau tidak dihiraukan. Ia merasa senang bila dihormati dan akan merasa benci dengan orang-orang yang menghinanya.

Saudara-saudara! Isteri anda pasti mengharapkan agar anda lebih menghormatinya daripada irang lain. Ia mempunyai hak untuk mengharapkan pasangan hidupnya dan teman terbaiknya untuk

memeliharanya

Ia bekerja demi kesenangan anda dan anak-anak dan kerana itulah ia mengharap anda untuk menghargai dan menghormatinya. Dengan menghormatinya tidak bermakna memperkecilkan anda, sebaliknya membuktikan rasa cinta dan kasih sayang anda kepadanya. Kerana itu hormatilah ia lebih daripada orang lain dan berkatalah dengan sopan kepadanya. Jangan memotong perbicaraannya atau menengkingnya dan panggillah ia dengan nama-nama yang baik dan terhormat. Tunjukkan rasa hormat anda bila ia hendak duduk dan sekiranya anda memasuki rumah dan ia lupa mengucapkan salam, maka ucapkanlah salam kepadanya.

Ucapkan "selamat tinggal" bila anda pergi. Jangan putus hubungan dengannya bila anda berpergian atau berada jauh dari rumah. Berkirim suratlah kepadanya.

Tunjukkan rasa hormat anda kepadanya bila anda berdua menghadiri suatu perjumpaan. Bersungguh-sungguhlah dalam menghindari segala jenis penghinaan dan hal-hal yang menyinggung perasaan. Jangan menyalahkan atau mengganggunya walaupun dalam bentuk gurauan. Jangan berfikir bahawa kerana anda terlalu akrab dengannya maka ia tidak mengisahkan anda memperolok-oloknya. Sebaliknya ia membenci sikap yang demikian itu tetapi mungkin tidak mahu menyatakannya secara terus-terang.

Seorang wanita bangsawan yang berusia sekitar 35 tahun, mengatakan tentang tuntutan cerainya: "Sudah 12 tahun saya berkahwin. Suami saya adalah orang baik-baik dan banyak sifat baik dan terpuji ada dalam dirinya. Tetapi ia tidak pernah mahu menyedari bahawa saya adalah isterinya dan ibu kepada kedua orang anaknya. Ia merasa ia adalah seorang yang boleh di bawa berunding di suatu majlis pertemuan, tetapi ia menunjukkannya dengan cara mempersenda dan menghina saya. Anda mungkin tidak percaya bahawa saya merasa amat terhina di atas tindakannya itu. Jiwa saya amat terganggu sehingga menyebabkan saya terpaksa menghubungi seorang Psikiatri untuk mendapatkan rawatan. Saya telah memberitahu hal ini kepada suami saya berkali-kali dan memohon kepadanya supaya tidak memperlakukan saya dengan cara begitu. Saya telah mengingatkannya akan kedudukan saya sebagai 'isteri'nya dan umur saya yang semakin meningkat. Maka sudah tentulah tidak wajar baginya untuk bergurau dengan saya di khalayak ramai sehingga menyebabkan mereka tertawa. Saya merasa malu

terhadap semua orang dan oleh kerana saya bukanlah orang yang pandai berhujah, maka saya tidak dapat menandinginya. Akhirnya disebabkan permintaan saya tidak dipenuhi oleh suami saya, maka saya memilih untuk berpisah dengannya. Saya mengerti bahawa saya tidak akan berbahagia hidup sendiri, tetapi saya tidak dapat hidup dengan seseorang yang terus menerus menghina saya.”

Semua wanita mengharapkan setiap suami menghormati mereka dan mereka semua tidak suka dihina. Bila seorang wanita tetap diam setelah dihina oleh suami mereka, ini bukan bererti mereka suka.

Sekiranya anda menghormati isteri anda, ia juga akan menghormati anda, menyebabkan hubungan anda akan semakin erat dengannya. Anda pun akan dihormati oleh orang lain. Tetapi jika anda menganiayanya dan ia merasa benci, maka sekali lagi kesalahan terletak pada anda.

Saudara yang dihormati! Berkahwin tidak sama dengan mempunyai hamba. Anda tidak boleh memperlakukan orang yang merdeka sebagai hamba. Isteri anda telah berkahwin dengan anda dengan tujuan untuk hidup bersama anda dan untuk berkongsi hidup dengan lelaki yang dicintainya. Ia mengharapkan hal yang sama dari anda seperti anda mengharapkan darinya. Kerana itu, layanilah ia sepertimana anda ingin dilayani.

Imam Ja'far Sadiq (a.s.) memetik kata-kata ayahnya, “Barang siapa yang berkahwin, maka ia harus menghormati isterinya.”

Rasulullah (s. 'a.a.w.) bersabda: “Barang siapa menghormati seseorang Muslim, maka Allah akan memberikan kepadanya kehormatan diri.”

Rasulullah (s. 'a.a.w.) menegaskan: “Tidak ada orang yang menghormati wanita kecuali orang-orang yang murah hati, dan tidak ada orang yang akan menghina wanita kecuali orang-orang yang tidak menghormati.” Rasulullah bersabda lagi: “Barang siapa menghina keluarganya, maka ia akan kehilangan kebahagiaan dalam kehidupannya.”

Bersikap Baik Terhadap Isteri Anda

Dunia berputar mengikut pola yang teratur. Banyak kejadian terjadi dan muncul satu demi satu. Wujudnya kita di dunia yang luas ini

bagaikan zarah kecil yang bergerak dan menempel pada zarah-zarah lain di setiap waktu. Urusan dunia ini tidak berada di tangan kita, dan setiap tidak berlaku menurut keinginan kita. Bermula dari saat pertama seseorang melangkahkan kaki keluar dari rumahnya di pagi hari, sehingga kembalinya ke rumah pada petangnya, ia berbagai peristiwa yang tidak menyenangkan.

Manusia menghadapi berbagai kesulitan dalam hidup ini. Mungkin anda dihina oleh orang lain, bertemu seorang teman yang tidak ramah, harus menunggu bas terlalu lama atau telah dituduh melakukan sesuatu di tempat kerja, kehilangan wang, dirompak atau telah menghadapi hal-hal lain seperti itu yang boleh terjadi kepada siapa saja dan dimana jua.

Mungkin anda merasa sangat kecewa dengan kejadian-kejadian yang berlaku dalam hidup anda yang membuat anda merasa seolah-olah seperti bom jangka yang boleh meledak bila-bila masa sahaja.

Mungkin anda berfikir bahawa anda tidak boleh menyalahkan orang lain terhadap kecelakaan yang menimpa anda, maka ketika pulang ke rumah, anda cuba mengarahkan kemarahan anda terhadap isteri dan anak-anak.

Anda memasuki rumah dan seolah-olah Izrail (malaikat maut) telah sampai. Anak-anak lari bertempieran bagaikan tikus-tikus kecil di hadapan anda. Allah melarang anda dari mencari-cari sesuatu untuk dipersalahkan! Mungkin makanan terlalu masin atau tawar, minuman anda belum siap, rumah tidak terurus atau anak-anak bergaduh dan ini memberikan alasan yang tepat bagi anda untuk menunjukkan kemarahan di rumah anda sendiri.

Anda kemudian naik bengis dan berteriak kepada semua orang, menyakiti mereka, memukul anak-anak dan sebagainya. Akhirnya anda akan mengubah rumah yang penuh dengan cinta dan kemesraan itu menjadi neraka di mana anda dan seluruh keluarga akan menjalani penderitaan.

Malah sekiranya anak-anak anda dapat melarikan diri dari rumah, mereka akan melakukannya; dan jika tidak, mereka hanya menunggu saatng detik-anda keluar dari rumah.

Sangat jelas, betapa keadaan tidak bermaya dan menakutkan di

dalam keluarga seperti ini. Selalu saja ada pertelingkahan dan perbantahan. Rumah selalu dalam keadaan berkecamuk dan isteri benci melihat wajah suaminya.

Bagaimana seorang wanita dapat hidup bahagia dengan lelaki pemaarah yang selalu bermuka masam itu?

Paling menyedihkan adalah keadaan anak-anak yang terpaksa membesar di dalam suasana seperti itu. Pertengkaran keluarga pasti akan meninggalkan bekas luka di dalam hati dan jiwa mereka yang sangat peka dengan keadaan itu. Anak-anak yang mengalami keperitan hidup seperti ini cenderung untuk menjadi seseorang yang agresif, pemaarah, tertekan dan putus asa bila mereka dewasa kelak. Mereka menjadi sedih dan pilu sekali bila bersama-sama dengan keluarga dan akhirnya mengambil tindakan meninggalkan rumah. Mereka akan masuk ke dalam perangkap orang-orang yang menyeleweng dan melakukan berbagai bentuk jenayah. Malah mungkin menjadi bingung dan terganggu fikirannya sehingga dapat membahayakan orang lain dan melakukan pembunuhan atau membunuh diri sendiri.

Para pembaca disarankan untuk mengadakan penyelidikan ke atas latarbelakang jenayah. Statistik dan berita-berita harian mengenai kejadian jenayah keseluruhannya menggambarkan kenyataan ini.

Tanggungjawab semua ini terletak pada pemimpin keluarga yang tidak dapat mengendalikan amarahnya dan telah salah dalam memperlakukan keluarganya. Orang seperti itu tidak akan mendapat kedamaian di dunia dan akan disiksa di akhirat nanti.

Saudara sekalian! Kita tidak berada pada suatu posisi di mana kita dapat mengendalikan kejadian-kejadian yang berlaku di dunia ini. Kecelakaan, kesusahan dan kejadian-kejadian yang menyedihkan semuanya tidak dapat dipisahkan dari kehidupan ini. Setiap orang akan mengalami kesulitan pada waktu-waktu yang berbeza. Sebenarnya seseorang akan mencapai tahap kematangan apabila menghadapi kesulitan-kesulitan tersebut. Seharusnya ia menghadapinya dengan kekuatan dan harus berusaha untuk mencari penyelesaiannya. Manusia dikurnia kemampuan untuk

menghadapi berbagai kesulitan, baik yang kecil mahupun yang besar dan ia tidak boleh berputus asa dengan nasib malang yang menyimpannya.

Segala kejadian yang berlaku di dunia ini bukanlah satu-satunya alasan untuk dikesalkan, tetapi sebenarnya sistem saraf kitalah yang terserang oleh kejadian-kejadian seperti itu dan menyebabkan kita mengalami hal-hal yang tidak menyenangkan. Kerana itu bila seseorang dapat mengawal dirinya ketika berhadapan dengan kesulitan hidup, maka ia tidak akan merasa tersinggung atau marah.

Misalnya, anda mengalami peristiwa yang tidak menyenangkan. Peristiwa ini mungkin merupakan samada kejadian sehari-hari yang tidak boleh dipisahkan dengan kehidupan atau sesuatu yang tidak boleh dielakkan. Ataupun ia mungkin juga satu peristiwa dimana kita berkeyakinan dengan keputusan kita sendiri.

Jelas dalam kes pertama, perasaan tersinggung kita tidak akan membantu sama sekali. Kita mungkin bersalah bapabilamenjadi cepat marah atau panas baran. Kita harus ingat bahawa kita tidak bertanggungjawab keatas apa yang terjadi itu, malah mencuba menyambutnya dengan wajah tersenyum. Tetapi jika pengalaman buruk kita adalah dari jenis yang kedua, maka kita boleh mencari penyelesaian yang sesuai untuknya.

Sekiranya kita tidak berputus asa apabila menghadapi kesulitan-kesulitan dan mencuba mengawalnya sendiri, tentunya kita dapat mengatasi kesulitan itu dengan cara yang bijaksana. Dengan ini kita tidak akakn menjadi marah yang boleh menambahkan beban kita. Kerana itu, orang yang bijaksana, ialah mereka yang tidak mudah dipengaruhi oleh segala bentuk kesulitan.

Kita mempunyai kemampuan untuk mengatasi semua kesulitan melalui kesabaran dan kebijaksanaan. Apakah tidak patut disayangkan bila kita kehilangan daya kawalan kerana kejadian yang tidak dapat kita elakkan dalam kehidupan?

Lebih-lebih lagi mengapa anda harus menyalahkan isteri dan anak-anak kerana nasib yang tidak baik ini?

Isteri anda mengerjakan tugasnya. Ia harus mengurus

rumah tangga dan anak-anak, serta harus mencuci, menggosok baju, memasak dan membersihkan rumah. Anda harus memberikan dorongan kepadanya melayaninya secara baik.

Anak-anak juga melakukan tugas mereka. Mereka juga mengharapkan kebahagiaan dari bapa mereka. Ajarkanlah hal-hal yang benar kepada mereka dan berikan semangat untuk mereka belajar.

Apakah adil bila anda menghadapi keluarga anda dengan bermuka masam dan bersikap marah?

Mereka mengharapkan anda menyempurnakan hak-hak mereka. Mereka mengharapkan kebaikan dari anda dan menginginkan anda untuk bercakap-cakap dengan lembut dan berkelakuan dengan sikap yang menyenangkan.

Mereka akan membenci anda kerana menyakiti hati mereka dan mengubah rumah menjadi tempat yang gelap di mana tidak ada sedikit kebahagiaan di dalamnya.

Tahukah anda sampai di mana mereka akan menderita kerana sikap anda yang kasar dan tidak menyenangkan?

Walaupun anda tidak bersungguh-sungguh terhadap keluarga anda, sekurang-kurangnya kasihanilah diri anda sendiri. Anda harus yakin bahawa kesihatan anda akan terjejas kerana sikap pemarah anda.

Bagaimana anda dapat terus bekerja dan berhasil mencapai sesuatu? Mengapa anda harus mengubah rumah anda menjadi neraka?

Apakah tidak lebih baik jika anda selalu gembira dan menghadapi kesulitan dengan kebijaksanaan dan bukan dengan marah?

Apakah tidak lebih baik anda percaya bahawa marah tidak akan menyelesaikan masalah tetapi menambah masalah. Apakah anda tidak setuju bahawa ketika berada di rumah, anda harus berehat dan memulihkan kekuatan supaya mendapat penyelesaian yang sesuai kepada masalah anda dengan fikiran yang tenang? Anda harus menjumpai keluarga anda dengan wajah yang manis. Anda sebaiknya bergurau dengan mereka dengan cara yang baik dan

mencuba melahirkan suasana bahagia di rumah. Anda sebaiknya makan dan minum bersama mereka dan bawa berehat. Dengan demikian anda dan keluarga akan merasai kenikmatan hidup ini dan akan dapat mengatasi masalah anda dengan mudah.

Itulah sebabnya agama Islam yang suci menganggap kelakuan yang baik sebagai sebahagian dari agama dan tanda keimanan yang paling tinggi.

Rasulullah (s. 'a.a.w.) bersabda: "Barang siapa yang lebih baik kelakuannya, maka ia lebih sempurna imannya. Yang terbaik di antara kamu adalah yang berbuat baik kepada keluarganya."

Rasulullah (s. 'a.a.w.) juga bersabda: "Tidak ada perbuatan yang lebih baik daripada kelakuan yang baik."

Imam Ja'far Sadiq ('a.s.) menyatakan: "Berbuat baik dan berkelakuan wajar terhadap masyarakat menjadikan bandar banyak penduduknya dan memanjangkan usia (penduduknya)."

Imam Ja'far Sadiq ('a.s.) juga mengatakan: "Orang yang tidak bermoral selalu dalam keadaan tersiksa dan marah."

Luqman Al-Hakim menyatakan: "Orang yang bijaksana harus berkelakuan seperti anak-anak bila berada di tengah-tengah keluarganya dan bersikap bijaksana bila berada di luar rumah."

Rasulullah (s. 'a.a.w.) menegaskan: "Tidak ada kegembiraan yang lebih baik daripada kelakuan yang baik."

Rasulullah (s. 'a.a.w.) juga mengatakan: "Kelakuan baik adalah setengah dari agama (Islam)."

Telah diriwayatkan bahawa Sa'ad Ibn Ma'adz, salah seorang sahabat Nabi, meninggal dunia, seakan-akan beliau telah kehilangan seorang dari anggota keluarganya. Rasulullah (s. 'a.a.w.) meletakkan mayatnya di dalam kubur dengan tangannya yang mulia dan kemudian menutupnya. Ibu dari Sa'ad yang memperhatikan betapa Nabi telah menghormati anaknya, menyapa Sa'ad dan berkata: "Wahai Sa'ad! Nikmatilah syurga." Rasulullah mengatakan kepada si ibu: "Wahai Ibu Sa'ad, jangan berkata begitu, kerana Sa'ad baru saja mengalami *daghat al-qabr* (seksa kubur)." Setelah itu, ketika Nabi ditanya mengenai *daghat al-qabr* yang dialami Sa'ad, Nabi menjawab: "Kerana Sa'ad telah berbuat tidak baik kepada

keluarganya.”

Keluhan Yang Tidak Perlu

Persoalan hidup ini begitu banyak. Tidak ada orang yang merasa cukup dan bahagia dengan apa yang ada, tetapi ada orang- yang lebih sabar dari orang lain. Mereka menyimpan masalah mereka di dalam fikiran mereka dan tidak mengungkapkannya kecuali bila ada alasan untuk itu.

Dalam pada itu, ada orang yang begitu lemah sehingga tidak dapat menyimpan masalah di dalam hati mereka.

Mereka sudah biasa mengeluh sehingga apabila mereka bertemu seseorang, mereka mulai mengeluh. Ke mana sahaja mereka pergi dan di sahaja mereka berada, mereka mengeluh tentang kejadian sehari-hari yang terjadi dalam hidup mereka. Mereka seolah-olah diutus oleh syaitan untuk merosak kebahagiaan orang lain. Itulah sebabnya ramai teman dan keluarga yang tidak mahu diganggu dengan sifat-sifat ini dan berusaha untuk menjauhi mereka sedapat mungkin.

Akan tetapi, orang seharusnya merasa simpati terhadap isteri dan anak-anaknya yang terpaksa menghadapi masalah ini. Justeru tidak ada lagi orang lain yang mahu mendengar keluhan mereka, orang seperti ini akhirnya mencurahkan masalah mereka kepada keluarganya.

Kadang-kadang mereka mengeluh tentang perbelanjaan mereka, cukai yang harus dibayar, teman-teman, rakan sekerja, pekerjaan mereka, penyakit, doktor dan sebagainya. Lelaki seperti ini terlalu bersifat pesimis dan tidak mahu melihat kebaikan-kebaikan yang ada di dunia ini. Mereka menderita dan membuat orang lain juga menderita terutamanya keluarga mereka.

Saudara! Apa gunanya mengeluh setiap waktu? Apa yang anda dapat dari mengeluh? Mengapa keluarga anda harus menderita bila anda marah dengan pemandu teksi? Mengapa anda menyalahkan isteri anda bila pekerjaan anda tidak lancar?

Jangan lupa bahawa sikap anda akan menjauhkan keluarga anda daripada anda. Mereka akan kecewa terhadap anda dan akan

membenci rumah. Bahkan mereka mungkin akan lari dari rumah dan akan terjerumus ke dalam penyelewengan dan jenayah. Paling sedikit hal ini akan meninggalkan kesan terhadap mental mereka.

Tidakkah lebih baik anda menghindarkan diri dari merosakkan kebahagiaan keluarga anda? Bila anda pulang ke rumah cubalah berusaha untuk melupakan masalah anda. Bergembiralah dengan keluarga anda, makan bersama mereka dan nikmatilah kemesraan dengan mereka.

Islam juga telah menganggap kesabaran dan sifat tidak mahu mengeluh sebagai sifat yang baik dan juga telah menyediakan ganjaran untuk itu.

Imam Ali ('a.s.) mengatakan: "Apabila kesulitan datang menghampiri seorang Muslim, ia tidak boleh mengeluh tentang ketentuan Allah itu orang lain, tetapi ia harus membawa persoalan itu kepada Allah yang memiliki segala kunci bagi setiap persoalan."

Imam Ali ('a.s.) juga menegaskan: "Telah dituliskan di dalam Kitab Taurat bahawa barang siapa yang mengeluh tentang penderitaan yang menimpanya, sebenarnya ia telah mengeluh tentang Allah."

Rasulullah (s.'a.a.w.) bersabda: "Barang siapa mengalami kesulitan dengan kesihatannya dan tidak mengeluhkan hal itu kepada orang lain, maka Allah akan mengampuni segala dosanya."

Bertengkar

Ada lelaki yang selalu mencari-cari alasan untuk menyalahkan segala sesuatu yang tidak disenanginya. Mereka mengeluh terhadap segala macam hal-hal yang remeh: "Mengapa meja ini kotor? Mengapa makan tengahari tidak disediakan? Mengapa pasu bunga ini diletakkan di sini? Bukankah saya telah mengatakan bahawa bekas abu rokok ini tidak boleh diletakkan di lantai?" ...dan sebagainya. Sesetengah lelaki berterusan bersikap begitu sehingga menimbulkan pertelingkahan dalam keluarga dan kadang-kadang menyebabkan keretakan rumahtangga disebabkan oleh sikapnya itu.

Tentu saja kami tidak mengatakan bahawa lelaki tidak berhak mengatakan kepada isterinya apa yang harus dilakukannya dan apa

yang tidak boleh dilakukannya. Di bahagian pertama buku ini, kaum wanita disarankan untuk mengetahui hak ini. Kami mengatakan di bahagian itu bahawa wanita tidak boleh menunjukkan sikap degil terhadap suruhan suaminya yang bersangkutan dengan urusan rumah. Namun begitu lelaki harus tetap menggunakan akal dan kebijaksanaannya. Mereka adalah pemimpin keluarga dan kerana itu mereka harus menunjukkan contoh yang baik.

Bila seorang lelaki ingin berjaya dalam mengambil bahagian dalam urusan rumahnya, maka ia harus melakukannya dengan cara yang sudah dipertimbangkannya.

Hakikatnya, kerana lelaki tidak berkesempatankup dalam semua urusan yang bersangkutan dengan rumahtangganya dan kerana ia kurang mahir dalam hal ini, maka sudah wajar ia menyerahkan urusan ini kepada isterinya. Seorang lelaki seharusnya memberikan kebebasan kepada isterinya dalam menguruskan rumahtangga.

Walaubagaimanapun, lelaki sebagai tempat rujukan isterinya, boleh mengingatkan isterinya mengenai hal-hal tertentu. Bila seorang wanita yang bijaksana mengetahui keinginan suaminya mengenai sesuatu hal, ia akan berusaha untuk menurutinya. Kerana itu lelaki dan wanita yang saling mengambil berat antara satu sama lain dan keluarga mereka, dapat mencapai persetujuan dalam semua perkara melalui perbincangan bersama. Dengan cara ini kebanyakan wanita bersedia untuk menerima permintaan suaminya.

Akan tetapi bila campur tangannya itu berbentuk mencari-cari kesalahan dan terus menerus mengeluh, maka isterinya akan terbiasa dengan hal seumpama itu dan sikap ini menjadi perkarabiasa di mana sesuatu yang bermanfaat tidak akan terhasil.

Wanita yang mempunyai suami yang suka mengeluh tidak akan bersungguh-sungguh dengan suaminya. Ia mungkin tidak akan memperdulikan hal-hal penting yang dikatakan suaminya. Ia akan berfikir: "Buat apa aku membuang-buang tenaga, bila suamiku tidak pernah puas dengan tugasku?"

Ia bukan sekadar mengabaikan kritikan suaminya, tetapi

mungkin akan menyimpan perasaan dendam.

Ini terjadi apabila rumah mereka berubah menjadi medan pertengkaran. Berterusan mengkritik sesama sendiri merupakan peringkat awal penceraian yang akan mengakibatkan perpecahan dalam keluarga. Di dalam hal ini, wanita tidak boleh disalahkan kerana seorang wanita yang penyabar pun akan hilang kesabarannya akibat dari penghinaan suaminya yang berterusan.

Seorang lelaki menelefon ke balai polis dan melaporkan bahawa isterinya meninggalkan rumah sejak dua bulan lalu dan bahawa ia telah tinggal bersama orang tuanya. Setelah disoal siasat dengan lebih lanjut, isteri lelaki itu menjawab: "Suami saya tidak suka cara saya menguruskan rumah. Ia selalu mengkritik mengenai masakan saya dan cara saya mengurus rumah. Oleh kerana itu saya meninggalkannya untuk mencari kedamaian di tempat lain."

Lelaki harus menyedari bahawa urusan rumah adalah bidang kerja seorang isteri. Adalah salah apabila hak mereka diketepikan atau memperlakukan mereka dengan sewenang-wenangnya. Lebih baik diserahkan pada mereka untuk mengatur rumah sesuai dengan keinginan mereka. Dengan ini, isteri anda akan mengerjakan tugasnya dengan penuh bersemangat, anda akan selalu bahagia dengannya dan rumah anda akan menjadi rumahtangga yang bahagia.

Tenangkan Isteri Anda Dan Bersimpatilah Dengannya

Wanita juga mengalami perubahan emosi seperti lelaki. Ia merasai kebahagiaan, marah, penderitaan dan sebagainya. Ia merasa letih dengan urusan rumahtangga dan mungkin merasa marah terhadap anak-anak. Orang lain mungkin membuatnya sedih dengan celaan-celaan mereka. Mungkin juga ia terlibat dalam menyaiangi wanita-wanita lain. Pendek kata seorang wanita menghadapi berbagai masalah yang di antaranya sangat mempengaruhi dirinya sehingga menyebabkan ia bertindak melulu terhadap perkara-perkara yang remeh.

Ini adalah kes utama yang terjadi pada wanita kerana mereka sangat sensitif dan mudah mengkritik hal-hal yang tidak menyenangkan jika dibandingkan dengan lelaki.

Wanita yang bermasalah perlu ditenangkan. Suamii harus menghiburnya kerana ia adalah pasangannya dan orang yang dipercayai isterinya.

Saudara! bila anda melihat isteri anda dalam keadaan bingung dan marah, maka cubalah untuk memahami keadaannya. Bila anda memasuki rumah dan ia tidak mengucapkan salam kepada anda, maka ucapkanlah salam kepadanya. Hal ini tidak akan merendahkan anda. Berbicaralah kepadanya dengan wajah tersenyum, jangan bermasam muka, dan bantulah pekerjaannya. Hati-hati supaya tidak menyinggung perasaannya serta jangan menggangunya. Sekiranya ia tidak mahu berbicara, maka tinggalkanlah ia sendiri. Jangan katakan: "Apa yang terjadi padamu?"

Jika ia ingin meluahkan perasaannya, dengarkanlah dan bersimpatilah kepadanya. Berpura-puralah seolah-olah anda lebih memikirkan masalahnya daripada dirinya sendiri. Biarkan ia meluahkan kesedihannya kepada anda. Sifatkan diri sebagai seorang ayah yang baik hati, atau suami dan cubalah menyelesaikan masalahnya dengan cara yang baik. Mintalah ia agar bersabar. Dengan cara yang bijaksana suruhlah ia menganggap bahawa itu adalah satu ujian yang kecil baginya. Kuatkan keperibadiannya dan bantulah ia mengatasi punca kesedihannya.

Bersabar dan perlakukanlah isteri anda dengan menggunakan akal yang sihat. Pasti ia akan mendapati bahawa bantuan anda sangat bermanfaat dan kehidupan anda berdua akan segera kembali seperti sediakala.

Sebaliknya pendekatan anda yang salah boleh menyebabkan tekanan emosi yang lebih berat baginya. Anda pun akan ikut menderita dan mungkin akan menyebabkan terjadinya pertelingkahan yang lebih besar yang kerananya anda berdua akan menderita.

Jangan Mencari-cari Kesalahan Isteri Anda

Tidak ada seorang pun di dunia ini yang memiliki segala sifat yang baik dan bebas dari segala kekurangan. Ada orang yang terlalu gemuk dan ada yang terlalu kurus. Mungkin mulutnya terlalu

lebar, hidungnya terlalu besar atau giginya terlalu besar. Yang lain mungkin terlalu kotor, tidak sopan, pemalu, bermuka tebal, cepat marah, cemburu, malas atau mementingkan diri sendiri. Ada wanita yang mungkin tidak pandai memasak atau tidak pandai melayani tamu. Ada orang yang terlalu banyak makan atau terlalu boros. Pendek kata setiap orang tidak sempurna dan tidak ada orang yang dapat dikatakan sempurna di dunia ini.

Biasanya sebelum berkahwin, lelaki membayangkan wanita pujaannya bebas dari segala kekurangan. Mereka tidak menghiraukan kenyataan bahawa tidak ada wanita yang bersifat sempurna seperti bidadari di dunia ini. Orang seperti ini, setelah berkahwin mendapati isterinya pujaannya tidak sempurna dan terus mencari-cari kesalahan isterinya. Mungkin mereka beranggapan perkahwinan mereka gagal dan tidak bernasib baik.

Lelaki seperti ini selalu mengeluh, malah tidak bersedia memaafkan kesalahan isterinya yang sedikit itu.

Ada lelaki yang membesar-besarkan kesalahan ini sehingga kesalahan-kesalahan itu selalu nampak sebesar gunung di hadapan mereka. Mereka seringkali mengungkit kesalahan-kesalahan ini dan menghina isteri-isteri mereka kerananya. Bahkan mereka pun akan memperkatakannya di hadapan teman-teman dan keluarga mereka.

Akibatnya dasar perkahwinan mereka mulai bergolok. Isteri menjadi tertekan dan kehilangan daya tarikan terhadap suami dan keluarga. Ia akan berfikir tidak mungkin untuk berada di rumah di mana ada orang yang cuba menegurnya. Mungkin ia pun akan mengambil tindakan membalasnya.

Suami akan mengatakan kepada isterinya: "Betapa besar dan buruknya hidungmu!" Dan wanita itu akan menjawab: "Tetapi tidak seburuk muka dan tubuhmu yang gemuk itu!" Lalu lelaki itu akan menjawab: "Kakimu berbau busuk!" Dan wanita itu akan menjawab: "Tutup mulutmu yang besar itu!", dan sebagainya.

Bila percakapan ini berlanjutan maka akan terbukalah pintu cercaan dan rumah tangga berubah menjadi medan perbalahan di mana pasangan itu saling menghina dan merendahkan yang lain.

Bila mereka berterusan hidup dalam keadaan seperti itu,

mereka tidak akan lagi menikmati kehidupan bersama kerana rumah yang tidak terdapat cinta dan ketulusan di dalamnya, bukanlah tempat yang membahagiakan.

Lebih-lebih lagi seorang lelaki yang menganggap dirinya tidak beruntung dan perkahwinannya gagal, dan seorang wanita yang terus menerus dihina, lebih cenderung untuk mengalami kekacauan mental dan penyakit-penyakit lain.

Apabila tahap pertelingkahan mereka semakin kuat maka selalu saja ada bahaya penceraian dan perpisahan. Penceraian tidak akan membantu kedua belah pihak, terutama bila ada anak-anak dalam keluarga.

Masyarakat tidak begitu menghormati orang-orang yang bercerai. Tambahan pula perceraian akan mengakibatkan kerugian wang bagi lelaki, yang tidak mudah untuk dipulihkan kembali. Apalagi kalau ia ingin berkahwin lain, kerana ia harus mengeluarkan wang lagi untuk perkahwinannya yang kedua. Tidak semestinya perkahwinan yang kedua ini dapat menemukannya dengan wanita lain yang dapat memenuhi segala cita rasanya.

Berkahwin lain tidak mudah baginya disebabkan rekod lalunya. Walaupun ia bertemu wanita lain, tentunya wanita itu pun akan mempunyai kekurangan-kekurangan, mungkin akan lebih buruk dari yang pertama. Akibatnya ia harus bertolak-ansur disebabkan ramai lelaki yang terlalu ego untuk mengakui kekurangan-kekurangan mereka. Jarang sekali kita bertemu lelaki yang merasa puas dengan perkahwinannya yang kedua. Justeru terdapat sebilangan dari mereka kembali kepada isteri yang pertama.

Wahai saudara! Mengapa anda harus memandang dan mencari-cari kesalahan isteri anda, dan mengapa anda begitu menitikberatkan kekurangan-kekurangannya yang tidak seberapa itu? Mengapa anda membesar-besarkan kekurangannya sehingga membuat anda dan keluarga anda menderita?

Pernahkah anda melihat wanita yang sempurna? Apakah anda sendiri sempurna? Apa ertinya kekurangan-kekurangan kecil jika dibandingkan dengan bahaya yang mengancam perkahwinan anda?

Yakinlah, bila anda memandang isteri anda dengan pandangan

yang logik dan adil, anda akan melihat banyak kelebihan pada dirinya. Anda lihat dan perhati, bahawa kebaikan-kebaikannya melebihi keburukannya.

Islam menganggap sikap ini membahayakan dan tidak menyenangkan dan oleh sebab itu semua dilarang mencari-cari kesalahan orang lain.

Rasulullah (s. 'a.a.w.) bersabda: "Wahai kamu yang mengaku sebagai Muslim melalui lidahmu sahaja, tetapi keimanan belum memasuki hatimu! Jangan mengatakan keburukan Muslim lainnya, dan jangan mencari-cari kesalahan mereka (kerana) barang siapa mencari-cari kesalahan orang lain, akan dikecam oleh Allah walaupun orang itu berada di rumahnya tetap sahaja ia akan dihina."

Jangan Mengambil Perhatian Ke atas Pembicaraan Orang-orang Yang Suka Mengecam Dan Memfitnah

Ada orang yang kebiasaannya suka memfitnah orang lain. Sifat yang tidak menyenangkan ini boleh menimbulkan permusuhan sesama teman dan keluarga dan dapat menghancurkan keluarga. Bahkan ia boleh juga menyebabkan pembunuhan. Ada berbagai alasan menyebabkan terjadinya sifat itu seperti cemburu, marah, dendam dan permusuhan.

Sebahagian orang mengeluarkan kata-kata fitnah untuk memuaskan diri mereka, untuk menarik perhatian orang lain kepada mereka atau berpura-pura bersimpati kepada orang lain. Tetapi jarang ada kes di mana kata-kata fitnah dilontarkan dengan tujuan baik.

Kerana itu lelaki yang pintar dan bijaksana tidak seharusnya mendengar kata-kata itu. Ia harus meneliti perkataan orang supaya tidak tertipu atau terpengaruh dengan niat jahatnya.

Seperkara yang harus diingat oleh lelaki adalah bahawa kebiasanya ibu dan saudara-saudaranya yang perempuan dan lelaki, walaupun kelihatan isterinya, mereka tidak menyenangi hubungan baik dengan isterinya.

Alasannya adalah sebelum berkahwin, lelaki telah bertahun-

tahun tinggal bersama orang tuanya di mana ia belum mampu untuk berdikari. Orang tuanya yang telah bersusah payah membesarkannya mengharapkannya untuk dapat membantu mereka pada saat mereka sudah tua.

Walaupun setelah mereka mengahwinkan anak mereka dan menjadikannya berdikari, mereka tetap mengharapkan agar anak mereka sependapat dengan keinginan dan harapan mereka. Mereka mengharapkan anak lelaki mereka menaruh perhatian lebih banyak kepada mereka daripada kepada isterinya. Tetapi kenyataannya adalah bila seorang lelaki memulakan kehidupan pekahwinannya, ia akan berusaha keras untuk keluarga, isteri dan dirinya. Ia akan mengkhususkan cintanya kepada isterinya dan bekerja keras untuk kepentingan ini. Makin jauh ia melangkah ke arah ini, makin jauh pula ia dari orang tuanya. Kerana itu ibu dan saudara perempuan khususnya merasa tersinggung. Mereka menganggap pengantin perempuan sebagai ancaman yang akan merampas anak lelaki mereka. Mereka mungkin akan menuduh perempuan itu memisahkan mereka dari anaknya. Kaum ibu biasanya berfikir bahawa cara paling baik supaya hal ini tidak terjadi adalah dengan mengurangkan cinta anaknya kepada isterinya. Ibu seperti ini kemudian akan segera mencari-cari kekurangan menantunya, menyebarkan kebohongan-kebohongan, memfitnah dan memusuhinya.

Bila seorang lelaki bersifat sederhana atau lemah, ia akan terpengaruh dengan kata-kata fitnah ibunya. Ia kemudian dijadikan alat oleh keluarganya untuk menghilangkan kasih sayang terhadap isterinya. Justeru pengaruh ibunya itu, lelaki ini akan mulai mengeluh dan mencari-cari kesalahan isterinya, seterusnya mengecamnya di setiap waktu.

Akibatnya, rumah tangga itu akan berubah menjadi tempat yang dingin dan membosankan.

Pengaruh ibu dan saudara perempuan terhadap seorang lelaki boleh mengakibatkan terjadinya pertelingkahan dan perkelahian antara suami dan isteri. Seorang isteri yang menghadapi keadaan seperti ini akan mengambil langkah yang lebih membahayakan

seperti membunuh diri dan sebagainya.

Seorang wanita yang baru berkahwin telah menelan jarum pada akhir minggu pertama perkahwinan mereka. Di hospital, setelah dibuat pembedahan untuk mengeluarkan jarum-jarum tersebut dari perutnya, ia mengatakan: "Kira-kira seminggu yang lalu saya berkahwin. Pada hari saya memasuki rumah suami saya, saya merasa sangat beruntung seperti halnya wanita-wanita lain. Tetapi baru saja beberapa hari, suami dan ipar perempuan saya mulai mengecam saya. Sikap mereka membuat berada dalam kesusahan. Akhirnya saya memutuskan untuk membunuh diri dengan menelan jarum."

Seorang wanita yang kecewa kerana kecaman-kecaman ipar lakinya, membakar diri dan terbunuh kerana luka terbakar yang parah.

Seorang wanita yang baru berkahwin kecewa dengan sikap ibu mertuanya hingga ia membakar diri sampai mati.

Kerana itu, kecaman, sikap buruk dan fitnah dari ibu, saudara ipar perempuan dan juga lelaki boleh membahayakan; kerana itu seorang lelaki harus menyedari gangguan tersebut. Tentu saja tidak mungkin kita menghentikan perbincangan-perbincangan mereka tetapi sekadar mententeramkannya sahaja.

Lelaki harus sedar bahawa kecaman-kecaman terhadap isterinya yang dilakukan oleh ibu, saudara perempuan dan lain-lain, bukan atas dasar simpati atau niat yang baik, tetapi sebab utamanya adalah cemburu, permusuhan, sikap mementingkan diri sendiri dan lain-lain.

Suami harus ingat bahawa kerana isterinya banyak menarik perhatiannya, keluarganya merasa iri terhadap isterinya dan merasa bahawa perempuan itu adalah perampas anak lelaki mereka. Kerana itu mereka berusaha untuk menghalang cinta anda dari berkembang. Saudara yang budiman! Singkatnya ibu, saudara perempuan dan saudara lelaki seperti ini tidak menghiraukan kebahagiaan anda, tetapi mereka lebih mementingkan urusan mereka. Sekiranya mereka mengambil berat tentang kebahagiaan anda, sudah pasti mereka akan melakukan sesuatu yang berbeza.

Memang aneh, apabila ibubapa begitu memuji gadis yang akan berkahwin dengan anak lelaki mereka, tetapi bila ia telah menikahi wanita itu, ibubapa berubah sikap menjadi sebaliknya.

Saudara! Jangan tertipu. Segala keburukan yang diperkatakan oleh keluarga anda mengenai isteri anda tidak bertepatan; dan

walaupun hal-hal tersebut tidak boleh dianggap mudah, maka ingatlah bahawa tidak ada orang yang sempurna.

Selain dari itu, apakah ibu, saudara-saudara perempuan dan saudara lelaki anda itu adalah manusia yang sempurna? Mengambil perhatian terhadap kata-kata nista itu akan menimbulkan kesan buruk ke atas keluarga anda. Anda mungkin akan berakhir dengan penceraian yang akan membuatkan anda menderita mental dan ekonomi.

Kahwin lagi bukan hal yang mudah. Walaupun anda dapat bertemu wanita lain, adalah tidak jelas wanita itu lebih baik daripada isteri anda yang pertama. Bagaimana anda dapat merasa yakin bahawa keluarga anda tidak akan memperlakukannya seperti yang mereka lakukan terhadap isteri anda yang pertama?

Maka sekarang lebih baik anda mengatakan kepada ibu, saudara perempuan dan lain-lainnya bahawa anda sesuai dengannya dan mencintai isteri anda. Anda harus menyatakan kepada mereka bahawa mereka harus berhenti mengecamnya atau anda akan memutuskan hubungan dengan mereka. Bila mereka mengerti akan sikap anda yang tegas, maka mereka akan menghentikan sikap memfitnah mereka dan anda pun akan menemuikan kedamaian dengan isteri anda.

Akan tetapi biasanya ibu dan ipar wanita tidak mudah menyerah dan tindakan terakhir adalah menuduh berbuat jahat seperti berzina. Masalah ini akan menjadi begitu serius hingga lelaki akan mempercayai kata-kata ibunya, menceraikan isterinya atau bahkan membunuhnya.

Sepasang suami isteri yang masih muda memohon perceraian di mahkamah Tabriz. Lelaki itu mengatakan kepada hakim: "Isteri saya telah menulis surat cinta kepada adik lelaki saya yang tinggal di Isfahan. Saya menjumpai beberapa suratnya malam tadi." Isterinya sambil menangis berkata: "Ibu mertua dan adik ipar perempuan saya tidak menyukai saya dan selalu mengganggu saya. Tetapi kerana perbuatan mereka yang mengganggu itu tidak mempengaruhi suami saya, mereka telah membuat surat-surat palsu itu dan meletakkannya di almari pakaian saya agar saya dicerai." Mahkamah mempersatukan kembali pasangan itu dan menasihatkan lelaki itu untuk memberitahu ibu dan saudara perempuannya agar menghentikan perbuatan jahat mereka terhadap isterinya.

Seorang wanita berusia 34 tahun mencurah sebotol minyak tanah ke tubuhnya dan membakar diri. Jiran-jirannya segera memadamkan api tersebut dan membawa beliau ke hospital. Di hospital, wanita malang itu mengatakan: "Saya tinggal bersama suami dan ibu mertua saya, ia terus menerus mencari-cari kesalahan saya. Ia selalu mencari-cari alasan dan bersifat pemaarah. Ia tidak melepaskan satu kesempatan pun untuk membuat saya dan suami saya sentiasa dalam suasana bertengkar. Semalam saya telah pergi membeli belah dan bertemu teman lama saya semasa sekolah dahulu. Kami berbincang sebentar dan kemudian saya pulang ke rumah. Ibu mertua saya menyoal saya mengapa saya terlambat. Saya menerangkannya tetapi ia tidak berpuas hati. Ia mengatakan bahawa saya berbohong dan menuduh saya membuat hubungan dengan penjual daging di jalan. Saya begitu marah dan merasa kecewa hingga saya memutuskan untuk membunuh diri."

Kerana itu seorang suami harus berhati-hati terhadap tuduhan seperti itu yang dapat mengakibatkan bencana. Ia harus bertanya dengan sabar dan tidak terburu-buru membuat kesimpulan secara membabi buta.

Memang setiap ibubapa bekerja keras dan banyak menderita dalam membesarkan anak dan itulah yang membuat mereka memusatkan segala harapan kepada anak-anak. Mereka mengharapkannya sebagai tangan yang dapat membantu mereka di hari tua dan itulah sahaja harapan mereka. Maka adalah tidak adil bahawa apabila seseorang itu telah dewasa dan mampu berdikari lalu melupakan kewajipannya terhadap orang tua. Ia harus memenuhi kewajipan-kewajipannya walaupun ia sudah berkahwin. Ia harus tetap menghormati dan tunduk kepada mereka. Ia wajib membantu kewangan mereka bila mereka memerlukannya. Ia tidak boleh memutuskan hubungan dengan mereka dan harus mengajak mereka ke rumahnya. Ia harus menyuruh isteri dan anak-anaknya menghormati mereka. Ia harus memahami isterinya bahawa jika ia menghormati mertuanya, sudah tentu mereka tidak akan menyakitinya bahkan akan bangga terhadap menantunya dan bersedia menolongnya.

Akhirnya, kaum wanita diperingatkan bahawa mereka tidak berhak untuk mengharapkan suami mereka memutuskan hubungan dengan kedua ibubapanya. Harapan ini bukan sahaja tidak mungkin, malah tidak adil. Wanita yang bijak dapat melayani keluarga suaminya dengan suatu cara sehingga mereka akan

menganggapnya sebagai anggota keluarga mereka yang penting. Hal ini hanya mungkin bila ia menghormati mereka, meminta nasihat dari mereka, membantu mereka dan sebagainya.

Perbincangan ini dihuraikan secara lebih mendalam di bahagian pertama di mana anda dapat melihatnya kembali untuk mendapatkan lebih banyak penjelasan.

Maafkanlah Kesalahan-kesalahan Isteri Anda

Selain dari orang-orang yang telah dijauhkan oleh Allah dari segala dosa, tidak ada manusia yang sempurna dan kita semua melakukan banyak kesalahan. Tentu saja hal ini benar berlaku pada lelaki dan wanita.

Pada wanita, mungkin ia membuat kesalahan kepada suaminya atau melakukan sesuatu yang tidak diinginkan oleh suaminya, bersikap kasar terhadapnya atau meruntuhkan ekonominya disebabkan lalai dan sebagainya.

Memang benar bahawa pasangan suami isteri harus saling memuaskan hati antara satu sama lain dan menghindari menyakiti hati masing-masing; namun jarang terjadi salah seorang atau keduanya tidak menyimpang dari jalan ini.

Sebahagian lelaki berfikir bahawa mereka harus tegas terhadap kesalahan-kesalahan isteri kerana mereka yakin itulah caranya untuk mengelakkan hal itu dari berulang lagi.

Namun pengalaman seringkali menunjukkan bahawa hal sebaliknya terjadi. Seorang wanita yang suaminya tegas terhadapnya mungkin dapat menerima sikapnya itu untuk sementara waktu, tetapi akhirnya akan melawannya berpunca akibat dari perasaan kecewanya. Ia semakin terbiasa dengan sikap suaminya itu akhirnya bersikap acuh tak acuh terhadapnya.

Seorang suami yang tidak mahu memaafkan kesalahan isterinya, secara praktis telah mendorong isterinya untuk bersikap tidak patuh dan melawannya. Ia mungkin berharap untuk berterusan bersikap begitu di mana ia akan mempunyai ruang untuk bertengkar dengan isterinya. Akibatnya, mereka berdua terpaksa hidup dalam kepahitan selama-lamanya.

Atau ia mungkin memilih untuk membiarkan isterinya dan tidak terlalu memperdulikannya. Dalam hal ini, isterinya yang telah merasa menang akan menjadi acuh tak acuh terhadap keinginan dan kemahuan suaminya. Hal ini akan sampai ke satu tahap di mana bila ia melakukan suatu kesalahan besar dengan sengaja, suaminya tetap berdiam diri. Perkahwinan mereka kemudian akan kehilangan kemesraan dan berakhir dengan perceraian.

Ingat bahawa perceraian itu menyakitkan bagi kedua belah pihak kerana memulai hidup baru bukannya mudah. Kebahagiaan setelah perceraian tidak dapat dijamin. Kerana itu ketegasan tidak selalu berguna dan seringkali mengakibatkan suatu kejadian yang tidak diingini seperti yang dapat kita baca di majalah-majalah. Jalan terbaik adalah bersikap sederhana sahaja dan bertindak dengan wajar. Maafkanlah semua kesalahan isteri anda yang remeh dan tidak disengajakan. Tidak ada gunanya memarahi seseorang diatas kesalahan yang terjadi. Tentu saja orang boleh menasihati orang lain untuk membantu mereka agar tidak mengulangi kesalahannya lagi.

Selalunya manusia membuat kesalahan kerana kejahilannya. Maka lebih baik menasihati mereka secara sabar untuk memperbaiki perbuatan atau pendapat mereka yang salah.

Kerana itu isteri anda tidak perlu dipaksa untuk memperbaiki kesalahannya, tetapi anda harus menjelaskan kesalahannya dan akibat buruk yang bakal menimpa sehingga ia sedar menyedarinya dan tidak mengulangi perbuatan itu lagi. Dengan demikian anda bukan hanya dapat mengekalkan rasa saling hormat-menghormati, tetapi juga dapat menghindari terjadinya kembali kesalahan yang sama.

Adalah wajar bagi lelaki mencegah isterinya dari membuat kesalahan. Tetapi jika ia tetap saja melakukan kesalahan, maka sekali lagi anda harus memaafkan dan melupakannya. Salah bagi suami menghukum isterinya atau mencuba membuktikan kesalahannya agar isterinya meminta maaf. Hal ini disebabkan kerana sifat wanita yang agak degil dan ketegasan yang tidak sewajarnya membuat ia makin bertindak melulu. Ini dapat diikuti oleh kejadian-kejadian yang tidak menyenangkan atau menakutkan, seperti perceraian atau

pembunuhan.

Islam telah mengenal pasti hal yang peka ini di mana lelaki telah dipertanggungjawab ke atas isterinya.

Imam Ali ('a.s.) menyatakan: "bergaulah secara baik dengan wanita dalam segala keadaan dan bicaralah dengan baik kepada mereka; (dengan berbuat begitu) ini dapat membetulkan tindakan mereka."

Imam Sajjad ('a.s.) mengatakan: "Adalah hak isterimu bahawa kamu memperlakukannya dengan baik, kerana ia adalah dibawah tanggungjawabmu, dan kamu harus memberinya makan dan pakaian dan maafkanlah kejahilannya."

Seseorang bertanya kepada Imam Ja'far Sadiq ('a.s.): "Apakah hak wanita atas suaminya yang bila suami melakukannya termasuk perbuatan yang baik?" Imam menjawab: "Ia harus memberinya makan dan pakaian serta memaafkannya bila ia berbuat salah kerana tidak mengerti."

Imam Ja'far Sadiq ('a.s.) juga mengatakan: "Barang siapa yang menghukum orang yang dibawahnya, ia tidak boleh mengharap untuk dihormati atau mencapai tingkat yang tinggi."

Salah satu sebab punca pertengkaran antara lelaki dan wanita adalah campurtangan dari ibu mertua lelaki dalam urusan keluarga mereka.

Seorang ibu, sebelum mengahwinkan anak perempuan dengan seorang lelaki, membayangkan menantunya sempurna dan sesuai untuk membahagiakan anak perempuannya. Ia akan menghormatinya dan akan memperlakukannya secara baik dengan tujuan untuk memperbaiki kesalahan-kesalahannya di akan datang.

Kadang-kadang ia mendapat menantu lelaki yang sesuai dengan harapannya dan kadang-kadang tidak. Sekiranya tidak, ia akan berusaha membentuk lelaki itu hingga ia dapat menerimanya, dan untuk ini ia menggunakan segala cara yang sesuai seperti pengalamannya dan pengalaman orang lain dan mulai merencanakan pendekatannya.

Kadang-kadang ibu ini kelihatan bersimpati dan kadang-kadang tegas. Ia akan bertindak seperti penjaga dan pemimpin atau

mungkin ia mengeluh. Namun pilihan yang terbaik untuk mencapai tujuannya adalah dengan mempengaruhi anak perempuannya agar tidak sependapat dengan suaminya.

Ia menggunakan anak perempuannya dan kemudian menyuruhnya untuk melakukan sesuatu yang berbeza pada waktu-waktu yang berlainan. Akibatnya lelaki itu mendapati isterinya mengecamnya pada suatu hari dan memintanya melakukan sesuatu di hari berikutnya.

Wanita yang belum berpengalaman akan berfikir bahawa ibunya bersimpati terhadap kehidupan perkahwinannya dan ia akan menurut saranan-saranannya. Dengan demikian, bila suaminya tetap tidak sesuai dengan impian ibunya, pertengkaran akan terjadi di antara pasangan itu menyebabkan terjadinya perceraian atau bahkan pembunuhan.

Itulah sebabnya ramai lelaki yang tidak serasi dengan ibu mertua mereka. Mereka menyalahkan ibu mertua sebagai penyebab ketidakpatuhan isterinya dan yakin bahawa ibu mertuanya mengajarkan anak-anak perempuan mereka berbicara tidak baik kepada suaminya. Tidak ada salahnya jika kita mengambil iktibar dari keluhan dari menantu lelaki:

Saudara Javad menulis: "Ibu mertua saya adalah hantu, ular, naga, ular berkepala dua. Mudah-mudahan Tuhan menyelamatkan serigala darinya. Ia telah membuat hidup saya menderita sehingga saya hilang fikiran dan ingin melarikan diri ke puncak gunung atau ke padang pasir... Bukan hanya setakat saya yang tidak tahan dengan suasana seperti itu. Malah ini adalah kes umum dan saya fikir sembilan puluh lima peratus lelaki diganggu oleh mereka dan yang lima peratus lagi mungkin tidak mempunyai ibu mertua."

Saudara Muhammad menulis: "Ibu mertua saya selalu masuk campur dalam keluarga saya. Ia menyebabkan kami terganggu tanpa alasan yang betul. Ia selalu menyebarkan fitnah terhadap keluarga saya. Bila saya membeli sesuatu untuk isteri saya, ia (ibu mertua saya) selalu mulai mengecam warnanya, modelnya dan cuba membuktikan bahawa barang itu tidak berguna bagi isteri saya."

Saudara Parvis pula menulis: "Ibu mertua saya telah memperlakukan saya sedemikian rupa hingga saya hampir saja menceraikan isteri saya hampir tiga kali. Ia menyengat bagaikan kala jengking. Ia mengajar isteri saya agar bersikap kasar terhadap saya, agar meninggalkan pekerjaan rumah atau meminta sesuatu yang tidak mungkin dari saya. Bila ia datang ke rumah kami, rumah kami berubah menjadi neraka. Saya benar-benar benci

melihatnya."

Kebanyakan lelaki cuba mengatasi pengaruh ibu mertua terhadap isteri dengan cara membatasi hubungan isteri dengan ibunya. Mereka melarang isteri mereka pergi ke rumah orang tua mereka. Ringkasnya, para suami tidak berhubungan baik dengan ibu mertua mereka dan menunjukkan kebencian mereka dengan segala cara yang mungkin.

Namun demikian, pendekatan ini walaupun biasa dilakukan, bukanlah tindakan yang wajar dan bijaksana. Kerana hubungan ibu dan anak perempuannya begitu kuat dan merupakan ikatan semulajadi yang tidak mudah dipisahkan.

Bagaimana seorang lelaki dapat mengharapkan isterinya untuk melepaskan hubungan dengan orang tuanya yang telah menghabiskan waktu bertahun-tahun untuk membesarkan anaknya. Harapan ini tidak dapat dilaksanakan dan walaupun ini mungkin terjadi, hal itu bersifat sederhana, kerana perbuatan-perbuatan yang tidak natural itu hanya berlangsung untuk sementara waktu sahaja.

Di samping itu bila seorang wanita merasa bahawa suaminya bertentangan dengan orang tuanya, ia mungkin akan melakukan hal yang sama terhadap orang tua suaminya. Ia mungkin bersikap tidak patuh, tidak menghormati dan lain-lain.

Lebih-lebih lagi sikap lelaki seperti ini akan menjadi alasan bagi ibu mertuanya untuk ikut masuk campur secara lebih serius di dalam perkahwinan mereka. Ringkasnya pendekatan ini akan menampakkan hasil yang tidak baik dan mungkin akan mengakibatkan perceraian.

Lagi pula, mengapa seorang lelaki, yang dapat mengambil manfaat dari hubungannya dengan keluarga isterinya, melakukan hal-hal seperti itu yang dapat membahayakan diri dan keluarganya?

Polis India melaporkan bahawa pada tahun 1971, alasan utama dari 146 kes bunuh diri di New Delhi adalah kerana hubungan yang tidak baik antara kaum lelaki dengan ibu mertuanya.

Seorang lelaki yang kecewa terhadap ibu mertuanya kerana gangguan-gangguannya menolak si ibu keluar dari sebuah teks.

Seorang lelaki memukul kepala ibu mertuanya dengan tukul. Saudara iparnya menjadi marah lalu menikamnya dengan pisau dan terus melarikan diri.

Seorang lelaki yang marah dengan ibu mertuanya, menuangkan isi sebuah panci yang panas ke kepala ibu mertuanya. Ia menjerit dan terjatuh pingsan di lantai. Ia dibawa ke hospital dan setelah sembuh ia mengatakan bahawa anak perempuannya telah memberitahu suaminya bahawa ia ingin diceraikan dan tidak tahan hidup bersamanya lagi.

Seorang lelaki yang tidak tahan lagi dengan ibu mertuanya telah membunuh diri.

Di sini ada dua hal yang perlu disebutkan:

- (a) Sebenarnya seorang ibu mertua, bukanlah seorang musuh bagi menantu lelakinya, sebaliknya wajar baginya untuk bersikap baik terhadap menantunya seperti diperingkat awal perkahwinan. Di samping itu ia merasa mesra dengan menantunya kerana keinginannya terhadap kebahagiaan anak perempuannya. Oleh kerana itu, bila seorang ibu mertua mencampuri kehidupan anak perempuannya, jangan salah faham kerana ia mempunyai niat yang baik.

Ia bermaksud melahirkan rasa simpatinya tetapi kadang-kadang tanpa disedari, ia tersilap langkah atau memberikan saranan yang membahayakan.

Justeru itu kita tidak boleh terlalu kritikal menghadapi wanita seperti itu.

- (b) Hubungan seorang ibu terhadap anaknya merupakan ikatan fitrah yang tidak mudah dipisahkan, dan sesiapa yang cuba memisahkannya pasti akan gagal. Usaha seperti ini berlawanan dengan hukum alam dan tidak dapat diterima benarnya.

Seperti halnya seorang lelaki menyayangi orang tuanya, begitu juga seorang wanita. Maka dari itu, yang terbaik adalah berhubungan baik dengan keluarga pasangan kita. Dengan ini boleh membuahkan hasil yang baik bagi kedua belah pihak. Langkah ini hanya akan berkesan apabila sifat hormat-menghormati dan berbuat baik diamalkan. Seorang lelaki, dengan kebijaksanaan, rasa hormat,

patuh dan sebagainya, dapat berhubungan baik dengan ayah dan ibu mertuanya. Ia harus menunjukkan rasa cinta-kasihnya kepada anak perempuan mereka. Ia tidak boleh mencerca isterinya di hadapan mereka. Ia harus meminta bantuan dan nasihat daripada mereka. Bila mereka membuat atau mengusulkan sesuatu yang salah, ia harus menunjukkan bahawa mereka tidak benar dengan cara yang lemah-lembut. Ia tidak boleh bercakap kasar dengan mereka.

Seorang lelaki yang sudah berkahwin harus berhubungan baik dengan keluarga isterinya yang merupakan kewajipan dan rahsia perkahwinan yang berhasil. Dengan demikian banyak masalah keluarga dapat diatasi dan banyak masalah lain dapat diselesaikan.

Singkatnya, bukan ibu mertua yang selalu bersalah, tetapi lelaki harus bergaul dengan mereka secara bijaksana.

Ramai lelaki yang dapat merasai hubungan baik dengan ibu mertua mereka.

Manusheher menulis: "Ibu mertua saya adalah bidadari atau mungkin lebih dari itu. Saya menyayanginya lebih dari ibu saya sendiri, kerana ia baik hati dan memahami saya. Ia selalu membantu kami dalam mengatasi masalah-masalah kami. Adanya ia disamping kami adalah jaminan atas kebahagiaan dan kesejahteraan keluarga kami.

Walaupun seorang lelaki mempunyai ibu mertua yang keras kepala, tidak peduli dan sukar diajak bekerjasama, ia tidak boleh memperlakukannya dengan kasar. Wanita seperti ini dapat membuat hidup seseorang menjadi sukar, tetapi adalah lebih baik bersikap lembut terhadap tingkahlaku mereka yang melampaui itu. Ini disebabkan dengan bertindak secara lemah lembut, kita dapat mengurangkan bahaya yang akan melanda perkahwinan kita.

Sementara itu lelaki harus makin hampir dengan isterinya dan harus membuat isterinya mempercayainya. Ia harus berbincang tentang kesalahan ibunya dan membuktikan secara logik akibatnya yang tidak menyenangkan.

Jika seorang lelaki dapat melahirkan persefahaman yang mendalam dengan isterinya, maka banyak masalah, termasuk masalah dengan ibu mertuanya dapat diatasi.

Kerana itu jangan lupa berkelakuan sopan, bertindak bijaksana dan perlakukanlah keluarga isteri anda dengan baik untuk

mendapatkan perkahwinan yang berhasil.

Imam Ali ('a.s.) juga mengatakan: "Menjalinkan persahabatan dan bergaul dengan cara yang baik dapat menghindarkan seseorang dari melakukan perbuatan-perbuatan yang tidak baik."

Imam Ali ('a.s.) mengatakan: "Bergaullah dengan sesamamu dan berbuat baiklah. Hindarkan dirimu dari sikap permusuhan dan perpecahan."

Sikap Penuh Perhatian

Wanita adalah makhluk yang emosinya lebih menonjol daripada akalunya. Ia lebih naif dan peka daripada kaum lelaki. Ia lebih mudah ditipu dan mempunyai kawalan yang lemah terhadap emosinya. Bila ia sedang marah, ia tidak dapat memutuskan sesuatu dengan bijaksana. Ia boleh dipersendakan atau dibuat menjadi sedih dengan mudah. Maka bila lelaki dapat menguasai kelakuan dan tindakan isterinya, sebahagian besar risiko akan dapat dielakkan.

Inilah sebabnya mengapa Islam sebagai agama yang suci, menjadikan lelaki sebagai pemimpin keluarga dan orang yang bertanggungjawab atas urusan-urusan keluarganya. Allah menyatakan dalam kitab suci al-Qur'an:

"Kaum lelaki itu adalah pemimpin bagi kaum wanita, oleh kerana Allah telah melebihkan sebahagian mereka (lelaki) atas sebahagian yang lain (wanita), dan kerana mereka (lelaki) telah menafkahkan sebahagian dari harta-harta mereka. Sebab itu maka wanita yang saleh, ialah yang taat kepada Allah lagi memelihara diri."

[Surah 4: 34]

Kerana itu lelaki yang dianggap sebagai pelindung keluarganya, tidak harus lalai dengan perbuatan-perbuatan isterinya. Ia harus selalu membimbingnya dalam melakukan tugas dan memperhatikan apa-apa yang dilakukannya. Ia harus melihat apakah ia tidak menyeleweng atau berhubungan dengan orang yang tidak semestinya. Ia harus menjelaskan kepada isterinya tentang bahaya

pergaulan dengan orang-orang yang tidak baik. Ia harus melarangnya keluar dari rumah dengan pakaian yang tidak sepatutnya atau yang akan membangkitkan nafsu seksual. Ia harus melarangnya dari mengikuti aktiviti-aktiviti yang menyeleweng atau menghadiri perjumpaan yang tidak bermanfaat.

Ternyata, bila wanita dibiarkan bertindak sendiri, ia pasti akan masuk ke dalam perangkap orang-orang yang berfikiran jahat yang hidup dalam kesesatan.

Lelaki dicadangkan melihat bilangan wanita yang telah jatuh ke dalam penyelewengan kerana kecuaiannya. Ramai wanita yang telah tertipu di kelab-kelab malam. Banyak keluarga telah hancur dan ramai anak-anak telah kehilangan keluarga mereka akibat dari perjumpaan-perjumpaan seperti itu.

Seorang lelaki yang mengizinkan isterinya keluar dari rumah dengan pakaian yang tidak sepatutnya, mengizinkaninya untuk beteman dengan siapa jua dan tidak melarangnya menghadiri perjumpaan yang menyeleweng, hakikatnya telah melakukan perbuatan khianat terhadap diri sendiri, isteri dan anak-anaknya.

Sikap ini akan menyebabkan isterinya terjerumus ke dalam perangkap merbahaya yang tidak dapat dilepaskan dengan mudah. Minyak tanah tidak dapat menyala dan api boleh membakarnya; jadi adalah tidak wajar meninggalkan minyak tanah di samping api dengan menyangka tidak akan membuatnya terbakar.

Betapa jahilnya lelaki yang membenarkan isteri dan anak-anak perempuan mereka memperlihatkan diri mereka dengan pakaian yang tidak sepatutnya di jalan-jalan, tetapi pada masa yang sama tidak menyukai anak muda memperhati dan memandang mereka.

Kebebasan yang melampau seperti ini amat besar silapnya. Bila seorang isteri berhasil menundukkan suaminya terhadap kelakuan yang tidak dibenarkan syarak, ia akan bertindak bebas sama sekali dari suaminya. Ini akan mengakibatkan suatu kejadian yang mengganggu keluarga.

Kerana itu Rasulullah (s.'a.a.w.) pernah bersabda: "Lelaki adalah pemimpin keluarganya dan setiap orang yang menjadi pemimpin harus bertanggungjawab terhadap orang-orang yang

dipimpinnya dan memenuhi keperluan-keperluan mereka.”

Rasulullah (s.‘a.a.w) bersabda: “Perintahkanlah agar kaum wanita berbuat baik sebelum mereka membuat kamu melakukan perbuatan-perbuatan yang salah.”

Selain dari itu, Rasulullah (s.‘a.a.w.) bersabda: “Barang siapa menuruti isterinya, Allah akan memasukkannya ke dalam api neraka.” “Apakah yang dimaksudkan dengan menurut di sini?” Rasulullah menjawab: “Iaitu bila suami membenarkan isterinya yang meminta izin darinya untuk pergi ke kolam renang, pesta perkahwinan, perayaan-perayaan dan ke tempat orang yang meninggal dunia dengan mengenakan pakaian yang tipis dan sangat halus.”

Imam Ja‘far Sadiq (‘a.s.) menyatakan: “Seorang lelaki adalah pemimpin dan pelindung keluarganya.”

Rasulullah (s.‘a.a.w.) menegaskan: “Lelaki yang membenarkan isterinya, yang telah menghias dirinya keluar dari rumah, adalah orang yang berjiwa rendah. Barang siapa yang memanggil lelaki itu dengan sebut tadi (orang yang berjiwa rendah), maka ia tidak berdosa. Dan setiap wanita yang diizinkan oleh suaminya keluar dari rumah dengan berhias dan mengenakan wangi-wangian maka bagi suaminya Allah akan membangunkan sebuah rumah di neraka bagi setiap langkah isterinya itu.”

Akhirnya saya mengingatkan anda dua perkara:

- (a) Adalah benar bila lelaki sentiasa mengawasi isterinya, tetapi harus dilakukan dengan hati-hati dan bijaksana. Ia tidak boleh bersikap marah atau melakukan kekerasan. Ia tidak boleh membuat isterinya merasa selalu diperintah sehingga boleh menyebabkan ia mengambil sikap yang kurang menyenangkan.

Cara terbaik ialah dengan bersikap baik hati dan bersefahaman. Ia harus bersikap seperti pasangan yang simpati dan menjelaskan kepada isterinya tentang bahayanya melakukan perbuatan yang salah. Ia harus membuat isterinya

memilih sendiri jalan yang benar dengan penuh semangat dan kemahuan.

- (b) Seorang lelaki harus bersikap sederhana, iaitu tidak terlalu keras dan cerewet, dan tidak terlalu memberi kebebasan.

Wanita seperti juga lelaki, memerlukan kebebasan dan harus merdeka di dalam perbuatan-perbuatan yang menjadi haknya. Ia harus diberi kebebasan untuk berhubung dengan orangtuanya, saudara lelaki dan saudara perempuannya dan mesti dibenarkan untuk menjalin hubungan yang sewajarnya.

Singkatnya ada beberapa pengecualian di mana wanita tidak diberi hak untuk memenuhi keinginannya. Tetapi dalam kes-kes tersebut seseorang tidak boleh terkeluar dari batas-batasnya dan menjadi terlalu keras. Kekerasan yang keterlaluan akan membahayakan. Ia akan merosak suasana damai dan boleh menyakitkan hati. Seorang wanita akan menjadi marah apabila suaminya terlalu keras dan mungkin ia akan meminta cerai.

Seorang wanita muda mengatakan kepada seorang wartawan di mahkamah: "Saya berkahwin lima tahun lalu. Kami sekarang mempunyai seorang anak lelaki dan perempuan. Suami saya sering memperlakukan semua anggota keluarga dengan kasar. Ia tidak membenarkan saya untuk berhubung dengan sesiapa pun. Ia bahkan mengunci pintu agar kami tidak dapat keluar dari rumah bila ia pergi. Kami adalah tawanan di rumahnya. Saya pun tidak boleh pergi ke rumah orangtua saya lagi. Keluarga saya pun tidak pernah datang ke rumah kami kerana sikapnya itu. Saya tidak mengerti apa yang harus saya lakukan. Di satu keadaan saya tidak dapat hidup bersamanya dan di lain keadaan saya kluatir tentang masa depan anak-anak saya. Maka saya memutuskan untuk membawa masalah ini ke mahkamah; mungkin mereka dapat memberikan beberapa keputusan."

Lelaki seperti suami wanita ini, malangnya terlalu keras dan luar biasa sehingga isterinya walaupun berharap untuk hidup bersamanya, menuntut supaya diceraikan. Isterinya merasa begitu sakit hati dengannya sehingga walaupun mereka mempunyai anak-anak, ia bersedia untuk bercerai darinya.

Mengapa seorang lelaki harus melarang isterinya berhubung dengan keluarga terdekatnya? Tidakkah ia tahu bahawa kekerasan

yang berlebihan akan mengakibatkan timbulnya alasan bagi wanita untuk menyimpang dari kerendahan hati? Apakah ia belum pernah melihat atau mendengar tentang keluarga-keluarga yang bercerai-berai kerana sikap yang demikian?

Walaupun seorang isteri dapat menerima kekerasan seperti ini, namun tidak akan ada suasana kekeluargaan di dalam rumah. Bagaimana mungkin seseorang mengharapkan agar isteri yang dikurung untuk bersikap baik kepada suami dan anak-anaknya atau untuk bersungguh-sungguh melakukan tugas-tugasnya?

Hak Suami Dalam Hal Disiplin

Walaupun seorang suami dan seorang isteri masing-masing membentuk ikatan keluarga, bekerjasama dan berkongsi tugas dalam urusan rumahtangga mereka, mereka pasti mempunyai perbezaan pendapat dalam hal-hal tertentu. Seorang lelaki akan berfikir bahawa dialah yang seharusnya memutuskan urusan-urusan rumahtangga yang menjadi perbalahan dengan isterinya. Pada waktu yang sama isterinya mungkin menentang peranannya sebagai pihak yang harus menurut. Mungkin setelah itu akan timbul perbalahan dan pertelingkahan kerana kedua belah pihak berusaha untuk menegakkan kebenaran masing-masing. Penyelesaian yang terbaik adalah kedua belah pihak harus menghentikan sikap sebagai yang lebih berkuasa dari yang lain dan cuba menyelesaikan masalah dengan cara bersoal-jawab dan saling memahami antara satu sama lain. Hal ini hanya akan berhasil bila kedua belah pihak berhenti bersikap keras kepala.

Sesetengah lelaki memerintah isterinya melakukan banyak perkara dan mereka ditentang, mereka berfikir bahawa wajar saja untuk menjadi marah, menghukum dan bahkan mendera isteri-isteri mereka. Tindakan ini adalah tidak wajar sama-sekali. Orang-orang di zaman jahiliyyah yang tidak berperikemanusiaan, sudah menjadi kelaziman mereka memukul dan menyakiti isteri-isteri mereka.

Rasulullah (s. 'a.a.w.) melarang memukul isteri kecuali dalam kes-kes tertentu bila khusus di mana hukuman itu menjadi wajib."

Rasulullah (s. 'a.a.w.) bersabda: "Saya hairan melihat lelaki memukul isterinya, sedangkan dirinya sendiri lebih patut dipukul daripada isterinya. Wahai umatku, janganlah kamu memukul isterimu dengan kayu, kerana perbuatan itu ada qishahnya (pembalasan)." "

Menekan seorang wanita yang telah rela berkahwin dengan suaminya, yang mengharapkan kesenangan dan kedamaian bersamanya dan yang mengharapkan suaminya mahu berkongsi masalah dengannya, adalah perbuatan yang tidak benar. Sesungguhnya Allah mengurniakan seorang wanita kepada seorang laki-laki dan lelaki yang salah dalam memperlakukan isterinya bererti tidak memelihara amanat Allah kepadanya.

Imam Ali r.a. mengatakan: "Wanita diamanahkan kepada lelaki dan mereka bukan pemilik keberuntungan atau kemalangan. Mereka bersamamu bagaikan amanat Allah; maka janganlah kamu menyakiti mereka dan jangan membuat hidup mereka susah." (197)

Seorang lelaki yang memukul isterinya akan mengakibatkan kerosakan di dalam jiwa wanita itu sehingga ia menderita dalam kerumitan; dan kasih-sayang di dalam keluarga akan hilang samasekali. Bagaimana mungkin seorang lelaki dapat memelihara hubungan perkahwinan yang baik dengan seorang isteri yang dihina dan direndahkannya? Ini benar-benar memal

Rasulullah (s. 'a.a.w.) bersabda: "Wahai kaum lelaki! Bagaimana kamu boleh memukul isterimu dan kemudian memeluknya pula?"

Seorang lelaki melainkan bila mempunyai hak tertentu terhadap isterinya seperti yang pernah disebut dalam bab ini, tidak dibenarkan untuk memaksa isterinya melakukan sesuatu atau mengenakan hukuman terhadap ketidakpatuhan isterinya. Misalnya wanita dari segi hukum tidak berkewajipan melakukan pekerjaan-pekerjaan rumahtangga seperti mencuci, membersihkan rumah, memasak, menjaga anak-anak, mengait, menjahit dan lain-lain. Walaupun sebahagian besar kaum wanita memang melakukan pekerjaan yang wajib menjadi wajib. Lelaki harus berterimakasih kepada mereka kerana mereka mahu bekerja di rumah. Kerana itu lelaki tidak berhak untuk menyoal atau menghukum isteri mereka

bila mereka menolak untuk melakukan tugas-tugas mengurus rumahtangga.

Islam membolehkan hukuman fizikal dikenakan kepada isteri hanya dalam dua hal di mana hak suami telah dilanggar:

Pertama: Menurut Islam seorang lelaki berhak mendapatkan kepuasan seks dan kesenangan dari isterinya serta untuk memperoleh segala bentuk kenikmatan dari hubungan ini. Isteri harus menyerahkan dirinya kepada keinginan seks suaminya. Bila isteri menolak untuk memberikan kepuasan kepada suaminya, suami harus memujuknya dengan cara yang baik. Namun bila lelaki merasakan bahawa isterinya cuba berbuat jahat kepadanya, dan bila ia tidak dapat menerima keadaan ini maka ia boleh menghukumnya sesuai dengan dasar yang diajarkan oleh Islam.

Allah berfirman dalam al-Qur'an:

Wanita-wanita yang kamu khawatiri nusyuznya, maka nasehatilah mereka dan pisahkanlah diri mereka dari tempat tidur mereka dan pukullah mereka. Kemudian jika mereka mentaatimu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkannya. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi lagi Maha Besar."

[Surah 4: 34]

Kerana itu Allah membenarkan memukul seorang isteri sebagai langkah terakhir dari hukuman terhadap isteri, sekiranya bersikap tidak wajar terhadap keinginan seks suaminya.

Peringkat pertama adalah menasihatinya. Kedua, lelaki harus berpisah tempat tidur atau membelakangi isterinya dan dalam hal ini ia harus menunjukkan rasa marahnya. Sekiranya tiada tanda-tanda positif di akhir peringkat kedua, dan wanita itu tetap menolak suaminya, maka ia dibolehkan memukulnya (dengan tidak terlalu keras).

Namun lelaki tidak dibenarkan melebihi batas yang ditetapkan dan melakukan penindasan. Lelaki diperingatkan mengenai hal-hal berikut:

TANGGUNGJAWAB LELAKI

- a. Tujuan hukuman fizikal kepada isteri adalah memberi pendidikan dan bukannya suatu pembalasan.
- b. Pemukulan harus dilakukan dengan tangan atau dengan menggunakan sebatang kayu yang ringan.
- c. Memukul hingga mengakibatkan perubahan warna kulit menjadi merah atau biru tidak dibolehkan dan mengakibatkan hukuman denda bagi suami iaitu membayar diyah (tebusan).
- d. Memukul bahagian tubuh yang peka seperti mata, kepala, perut dan sebagainya, tidak dibenarkan.
- e. Hukuman fizikal tidak boleh terlalu kerasehingga akan menimbulkan dendam dan perasaan tidak senang antara kedua suami isteri atau mendorong isteri untuk menjadi semakin engkar.
- f. Seorang lelaki (yang bertujuan menghukum isterinya dengan cara ini) harus ingat bahawa ia harus hidup dengan isterinya dan bahawa cinta di dalam keluarga tidak boleh dirosak.
- g. Seorang lelaki tidak dibolehkan memukul isterinya bila ada alasan-alasan yang sah bagi isteri dalam menolak keinginan suaminya. Misalnya bila ia sedang dalam haid, puasa di bula Ramadhan, sedang melakukan ihram atau bila ia sedang sakit. Ini adalah alasan-alasan yang dapat diterima dan seorang lelaki tidak boleh menghukum isterinya kerana menolak keinginan-keinginannya dalam masa-masa ini.

Kedua: Seorang wanita hanya boleh keluar dari rumah setelah mendapat izin dari suaminya. Keluar dari rumah tanpa izin suami secara hukum tidak dibolehkan dan melakukan perbuatan itu adalah berdosa.

Ada sebuah hadis yang diriwayatkan bahawa Rasulullah

(s.a.a.w) tidak membenarkan wanita keluar dari rumah tanpa izin dari suaminya. Ini adalah hak suami yang harus diperhatikan oleh isteri. Tetapi lelaki tidak boleh terlalu keras terhadap isterinya dalam hal ini. Lebih baik membenarkan isterinya pergi ke tempat yang dikehendakinya, sekiranya perlu.

Hak lelaki ini tidak bermaksud untuk menunjukkan kekuatan atau suatu usaha untuk menekan isteri tetapi sebagai cara mengelakkan wanita pergi ke tempat-tempat yang tidak diingini.

Bersikap keras bukan sahaja tidak bermanfaat tetapi juga akan memberi kesan terhadap hubungan keluarga atau malah mendorong wanita ke arah ketidakpatuhan dan penyelewengan.

Seorang lelaki harus menghentikan isterinya untuk membuat menyeleweng dan pergi ke tempat-tempat seerta perkumpulan-perkumpulan yang tidak sesuai. Adalah satu kewajipan agama bagi isteri untuk patuh terhadap suaminya. Wanita yang tidak patuh boleh dihukum oleh suaminya. Di sini hukuman dapat dijalankan dalam beberapa tahap.

Namun seorang wanita boleh keluar dari rumah tanpa izin suaminya dalam kes-kes tertentu dan lelaki tidak dibenarkan menghukum isterinya dalam kes-kes ini:

- a. Keluar dari rumah untuk belajar hal-hal penting mengenai perintah-perintah agama.
- b. Keluar dari rumah untuk menunaikan ibadah haji bila ia mampu dalam hal kewangan dan mampu dalam melakukannya.
- c. Keluar dari rumah untuk membayar hutang, jika tidak dapat melakukannya tanpa keluar dari rumah.

Lelaki Yang Mudah Curiga

Memang sudah menjadi hak lelaki untuk bersikap mengawasi isterinya, namun tidak sampai pada tahap mencurigai dan tidak mempercayainya. Ada lelaki yang mencurigai dan meragukan

kesetiaan isterinya, ini merbahaya dan akan menyulitkan kehidupan seluruh anggota keluarga.

Lelaki yang mempunyai kelakuan seperti ini, selalu mencari-cari kesalahan isterinya. Ia memperhatikan isterinya dengan ketat dan mengikutinya ke mana saja. Segala hal dijadikannya bukti atas kecurigaan-kecurigaannya. Bila ia melihat isterinya bercakap dengan seorang lelaki atau bila ia mendapati gambar lelaki tersimpan di antara barang-barang isterinya, atau menemukan surat yang ditulis oleh seorang lelaki kepada isterinya, atau melihat seorang lelaki yang memandang isterinya, ia akan merasa yakin bahawa isterinya tidak setia. Bila isterinya menyembunyikan sepucuk surat, ia berfikir bahawa itu adalah surat cinta. Bila ia tidak mengungkapkan rasa cintanya seperti biasa, ia akan meragukan kesetiannya.

Bahkan ia akan berfikiran bahawa kerana anak perempuannya tidak mirip wajahnya, pasti isterinya telah berzina.

Semua contoh-contoh di atas dapat dijadikan bukti yang nyata atas ketidaksetiaan seorang wanita terhadap seorang suami yang curiga. Keadaan ini akan menjadi lebih buruk lagi bila salah seorang teman atau anggota keluarga sependapat dengannya.

Keluarga-keluarga yang terkena penyakit ini akan menderita kerananya. Lelaki ini akan bertindak seperti detektif di dalam rumah dan isterinya akan merasa seolah-olah ditahan di dalam penjagaan. Mereka berdua akan terganggu jiwanya dan perkahwinan mereka diancam bahaya. Mungkin juga mereka akan bercerai atau melakukan pembunuhan.

Ada banyak kes pembunuhan atau membunuh diri yang telah terjadi akibat dari kecurigaan.

Dalam keadaan seperti ini, suami dan isteri harus sedar kemungkinan berlakunya kesilapan besar dan dengan kebijaksanaan serta pesefahaman, mereka harus menumpaskan segala bahaya yang mengancam hidup dan perkahwin mereka. Mereka hanya perlu sedar mengenai bahaya besar ini dan mampu berfikir dengan bersungguh-sungguh agar dapat mengatasi masalah mereka.

Lelaki tidak boleh terlalu fanatik dan menaruh rasa cemburu. Ia harus bersikap logis. Ia harus menyedari bahawa menuduh

isterinya berzina bukanlah sesuatu yang mudah dan bahawa tuduhan seperti itu perlukan bukti yang nyata.

Allah berfirman dalam al-Qur'an:

Hai orang-orang yang beriman, jauhilah dari prasangka, sesungguhnya sebahagian dari prasangka itu dosa...

[Surah 49: 12]

Rasulullah (s.a.a.w) bersabda: "Barangsiapa menuduh isterinya berzina tanpa alasan yang benar, maka ia akan kehilangan semua ganjaran dari perbuatan baiknya seperti ular kehilangan kulitnya. Dan pada setiap helai rambutnya akan tertulis seribu dosa sebagai catatan (untuk Hari Kiamat)."

Rasulullah (s.'a.a.w.) bersabda lagi: "Barangsiapa menuduh tanpa alasan yang benar seorang lelaki atau seorang wanita yang beriman, Allah akan membakarnya di dalam api yang menyala di Hari Qiamat kelak."

Selagi ketidaksetiaan seorang isteri tiak terbukti dengan jelas, lelaki tidak berhak menuduhnya. Bila ia menuduhnya, ia telah berbuat dosa dan untuknya Islam menetapkan hukum supaya disebat sebanyak dua puluh kali.

Bukti yang berdasarkan angapan semata-mata tidak dapat dijadikan alasan yang benar. Surat-surat lama, gambar-gambar dan sebagainya tidak dapat membuktikan sesuatu.

Menyimpan barang-barang seperti itu tidak dibenarkan, tetapi ini adalah kesalahan yang selalu dilakukan oleh kaum muda dan ini bukan suatu perkara yang perlu diambil perhatian secara serius.

Bila seorang wanita dilihat berbicara dengan seorang lelaki, walaupun ia tidak boleh bertindak begitu, kejadian ini tidak dapat dijadikan bukti yang kuat atas ketidaksetiaannya. Mungkin kejadian ini disebabkan kerana wanita tersebut menganggap tidak sopan bila ia tidak menegur lelaki itu atau mungkin lelaki itu bukannya orang yang tidak dikenali tetapi teman ayah atau saudara lelakinya.

Bila seorang wanita memuji seorang lelaki, walaupun sebenarnya tidak dibolehkan, mungkin kerana sikapnya yang

peramah dan kerananya hal itu tidak menunjukkan ketidaksetiaannya.

Bila seorang wanita berbohong mengenai hubungan dengan lelaki lain atau menyembunyikan surat-suratnya, mungkin ada alasan lain untuk itu atau memandangkan mungkin ia bimbang akan tuduhan suaminya yang tidak beralasan.

Bila seorang wanita bersikap dingin terhadap suaminya, mungkin ia sedang marah kepada suaminya atau sedang sakit atau mempunyai masalah lain.

Ringkasnya untuk semua keadaan yang menunjukkan tanda-tanda ketidaksetiaan seorang isteri, seseorang boleh berjumpa puluhan alasan-alasan lain yang baik yang dapat dijadikan kemungkinan tindakan yang salah. Tetapi semua alasan tersebut adalah tidak benar.

Saudara! Hentikan sikap curiga anda. Anggaplah diri anda hakim yang adil dan pandanglah masalah anda dengan akal yang sihat, Ukurlah tahap ketidaksetiaan isteri anda dan fikirkanlah apakah ini benar, hanya sekadar kecurigaan atau bahkan sesuatu yang benar-benar terjadi?

Saya tidak mengatakan bahawa anda harus bersikap mengambil tidak peduli atau tidak berhati-hati, tetapi anda harus bertindak berdasarkan jumlah bukti yang anda miliki dan tidak lebih dari itu. Mengapa anda harus membesar-besarkan masalah anda dengan menaruh perasaan curiga dengan tidak berasas dan membuat hidup anda dan keluarga menjadi sukar? Bagaimana perasaan anda bila orang menuduh hal yang sama terhadap anda? Mengapa anda berfikir dengan cara yang tidak adil? Mengapa anda harus merendahkan diri anda dan isteri anda? Apakah anda pernah terfikir bahawa isteri anda akhirnya akan mengambil jalan yang salah disebabkan ketidakpercayaan anda dan tuduhan anda yang salah terhadapnya?

Imam Ali ('a.s.) berkata kepada anaknya, Imam Hasan 'a.s.: "Berhati-hatilah agar tidak bersikap menguasai bila kamu tidak seharusnya melakukan hal itu. Kerana ini akan membuat orang-orang baik menyeleweng dan orang-orang suci melakukan perbuatan

yang berdosa.”

Bila anda mencurigai isteri anda, jangan membicarakannya kepada siapa pun yang anda jumpai kerana mereka mungkin akan membenarkan dengan anda atas dasar permusuhan, kesederhanaan dan kealpaan. Mereka mungkin akan memperkuatkan kecurigaan anda dan akan membuat anda tidak bahagia di dunia dan di akhirat nanti. Anda tidak boleh memberitahu hal ini terutamanya kepada ibu atau saudara perempuan anda kerana mereka pasti akan sependapat dengan anda dan seterusnya menambah kecurigaan anda. Anda seharusnya mendapatkan nasihat dari teman-teman atau keluarga yang sudah berpengalaman.

Namun penyelesaian yang paling baik ia bercakap terus-terang dengan isteri anda dan mintalah penerangan darinya. Tetapi anda tidak boleh berusaha membuktikan kesalahannya. Dengarkanlah apa yang dikatakannya kepada anda dan buatlah keputusan dengan adil yang bebas dari sebarang prasangka.

Paling tidak usahakanlah untuk mempercayainya dan bayangkanlah saudara ipar lelaki anda sedang memberikan bukti-bukti bahawa adik perempuan anda tidak setia. Mengapa anda harus bertindak kejam dan menganggap isteri anda seperti penjahat yang telah terbukti kesalahannya?

Bersikap bijaksana dan bersabarlah. Jangan sampai anda menceraikannya tanpa alasan. Biar pun saja anda dapat menahan penderitaan yang akan diakibatkan oleh perceraian, tetapi apakah anda merasa yakin mengenai isteri anda yang berikutnya? Anda akan tetap mencurigainya. Mengapa menimpakan kesalahan kepada mereka bila andalah yang sebenarnya mengidap penyakit ini? Bijaksanalah dan cubalah memahami masalah anda sendiri.

Berhati-hati agar jangan mengambil keputusan untuk membunuh diri atau membunuh isteri anda. Kerana anda menghancurkan hidup anda di dunia ini Allah (s.w.t.) akan menghukum anda di akhirat nanti.

Anda harus ingat bahawa menumpahkan darah pasti akan diketahui juga pada suatu hari nanti dan kemudian anda akan dihukum bunuh atau dipenjarakan seumur hidup.

Jika anda tidak bersetuju dengan hal ini, maka cuba anda lihat statistik orang bersalah.

Isteri yang bersuamikan orang yang kuat berprasangka juga mempunyai tanggungjawab besar terhadap keluarganya. Wanita-wanita ini harus berkorban dan membuktikan kemampuan mereka dalam suasana seperti ini.

Puan! Pada peringkat awal suami anda terkena penyakit yang berbahaya di mana ia secara tidak sengaja mengambil langkah-langkah yang salah yang akan membahayakan keluarga anda, anda harus menyatakan perasaan cinta anda terhadapnya sebanyak mungkin. Ia harus yakin bahawa dialah satu-satunya lelaki dalam hidup anda. Bersabarlah menghadapinya, jangan berteriak kepadanya, jangan menolak untuk berbicara dengannya dan jangan bersikap angkuh terhadapnya.

Bila anda merasa bahawa ia memeriksa surat-surat anda atau mengawasi pergi dan balik anda, jangan cuba memprotes. Ceritakan semuanya kepadanya dan berkata benarlah. Elakkan dari berbohong atau menidakkan terhadap apa yang memang terjadi. Bila ia mendapati bahawa anda telah berbohong mengenai suatu hal, ia akan menganggap ini sebagai bukti ketidaksetiaan anda, dimana akibatnya tidak dapat diperbaiki dengan mudah.

Jika suami anda yang curiga ini pernah menyuruh anda untuk tidak berhubungan dengan orang-orang tertentu atau menginginkan anda mengerjakan sesuatu, maka terimalah kata-katanya ini, kalau tidak keraguannya terhadap anda semakin bertambah. Pendek kata hindarkan segala perbuatan yang akan menjadikannya curiga terhadap anda.

Imam Ali ('a.s) mengatakan: "Barang siapa mendekati diri kepada suatu tuduhan, maka ia tidak boleh menyalahkan orang-orang yang mencurigainya."

Bila suami anda membenci seseorang, maka anda harus memutuskan hubungan anda dengan orang itu.

Puan! Anda lebih baik mengutamakan keutuhan keluarga anda daripada memelihara persahabatan dengan orang lain. Jangan berfikir bahawa anda adalah hamba suami anda, tetapi sedarilah

bahawa anda adalah isteri kepada seorang yang sakit.

Ingatlah ketika anda membuat perjanjian pekahwinan dengan suami anda, anda sedia berkongsi dalam waktu suka dan duka. Apakah adil bila anda tidak memperlakukan suami anda yang sedang sakit dengan baik? Singkirkanlah fikiran yang tidak matang dan bersikap bijaksanalah. Demi Allah betapa besarnya pengorbanan anda terhadap keluarga anda. Ingatlah, wanita yang baik adalah wanita yang dapat menghadapi suasana yang sulit.

Imam Ja'far Sadiq ('a.s.) mengatakan: "Jihad seorang wanita adalah di dalam kesabarannya menghadapi perbuatan tidak baik dan ghairah suaminya."

Jangan melakukan sesuatu yang dapat menimbulkan kecurigaan suami anda.

Rasulullah (s.'a.a.w.) menegaskan: "Allah sangat murka terhadap wanita-wanita yang sudah berkahwin yang dimatanya tersimpan pandangannya dengan orang-orang asing."

Jangan berhubungan dengan orang-orang yang tidak dikenali. Jangan meninggalkan rumah tanpa izin suami anda. Jangan mudah diajak naik kereta oleh orang-orang yang tidak anda kenali. Memelihara kesucian anda saja tidak cukup; kerana anda harus bersungguh-sungguh menghindari segalanya yang dapat menjadikan suami anda curiga. Ia dapat menaruh perasaan curiga akibat hal-hal remeh yang anda perbuat.

Seorang wanita berusia 27 tahun berkata di mahkamah: "Pada suatu hari di musim dingin 1963, ketika salji turun, saya naik kereta bapa saudara teman saya. Ia menawarkan kepada saya bahawa bapa saudaranya akan menghantar saya sampai ke rumah. Saya menerima tawarannya itu dan naik keretanya. Ketika saya sampai di rumah, suami saya sedang berdiri di pintu depan rumah kami dan kerana saya tidak mahu ia mengetahui saya naik kereta orang lain, saya meminta bapa saudara teman saya untuk berjalan terus dan ia setuju. Lalu suami saya yang telah melihat saya di dalam kereta itu, bertanya tentang hal itu tetapi saya menyangkal semuanya. Ia menjadi semakin curiga hingga ia pun tidak mempercayai kesaksian teman saya. Kini sudah lapan tahun ia tidak tinggal bersama saya dan tidak pula menceraikan saya. Saya tidak tahu apa yang harus saya lakukan."

Menurut anda, siapa yang bersalah dalam hal ini? Saya mengatakan bahawa wanita itu lebih bersalah daripada suaminya.

Wanita itulah yang kerana kelalaian dan sikap tidak ambil pedulinya menempatkan diri dan suaminya ke dalam situasi tersebut.

Pertama sekali ia tidak seharusnya menerima tawaran dari orang lain kerana ini bukanlah cara yang baik bagi setiap wanita. Ianya tidak dan mungkin membahayakan.

Kedua, ia tidak seharusnya bertindak seperti apa yang telah dilakukannya ketika melihat suaminya. Sepatutnya ia menyuruh supaya kereta itu diberhentikan dan menjelaskan apa yang telah berlaku kepada suaminya.

Ketiga, salah satu dari kesilapannya ialah meminta pemandu untuk meneruskan keretanya.

Keempat, ia tidak seharusnya menyangkal bahawa ia telah menumpang kereta itu. Ia akan dapat menjelaskan segalanya walaupun pada waktu yang sudah terlambat ini dan ini mungkin akan membantu mengatasi persoalan itu.

Tentu saja suaminya juga bersalah. Ia tidak seharusnya menganggap kejadian ini sebagai bukti bahawa isterinya menyeleweng. Ia seharusnya mempertimbangkan bahawa mungkin isterinya secara tidak sengaja telah menumpang kereta orang lain dan mungkin kerana takut ia telah meminta pemandu itu untuk meneruskan keretanya dan kemudian menyangkal semua kejadian itu.

Lelaki itu seharusnya menyiasat kejadian itu dan bila ia telah yakin bahawa isterinya tidak bersalah, maka ia harus bersedia memaafkan isterinya.

Wanita Yang Tidak Setia

Bila seorang wanita dengan bukti yang kuat, telah melakukan zina, suaminya akan berada di dalam situasi yang menyulitkan. Di satu segi, kehormatannya terancam dan di lain segi, menahan penghinaan seperti itu bukan suatu hal yang mudah. Ia rasa terperangkap dalam kebuntuan di mana jalan untuk keluar tidak mudah didapati.

Lelaki dalam keadaan seperti ini, boleh membuat pilihan seperti berikut:

- (a) Ia boleh berdiam diri mengenai kejadian ini demi menyelamatkan kehormatannya dan keluarganya. Tetapi kejadian ini akan terbawa terus selama hidupnya. Sudah tentu pilihan ini tidak dapat diterima kerana tidak mungkin ia dapat hidup dengan isterinya yang telah berzina dan dengan seorang anak luar nikah.

Perasaan kasih dan sayang adalah sifat seorang lelaki yang patut dikagumi, kerana itu tanpanya seorang lelaki tidak akan menikmati pemberian Allah (s.w.t.) dan ia pun akan menjadi tidak dihormati di kalangan orang-orang yang mengenalnya.

Betapa memalukan dan terhinanya hidup orang-orang yang tidak memperdulikan ketidaksetiaan isterinya.

Rasulullah (s. 'a.a.w.) bersabda: "Bau syurga dapat dicium sejauh perjalanan lima ratus tahun, tetapi dua golongan manusia tidak dapat merasakannya, iaitu orang-orang yang putus hubungan dengan orang tuanya dan para suami yang isterinya tidak setia." Orang bertanya: "Wahai Rasulullah, siapakah orang-orang itu?" Rasulullah menjawab: "Seorang lelaki yang mengetahui bahawa isterinya berzina (tetapi mendiarkannya)."

- (b) Ia boleh membunuh samada isterinya atau lelaki yang berzina dengan isterinya atau kedua-duanya sekali. Ia dapat membalas dendam dan merasa tenang dengannya. Akan tetapi ini adalah perbuatan yang merbahaya dan tidak akan berakhir dengan kebaikan, kerana seorang pembunuh jarang dapat bersembunyi untuk selamanya; seorang pembunuh akhirnya akan dapat ditemui juga dan dihukum. Ia juga tidak boleh membuktikan dengan mudah ketidaksetiaan isterinya di mahkamah dan kerana itu kemungkinan ia dapat dilepaskan menjadi lebih sukar. Mungkin akhirnya ia akan dijatuhkan hukuman mati. Dengan demikian ia akan kehilangan nyawa dan anak-anaknya

pula akan terbiar. Kerana itu, tidak wajar bagi seorang lelaki membahayakan diri hanya kerana ingin membalas dendam. Ia harus bijaksana dan arif untuk mengawal kemarahannya sehingga boleh mencari penyelesaian yang baik terhadap masalahnya.

- (c) Ia boleh membunuh bunuh diri agar dapat menjauhkan dirinya dari ketidaksetiaan isterinya dan meninggalkan hidupnya yang hina itu. Ini juga bukan perbuatan yang bijaksana dari satu segi ia telah membunuh dirinya kerana dan ia adalah satu dosa yang kasar dan pembunuh akan dihukum oleh Allah di hari Akhirat kelak. Di segi lain, ia telah menghilangkan kehidupannya. Logik seperti apakah yang menganggap bunuh diri sebagai pembalasan ke atas kesalahan seseorang? Ia akan menderita di kehidupan yang berikutnya dan juga memberikan kebebasan yang lebih kepada isterinya untuk berzina lagi.
- (d) Ia boleh menceraikan isterinya. Ini adalah cara yang paling bijaksana. Memang benar bahawa perceraian dapat menghancurkan kehidupan keluarga dan akan memberikan kesan yang tidak menyenangkan bagi lelaki itu dan anak-anaknya. Tetapi tidak ada jalan lain. Lebih baik baginya untuk menceraikan isterinya dan membawa anak-anak bersamanya, kerana meninggalkan anak-anak dengan wanita yang menyeleweng bukanlah perbuatan yang baik.

Tentu saja membesarkan anak-anak bukan pekerjaan yang mudah bagi seorang lelaki, tetapi ia harus yakin bahawa Allah akan membantunya. Allah akan membimbingnya ke dalam kehidupan yang mulia.

Jangan Memburu Wanita Lain

Seorang lelaki harus berusaha bersungguh-sungguh untuk memilih seorang wanita yang sesuai untuknya. Ia berada dalam satu posisi di

mana ia dapat berhati-hati dan waspada dalam mencari pasangan yang akan hidup bersamanya selama sisa hidupnya. Namun setelah berkahwin ia tidak boleh memburu wanita lain. Ia tidak boleh memikirkan tentang wanita lain selain isterinya.

Ia harus menyedari bahawa seorang wanita telah meninggalkan keluarganya untuk hidup bersamanya dan tidak wajar sekiranya ia masih memburu keinginan yang keanak-anakan. Ia harus berusaha membawa keluarganya yang baru bersamanya dan harus berusaha untuk melahirkan suasana kemesraan di rumahnya.

Lelaki yang menginginkan kebahagiaan, harus menghentikan perasaan-perasaan yang negatif dan harus menyesuaikan diri dengan kehidupan yang baru setelah perkahwinan.

Adalah tidak benar bila seorang lelaki yang sudah berkahwin bersenda gurau dengan wanita-wanita lain atau mengungkapkan perasaan sayangnya kepada mereka. Seorang lelaki juga tidak akan suka melihat isterinya bergurau dengan lelaki lain. Seorang wanita tidak akan senang melihat sifat suaminya yang seperti itu terhadap wanita lain.

Seorang wanita yang melihat suaminya rapat dengan wanita lain akan merasa cemburu dan tersinggung perasaannya. Ia akan kehilangan minat terhadap rumah dan keluarganya. Ia mungkin membalasnya dengan perbuatan yang sama atau meminta cerai.

Seorang wanita mengeluh di mahkamah. Ia telah berkahwin selama 33 tahun dan mengatakan bahwa suaminya mempunyai kebiasaan bergurau dengan wanita-wanita lain.

Seorang wanita mengeluh di mahkamah bahawa suaminya selalu menunjukkan rasa tertariknya kepada teman-teman wanitanya (teman-teman si isteri). Ia mengatakan bahawa ia tidak dapat mengundang teman-temannya ke rumah kerana mereka akan berfikir bahawa suaminya merasa tertarik kepada mereka dan ia menjadi malu kerana suaminya.

Tidak layak bagi seorang lelaki yang telah berkahwin untuk memperhatikan wanita lain. Memperhati dan mengerling kepada wanita lain akan mengakibatkan kecemasan batin, kebingungan dan ketidakpedulian terhadap keluarga sendiri.

Allah berfirman dalam kitab suci al-Qur'an:

"Katakanlah kepada lelaki yang beriman: "Hendaklah mereka menahan pandangannya dan memelihara kemaluannya...."

[Surah 24: 30]

Imam Ja'far ('a.s.) menyatakan: "Pandangan cabul adalah panah beracun yang diacukan oleh syaitan. Wajar sahaja bila pandangan seperti itu akan mengakibatkan penderitaan untuk sementara waktu."

Memandang dengan pandangan cabul menurut psikiatri adalah suatu penyakit. Mata yang terbiasa melakukan kebiasaan ini, tidak akan pernah puas. Memandang dengan cara ini akan mengakibatkan berbagai jenis penyelewengan di mana anak-anak muda akan menyimpang dari jalan yang benar. Bila mata tidak memandang, hati tidak akan bernafsu.

Mungkin orang dapat menahan akibat yang akan terjadi dari pandangan yang tidak dibenarkan ini, tetapi akhirnya ia akan terperangkap juga dan menjadi terpengaruh dengan apa yang dilihatnya.

Imam Ja'far ('a.s.) mengatakan: "Sering memandang (dengan pandangan yang tidak dibenarkan) akan menimbulkan nafsu di dalam hati seseorang dan ini sudah cukup untuk membuat orang yang memandang itu menyeleweng."

Islam yang mengetahui bahayanya pandangan seperti itu, telah melarangnya sama sekali.

Seorang lelaki yang tiba-tiba terpandang seorang wanita di jalan atau di suatu tempat, harus segera melayangkan pandangannya ke tempat lain atau menutup matanya. Ia tidak boleh terus memandang wanita, tetapi dengan membiasakannya ia akan dapat melakukannya. Orang-orang yang bijaksana mengerti bahawa menghindarkan diri dari pandangan yang tidak dibenarkan akan menghilangkan banyak bahaya besar seperti pembunuhan, kejahatan, kelemahan, kecemasan, pertelingkahan keluarga dan sebagainya.

Saya menyedari bahawa anak-anak muda menghadapi kesulitan ini pada usia mereka dan saya mengerti bahawa menutup

mata dari pandangan yang indah di jalan-jalan atau ditempat-tempat lain bukan hal yang mudah. Tetapi tidak ada jalan lain kecuali tidak memperhatikan wanita-wanita itu.

Seorang lelaki yang mampu menutup matanya kepada wanita lain, akan dapat terlindung dari berbagai penyelewengan. Sebaliknya ia akan dapat hidup tenteram dengan keluarganya dengan fikiran yang tenang.

Saudara! Bila anda mencari kebahagiaan dalam perkahwinan anda, setelah berkahwin, jangan memperhatikan wanita lain. Jangan memuji wanita lain di hadapan isteri anda.

Jangan berkata: "Kalau saja aku kahwin dengannya...; saya telah kehilangan banyak kesempatan yang baik..."

Akibatnya tiada kebahagiaan dalam keluarga anda. Perkataan-perkataan seperti itu boleh melukakan hati isteri anda ia akan menjadi dingin terhadap anda. Ia mungkin juga mencuba melakukan perkara yang sama dan berkata begitu dihadapan anda. Betapa kasihnya kepada seorang lelaki, yang kerana beberapa detik memandang dengan nafsu, memburu wanita-wanita lain dan meninggalkan isteri mereka yang suci, seolah-oleh mereka tidak mengenal cinta dan kesetiaan dalam keluarganya. Lelaki seperti itu seolah-olah seperti binatang saja yang hanya memusatkan perhatiannya kepada makan, tidur dan nafsu. Mereka kelihatan sebagai orang asing dalam kemanusiaan dan kasih sayang.

Berterimakasihlah Kepada Isteri Anda

Urusan rumahtangga pada pandangan lelaki kelihatan mudah, tetapi sebenarnya kita harus mengetahuinya sebagai pekerjaan yang tidak mudah dan membosankan.

Seseorang suri rumah tidak akan selesai mengerjakan seluruh pekerjaannya walaupun ia bekerja siang dan malam. Memasak, membersihkan rumah, mencuci dan menggosok pakaian, mencuci pinggan mangkok lalu mengaturnya, membersihkan tempat tidur, mengatur perabot rumah dan lebih dari semua itu adalah mengasuh anak-anak, tidak hanya dikerjakan dalam satu hari tetapi setiap hari tanpa letih.

Seorang lelaki mungkin berfikir bahawa isterinya hanya memasak makanan tiga kali sehari dan lupa akan pekerjaan-pekerjaan lainnya.

Hanya seorang lelaki yang mahu tinggal di rumah selama sebulan yang akan mengetahui kesulitan-kesulitan itu. Baru setelah itu ia akan mengharga pekerjaan isterinya.

Seorang suri rumahtangga dengan gembira mengerjakan pekerjaannya dan tentunya ia mengharapkan suaminya menghargai dan menunjukkan rasa terimakasihnya.

Saudara! Apa salahnya mengucapkan terima kasih kepada isteri anda yang mengurus rumahtangga? Apakah anda tidak mengetahui bahawa ucapan terima kasih anda akan mendorongnya dan menghilangkan penatnya?

Bila anda selalu tidak memperdulikan usahanya atau tidak menunjukkan rasa terima kasih anda, ia akan kehilangan semangat dalam pekerjaan rumahnya dan kemudian anda akan mengeluh tentang dia. Anda seharusnya mengerti bahawa mungkin andalah yang menjadi penyebab kemalasannya.

Bila orang lain berbuat sedikit kebaikan terhadap anda, anda akan berterimakasih kepadanya berulang-ulang. Tetapi dengan kebaikan isteri anda yang demikian banyaknya anda tidak mahu membuatnya senang dengan menunjukkan penghargaan anda terhadap jerih payahnya.

Seorang wanita berumur 29 tahun menulis surat dari Tehran: "Saya berkahwin dengan seorang lelaki yang tidak tahu berterima kasih dan tidak menghargai serta tidak memperdulikan pekerjaan rumah yang saya lakukan. Saya mencuci, membersihkan rumah dan mengaturnya, memasak dan berkhidmat untuk seluruh keluarga, membersihkan kasutnya, menggosok pakaiannya dan sebagainya; dan ia tidak pernah sekalipun berterimakasih kepada saya. Bila saya menceritakan kepadanya tentang pekerjaan di rumah, maka ia segera memotong dengan mengatakan saya tidak perlu memuji diri di hadapannya. Ia memandang remeh penat lelah saya sedangkan hasilnya sebahagian besar adalah kerana kerja keras yang saya lakukan."

Sebahagian kaum lelaki menganggap bahawa meremehkan pekerjaan isteri adalah sikap kelelakian. Mereka berfikir, bila mereka memuji pekerjaan isteri, wanita akan menjadi manja. Mereka bahkan percaya bahawa suami dan isteri tidak perlu saling berterimakasih.

Kepercayaan ini tidak benar kerana menurut pandangan psikologi, setiap perbuatan baik harus dihargai dan diberi ucapan terima kasih. Penghargaan ini mendorong orang untuk berbuat baik dan hal ini benar terutama bagi kaum isteri yang melakukan pekerjaan yang membosankan secara berulang-ulang hari demi hari.

Kerana itu Islam menganggap berterimakasih adalah sifat manusia yang baik.

Imam Ja'far ('a.s.) mengatakan: "Barangsiapa memuji seorang Muslim, maka Allah akan menuliskan pujian baginya hingga datangnya hari kebangkitan."

Rasulullah (s.'a.a.w.) bersabda: "Barang siapa menghormati seorang Muslim dan memujinya dan menghapuskan penderitaannya maka ia akan selalu mendapat berkah dari Allah."

Bersih di Rumah

Menjaga kebersihan adalah penting bagi setiap orang di mana saja. Orang harus menjaga agar tubuh dan pakaiannya selalu bersih. Ia harus mandi dua kali sehari. Dan harus mencuci muka dan tangannya dengan air dan sabun bila kelihatan kotor. Ia harus memberus gigi, menyisir rambutnya, memotong rambutnya, mencuci kakinya, memakai sarung kaki yang bersih setiap hari dan juga memakai pakaian yang bersih (suci dari najis).

Agama Islam yang suci selalu menekankan pentingnya kebersihan dan berpakaian kemas.

Rasulullah (s.'a.a.w.) menegaskan: "Kebersihan adalah sebahagian dari iman."

Rasulullah (s.'a.a.w.) melihat seorang lelaki yang kotor, rambutnya kusut dan kelihatan sangat buruk. Beliau bersabda: "Menggunakan apa yang dikurniakan oleh Allah adalah sebahagian dari iman."

Rasulullah juga mengatakan: "Orang yang kotor bukan hamba Allah yang baik."

Selain itu, Rasulullah juga menegaskan: "Malaikat Jibril sangat menekankan agar orang menggosok giginya."

Imam Ali ('a.s.) mengatakan: "Allah itu indah dan Ia menyukai keindahan. Dan Ia juga suka melihat hamba-hambanya memanfaatkan kurnia-Nya."

Kebersihan dan keindahan bukan saja milik wanita, tetapi lelaki pun harus bersih dan berpakaian kemas. Ada lelaki yang tidak memperdulikan kebersihan dan hanya mandi sesekali sahaja. Mereka tidak memperdulikan keadaan pakaian mereka dan tidak merapikan janggut mereka. Mereka berbau busuk sehingga orang lain menjauh dari mereka.

Lelaki yang berhati-hati terhadap kebersihan dan selalu mementingkan pakaiannya, biasanya hanya melakukan yang demikian di luar rumah. Ertinya mereka selalu bersih dan berpakaian baik di hadapan orang-orang lain di luar rumah tetapi tidak demikian di dalam rumah di hadapan keluarganya. Mereka kelihatan tampa di jalan-jalan, di perkumpulan-perkumpulan dan sebagainya; tetapi apabila mereka tiba di rumah, mereka mengganti pakaian mereka dengan yang lusuh. Mereka jarang merapikan rambut dan wajah mereka di rumah untuk kepentingan keluarga mereka.

Mereka tidak mencuci muka sebelum sarapan pagi. Lelaki seperti ini membuat keluarganya tidak ingin memandangnya.

Saudara yang beriman! Bila anda tidak dapat menerima seorang isteri yang kotor dan berpakaian lusuh dan anda mengharap isteri anda sentiasa kelihatan bersih dan cantik, maka yakinlah bahawa mereka mengharap yang sama dari anda. Isteri anda pun tidak suka melihat suami yang kotor, berbau busuk dan tidak kemas. Ia mengharap anda agar kelihatan bersih dan tampan.

Bila anda tidak memenuhi harapannya untuk kelihatan tampan, maka ia akan memperhatikan lelaki lain yang bersih dan tampan dan ia bahkan berfikir bahawa lelaki-lelaki itu datang dari

dunia lain. Ia akan membandingkan anda dengan orang-orang tersebut dan mungkin akan kehilangan minatnya terhadap anda. Kerana itu, cubalah untuk kelihatan bersih di rumah sepertimana bila anda berada di luar rumah. Isteri anda tidak akan tertarik kepada lelaki lain bila anda berhasil menarik perhatiannya kepada diri anda. Mengapa anda mesti kelihatan kemas di hadapan orang-orang lain di luar rumah tetapi kelihatan kotor di hadapan isteri dan anak-anak anda?

Kerana itu, Islam agama yang suci, memerintahkan kaum lelaki untuk menghias diri di hadapan isteri-isteri mereka.

Rasulullah (s. 'a.a.w.) bersabda: "Kaum lelaki wajib memberikan pakaian dan makanan bagi isteri-isteri mereka dan tidak boleh kelihatan tidak menyenangkan di hadapan isteri-isteri mereka. Bila hal ini dilakukan, bererti mereka memperhatikan hak kaum isteri."

Rasulullah (s. 'a.a.w.) juga menegaskan: "Kaum lelaki harus kelihatan kemas dan rapi untuk isteri-isteri mereka sebagaimana halnya kaum wanita harus cantik di hadapan suami-suami mereka."

Hasan ibn Jiham mengatakan: "Saya melihat Abu al-Hasan (Imam Ali 'a.s.) telah menyikat rambutnya. Saya bertanya apakah ia memang menyikat rambutnya. Ia mengatakan: "Ya, lelaki yang menghias diri (demi isterinya) membantu isterinya menjaga kesucian. Wanita yang menyimpang dari jalan yang suci, sesungguhnya kerana disebabkan kesalahan suaminya." Lalu Abu al-Hasan mengatakan: "Apakah kamu suka melihat isterimu tidak kemas?" Saya menjawab: "Tidak". Lalu beliau menambahkan: "Ia juga berfikiran sama seperti kamu."

Imam Rida ('a.s.) mengatakan: "Kaum wanita Bani Israil telah menyimpang dari jalan yang benar kerana kaum lelaki mereka tidak memperdulikan kebersihan dan penampilan yang baik." Kemudian Imam ini menambahkan: "Apa yang kamu harapkan dari isterimu, juga diharapkan oleh isterimu terhadap dirimu."

Rawatilah Isteri Anda

Suami dan isteri selalu memerlukan rasa saling cinta dan kerjasama. Namun keperluan ini semakin kuat di saat kita sakit atau pada saat-

saat lain yang hampir sama. Seseorang yang sakit, tidak hanya memerlukan doktor dan ubat tetapi juga memerlukan perawatan dan kasih sayang. Perawat yang baik akan membantu kesembuhan seorang pesakit secara lebih baik dan lebih cepat.

Seorang isteri juga mengharapkan suaminya untuk merawatnya bila ia tinggal di tempat tidur. Ia mengharapkan suaminya untuk merawatnya lebih daripada orang tuanya.

Seorang wanita yang bekerja di rumah seperti seorang pembantu, patut mendapatkan perawatan seperti itu dari suaminya. Ia berhak mengharapkan suaminya untuk merawatnya.

Membayar untuk perawatan dan pengubatan adalah hal yang biasa dalam hidup dan seorang lelaki berkewajipan untuk mengeluarkan wangnya demi kepentingan ini. Seorang wanita yang bekerja di rumah tanpa gaji, tentu saja berhak mengharapkan suaminya membayar perawatannya.

Ada lelaki yang tidak malu untuk melakukan ketidakadilan ini. Mereka menggunakan isteri mereka ketika wanita itu sihat dan mampu, tetapi enggan untuk mengeluarkan wang mereka bila isteri mereka sakit. Sedikit wang yang dikeluarkan oleh lelaki untuk perawatan isterinya selalu diikuti dengan keluhan yang begitu banyak. Sesetengah lelaki, bila mereka merasakan bahawa biaya perawatan itu terlalu tinggi, mungkin akan rela kehilangan isteri-isteri mereka. Apakah kelakuan ini adil?

Seorang wanita mengeluh di mahkamah. Ia mengatakan: "Saya bekerja di rumah dan melalui masa-masa susah dan senang bersama suami saya. Namun sekarang, ketika saya sedang sakit, suami saya ingin meninggalkan saya."

Saudara! Jika anda menyayangi kebahagiaan dan kesejahteraan keluarga anda, anda harus membawa isteri anda berjumpa doktor bila ia sakit. Anda harus membayar perawatannya. Selain itu, anda harus merawatnya dengan baik. Kini, kerana ia telah meninggalkan orang tuanya untuk hidup bersama anda, ia mengharapkan anda untuk lebih sayang kepadanya daripada kepada anak-anak anda. Perhatikanlah ia dan berilah harapan agar ia dapat sembuh segera. Masaklah untuknya. Siapkanlah makanan yang sesuai untuknya dan belilah bahan-bahan yang diperlukannya. Semua ini akan

membuatnya bahagia.

Jagalah agar anak-anak anda tenang. Jagalah ia pada waktu makan. Bila ia terbangun kerana merasa sakit, temanilah ia. Anda pun dapat meminta bantuan anak-anak untuk merawat ibu mereka. Jangan meninggalkan isteri anda sendirian, terutama bila ia sedang dalam kesakitan.

Dalam keadaan seperti ini isteri anda akan melihat cinta anda dan akan membalasnya lebih dari itu. Ia akan bangga terhadap anda dan akan melayani anda dan anak-anak lebih dari biasanya bila ia telah sihat kembali.

Rasulullah (s. 'a.a.w.) mengatakan: "Yang terbaik di antara kamu adalah yang lebih baik terhadap keluarganya dan akulah yang terbaik di antara semuanya terhadap keluargaku."

Rasulullah (s. 'a.a.w.) juga menegaskan: "Barang siapa berusaha mengerti harapan seseorang yang sedang sakit akan dibersihkan dari dosa-dosanya, seperti pada hari ketika ia dilahirkan." Salah seorang sahabat dari kaum Ansar bertanya kepada Nabi: "Wahai Rasulullah! Semoga Allah mengorbankan orang tuaku bagimu, bagaimana jika orang yang sakit itu adalah salah seorang di antara keluargamu (Ahlul Bait)? Apakah tidak ada ganjaran yang lebih dalam hal ini?" Rasulullah menjawab: "Ya, ada."

Soal Kewangan Keluarga

Memberikan nafkah zahir kepada isteri adalah wajib bagi suami. Iaitu bahawa seorang lelaki berkewajipan memberikan nafkah bagi isterinya seperti makanan, pakaian, rumah, doktor dan perubatan. Ia bersalah bila tidak memelihara isterinya dan dapat dihukum oleh undang-undang.

Seseorang tidak dapat mengharapkan suatu keluarga dapat hidup tanpa wang. Mereka semua memerlukan makanan, ubat-ubatan, pakaian dan tempat tinggal. Namun kadang-kadang mereka menginginkan sesuatu yang tidak begitu penting yang dalam hal ini tidak dapat diterima dan keinginan-keinginan mereka yang beraneka ragam itupun tidak perlu dipenuhi.

Orang yang bijaksana akan membelanjakan wangnya sesuai

dengan pendapatannya. Ia harus mengumpulkan barang-barang yang perlu dan membelinya sesuai dengan urutan kepentingannya pada waktu ia mampu membelinya. Ia juga harus menyimpan untuk masa-masa susah. Seorang harus menyimpan sejumlah wang untuk sewa rumah atau untuk membeli yang baru. Ia tidak boleh melupakan keperluan asas misalnya, letrik, air, gas dan telefon. Cukai harus dibayar dan wang sekolah pun harus difikirkan. Ia harus menghindarkan perbelanjaan yang terlalu banyak dan tidak membeli barang-barang yang tidak diperlukan. Cara membelanjakan wang yang teratur akan menghindarkan seseorang dari beban hutang dan muffis.

Allah s.w.t. menganggap perbelanjaan yang seimbang sebagai tanda keimanan seseorang dan menegaskan dalam al-Qur'an:

"Dan orang-orang yang apabila membelanjakan (harta), mereka tidak berlebihan dan tidak (pula) kedekut, dan adalah (pembelanjaan itu) di tengah-tengah antara yang demikian."

[Surah 25: 67]

Imam Ja'far ('a.s.) mengatakan: "Saya menjamin bahawa orang yang membelanjakan wangnya secara sederhana sahaja tidak akan menjadi miskin."

Imam Ja'far ('a.s.) juga menyatakan: "Ada empat kumpulan manusia yang solatnya tidak diterima; salah satu kumpulan adalah yang membelanjakan wangnya dan kemudian meminta kepada Allah: Ya Allah! Berikanlah aku rezeki! Lalu Allah menjawab: "Tidakkah Aku memerintahkan kepadamu untuk bersikap sederhana sahaja (dalam perbelanjaan)."

Abdullah Ibn Aban mengatakan: Saya bertanya kepada Imam Musa Ibn Ja'far ('a.s.) tentang pemeliharaan keluarga dan beliau mengatakan: "Terlalu boros dan terlalu kedekut adalah dua hal yang sangat buruk. Seseorang harus bersikap di antara keduanya."

Orang yang bijaksana akan menghindari hutang dan tidak akan meminjam wang untuk keperluan-keperluan yang tidak penting. Perekonomian yang berdasarkan pinjaman (dengan

bunga), yang diterima dari bank-bank dan yang sejenisnya, menurut Islam dan menurut akal yang sihat adalah salah dan tidak terpuji.

Membeli barang dengan cara berhutang, walaupun membuat rumah anda kelihatan indah, akan menghilangkan ketenangan fikiran anda.

Mengapa orang harus membeli barang-barang yang tidak begitu penting dengan harga lebih mahal dan mengisi pendapatan pemilik bank dengan ansuran? Hidup seperti apakah bila semua barang-barang didapati dengan harga belian yang tinggi?. Tidakkah lebih baik bagi seseorang untuk menunggu dan menyimpan wangnya agar dapat membeli barang-barang pada harga yang lebih murah?.

Memang benar, mencari wang itu susah dan hal itu sangat mempengaruhi kehidupan seseorang, namun yang lebih penting adalah bagaimana orang mengatur perbelanjaannya. Ada keluarga-keluarga yang berpendapatan tinggi tetapi selalu dalam keadaan berhutang kepada orang lain. Ada juga keluarga-keluarga yang berpendapatan rendah yang hidup senang. Perbezaan di antara keduanya terletak pada cara mereka mengatur perbelanjaannya. Kerana itu beruntunlah keluarga yang di dalamnya ada suami yang bijak mengawal perbelanjaan keluarga atau membimbing orang yang bertanggungjawab terhadap menguruskannya.

Akhirnya, diperingatkan bahawa kemiskinan sama buruknya dengan pemborosan. Bila seorang lelaki mempunyai pendapatan yang baik, ia harus membuat kehidupan keluarganya lebih baik dan memenuhi keperluan mereka sedapat mungkin.

Kekayaan dan wang, kedua-duanya adalah untuk digunakan dan untuk memenuhi keperluan hidup, dan bukan untuk dikumpul dan ditinggalkan di dunia ini.

Tanda-tanda kekayaan harus kelihatan di dalam rumah dan keluarga seseorang. Apa gunanya bekerja keras tetapi tidak memanfaatkannya?

Orang harus menggunakan kekayaannya untuk kebahagiaan diri dan keluarganya. Rasanya tidak menyenangkan bila melihat orang yang mampu dalam hal kewangan tetapi anak-anaknya

kekurangan makanan dan pakaian. Anak-anak orang yang kedekut akan menanti kematian ayahnya untuk mendapatkan kekayaannya.

Bila Allah (s.w.t.) memberikan kurnianya kepada seseorang, maka kurnia ini harus dinampakkan dalam kehidupannya. Rasulullah (s.‘a.a.w.) bersabda: “Orang yang mempunyai wang tetapi menjauhkan keluarganya dari kekayaannya ia tidak termasuk salah seorang di antara kita (pengikut Rasulullah).”

Musa Ibn Ja’far (‘a.s.) mengatakan: “Anggota keluarga seorang lelaki adalah tanggungannya. Maka barangsiapa mendapatkan kurnia Allah, haruslah menghulurkannya kepada orang-orang yang menjadi tanggungannya. Kalau tidak, maka kurnia Allah akan dicabut darinya.”

Imam Rida (‘a.s.) mengatakan: “Terpujilah seorang lelaki yang memberikan kenyamanan hidup bagi anggota keluarganya dengan wangnya, sehingga mereka tidak menanti-nanti kematiannya.”

Imam Ali (‘a.s.) mengatakan: “Berikanlah buah-buahan bagi keluargamu setiap hari Jumaat sehingga mereka akan senang hati dengan datangnya hari Jumaat.”

Hulurkan Bantuan Anda Dalam Pekerjaan Rumahtangga

Walaupun mengurus rumahtangga adalah tugas wanita, tetapi harus disedari bahawa mengurus rumahtangga bukanlah tugas yang mudah.

Seorang suri rumahtangga, berapa banyak pun waktu yang digunakannya untuk mengurus rumah, tidak akan mampu mengerjakan semuanya. Hal ini benar terutama bila ia harus menerima tetamu atau bila ia sakit dan sebagainya. Mengurus rumah adalah pekerjaan yang meletihkan bagi suri rumahtangga dan kerana itu para suami diharapkan mahu membantu isteri-isteri mereka dalam hal ini.

Adalah tidak adil bila seorang lelaki duduk-duduk saja sedangkan isterinya begitu sibuk dengan pekerjaan yang begitu banyak. Sepatutnya ia membantu isterinya sedapat mungkin selagi ia ada waktu. Bantuan ini adalah tanda kasih sayang yang akan menarik perhatian isteri terhadap suami dan keluarganya.

Sama sekali bukan sikap yang baik bila suami tidak mahu menyentuh apa pun dalam urusan rumah atau selalu memerintah isterinya. Sebuah rumah bukan tempat orang memerintah, tetapi tempatnya cinta, kebaikan hati dan kerjasama.

Saudara! Jangan berfikir bahawa bekerja di rumah akan merendahkan diri anda. Sebaliknya dengan bantuan yang anda berikan, isteri anda akan lebih menghargai anda.

Rasulullah (s. 'a.a.w.) yang menjadi ikutan umat telah terbiasa memberikan bantuannya di dalam pekerjaan rumahtangga.

Aisyah isteri Nabi mengatakan: "Apabila Rasulullah telah menyelesaikan pekerjaannya, ia biasa menjahit baju-bajunya, memperbaiki kasutnya dan biasa bekerja di rumah seperti kaum lelaki lainnya."

Segeralah Pulang, Isteri Anda Sedang Menanti

Seorang lelaki yang belum berkahwin, bebas menggunakan masanya tetapi bila ia sudah berkahwin ia harus mengubah caranya. Ia tidak boleh berada di luar rumah selama ia suka. Ia harus memberitahu kepada isterinya tempat ia berada dan sebagainya. Ia tidak boleh melupakan bahawa isterinya berada di rumah sepanjang hari, membersihkan rumah, mencuci dan memasak. Ia menunggu suaminya pulang segera setelah selesai pekerjaannya, untuk bercakap-cakap dengannya dan menikmati kebersamaan dengannya. Tidak adil bila seorang suami harus meninggalkan keluarganya di rumah dan mencari kesenangan di tempat lain.

Perkahwinan bukan sekadar memberi makan dan pakaian keluarga. Seorang wanita adalah pasangan suaminya dan bukan seorang pembantu. Ia bukan berada di suatu tempat untuk bekerja sepanjang hari dan mengharapkan untuk mendapat pasangan dan teman hidup yang sejati.

Ada lelaki yang benar-benar tidak adil dan bodoh. Mereka meninggalkan isteri dan anak-anak mereka di rumah dan bermalam di tempat lain. Wang yang sepatutnya dipergunakannya di rumah bersama keluarganya, dibuang percuma di tempat lain. Lelaki seperti itu belum memahami erti cinta dan kasih sayang dan

menganggap kenikmatan mereka yang kotor dan murahan sebagai satu cara hidup yang baik. Mereka lupa bahawa mereka telah merendahkan martabat mereka dengan melakukan perbuatan-perbuatan seperti itu. Orang lain akan mengatakan mereka sebagai orang yang bodoh dan kurang ajar.

Orang seperti ini adalah penyebab ketidakbahagiaan bagi diri dan keluarga mereka. Perbuatan mereka mendorong isteri-isteri mereka untuk menuntut supaya diceraikan.

Seorang lelaki yang telah menceraikan isterinya mengatakan kepada mahkamah: "Pada permulaan perkahwinan saya, saya mempunyai beberapa teman tertentu untuk keluar bersama dan meninggalkan isteri saya... dan saya biasa pulang sebelum subuh. Isteri saya yang tidak tahan dengan suasana ini meminta cerai. Kami mempunyai sepuluh anak yang harus saya temui dua kali dalam sebulan. Beberapa waktu berlalu seperti ini. Tetapi sudah lama kini anak-anak saya disembunyikan dan saya ingin sekali melihat anak-anak saya."

Seorang wanita berkata: "Saya merasa kecewa dengan kesepian saya. Suami saya sama sekali tidak memperdulikan saya. Ia keluar setiap malam untuk mencari kesenangan sendiri hingga beberapa jam sebelum subuh."

Saudara! Kini anda sudah berkahwin. Anda tidak boleh berbuat seperti seorang bujang. Anda bertanggungjawab terhadap isteri dan anak-anak anda. Jangan berteman dengan orang-orang yang tidak baik. Kembalilah ke rumah segera setelah anda selesai bekerja. Nikmatilah kehidupan berkeluarga dan jadilah teman yang baik bagi isteri dan anak-anak. Walaupun hiburan malam anda bukan sesuatu yang salah tetapi hal itu akan membahayakan anda dan kehidupan keluarga anda.

Jadilah Suami Yang Setia

Dalam ikatan perkahwinan, kehidupan peribadi dua orang manusia menjadi satu dalam kehidupan yang terikat. Ikatan perkahwinan yang suci bererti bahawa seorang lelaki dan seorang wanita saling berjanji untuk hidup bersama selama sisa masa hidup mereka, untuk saling membantu, untuk saling berbaik hati dan saling pengertian di setiap saat, untuk menjadi lebih miskin atau lebih kaya, dalam sakit dan sihat, bahagia dan derita dan sebagainya. Kemanusiaan menuntut

agar orang tetap bersikap setia pada janji-janjinya. Pasangan yang berkahwin tidak boleh melupakan perjanjian mereka di masa-masa susah.

Seorang gadis yang memilih seorang lelaki untuk hidup bersamanya selama sisa masa hidupnya, mengharapkan suaminya untuk tidak meninggalkannya dalam usianya yang sudah berumur. Tidak adil bila seorang lelaki mencari kesenangan dengan orang lain selain isterinya. Seorang wanita yang banyak menyumbang dalam pembentukan sebuah keluarga yang kukuh dengan masa depan ekonomi yang baik, tidak mengharapkan suaminya memburu wanita lain.

Seorang wanita yang bekerja keras di rumah, sewajarnya mengharapkan suaminya untuk tidak memutuskan cinta dan kasih sayangnya pada waktu-waktu ia sakit atau tidak mampu bekerja. Paling sedikit ia mengharapkan agar suaminya tidak pergi mencari kesenangan sendiri.

Ada lelaki yang sama sekali tidak berperasaan. Ketika isteri mereka muda dan cantik, mereka menikmati kebersamaan dengan isteri-isteri mereka. Tetapi lelaki-lelaki itu segera meninggalkan isteri-isteri mereka ketika kecantikan mereka telah pudar.

Seorang lelaki menceraikan isterinya dengan dasar isterinya itu membawal sial, kerana sejak perkahwinan mereka ayahnya telah meninggal dunia dan bapa saudaranya bankrup.

Seorang lelaki telah mengahwini seorang wanita kerana cintanya, telah menceraikannya kerana ia tidak lagi mencintai isterinya.

Seorang wanita mengeluh di mahkamah: "Selama bertahun-tahun saya telah hidup bersama suami saya, tapi kini ketika saya jatuh sakit, ia mengatakan bahawa ia tidak menghendaki isteri yang sakit."

Saudara! Anda bukanlah haiwan yang hidupnya hanya untuk makan dan memenuhi hawa nafsu. Anda adalah seorang manusia yang mempunyai perasaan, akal dan sifat berkorban. Apakah memang adil bila anda mencari kebahagiaan sendiri dan meninggalkan isteri anda? Jika benar bererti anda adalah penindas dan kerana itu anda akan mendapatkan hukuman di dunia ini juga. Bila anda menghabiskan waktu anda dengan wanita lain, maka dengan kesenangan anda yang hanya beberapa minit sahaja, anda akan kehilangan kedamaian fikiran anda dan akan diserang penyakit

yang menjadikan anda bingung. Selain itu, anda akan direndahkan oleh orang lain. Anak-anak anda pun tidak mahu menerima ayah mereka dan akan berbalik menjadi jahat terhadap anda.

Bila isteri anda jatuh sakit, bersegeralah untuk menyembuhkannya. Dan bila ia menderita penyakit yang tidak dapat disembuhkan, tinggallah bersamanya, berkorbanlah untuknya dan jangan berkahwin lagi sewaktu ia masih hidup.

Jangan mengecewakan isteri anda pada masa susahnyanya. Apa yang anda harapkan bila anda berada dalam keadaan seperti dia? Maka wajar bila ia mengharap hal yang sama dari anda.

Bila anda sedang dalam keadaan sakit lalu isteri anda minta cerai, apakah itu dapat ditunaikan? Apakah ia tidak dipandang rendah oleh teman-teman dan keluarga anda? Maka bila anda berpendapat bahawa kesetiaan itu sangat baik, cubalah untuk menjadi setia.

Pendidikan dan Latihan

Seorang wanita muda yang baru berkahwin bertanggungjawab untuk mengurus suaminya dan kerana itu ia memerlukan pengetahuan untuk memasak, mencuci, menggosok, menjahit, mengatur perabot rumah, melayani tetamu, bergaul dengan orang lain, merawat anak dan lain-lain.

Suaminya akan mengharap si isteri untuk mengetahui semua ini. Namun harapannya mungkin tidak dapat dipenuhi kerana pengetahuan isterinya yang masih muda itu mengenai rumahtangga mungkin belum ada atau sangat sedikit.

Apa yang dapat kita lakukan? Ini merupakan satu masalah dalam masyarakat kita. Baik orang tua mahupun sistem pendidikan yang tidak mencakupi keperluan ini tidak dapat dipersalahkan. Namun demikian, penyelesaiannya tetap harus dicari.

Kerana seorang lelaki bermaksud untuk hidup selamanya dengan isterinya maka ia harus membantu mendidiknya, kerana pada umumnya kaum lelaki lebih tua daripada isterinya dan kerana itu mereka lebih berpengalaman.

Seorang lelaki dapat mendidik isterinya dengan sabar dan

mengajarkan apa-apa yang diketahuinya. Ia bahkan dapat bertanya kepada ibunya, saudara perempuan atau ibu saudaranya dan seterusnya mengenai hal-hal yang belum diketahuinya atau dapat juga membeli buku-buku yang berhubungan dengan memasak, menjahit, mengatur rumahtangga dan lain-lain.

Lelaki juga harus mendorong isterinya untuk membaca buku-buku yang sememangnya baik untuk membantunya. Ia harus memperbaiki kekurangan-kekurangan yang berkaitan dengan moral isterinya dengan cara yang baik dan bukan dengan cara memprotes sehingga wanita itu pun kadang-kadang melawan suaminya.

Dengan sabar suami dapat mendidik isterinya sesuai dengan cara hidupnya sendiri selama dua tahun pertama dari perkahwinannya. Mungkin ia tidak seratus peratus berhasil, tetapi pasti akan mencapai kepuasannya.

Mendidik seperti itu memerlukan kesabaran, waktu dan kebijaksanaan, tetapi kaum lelaki harus mencuba untuk mencapainya. Kerana pasangan yang baik baginya dan ibu yang baik bagi anak-anaknya adalah kurnia yang besar bagi seorang lelaki.

Salah satu faktor penting yang harus diingat oleh seorang muslim yang sudah berkahwin adalah bahawa isterinya adalah seorang muslimah dan mungkin belum mengerti tentang cara hidup dan hukum Islam. Mungkin ia belum mengerti cara berwudhu atau mengerjakan solat dan sebagainya.

Sebenarnya mengajar anak-anak tentang masalah-masalah dan ajaran-ajaran Islam yang penting adalah tugas ibu-bapa. Sayangnya ramai ibu-bapa yang kurang memperdulikan masalah ini bahkan dengan tidak mengajarkan kepada anak perempuannya mengenai Islam, mereka telah berani mengahwinkannya. Maka dari itu, tanggungjawab ini jatuh kepada lelaki yang mengahwiniya.

Saudara! Tanggungjawab andalah untuk membiasakan isteri anda dengan ajaran-ajaran Islam dan mengajarkan tentang apa-apa yang harus dikerjakan dan apa-apa yang tidak boleh dilaksanakan oleh agama. Ajarkanlah kepadanya mengenai tingkah laku Islami. Bila anda tidak dapat melakukan hal ini, maka carilah bantuan dari orang lain atau carilah buku-buku dan bacaan-bacaan mengenai Is-

lam. Anda bahkan dapat mengatur pendidikan dan latihannya melalui seorang yang jujur dan terpelajar.

Singkatnya lelakilah yang bertanggungjawab lelakilah yang untuk mendorong isterinya melakukan hal-hal yang baik dan melarangnya melakukan kesalahan. Bila ia melaksanakan tanggungjawab ini, maka ia akan menikmati kebersamaan dengan seorang isteri yang berkelakuan baik, ramah, bermoral dan bijaksana. Akan tetapi bila lelaki itu mengabaikan tugasnya, ia akan menderita dengan mempunyai isteri yang bodoh, lemah imannya dan tidak peka terhadap kerosakan moral. Ia pun akan ditanya oleh Allah di akhirat nanti.

Allah menetapkan di dalam kitab suci al-Qur'an:

"Hai orang-orang yang beriman, peliharalah diri dan keluargamu dari api neraka yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu..."

[Surah 66: 6]

Imam Ja'far ('a.s.) mengatakan: "Ketika ayat di atas diturunkan, salah seorang muslim menangis sambil berkata: "Aku sendiri pun tidak sanggup menyelamatkan diriku dari api neraka dan aku pun harus menyelamatkan keluargaku dari neraka!" Rasulullah (s.'a.a.w.) mengatakan kepada orang itu: "Kamu cukup memerintahkan kepada keluargamu untuk mengerjakan hal-hal yang kamu juga harus mengerjakannya dan melarang mereka mengerjakan hal-hal yang kamu juga tidak melakukannya."

Rasulullah (s.'a.a.w.) menegaskan: "Lelaki adalah pemimpin yang bertanggungjawab terhadap keluarganya dan kerana itu ia bertanggungjawab atas orang-orang yang menjadi tanggungannya."

Rasulullah (s.'a.a.w.) juga memperingatkan kepada kaum wanita: "Ajaklah suamimu berbuat baik sebelum mereka mengajakmu berbuat dosa."

Mempunyai Anak

Salah satu masalah sulit bagi pasangan suami isteri adalah mempunyai anak. Iaitu mungkin seorang wanita ingin mempunyai

anak tetapi suaminya menolak, atau sebaliknya. Masalah ini kadang-kadang menjadi sangat serius dan mungkin akan mengakibatkan perceraian.

Seorang wanita mengeluh di mahkamah dan mengatakan: "Saya berkahwin pada usia 27 tahun ketika suami saya baru lulus dari universiti. Ia adalah seorang pensyarah di salah sebuah universiti dan saya merasa bahawa saya adalah seorang wanita yang beruntung. Akan tetapi suami saya tidak setuju mempunyai anak. Saya tidak dapat memahaminya kerana kami berdua sihat dan mempunyai cukup wang untuk membesarkan sekurang-kurangnya dua orang anak. Ia tidak membenci anak-anak dan ia memperlakukan anak-anak saudaranya dengan baik. Saya sudah berusia 30 tahun kini dan saya harap saya sudah menjadi seorang ibu. Ia memahami perasaan saya dan mengatakan bahawa anak akan membuat hidup kami sibuk dan sebagainya." Wanita ini sambil berusaha menghentikan tangisnya menghadapi masalah yang sangat serius yang menyebabkan pasangan itu bercadang untuk bercerai, supaya wanita itu boleh berkahwin lain dan si suami mempunyai cukup masa untuk melakukan penyelidikan ilmiahnya.

Mencintai dan melahirkan anak-anak adalah keinginan alamiah manusia dan juga haiwan. Anak-anak adalah buah kehidupan dan pusaka manusia.

Kehidupan seseorang yang mempunyai anak tidak akan berakhir dengan kematiannya tetapi masih akan berlanjutan seolah-olah dengan kehidupan yang diperpanjangkan. Seseorang yang tidak mempunyai anak atau anak-anak akan merasa sepi dan hampa, terutamanya di hari tuanya.

Rumah tanpa anak-anak adalah suatu tempat yang membosankan dan akan kekurangan cinta dan kehangatan. Perkahwinan akan selalu diancam bahaya kehancuran bila tidak ada anak-anak. Oleh sebab itu anak adalah sumber kehangatan dan kelangsungan hidup sesebuah keluarga.

Imam Sadiq (a.s.) mengatakan: "Kebahagiaan seseorang adalah dalam mempunyai anak."

Rasulullah (s. 'a.a.w.) bersabda: "Lahirkanlah anak-anak yang ramai kerana pada Hari Kebangkitan nanti aku akan bangga dengan jumlah umatku yang melebihi umat-umat yang lain."

Mencintai anak adalah keinginan yang semulajadi, namun sebahagian orang menyimpang dari kehidupan semulajadinya seperti terserang penyakit dengan mengada-adakan berbagai dalih seperti

kekurangan biaya dan sebagainya. Akan tetapi Allah menjamin bahawa Ia akan memberi rezeki kepada setiap makhluk-Nya.

Bakr ibn Saleh mengatakan: "Saya menulis surat kepada Abu al-Hasan dan mengatakan bahawa saya selama lima tahun ini menggunakan satu cara untuk mencegah kelahiran kerana isteri saya tidak suka mempunyai anak dan mengatakan bahawa kurangnya wang akan membuat kita kesulitan dalam membesarkan anak. Saya kemudian bertanya kepada Abu al-Hasan mengenai pendapatnya dalam masalah ini. Beliau pun menjawab: "Janganlah mencegah lahirnya anak kerana Allah s.w.t. akan memberinya rezeki."

Allah bahkan akan memperbanyakkan rezeki seseorang kerana anak-anaknya. Ramai orang yang susah dalam hidupnya sebelum mempunyai anak, tetapi setelah itu mereka mendapatkan hidup yang senang setelah mempunyai anak.

Ramai orang menganggap anak-anak menyusahkan. Ini tidak benar. Kenyataannya anak-anak adalah sumber kebahagiaan dan hiburan bagi orang tuanya.

Tentu saja menjaga anak bukannya tanpa masalah dan kesulitan tetapi kerana hal itu sesuai dengan hukum alam maka orang akan dapat mengatasi kesulitan itu dan kesulitan itupun ada manfaatnya bagi kehidupannya.

Betapa sempitnya cara berfikir orang-orang yang disebabkan tidak mahu mempunyai anak lalu bercerai.

Apakah tidak benar-benar mengejutkan bahawa seorang lelaki dan juga orang yang terpelajar dalam masalah ini tidak dapat menyetujui hukum alam dengan begitu kerasnya hingga ia lebih suka menceraikan isterinya.

Sesetengah pasangan bukan tidak bersetuju untuk mempunyai anak tetapi membahaskankan tentang waktu bila mereka harus mempunyai anak. Wanita dan lelaki seperti ini akan mengatakan: "Kita harus bebas di masa muda kerana anak akan membuat seseorang kehilangan kebebasannya untuk bersuka-ria. Lebih baik menunggu sehingga beberapa ketika sebelum mempunyai satu atau dua anak". Bila suami dan isteri tidak sependapat maka mereka akan berbantahan dan ini akan berakhir dengan perceraian.

Marilah kita mengingati bahawa jika ingin seseorang mempunyai anak maka hal itu harus dilakukan pada usia muda yang paling memungkinkan. Ini disebabkan anak-anak yang dilahirkan oleh ibu-ibu yang musuh muda dalam beberapa hal lebih baik daripada yang dilahirkan oleh ibu-ibu yang lebih tua. Pertama, anak-anak ini lebih sihat dan kuat. Kedua, kerana mereka dilahirkan oleh ibu-ibu yang lebih muda, mereka akan dapat hidup lebih lama dengan ibu bapa mereka. Mereka dapat dididik dan dibesarkan secara lebih baik. Tetapi anak-anak dari ibu bapa yang lebih tua, akan kekurangan bimbingan dan ajaran dari ibu bapa mereka kerana ketidakmampuan mereka atau kerana kematian. Ketiga, anak-anak dari orang yang lebih muda akan mencapai usia di mana mereka membentuk keluarga sendiri dan bekerja ketika ibu bapa mereka masih hidup. Dengan demikian mereka akan dapat membantu orangtua mereka di masa tua.

Singkatnya mempunyai anak di masa muda lebih baik daripada ketika kita sudah tua. Tetapi hal ini tidak begitu penting hingga akan mengakibatkan pertelingkahan atau perceraian. Lebih baik suami dan isteri saling menyetujui dan tidak membiarkannya menjadi gangguan dalam perkahwinan mereka.

Ada pasangan yang tidak sependapat tentang jumlah anak yang mereka inginkan.

Seorang wanita sambil menggendong bayinya mengatakan: "Setelah 4 tahun berkahwin saya mempunyai dua orang anak perempuan bersama suami saya. Tetapi kerana ia menginginkan anak lelaki maka saya hamil lagi dan sekali lagi melahirkan anak perempuan. Kini saya mempunyai tiga orang anak perempuan. Suami saya bekerja di sebuah bank dan gajinya tidak mencukupi bagi keluarga kami. Akhir-akhir ini ia mendesak saya harus hamil lagi hingga mendapatkan anak lelaki. Tetapi saya tidak mahu melakukan hal ini kerana pendapatannya tidak cukup bagi kami untuk mendidik anak-anak seperti yang kami inginkan. Saya telah seringkali mengatakan kepadanya bahawa anak lelaki dan perempuan, kedua-duanya sama baiknya. Saya takut jika saya hamil lagi dan kemudian melahirkan seorang lagi anak perempuan. Saya yakin bahawa ia akan mendesak saya lagi untuk mempunyai anak lagi. Kami tidak sependapat dalam masalah ini dan menyebabkan hal ini di bawa ke mahkamah."

Memang benar bahawa menyekolahkan terlalu ramai anak adalah sukar terutamanya bagi mereka yang berpendapatan rendah.

Kerana itu lebih baik pasangan suami isteri menentukan jumlah anak sesuai dengan kemampuan moral dan kewangan mereka. Mereka harus mempunyai perasaan saling mengerti dan dapat menyelesaikan masalah-masalah mereka dengan bijaksana dan harmoni. Adalah tidak benar bila salah seorang di antara mereka memaksa sesuatu yang tidak boleh di terima.

Masalah ini tidak terlalu serius untuk mengakibatkan pertelingkahan atau perceraian.

Terdapat banyak keluarga yang merasa puas mempunyai ramai anak atau cukup dengan satu anak sahaja.

Sebahagian pasangan suami isteri mempunyai perbezaan pendapat mengenai jantina anak mereka. Ada pasangan yang memilih mempunyai anak lelaki dan tidak begitu senang mendapatkan anak perempuan. Kelahiran seorang anak perempuan akan membuat wanita merasa bersalah dan kerana itu ia akan diam saja kerana dialah yang melahirkannya. Tetapi lelaki akan mengatakan ketidakpuasannya. Lelaki itu berbeza. Ada yang tidak menunjukkan ketidakpuasannya secara terbuka dan hanya menunjukkan air muka yang masam. Mereka tidak menemui isterinya selama beberapa hari setelah kelahiran itu. Mereka kelihatan sedih. Namun beberapa lelaki menjadi kejam bila mendengar anak perempuan yang dilahirkan. Mereka melepaskan kemarahan dan menyalahkan isteri mereka. Mereka melakukan protes dan memulakan pertelingkahan. Ada lelaki bersikap lebih dari itu dengan memukul isteri dan menceraikannya.

Seorang wanita berkata di mahkamah: "Saya berkahwin selama 15 bulan yang lalu dan mengandung enam bulan berikutnya. Ketika tiba waktu melahirkan suami saya berkata kepada saya bahawa ia menginginkan anak lelaki. Namun saya merasa bahawa saya akan melahirkan anak kembar atau kembar tiga. Beberapa hari setelah itu saya melahirkan anak kembar perempuan. Saya merasa sangat bahagia kerananya. Ketika suami saya mendengar tentang kelahiran itu ia marah dan meninggalkan ruangan itu. Kemudian ketika saya mengatakan kepadanya untuk membawa pulang anak-anak perempuan itu, ia berteriak kepada saya dan menyalahkan saya kerana melahirkan anak-anak perempuan. Ia meminta saya untuk meninggalkannya, maka saya pulang ke rumah orangtua saya dan kini saya memohon perceraian."

Seorang ibu mengatakan kepada pemberita di mahkamah: "Setelah dia 21 tahun berkahwin dan mempunyai lima orang anak, saya harus meninggalkan kehidupan berumahtangga yang telah begitu banyak saya sumbangkan tenaga, untuk direlakan kepada orang lain, iaitu seorang wanita yang dapat melahirkan anak lelaki.

Saya mempunyai lima orang anak perempuan yang cantik-cantik dan pandai yang sama sekali tidak menyusahkan ayahnya. Apa kesalahan saya bila saya tidak mampu melahirkan anak lelaki? Suami saya menyalahkan saya dan meminta saya untuk mengizinkannya berkahwin lagi dengan wanita lain."

Malangnya sifat seperti ini tetap ada pada sebahagian lelaki sejak zaman jahiliyyah iaitu mereka meragukan sifat-sifat jantina perempuan. Mereka malu memiliki anak perempuan dan merasa rendah kerananya.

Di zaman jahiliyyah orang biasa menguburkan anak-anak perempuan mereka hidup-hidup. Kitab suci al-Qur'an menyebutkan perbuatan mereka dan mengatakan:

"Dan bila salah seorang di antara mereka diberi khabar dengan (kelahiran) anak perempuan, hitamlah (merah padamlah) mukanya, dan dia sangat marah."

[Surah 16:58]

"Ia menyembunyikan dirinya dari orang ramai, disebabkan buruknya berita yang disampaikan kepadanya. Apakah ia akan memeliharanya dengan kehinaan atau menguburkannya ke dalam tanah (hidup-hidup)? Ketahuilah, alangkah buruknya yang mereka tetapkan itu."

[Surah 16: 59]

Akan tetapi Islam menyatakan bahawa ini adalah pandangan yang salah dan menganggap lelaki dan wanita sama sahaja.

Rasulullah (s.'a.a.w.) bersabda: "Anak-anak yang terbaik di antara anak-anakmu adalah yang perempuan."

Rasulullah (s.'a.a.w) juga bersabda : "Tanda keberuntungan

seorang wanita adalah bahawa anak pertamanya perempuan.”

Selain itu Rasulullah (s. 'a.a.w.) juga mengatakan: “Barang siapa memelihara tiga orang anak perempuan dan tiga orang saudara perempuan maka syurgalah baginya.”

Jika anak perempuan lebih rendah darjatnya, maka Allah tidak akan menjadikan keturunan Rasulullah (s. 'a.a.w.) diikuti oleh Siti Fatimah az-Zahra ('a.s.)

Saudara! Anda menyatakan diri sebagai manusia yang moden dan berbudaya, maka jauhkanlah fikiran-fikiran seperti itu. Apa bezanya anda mempunyai anak perempuan atau anak lelaki? Mereka adalah keturunanmu dan kedua-duanya dapat mencapai kesempurnaan. Seorang anak perempuan juga mempunyai personaliti yang menonjol melalui penjagaan dan pendidikan anda yang betul.

Dalam beberapa hal anak perempuan lebih baik daripada anak lelaki.

Pertama: Anak perempuan lebih bersimpati terhadap orangtuanya. Anak lelaki biasanya tidak membantu orangtuanya bila mereka dewasa dan hidup berdikari. Anak-anak perempuan jika orangtuanya tidak pilih kasih kepada anak lelaki, lebih menyayangi orangtuanya.

Kedua: Anak perempuan memerlukan pembiayaan yang lebih kecil daripada anak lelaki, kerana biasanya mereka lebih cepat meninggalkan rumah orangtuanya kerana mereka berkahwin dalam usia yang lebih muda dan meninggalkan orangtuanya dengan hanya membawa sedikit barang-barang untuk kehidupannya yang baru. Tetapi anak lelaki menjadi dewasa dan akan tinggal bersama orangtuanya dalam waktu yang lama. Orangtua harus membayar untuk pendidikannya, mencarikan pekerjaan dan mungkin membayar biaya untuknya selama dua tahun dalam pengajiannya bila hal itu diperlukan dan kemudian mengahwinkannya dengan seorang gadis. Setelah itu ia memerlukan rumah, perabot dan sebagainya. Ia bahkan akan meminta bantuan kewangan dari

orangtuanya setelah ia berkahwin.

Ketiga: Sekiranya orangtua tidak membezakan antara anak lelaki dan anak perempuan dan jika mereka memperlakukan menantu lelaki mereka dengan baik, menantu lelaki seringkali akan membantu mereka pada saat-saat sulit dan biasanya lebih setia kepada mereka daripada anak-anak lelaki mereka sendiri.

Lagi pula, apakah wanita yang bersalah jika mereka melahirkan anak-anak perempuan? Lelaki dan wanita, keduanya terlibat dalam proses melahirkan anak-anak dan lelaki tidak berhak menyalahkan wanita dalam masalah ini. Justeru itu dapat menjadi alasan bagi wanita untuk menyalahkan suaminya dalam hal ini. Namun tidak seorang pun dapat dipersalahkan kerana ini adalah kehendak Tuhan yang menentukan jenis jantina seorang bayi.

Terdapat beberapa orang pakar yang percaya bahawa jenis jantina seorang anak dapat ditentukan daripada cara pemakanan ibu sejak dua bulan pertama kehamilan. Maka bila ada orang menginginkan jenis jantina tertentu bagi calon bayinya, mereka harus menghubungi pakar tersebut dan dengan demikian dapat menghindarkan isteri dari di tuduh bersalah.

Seseorang bukan hanya tidak boleh marah dengan hadirnya seorang bayi perempuan, tetapi juga harus merasa bahagia. Ia harus menunjukkan perasaan bahagia, mengungkapkan rasa cintanya kepada isterinya malah harus juga memberinya hadiah.

Ia boleh merayakan kelahiran itu dan juga mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk meyakinkan isterinya bahawa bayi perempuan sama baiknya dengan bayi lelaki, jika ia menyesal akan kelahiran bayi perempuan itu.

Seorang ayah yang bijaksana tidak akan membezakan antara anak lelaki dan anak perempuan, tidak akan menyalahkan sesiapa pun kerana kelahiran anak perempuan dan dengan itu ia akan menolak konsep kejahilan dari "zaman jahiliyyah".

Seorang lelaki mendengar berita bahawa ia mendapat seorang bayi perempuan yang baru dilahirkan, ketika ia sedang bersama-sama dengan Rasulullah. Ia menjadi marah. Rasulullah bertanya :

“Mengapa kamu marah?” Ia menjawab: “Ketika aku keluar dari rumahku, isteriku sedang sakit kuat hendak bersalin , dan kini mereka membawa berita kepadaku bahawa aku mendapat bayi perempuan.” Rasulullah berkata: “Bumi mempunyai cukup ruang baginya, langit memberikan perlindungan dengannya, dan Allah akan menyediakannya dengan penghidupan. Ia adalah bunga yang harum baunya dan darinya engkau akan mendapat banyak kesenangan.”

Kehamilan dan Kelahiran

Masa kehamilan adalah masa yang sangat sensitif dan sudah di tentukan dalam kehidupan seorang bayi. Kebiasaan pemakanan ibu dan kegiatan fizikal serta keadaan mentalnya sangat penting baik bagi dirinya mahupun bagi bayi di dalam kandungannya .

Apakah bayi itu sihat atau sakit, kuat atau lemah, buruk atau cantik, berkelakuan baik atau buruk, yang pasti sebahagian dari kepandaian dan kebijaksanaannya terbentuk di dalam rahim ibunya. Salah seorang pakar menulis: “Ibubapa bayi mampu menempatkan bayinya di tempat yang menyihatkan atau yang berpenyakit. Jelas bahawa tempat yang berpenyakit ini bukan tempat yang sesuai bagi kehidupan jiwa manusia. Inilah sebabnya maka kita yakin bahawa ibubapalah yang memikul tanggungjawab yang paling berat jika dibandingkan dengan seluruh alam ini.”

Kerana itu, masa kehamilan tidak boleh dianggap atau diperlakukan sebagai masa yang biasa saja. Bila kehamilan bermula ibubapa telah di berikan tanggungjawab yang besar.

Ibubapa mungkin tanpa disengaja membuat berbagai kesulitan yang di antaranya begitu sukar untuk dibaiki kerana sedikit kecuaiian pada waktu melakukan tugasnya.

Di bawah ini ada beberapa hal yang perlu diperhatikan:

- a. Makanan: Janin di dalam rahim, memakan dan membesar dengan zat dari darah ibunya. Kerana itu makanan ibu harus cukup zatnya untuk memberikan unsur-unsur yang diperlukan oleh bayinya dan juga untuk kesejahteraan si ibu. Oleh kerana

itu kekurangan vitamin, protien, lemak, gula atau karbohidrat dalam makanan ibu akan membahayakan kesihatan seorang bayi.

Imam Ja'far Sadiq ('a.s.) mengatakan: "Makanan bagi janin didapati dari zat yang diterima ibunya."

Masalah besar yang biasa dihadapi oleh kebanyakan ibu yang hamil ialah selama ia mengandung atau sebahagian dari masa itu, mereka hilang selera makan yang seimbang, kerana mereka sangat menyukai makanan-makanan tertentu dan menolak makanan yang lain. Di sebabkan kebiasaannya mereka kurang makan dalam jangka masa ini, maka mereka harus memastikan bahawa makanan mereka tidak terlalu berlemak tetapi mengandungi cukup khasiat untuk memberikan zat-zat yang diperlukan oleh bayi.

Mengikut program makan dalam masa ini adalah sangat sukar, terutamanya bagi yang berpendapat rendah dan bagi orang-orang yang tidak menyedari nilai-nilai khasiat dari makanan yang tertentu

Tanggungjawab yang besar terletak pada kaum bapa yang harus berusaha sedaya-upaya untuk memberikan makanan yang diperlukan oleh isterinya. Sekiranya suami kurang berhati-hati, maka ini akan membahayakan bayinya di mana ia akan diminta pertanggungjawabkan di dunia dan di akhirat.

- b. Keadaan Mental: Seorang ibu yang sedang mengandung memerlukan ketenangan dan harus mengalami perasaan cinta terhadap kehidupan. Hal ini penting baik bagi ibu mahupun bagi bayinya. Suamilah yang bertanggungjawab untuk memberikan suasana tenang dan gembira kepada isterinya, harus berusaha lebih kuat lagi selama masa kehamilan ini. Suami di atas kebaikan hati dan cintanya harus berkelakuan sedemikian rupa sehingga isterinya merasa bangga dan bahagia mengenai kehamilannya; ia harus merasa bangga kerana ada insan lain yang bergantung kepadanya dan ia bertanggungjawab atas kesejahteraannya.

- c. Hindarkan gerakan-gerakan yang berat: Seorang wanita yang mengandung harus menghindari pekerjaan-pekerjaan yang berat dan harus banyak beristirahat. Mengangkat barang-barang yang berat atau bergerak terlalu cepat akan mengakibatkan penyakit yang tidak dapat disembuhkan bagi diri, bayi atau kedua-duanya.

Wanita yang sedang mengandung harus menghindarkan diri dari segala pekerjaan yang berat dan suaminya harus rela mengerjakan pekerjaan-pekerjaan itu.

- d. Perasaan takut untuk melahirkan: Melahirkan anak tidak selalu mudah. Rasa sakitnya kadang-kadang begitu teruk. Wanita hamil kadang-kadang takut mengenai rasa sakit itu dan risiko yang mungkin terjadi ketika melahirkan anak, yang diikuti dengan masa penyembuhan setelah melahirkan ini. Walaupun wanita harus dapat mengatasi masalah kehamilan, melahirkan dan menyusui bayi, lelaki juga harus membantu dalam membesarkan anak-anak.

Walaupun janin terbentuk dalam rahim wanita, namun bapa juga berperanan dalam pembentukannya. Maka lelaki harus memastikan ketenangan isterinya ketika ia melahirkan dan harus bersedia membantunya bila ada sesuatu yang diperlukan segera.

Adalah tugas lelaki baik dari sudut pandangan Islam mahupun kemanusiaan, untuk berusaha sebolech-bolehnya memberikan isterinya rawatan perubatan dan segala keperluan demi kemudahan kelahiran. Seorang lelaki harus berusaha untuk menemui isterinya setelah anaknya lahir. Namun jika ini tidak dapat dilakukannya, ia harus menelefonnya atau mengirimi salah seorang dari keluarganya untuk menemani isterinya. Ia harus berusaha agar ia yang membawa pulang isterinya dan membantunya dalam pekerjaan rumahnya, sehingga si isteri dapat beristirahat dengan cukup untuk mengembalikan tenaganya yang hilang.

Seorang lelaki yang memperlakukan isterinya dengan baik

akan diberi balasan oleh Allah.

Rasulullah (s. 'a.a.w) bersabda: "Lelaki yang terbaik adalah yang memperlakukan isterinya dengan baik, dan aku adalah yang terbaik di antara kamu dalam hubungannya dengan perlakuan baik terhadap isteriku."

Imam Ja'far Sadiq (a.s) mengatakan: "Semoga Allah memberkati lelaki yang telah menjalinkan hubungan baik dengan isterinya, kerana Allah telah menjadikan lelaki untuk menjadi pemimpin isterinya."

Seorang lelaki yang memperlakukan isterinya dengan baik akan membuat suasana dalam kehidupan keluarganya lebih mesra dan akan memperkukuhkan dasar-dasar keluarganya.

Sebagai balasannya, isteri juga tidak akan melupakan cinta dan kasih sayang suaminya. Dengan itu, ikatan kekeluargaan akan menjadi semakin kuat.

Membantu Dalam Membesarkan Anak

Anak adalah buah perkahwinan. Baik lelaki mahupun wanita telah memainkan peranannya dalam penciptaan ini dan harus berkongsi segala suka duka yang ada di dalamnya. Membesarkan anak adalah tugas kedua ibubapa dan bukan hanya tugas ibu sahaja. Walaupun kebanyak ibu menjaga anaknya dan melayani makannya, kebersihannya dan sebagainya, ayahnya tidak boleh mengambil ringan usaha ini. Tidak benar jika lelaki menganggap penjagaan anak hanyalah tugas kaum wanita dan lelaki tidak bertanggungjawab dalam hal ini. Tidak adil bila seorang ayah meninggalkan isterinya dengan bayi yang menangis dan beristirehat di bilik lain.

Saudaraku! Anak anda adalah tanggungjawab anda juga. Apakah anda fikir adil bila anda meninggalkan isteri anda dengan anak yang menangis dan anda berehat di tempat lain? Apakah begitu caranya berbuat sesuatu di rumah anda? Ketika anda bekerja keras di luar rumah, isteri anda bekerja keras di dalam rumah, dan ia memerlukan waktu untuk tidur sama banyaknya dengan yang anda perlukan. Isteri anda pun tidak menyukai bayi yang menangis kuat-kuat. Isteri anda akan berusaha keras menghentikan tangisan itu.

Wahai saudaraku! Kemanusiaan dan juga Islam menuntut anda untuk membantu isteri anda dalam memdidik anak-anak. Anda berdua harus saling bantu-membantu atau bersilih-ganti menjaga anak-anak.

Bila isteri anda tidak tidur semalaman dan tertidur setelah solat Subuh, maka anda tidak boleh menuntutnya untuk menyiapkan sarapan pagi untuk anda seperti pada hari-hari lainnya. Pokoknya anda harus menyiapkan sarapan anda sendiri dan juga untuk isteri anda dan kemudian menunggunya hingga ia terbangun.

Isteri anda tidak diharuskan untuk menjaga anak terus menerus sekiranya anda tidak berada di rumah atau dalam perjalanan. Sesungguhnya anda harus membantunya dan berbagi tugas dalam merawat anak. Dengan demikian kehidupan keluarga anda akan menjadi semakin kukuh.

Akhirnya kaum wanita harus ingat bahawa suami-suami mereka bekerja keras untuk mendapatkan pendapatan dan tidak boleh mengharapkan mereka untuk memberikan bantuannya di luar batas kemampuan mereka. Wanita tidak boleh mengharapkan suaminya yang bekerja keras dan penat untuk segera merawat anak-anak sebaik sahaja mereka tiba di rumah.

Rintangan Utama Dalam Mengatasi Perbezaan Pendapat

Rintangan yang paling besar dalam menyelesaikan pertelingkahan keluarga adalah sikap mementingkan diri sendiri dan kesombongan diri. Sayangnya ramai orang mempunyai sifat-sifat ini. Sesetengah orang kurang menggunakan akalanya dan mereka hanya mengetahui apa-apa yang mereka anggap benar dan tidak menerima fikiran orang lain serta tidak menyedari kesalahan mereka sendiri. Bila sifat-sifat yang tidak benar ini ada pada diri seseorang diikuti dengan hal-hal lain seperti mencari-cari kesalahan orang lain maka ini akan menimbulkan bencana. Kadang-kadang baik suami mahupun isteri, ada memiliki sifat-sifat ini, mereka mungkin akan selalu bertengkar siang dan malam. Masing-masing mencela sambil mengelakkan diri dari segala kesalahan.

Kadang-kadang sekiranya hanya satu pihak yang bersalah, yang

satu ini akan mencari kesalahan pasangannya dan dengan itu ia merasa bebas dari semua kesalahan.

Jika suami dan isteri memiliki sifat ini, mereka sangat sukar untuk didamaikan kembali kerana mereka tidak akan mahu menerima saranan dari pasangannya. Bila keduanya mendengar radio atau melihat rancangan televisyen yang berkaitan dengan masalah keluarga, mereka akan melihat sifat-sifat yang ada pada pasangan masing-masing. Tetapi apa-apa perbincangan yang berkaitan dengan masalah mereka, mereka tidak akan mengambil perhatian terhadapnya. Mereka akan membeli buku mengenai moral keluarga dan memberikan kepada pasangannya, tanpa merasa bahawa diri mereka sendiri memerlukannya.

Perasaan mementingkan diri sendiri ini akan menjadi begitu parah hingga orang yang mempunyai sifat itu tidak menyedarinya. Dalam keadaan seperti ini, hubungan antara pasangan itu akan menjadi tegang dan berterusan mungkin tidak boleh di teruskan . Akibatnya hidup mereka akan berterusan dengan pertelingkahan, perasaan tertekan dan ketidakbahagiaan atau mungkin boleh mengakibatkan perceraian.

Kerana itu dianjurkan kepada semua pasangan untuk menghindari sikap mementingkan diri sendiri dan keangkuhan diri. Pasangan yang mempunyai masalah seperti ini, harus memilih masa yang sesuai untuk duduk bersama dan mengadili masalah mereka dengan jujur. Masing-masing harus saling mendengar tanpa menaruh kepercayaan curiga sedikitpun . Masing-masing harus memperhatikan kelemahannya tanpa meninggalkan hal yang kecil sekalipun dan ini disertai dengan tujuan untuk memperbaikinya. Lalu mereka berdua harus memutuskan untuk memperbaiki diri mereka; tetapi hanya bila mereka merasakan keperluan kepada pengertian yang mendalam dan mereka berdua ingin mengembalikan rasa cinta dan ketenangan yang pernah wujud di antara mereka.

Akan tetapi sekiranya tiada perdamaian dapat di capai , mereka harus menyerahkan masalah mereka kepada orang yang berpengalaman, setia, pandai dan boleh dipercayai. Jika orang seperti

itu adalah teman atau keluarga, mereka beruntung kerana mereka dapat menceritakan segalanya dan menanti keputusannya. Mereka harus mendengar dan memperhatikan nasihatnya dan berniat untuk melaksanakannya.

Tentu saja melakukan apa yang disarankan oleh hakim (orang yang menangahi) tidaklah mudah, tetapi orang yang mengambil berat tentang keluarga dan kestabilan, kedamaian dan penerusan hidupnya harus gigih sehingga akhirnya dapat menikmati hasilnya yang berharga.

Ibubapa dari pasangan seperti itu, jika mereka mengetahui masalah keluarga anak-anak mereka, harus menyarankan kepada mereka untuk menemui seseorang yang berpengalaman, setia dan dapat menangahi masalah ini dengan baik. Ibubapa tidak boleh berpihak samada kepada suami ataupun kepada isteri. Dalam hal ini dengan bantuan Allah masalah mereka akan dapat diselesaikan.

Allah berfirman dalam kitab suci al-Qur'an:

"Dan jika kamu khawatirkan ada persengketaan antara keduanya, maka kirimlah seorang hakim dari keluarga lelaki dan seorang hakim dari keluarga perempuan. Jika kedua orang hakim itu bermaksud mengadakan perbaikan, nescaya Allah memberi taufik kepada suami isteri itu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahi lagi Maha Menenal."

[Surah 4: 35]

Soal Perceraian

Walaupun perceraian adalah perbuatan yang diharamkan, namun itu termasuk perbuatan yang dibenci dan yang paling buruk.

Imam Ja'far Sadiq ('a.s) juga mengatakan: "Berkahwinlah tetapi jangan bercerai, kerana perceraian akan menggoncangkan arasy Allah."

Imam Ja'far Sadiq ('a.s) juga mengatakan: "Allah menyukai rumah yang didiami kerana terjadinya perkahwinan dan membenci rumah yang ditinggalkan kerana terjadinya perceraian."

Perkahwinan tidak sama dengan membeli sepasang kasut dan

alas kaki yang bila tidak lagi disukai dapat dibuang dan membeli yang baru. Perkahwinan adalah ikatan yang suci yang dilakukan oleh dua orang manusia agar dapat hidup bersama seperti teman dan kekasih sampai saat kematian mereka. Berdasarkan harapan yang besar inilah seorang gadis meninggalkan orangtuanya dan hidup bersama dengan suaminya.

Seseorang lelaki berusaha dan bekerja keras di atas dasar ikatan yang suci itu. Ia berbelanja untuk perkahwinannya dan membeli barang-barang yang penting untuk hidupnya yang baru dan bekerja untuk kebahagiaan keluarganya.

Perkahwinan bukanlah sesuatu yang rendah tarafnya dan pasangan suami isteri tidak boleh menghancurkannya dengan sebab yang mudah. Walaupun perceraian itu dihalalkan, tetapi ia sangat dibenci dan kita dianjurkan untuk menghindarinya seboleh mungkin.

Sayang sekali kerana perbuatan yang dibenci ini telah menjadi hal yang biasa di negara-negara Islam dan dasar-dasar persatuan keluarga telah menjadi begitu longgar sehingga hanya tinggal sedikit kesetiaan pada perkahwinan.

Perceraian diperbolehkan tetapi hanya dalam keadaan-keadaan tertentu dan terpaksa.

Rasulullah (s. 'a. a. w) mengatakan: "Jibril menasihatkan kepadaku mengenai wanita sehingga aku berfikir orang tidak boleh bercerai kecuali bila isterinya berzina."

Kebanyakan kes perceraian tidak disebabkan oleh alasan-alasan yang sesuai tetapi dengan alasan-alasan yang mentah dan remeh yang tidak sepatutnya menyebabkan perceraian. Suami dan isteri mungkin, kerana sifat mementingkan diri sendiri, akan membesarkan masalah yang kecil dan memutuskan bahawa kehidupan perkahwinan mereka harus diakhiri.

Seorang ibu yang berusia 24 tahun meminta suaminya untuk menjemput orangtuanya menghadiri majlis makan yang mewah. Kerana suaminya tidak mengabulkan permintaannya, ia meminta cerai.

Seorang lelaki menceraikan isterinya dengan alasan ia hanya melahirkan anak-anak perempuan saja. Pasangan itu mempunyai lima orang anak perempuan.

Seorang ibu meminta cerai kerana suaminya percaya kepada perkara-perkara yang bersifat mistik dan tidak begitu tertarik dengan kehidupan.

Seorang lelaki akan menceraikan isterinya kerana ingin berkahwin dengan wanita yang kaya. Seorang wanita menginginkan perceraian kerana suaminya selalu menyembunyikan wangnya di lengan bajunya.

Seorang lelaki telah menceraikan isterinya kerana menurutnya isterinya membawa nasib sial. Sejak mereka kahwin ayahnya meninggal dunia dan bapa saudaranya menjadi bankrup.

Pasangan yang tidak bijaksana akan mudah terjebak ke dalam masalah-masalah remeh yang boleh menyebabkan perceraian .

Pasangan yang menghendaki perpisahan tidak boleh melakukannya dengan terburu-buru. Mereka dianjurkan supaya mempertimbangkan baik-baik akibatnya dan masa depannya. Kemudian barulah memutuskannya. Mereka harus merenungkan dua perkara penting:

Pertama: Pasangan yang menginginkan perceraian biasanya ingin kahwin lagi. Tetapi ia harus ingat bahawa setelah perceraian, orang yang telah dikenali sebagai orang yang pernah bercerai tidak mempunyai rekod yang baik sehubungan dengan perkahwinan. Orang akan menganggap mereka sebagai orang yang mementingkan diri sendiri dan tidak setia.

Setelah mengetahuisejarah perkhawinan seorang lelaki dan perceraianya, seorang wanita akan meragukan kesetiaan atau perwatakan lelaki itu.

Seorang wanita yang sudah bercerai jarang mendapat kesempatan untuk berkahwin lagi, kerana biasanya lelaki tidak begitu tertarik dengan wanita yang sudah bercerai dan meragukan kesetiannya.

Kerana itu orang yang sudah bercerai mungkin akan hidup sendiri sepanjang hayatnya dan akan menanggung derita kerana kesepian.

Hidup dalam kesepian adalah sukar, dan sesetengah orang lebih suka mati daripada menahan hidup dalam derita.

Seorang wanita berusia 22 tahun yang telah bercerai, cuba untuk membunuh diri pada malam perkahwinan adik perempuannya. Ia mempunyai seorang anak.

Walaupun seorang lelaki berjaya dalam perkahwinannya yang kedua, namun belum pasti bahawa kehidupannya akan menjadi lebih baik daripada sebelumnya, dan mungkin akan lebih buruk lagi. Biasanya lelaki akan menceraikan isterinya yang kedua dan merujuk kembali dengan isterinya yang pertama. Tetapi selalunya tindakan tersebut sudah terlambat.

Seorang lelaki berusia 80 tahun mengatakan di mahkamah: "Hidup saya bahagia ketika saya berkahwin dengan isteri saya yang pertama, sekitar 30 tahun lalu. Tetapi beberapa waktu kemudian isteri saya mulai melakukan kesalahan-kesalahan, kerana itu saya menceraikannya. Kemudian saya berkahwin dengan beberapa wanita tetapi saya merasa bahawa isteri saya yang pertamalah yang paling setia di antara semuanya. Saya mencarinya dan memintanya untuk berkahwin dengan saya semula. Ia yang juga bosan dengan kesepiannya bersetuju dan kini kami ingin berkahwin semula." Seorang lelaki menceraikan isterinya yang kedua kerana tidak dapat memelihara kedua orang anaknya hasil dari perkahwinannya yang pertama. Lalu ia merujuk kembali dengan isterinya yang pertama yang telah diceraiannya lima tahun lalu.

Kedua: Pasangan yang ingin bercerai harus memikirkan anak-anak mereka. Kebahagiaan anak-anak terletak pada keluarganya di mana kedua orangtuanya hidup bersama dan mendidik mereka bersama-sama.

Dengan berlakunya perpecahan dalam kehidupan berkeluarga, anak-anak akan menjadi menderitanya. Jika ayahnya sahaja yang memikirkan mereka, sudah tentu mereka akan kehilangan kasih sayang ibunya. Mereka juga tidak akan bahagia hidup bersama ibu tiri. Ibu tiri bukan hanya tidak dapat berbuat sama seperti ibu kandung, tetapi mungkin juga menganggap anak-anak tirinya sebagai beban. Terdapat ibu tiri yang menganiaya anak-anak tirinya dan dengan sengaja membuat mereka kecewa dan ayahnya mungkin terpaksa berdiam diri.

Seorang pengantin perempuan berusia 14 tahun, yang telah nekad membunuh diri berkata di hospital: "Orangtua saya bercerai ketika saya berumur satu tahun. Satu setengah tahun kemudiannya ayah saya berkahwin lagi dan kini kami hidup bersama. Ibu tiri saya sering memukul dan kadangkala membakar saya dengan besi panas. Ayah saya, walaupun ia seorang kaya, menghalang saya untuk bersekolah dan tidak memberi hak kepada saya

TANGGUNGJAWAB LELAKI

untuk belajar. Kira-kira sebulan yang lalu ayah memaksa saya untuk berkahwin dengan lelaki yang berusia 45 tahun."

Dan juga, jika ibu mengambil tanggungjawaban terhadap anak-anaknya, kemudian mereka akan kehilangan kasih sayang ayah kandung mereka yang akan menjaga mereka. Ayah tiri seringkali menjadi penyebab ketidakbahagiaan anak-anak tirinya.

Seorang wanita telah membantu suaminya yang kedua untuk mengikat anaknya di tempat tidur. Kemudian mereka menutup pintu dan pergi berjalan-jalan. Ketika mereka pulang ke rumah, mereka dapati anak mereka mati terbakar kerana kebakaran di rumah itu.

Perceraian menghancurkan kehidupan keluarga dan membuat anak-anak terbiar tanpa perlindungan. Anak-anak seringkali menderita kerana orangtuanya yang mementingkan diri sendiri.

Empat orang anak berusia 12, 9, 6 dan 4 tahun pergi ke balai polis. Anak yang tertua mengatakan: "Orangtua kami berpisah tidak beberapa lama dahulu. Mereka bertengkar setiap hari, siang dan malam. Kini kerana mereka bercerai, tidak seorang pun dari keduanya mahu bertanggungjawab untuk menjaga kami."

Anak-anak yang kehilangan penjaga dan suasana kekeluargaan seringkali terbiar. Tidak adanya pendidikan yang sempurna dan orang yang bersimpati dengan kehidupan mereka, membuatkan mereka menderita dari perasaan terlalu merendahkan diri. Mungkin juga mereka akan terlibat dengan kegiatan jenayah yang berbagai-bagai semasa zaman kanak-kanak dan setelah meningkat dewasa kelak.

Kita hanya dapat menyedari hal ini dengan membaca kejadian seperti itu di akhbar-akhbar.

Dalam sebuah kajian di pusat pemulihan remaja, terbukti bahawa dari 160 puluh kejahatan yang dilakukan oleh anak remaja, lapan puluh di antaranya mengakui bahawa perlakuan ibu tiri mereka terhadap mereka adalah penyebab kejahatan yang mereka lakukan.

Saudara dan saudari sekalian! Demi Allah dan demi anak-anak yang tidak berdosa, sebaiknya anda bersikap saling memaafkan. Jangan membesar-besarkan masalah kecil dan jangan bersikap keras hati dalam sebarang pertelingkahan. Jangan saling mencari-cari kesalahan orang lain. Fikirkanlah masa depan anda dan masa depan anak-anak. Ingat bahawa anak-anak bergantung kepada anda dan merujuk kepada anda untuk kebahagiaan mereka. Sayangilah mereka

dan jangan hancurkan hidup mereka.

Jika anda mengabaikan keinginan batin mereka dan jika anda mematahkan hati kecil mereka, anda tidak akan dapat mengelakan dari menjejaskan kebahagiaan mereka. Kerana itu anda tidak akan hidup bahagia bersama mereka.

SUMBER RUJUKAN

Kitab Muktabar

1. Wasa'il
2. Bihar al-Anwar
3. Mahajja al-Bayda'
4. Mustadrak
5. Shafi
6. Majma' al-Zawa'id
7. Usul al-Kafi
8. Makarim al-Akhlaq

Akhbar

Itleta'at, Tehran

Kayhan, Tehran

